

**PERANAN ORANG CINA DALAM PERKEMBANGAN
EKONOMI KEDAH,
1909-1941**

ROZAINI BINTI AHMAD

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

PERANAN ORANG CINA DALAM PERKEMBANGAN
EKONOMI KEDAH,
1909-1941

ROZAINI BINTI AHMAD

DISERTASIINI DISERAHKAN BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SASTERA SEJARAH
MALAYSIA

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Rozaini binti Ahmad

No. Pendaftaran/Matrik: AGB120005

Nama Ijazah: Sarjana Sastera

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PERANAN ORANG CINA DALAM PERKEMBANGAN EKONOMI KEDAH, 1909-1941

Bidang Penyelidikan: Sejarah Malaysia

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

PERANAN ORANG CINA DALAM PERKEMBANGAN EKONOMI KEDAH, 1909-1941

ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan peranan orang Cina dalam perkembangan ekonomi Kedah antara tempoh 1909 hingga 1941. Di Kedah, peranan orang Cina secara jelasnya dapat dilihat dalam bidang pertanian, perniagaan, pemajakan, perladangan dan perlombongan. Penghijrahan orang Cina ke luar negeri termasuklah di negeri Kedah berlaku sejak sebelum tahun 1909. Pada masa ini, penghijrahan orang Cina ke negeri Kedah berlaku dalam skala yang kecil sahaja. Walau bagaimanapun, dalam tempoh selepas kemasukan British ke Kedah pada tahun 1909, kedatangan orang Cina yang terdiri daripada pelbagai suku dan dialek dilihat semakin bertambah. Malahan penguasaan British di Kedah menyebabkan peranan orang Cina semakin bertambah dan kesannya, berlaku monopoli terhadap kegiatan ekonomi. Situasi ini menyebabkan kedudukan orang Melayu dalam aktiviti ekonomi semakin tergugat. Oleh itu, persoalan disertasi ini adalah untuk melihat sejauh mana peranan yang dimainkan oleh orang Cina dalam memusatkan ekonomi di negeri Kedah. Di samping itu, kajian ini juga akan mengenal pasti apakah sektor-sektor ekonomi yang telah dimonopoli oleh orang Cina dan kesannya terhadap pembangunan negeri Kedah dan masyarakat setempat. Kedudukan dan peranan orang Cina ini akan dilihat dalam kegiatan ekonomi yang melibatkan golongan pelabur, pemodal, peniaga dan buruh. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam disertasi ini adalah berdasarkan kaedah analisis kualitatif. Untuk itu, sebahagian besar kajian ini disandarkan pada sumber primer yang mencakupi Laporan Tahunan Kedah, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri, Fail Pejabat Tanah Jajahan (CO 273, CO 717 dan CO 716), Fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British dan warta kerajaan. Kesemua bahan ini diperoleh dari Arkib Negara Kuala Lumpur dan Arkib Negara Cawangan

Kedah. Berdasarkan data-data yang diperoleh, kajian ini mendapati perkembangan ekonomi di Kedah jelas dikuasai dan dimonopoli oleh orang Cina khasnya dalam sektor pertanian padi, perladangan getah, perniagaan dan perlombongan bijih timah. Dalam sektor pertanian padi misalnya, penguasaan orang Cina jelas dilihat dalam aspek perkilangan yang melibatkan pengumpulan, pemprosesan dan pemasaran hasil padi di mana mereka terlibat sebagai pemodal, pengilang, pemborong dan peruncit. Penguasaan ini semakin kukuh apabila orang Cina turut mendominasi kepakaran dan teknologi dalam sektor ekonomi di Kedah. Melalui dominasi ini, para pengilang Cina berjaya mengeluarkan hasil yang lebih banyak dan seterusnya menjana keuntungan yang lebih tinggi. Pengeluaran hasil ini telah menyumbang kepada pendapatan dalam negeri Kedah. Namun begitu, dalam masa yang sama, dominasi orang Cina dalam sektor ekonomi telah menenggelamkan peranan orang Melayu dalam ekonomi sehingga menyebabkan berlakunya penindasan terhadap mereka. Pembabitan orang Cina yang begitu aktif dalam ekonomi Kedah sebenarnya mendapat sokongan daripada pihak pemerintah sendiri yang menawarkan pelbagai peluang ekonomi kepada mereka melalui kelulusan terhadap tender dan lesen dalam menjalankan aktiviti ekonomi di Kedah. Melalui sokongan ini, penguasaan orang Cina dalam ekonomi semakin kukuh dan menyumbang hasil kepada pendapatan negeri.

**PERANAN ORANG CINA DALAM PERKEMBANGAN
EKONOMI KEDAH,
1909-1941**

ABSTRACT

This dissertation discusses the significant roles of the Chinese in the development of Kedah's economy from 1909 until 1941. In Kedah, the role of Chinese could be seen clearly through their contribution in the agriculture, business, leasing, plantation and mining sector. The Chinese presence in the state of Kedah occurred before 1909. During those years, the migration of the Chinese to Kedah transpired in a small scale. Nevertheless, after British domination began in 1909, the arrival of Chinese from various tribes and dialects started to increase. Furthermore, the British influence and power in Kedah led to the expansion of Chinese influences and ultimately they were able to monopolize the economic activity. In effect, this situation had led to the deterioration of Malays' position in the economic activity. Hence, the primary question of this dissertation is to examine the extent of the roles played by the Chinese in fostering the economy of Kedah. In addition, this study also aims to identify the type of economic sectors that had been monopolized by the Chinese and its impact on Kedah's development and local communities. The contributions and roles of the Chinese could be seen in economic activities including investment, trade and labour. This dissertation employs a qualitative research method. Therefore, this study is mainly based on the primary sources, chiefly the Kedah Annual Report, State Secretary Files, Colonial Office Records (CO 273, CO 717 and CO 716), British High Commission Office Files as well as government gazettes. These materials are obtained from The National Archive of Malaysia and National Archive of Kedah. Based on the data that had been analyzed, this study found that economic development in Kedah was clearly dominated and monopolized by the Chinese, especially in the rice sector, rubber plantation, business and tin mining. In the paddy sector, for instance, the Chinese domination could

be seen clearly in manufacturing aspects which involves collecting, processing and marketing of paddy revenue, in which they were involved as investors, manufacturers, wholesaler and retailers. This domination was getting stronger and firmer as the Chinese also dominate expertise and technology in the economic sector of Kedah. Through this domination, the Chinese manufacturers are able to produce more revenue and thus generate the higher profits. The output of this revenue contributed to Kedah's domestic income. Nonetheless, the domination of Chinese in the economic sector had diminished the role and position of the Malays and they became the subject of oppression. The Chinese active involvement in the economic sector was due to the strong support from the British government itself that offered various economic opportunities to them through the approval of tenders and licenses in carrying out economic activities in Kedah. With this steady support, the dominance of Chinese in the economic sector was getting stronger and contributed to the revenue of the state.

PENGHARGAAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah s.w.t. dengan rahmat dan izin-Nya disertasi ini dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Penyelia saya, Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus yang telah banyak memberi tunjuk ajar, idea, panduan, motivasi dan nasihat yang sangat berguna sepanjang saya berada di bawah penyeliaan beliau iaitu sejak dari tahun 2013 hingga kini (2017). Segala teguran dan kritikan yang membina daripada Dr. Ahmad Kamal amatlah saya hargai. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Suffian Mansor yang pernah menyelia saya pada tahun 2012-2013. Terima kasih atas tunjuk ajar Dr. kepada saya. Buat Dr. Noor Ain Mat Noor juga diucapkan terima kasih membantu saya pada saat akhir penyerahan tesis.

Kepada ayah, Ahmad bin Othman, Kakak, Roziah bt Ahmad, abang ipar, Anuar Abd Majid, abang Amran, abang Asrul dan Kak Zura dan anak-anak buah yang disayangi, terima kasih atas doa kalian yang tidak pernah putus. Buat arwah mak, semoga mak tenang di akhirat sana dalam kalangan orang yang beriman. Semoga anak mak ini terus berjaya di dunia dan akhirat. Tidak lupa kepada suami tercinta, Mohd Annas Syafiq Ayob yang sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk saya menyiapkan disertasi ini. Terima kasih atas nasihat yang begitu berguna di saat saya hampir-hampir berputus asa.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu secara langsung ataupun tidak langsung. Segala jasa kalian tidak akan saya lupakan. Buat semua kakitangan di Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, Arkib Negara (Cawangan Kedah), Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za’ba dan Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), terima kasih di atas kerjasama dan bantuan yang telah diberikan. Hanya Allah s.w.t. yang dapat membalas jasa kalian.

Sekian, terima kasih.

**Rozaini Binti Ahmad
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
AGB120005
2017**

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	v
PENGHARGAAN.....	vii
ISI KANDUNGAN.....	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI CARTA.....	xiv
SENARAI PETA.....	xv
SENARAI GAMBAR.....	xv
SENARAI LAMPIRAN.....	xvi
SENARAI KEPENDEKAN	xvii
 BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Persoalan Kajian.....	2
1.3 Objektif Kajian.....	4
1.4 Skop Kajian.....	4
1.5 Kepentingan Kajian.....	6
1.6 Kajian Literatur.....	7
1.7 Kaedah Penyelidikan.....	19
1.8 Batasan Kajian.....	22
1.9 Pembahagian Bab.....	23
 BAB 2	
KEGIATAN EKONOMI ORANG CINA DI KEDAH SEBELUM 1909	
2.1 Pengenalan.....	25
2.2 Hubungan Awal Negara China dengan Kedah.....	26
2.3 Sejarah Awal Kedatangan Orang Cina ke Kedah.....	30
2.4 Populasi Penduduk Cina di Kedah.....	43
2.5 Kegiatan Ekonomi Orang Cina.....	46

2.5.1 Orang Cina dalam Perniagaan Pajakan Hasil Candu, Arak dan Judi	46
2.5.2 Orang Cina dalam Perniagaan Peruncitan.....	50
2.5.3 Orang Cina dalam Perlombongan Bijih Timah.....	54
2.5.4 Orang Cina dalam Pertanian padi.....	55
2.5.5 Orang Cina dalam Perladangan Getah.....	59
2.6 Kesimpulan.....	61

BAB 3

PERANAN ORANG CINA DALAM SEKTOR PERTANIAN PADI, 1909-1941

3.1 Pengenalan.....	63
3.2 Peranan Awal Orang Cina dalam Sektor Pertanian Padi.....	64
3.3 Orang Cina Sebagai Pengilang Padi dan Pemodal.....	65
3.3.1 Pemilik Kilang-Kilang Beras.....	65
3.3.2 Pembekal Padi dan Beras.....	76
3.3.3 Pemodal dan <i>Creditor</i> Utama.....	78
3.3.4 Dominasi Orang Cina dalam Teknologi dan Pengangkutan.....	83
3.4 Orang Cina dalam Pemasaran Padi dan Beras.....	86
3.5 Penubuhan Persatuan Pengilangan Beras.....	94
3.6 Kegiatan Eksport dan Import Padi dan Beras.. ..	97
3.6.1 Pengeksportan Beras.....	97
3.7 Kesimpulan.....	104

BAB 4

PERANAN ORANG CINA DALAM SEKTOR PERLADANGAN GETAH, 1909-1941

4.1 Pengenalan.....	105
4.2 Peranan Awal Orang Cina dalam Perladangan getah.....	106
4.3 Orang Cina sebagai Pengusaha Ladang Getah.....	110
4.4 Orang Cina sebagai Buruh Ladang Getah.....	123
4.5 Penubuhan <i>Chinese Rubber Dealers Association</i>	126
4.6 Kegiatan Pengeksportan Getah.....	130
4.7 Kesan Perkembangan Ekonomi Padi, Beras dan Getah.....	137
4.8 Kesimpulan.....	139

BAB 5
**PERANAN ORANG CINA DALAM PERNIAGAAN CANDU, JUDI DAN ARAK,
1909-1941**

5.1 Pengenalan.....	141
5.2 Penguasaan Awal Orang Cina dalam Perniagaan Candu.....	142
5.3 Kedudukan Candu di Kedah.....	145
5.3.1 Kemerosotan Perniagaan Candu.....	150
5.4 Kawalan Kerajaan Terhadap Perniagaan Orang Cina.....	151
5.4.1 Kawalan Terhadap Pajakan Candu.....	154
5.4.2 Kesan Terhadap Kedai-Kedai Runcit Candu.....	159
5.4.3 Pengenalan Undang-undang Pendaftaran Penghisap Candu.....	160
5.5 Orang Cina dalam Perniagaan Judi.....	163
5.5.1 Pengenalan Lesen Pajak Judi	167
5.5.2 Kegiatan Perjudian Haram.....	170
5.6 Penglibatan Awal Orang Cina dalam Perniagaan Arak.....	170
5.7 Hasil Pendapatan Negeri daripada Arak.....	172
5.8 Kawalan Kerajaan Terhadap Pajakan Arak.....	174
5.9 Orang Cina Sebagai Peruncit Kedai Arak.....	177
5.10 Kegiatan Pengimportan Arak.....	180
5.10.1 Kesan Kemasukan Minuman Keras Luar Negeri.....	183
5.10.2 Kawalan Penyimpanan Minuman Keras.....	185
5.11 Pajakan-Pajakan Kecil yang Didominasi Pemodal Cina.....	187
5.11.1 Pajakan Buloh.....	187
5.11.2 Pajakan Tanah Lombong.....	189
5.11.3 Pajakan Masakan (Samsu).....	190
5.12 Kesimpulan.....	194

BAB 6
**PERANAN ORANG CINA DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN
BIJIH TIMAH, 1909-1941**

6.1 Pengenalan.....	197
6.2 Hasil Pendapatan Negeri Daripada Kegiatan Perlombongan Bijih Timah.....	198
6.3 Pemilikan Lombong Bijih Timah	203
6.3.1 Penguasaan Orang Cina Terhadap Tanah Lombong.....	207

6.3.2 Syarat-Syarat Perolehan Lesen Melombong.....	214
6.4 Pengeluaran Bijih Timah di Kedah.....	216
6.5 Peranan Orang Cina Dalam Kaedah Pengeluaran Bijih Timah.....	222
6.5.1 Kawalan Tenaga Buruh dalam perlombongan.....	228
6.5.2 Permodalan dalam Kegiatan Perlombongan.....	237
6.6 Kesan Kekurangan Bijih Timah dalam Negeri Kedah.....	238
6.7 Kesimpulan.....	240
KESIMPULAN.....	242
BIBLIOGRAFI.....	250
LAMPIRAN.....	261

SENARAI JADUAL

Tajuk Jadual	Halaman
Jadual 2.1: Jenis Perniagaan Pajakan yang Dipegang oleh Tauke Chu Ah Cheoh, 1889-1891.....	46
Jadual 2.2: Senarai Ladang yang Dibuka Pada Tahun 1905.....	57
Jadual 3.1: Senarai Kilang Beras Pada Awal dan Pertengahan Tahun 1938.....	64
Jadual 3.2: Kilang Beras yang Masih dalam Pembinaan Pada Kedah Akhir Tahun 1938.....	67
Jadual 3.3: Ahli Tertinggi Persatuan Pengilang Beras dan Peniaga Padi, Pada Tahun 1931.....	92
Jadual 3.4: Jumlah Keuntungan Hasil Cukai Eksport Padi dan Beras, 1905-1915.....	95
Jadual 3.5: Bilangan Penduduk Pelbagai Kaum di Dataran Kedah Pada Tahun 1911.....	97
Jadual 4.1: Pembukaan Ladang Getah di Peringkat Awal oleh Orang Cina, 1909-1910.....	104
Jadual 4.2: Daerah dan Pemilik yang Mengusahakan Perladangan Getah, 1910-1914.....	108
Jadual 4.3: Jumlah Ladang Getah yang Diusahakan Mengikut Bangsa di Kedah Pada Tahun 1930.....	113
Jadual 4.4: Bilangan Pemilikan Ladang Getah Mengikut Bangsa di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB), 1931-1932 (100 ekar ke atas).....	114
Jadual 4.5: Pemilikan Ladang Getah Oleh Orang Cina Mengikut Daerah yang Berkeluasan Lebih daripada 100 ekar Pada Tahun 1932.....	118

Jadual 4.6:	Senarai Ahli Jawatankuasa <i>Chinese Rubber Dealers Association</i> Pada Tahun 1927.....	124
Jadual 4.7:	Senarai Pemegang Lesen Menjual dan Membeli Getah bagi Daerah Kulim Pada Tahun 1932.....	126
Jadual 4.8:	Hasil Cukai Getah yang dikutip bagi Seluruh Kedah, 1910 -1919.....	128
Jadual 4.9:	Jumlah Eksport Getah Kedah, 1910-1919.....	128
Jadual 4.10:	Jumlah Keluasan Tanah Ladang Getah yang dibuka, 1922 -1932 di Kedah (ekar).....	131
Jadual 4.11:	Jumlah Eksport Getah Kedah, 1936-1937.....	133
Jadual 4.12:	Negara-negara Utama yang Terlibat dalam Pengeksportan dengan Kedah Kurun ke-20.....	135
Jadual 5.1:	Jualan Candu di Kedah, 1907-1919.....	140
Jadual 5.2:	Peratusan Hasil Kerajaan Kedah, 1918-1921.....	144
Jadual 5.3:	Hasil Candu yang Terkumpul di Kedah, 1912-1930.....	146
Jadual 5.4:	Senarai Orang Cina sebagai Pemegang Pajak Pada Tahun 1924.....	155
Jadual 5.5:	Jumlah Penghisap Candu Berdaftar, 1930-1934.....	158
Jadual 5.6:	Perolehan Pendapatan Kedah Hasil Kegiatan Perjudian,1905-1915.....	161
Jadual 5.7:	Hasil Pendapatan Arak yang Diimport, 1905-1936.....	169
Jadual 5.8:	Tender Kedai Arak Pada Tahun 1911.....	174
Jadual 5.9:	Tender Kedai Arak, 1915-1916.....	175
Jadual 5.10:	Jenis-jenis Arak yang Diimport dari Pulau Pinang Pada Tahun 1913.....	178
Jadual 5.11:	Peniaga Arak di Kuala Muda Pada Tahun 1922.....	180

Jadual 5.12:	Pajakan Buloh Pada Tahun 1924.....	185
Jadual 5.13:	Perolehan Pendapatan Samsu yang Dimasak di Sungai Petani dan Kulim, 1928-1929.....	189
Jadual 6.1:	Hasil Pendapatan Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Kedah, 1908-1936.....	196
Jadual 6.2:	Bilangan Pemilikan dan Pengawal Lombong Bijih Timah Pada Tahun 1933.....	202
Jadual 6.3:	Pengeluaran Bijih Timah Mengikut Daerah, 1908 -1910 (pikul).....	213
Jadual 6.4:	Pengeluaran Bijih Timah di Kedah, 1909-1930.....	216
Jadual 6.5:	Jenis-jenis Teknik Perlombongan Bijih Timah.....	222
Jadual 6.6:	Tenaga Buruh Cina dalam Perlombongan Bijih Timah Mengikut Daerah di Kedah, 1906-1910.....	227
Jadual 6.7:	Bilangan Buruh Lombong di Kedah, 1911-1936.....	229
Jadual 6.8:	Pembahagian Buruh Mengikut Kaedah Melombong di Kedah Pada Tahun 1932.....	231
Jadual 6.9:	Harga Purata Bijih Timah Setiap Pikul, 1911-1917.....	235

SENARAI CARTA

Tajuk Carta	Halaman
Carta 3.1: Pemasaran Padi dan Beras di Kedah Sebelum 1941.....	84

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 3.1: Taburan Kilang Padi di Kedah 1930-an.....	69
Peta 3.2: Kawasan Penanaman Padi di Alor Setar Pada Tahun 1930-an.....	71
Peta 3.3: Kedudukan Dataran Kedah Abad ke-19 dan Awal Abad Ke-20.....	98
Peta 3.4: Kawasan Berpayang yang Telah Dipulihkan pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20.....	99

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 3.1: Para petani Melayu beratur sedang menunggu giliran untuk menghantar hasil padi ke kilang beras yang berdekatan dengan menggunakan tenaga binatang, 1930-an.....	86
Gambar 3.2: Para Petani Melayu yang Sudah Selesai Menghantar Hasil Padi dan Terdapat yang Masih Menunggu Giliran untuk Penghantaran padi, 1930-an.....	86
Gambar 6.1: Lakaran Kawasan Tanah Lombong yang Dimohon oleh Nam Lee Kongsi, Mukim Karangan, Padang China Pada Tahun 1941.....	207
Gambar 6.2: Kawasan Perlombongan Bijih Timah yang dimohon oleh Tauke Leng Khuan di Karangan, Padang China Pada Tahun 1941.....	209

Gambar 6.3: Teknik Perlombongan Lombong Dedah atau <i>Open-Cast</i> di Negeri Melayu yang bertempat di Taiping, 1900-an.....	220
Gambar 6.4: Penggunaan Kapal Korek dalam Perlombongan Bijih Timah di Tanah Melayu Pada Tahun 1929.....	224

SENARAI LAMPIRAN

Tajuk Lampiran	Halaman
Lampiran 1: Borang Permohonan untuk Menjadi Peniaga Borong Beras Borang C: Untuk Ditandatangani oleh Peruncit di Hadapan Majistret atau Pegawai Daerah.....	258
Lampiran 2: Borang Permohonan untuk Menjadi Peniaga Borong Beras Borang K: Akaun yang akan Diberikan Kepada Kerajaan.....	259
Lampiran 3: Pertumbuhan Orang Cina Mengikut Dialek dan di Daerah-daerah Kedah, 1911-1957.....	260
Lampiran 4: Generasi Keluarga Lim Leng Cheak dan Choong Cheng Kean yang Berperanan dalam Perkembangan Ekonomi Kedah Pada Abad-19 hingga Abad-20.....	261
Lampiran 5: Generasi Keluarga Cina yang Berperanan dalam Perkembangan Ekonomi Kedah Pada Abad-19 hingga Abad-20.....	262

SENARAI KEPENDEKAN

AA	<i>Assistant Adviser</i>
AD	<i>Anno Domini</i>
ADO	<i>Assistant District Officer</i>
Ag.	<i>Acting</i>
AH	<i>Anno Hijrah</i>
BA	<i>British Adviser</i>
Bhg.	Bahagian
Bil.	Bilangan
CO	<i>Colonial Office</i>
DO	<i>District Officer</i>
Ed.	Editor
FMS	<i>Federated Malay States</i>
GO	<i>General Orders</i>
H	Hijrah
HE	<i>His Excellency</i>
HH	<i>His Highness</i>
HCO	<i>High Commissioner Office</i>
HKK	Hukum Kanun Kedah
Hlm.	Halaman
JIAEA	<i>Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia</i>
Jil.	Jilid
JKR	Jabatan Kerja Raya
JMBRAS	<i>Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society</i>
JSEAS	<i>Journal of Southeast Asian Studies</i>
JSS	<i>Journal of the Siam Society</i>
KAR	<i>Kedah Annual Report</i>
KCS	<i>Kedah Civil Service</i>
KDSS	Kedah dari Segi Sejarah
KGG	<i>Kedah Government Gazette</i>
M	Masihi
MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MCS	<i>Malay Civil Service</i>
MMN	Majlis Mesyuarat Negeri
MMP	Majlis Mesyuarat Persekutuan
NNM	Negeri-negeri Melayu
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNMU	Negeri-negeri Melayu Utara
NNS	Negeri-negeri Selat
No.	Nombor
OSPC	<i>Officer Superitending Police Circle</i>

PB	Penasihat British
PJT	Pesuruhjaya Tinggi
Pt.	<i>Part</i>
SG	<i>Secretary to Government</i>
SITC	<i>Sultan Idris Training College</i>
SP	Surat Persendirian
ST	<i>State Treasurer</i>
SUK. K.	Setiausaha Kerajaan Kedah
US	<i>Under Secretary</i>
Vol.	<i>Volume</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penglibatan orang Cina dalam ekonomi Kedah sebenarnya dapat dikesan sejak sebelum kemasukan pihak British lagi. Semasa Kedah berada di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III (1854-1879), orang Cina dilaporkan sudah pun terlibat dalam aktiviti ekonomi khasnya yang bersangkutan dengan sektor pertanian padi. Penglibatan orang Cina pada masa ini adalah hasil daripada galakan yang diberikan oleh Sultan Ahmad Tajuddin yang merupakan Sultan Kedah pada masa itu. Semasa memegang takhta, baginda dilihat begitu komited dalam memperkenalkan pelbagai pembaharuan dalam pentadbiran. Di antaranya ialah dengan membenarkan kemasukan orang Cina dalam sektor pertanian di Kedah. Berikutnya, apabila Kedah berada di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid, orang Cina dilihat telah menjalinkan hubungan yang baik dengan sultan. Malahan ada di antara mereka yang dipilih untuk menjawat jawatan dalam pentadbiran Kedah. Mereka berperanan sebagai pembantu sultan dan mendapat kepercayaan penuh daripada sultan bagi menguruskan hal ehwal orang Cina dalam sektor ekonomi tertentu.

Peranan orang Cina di Kedah seterusnya mengalami perubahan yang signifikan semasa era penguasaan British di Kedah. Pada masa ini, jumlah orang Cina dilaporkan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Pertambahan ini berlaku kesan daripada dasar British yang menggalakkan kemasukan lebih ramai orang Cina untuk terlibat dalam sektor ekonomi komersial di Kedah. Malahan ada juga di antara mereka yang diberi peluang untuk berkhidmat dalam pentadbiran negeri. Peluang-peluang yang diberikan oleh pihak British dalam aktiviti ekonomi telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang Cina sehingga mereka akhirnya mendominasi sektor ekonomi seperti

pertanian padi, perladangan getah dan perniagaan. Di samping itu, dominasi orang Cina juga dapat dilihat dalam kegiatan pajakan seperti pajakan candu, arak dan judi. Pajakan-pajakan ini tidak melibatkan orang Melayu dan hanya dikhaskan kepada orang Cina sahaja. Penglibatan orang Cina dalam pelbagai sektor ekonomi ini telah membantu meningkatkan pendapatan kerajaan dan seterusnya memperkembangkan lagi ekonomi. Pajakan candu misalnya menjadi penyumbang utama kepada pendapatan dalam negeri. Melalui pajakan candu, kerajaan Kedah memperoleh hasil dalam bentuk sewa tanah dan cukai daripada orang Cina yang mengusahakan kegiatan tersebut.

Peranan orang Cina yang begitu aktif dalam ekonomi telah memberi implikasi yang negatif kepada orang Melayu. Dalam hal ini, orang Melayu dilihat sukar untuk bersaing dengan orang Cina dalam merebut peluang-peluang ekonomi. Mereka ketinggalan dalam pelbagai aspek sama ada dari segi kecekapan, kepakaran dan modal dan teknologi. Kelebihan yang dimiliki oleh orang Cina khasnya dari segi modal dan teknologi menjadi faktor terpenting bagi mendapatkan kepercayaan kerajaan untuk mengusahakan sebarang kegiatan ekonomi. Sebagai contoh, dalam sektor perlombongan bijih timah, kelebihan modal dan teknologi yang dimiliki oleh orang Cina tidak dapat ditandingi oleh orang Melayu. Mereka mampu menghasilkan pengeluaran bijih timah dalam jumlah yang banyak melalui penggunaan mesin berteknologi tinggi dan seterusnya menyumbang pendapatan yang lumayan terhadap Kedah.

1.2 Persoalan Kajian

Pertapakan pihak British di Kedah pada tahun 1909 telah membawa perubahan dari aspek demografi penduduk di negeri itu. Dalam tempoh selepas 1909, kemasukan orang Cina ke Kedah dilaporkan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Mereka

melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Menjelang abad ke-20, dilaporkan penguasaan ekonomi di Kedah berada di tangan orang Cina. Malahan mereka turut mendapat peluang untuk memonopoli beberapa kegiatan ekonomi yang sebelum ini dikuasai oleh orang Melayu seperti pertanian padi. Sebagaimana yang diketahui, Kedah merupakan negeri jelapang padi dan begitu sinonim dengan penglibatan daripada orang Melayu. Namun begitu, kemasukan orang Cina ke negeri Kedah telah menenggelamkan peranan yang dimainkan oleh orang Melayu khasnya dalam sektor pertanian padi. Bahkan penguasaan orang Cina di Kedah juga dilihat menjangkau sehingga ke sektor-sektor ekonomi yang lain. Meskipun peranan orang Cina dalam ekonomi telah mengundang reaksi yang negatif daripada orang Melayu, namun penglibatan mereka sebenarnya telah membawa perubahan yang baik khasnya dari segi menyumbang hasil pendapatan kepada negeri Kedah.

Berdasarkan permasalahan kajian, persoalan utama yang diketengahkan dalam kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana peranan yang dimainkan oleh orang Cina dalam memperkembangkan ekonomi di negeri Kedah. Di samping itu, terdapat juga beberapa persoalan kecil yang akan dirungkai dalam kajian ini iaitu mengenal pasti apakah sektor-sektor ekonomi yang telah dimonopoli oleh orang Cina dan kesannya terhadap pembangunan negeri dan masyarakat setempat. Kedudukan dan peranan orang Cina ini akan dilihat dalam kegiatan ekonomi yang melibatkan golongan pelabur, pemodal, peniaga dan buruh.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan-persoalan yang telah dikemukakan, terdapat beberapa objektif yang akan difokuskan iaitu:

1. Meneliti struktur ekonomi yang terdapat di Kedah.
2. Membincangkan apakah faktor yang membolehkan orang Cina menguasai ekonomi negeri Kedah.
3. Menganalisis apakah sektor ekonomi yang dikuasai oleh orang Cina.
4. Mengenal pasti siapakah tokoh-tokoh orang Cina yang terlibat secara aktif dalam sektor ekonomi di Kedah.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini bermula pada tahun 1909 dan berakhir pada tahun 1941. Pemilihan tahun 1909 dibuat ekoran pada masa itu, Perjanjian Bangkok telah dimeterai di antara pihak British dan Siam. Melalui perjanjian ini, Kedah secara rasminya telah diletakkan di bawah penguasaan British. Dalam tempoh penguasaan British di Kedah, berlaku beberapa penyusunan bagi menstabilkan kedudukan ekonomi negeri Kedah. Penyusunan ini dibuat bagi membuka peluang dan ruang yang lebih besar kepada pemodal luar untuk terlibat secara aktif di dalam ekonomi negeri Kedah. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam pentadbiran Kedah pada masa itu telah mendorong kemasukan lebih ramai orang Cina yang terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi di Kedah. Kajian seterusnya ditamatkan pada tahun 1941 ekoran pengunduran pihak British dari Kedah. Pada masa ini, Jepun telah menguasai negeri Kedah dan membuat beberapa perubahan drastik dalam pelbagai aspek sama ada dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Perubahan ini menyebabkan dasar-dasar yang pernah dipraktikkan

semasa zaman British telah dihapuskan dan digantikan dengan dasar-dasar baru yang dirangka sendiri oleh pihak Jepun.

Sementara itu, dari skop tema pula, fokus kajian ini adalah berkisar mengenai sektor ekonomi yang dimonopoli oleh orang Cina di Kedah. Antaranya ialah kegiatan pertanian dan perladangan yang melibatkan padi dan getah, aktiviti perniagaan dan perlombongan bijih timah. Dalam pertanian padi misalnya, penglibatan orang Cina dilihat begitu menonjol khasnya dalam proses pengeluaran dan pemprosesan. Malahan penglibatan orang Cina dalam sektor ini telah menggalakkan kemasukan teknologi dan kepakaran yang lebih moden ke negeri Kedah. Di samping itu, lebih banyak kilang padi dibina bagi tujuan pemprosesan padi. Melalui penggunaan jentera moden, pemprosesan padi dapat dilakukan dengan lebih cepat dan mudah serta membolehkan pengilang Cina memperoleh keuntungan yang lebih tinggi.

Sementara itu, bagi tanaman getah pula, sungguh pun terdapat penglibatan daripada pihak British dan elit Melayu dalam sektor itu, namun pembabitan mereka adalah dalam skala yang kecil jika dibandingkan dengan orang Cina. Dalam hal ini, pemodal-pemodal Cina dilihat begitu aktif dalam menjalankan pelaburan bagi membuka ladang getah di beberapa buah daerah di Kedah.

Selain itu, orang Cina juga tidak ketinggalan melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Dominasi orang Cina dalam sektor ini jelas dilihat di daerah Alor Setar yang merupakan pusat pentadbiran bagi negeri Kedah. Di daerah ini, golongan peniaga Cina ini telah mewujudkan kawasan perniagaan mereka sendiri yang dikenali sebagai ‘Pekan Cina’.

Manakala, kegiatan perlombongan bijih timah juga antara sektor ekonomi yang dimonopoli oleh orang Cina. Mereka bertindak sebagai tauke lombong dan tenaga buruh pula majoriti dalam kalangan orang Cina yang berhijrah ke Kedah. Tumpuan mereka adalah di kawasan selatan Kedah iaitu Kuala Muda dan Kulim.

Secara keseluruhan, didapati dalam tempoh 1909 hingga 1941, berlaku perubahan yang ketara dalam ekonomi Kedah kesan daripada campur tangan British dalam pentadbiran negeri. Dalam hal ini, kemasukan lebih ramai imigran Cina di Kedah telah membawa perubahan dalam aspek dominasi ekonomi iaitu daripada orang Melayu kepada orang Cina.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian berkaitan peranan orang Cina di Kedah ini mempunyai beberapa kepentingan untuk diketengahkan. Pertama, kajian ini cuba untuk menonjolkan peranan orang Cina dan perkembangan ekonomi Kedah yang begitu terkenal sebagai sebuah negeri pertanian. Penelitian terhadap aspek ini adalah penting memandangkan perkembangan ekonomi yang baik adalah penentu kepada kemajuan dan kemakmuran sesebuah negeri. Oleh itu, di dalam kajian ini, pengkaji cuba menjelaskan corak dan teknik ekonomi yang diperkenalkan oleh orang Cina sehingga berupaya menyumbangkan hasil yang tinggi kepada negeri serta membantu memusatkan ekonomi negeri Kedah.

Kedua, kajian ini juga penting dalam melihat corak dan suasana ekonomi di sesebuah negeri kesan daripada kedatangan imigran luar. Dalam hal ini, kedatangan orang Cina ke negeri Kedah telah memberi kesan terhadap negeri itu khasnya dari aspek ekonomi. Mereka mendominasi ekonomi serta memainkan peranan yang aktif dalam aktiviti penjualan candu, arak, judi dan pajakan masakan. Peranan mereka dalam

aktiviti-aktiviti tersebut dilihat penting dalam menyumbang pendapatan kepada kerajaan negeri Kedah. Dalam masa yang sama, peranan orang Cina dalam aktiviti perniagaan, perkilangan dan perladangan juga telah membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada kaum lain khasnya orang Melayu. Hal ini dapat dibuktikan apabila ada di antara penduduk Melayu yang menetap di kawasan-kawasan kampung telah diambil bekerja sebagai buruh di kilang-kilang beras. Di samping itu, ada juga di antara orang Melayu yang menjadi peruncit dan memasarkan hasil padi kepada orang ramai. Selain itu, pengaruh orang Cina juga telah mewujudkan semangat bersaing dalam kegiatan ekonomi serta membuka mata lebih ramai pihak agar sentiasa bijak mengambil peluang menceburkan diri dalam setiap sektor ekonomi.

1.6 Kajian Literatur

Kajian mengenai penglibatan orang Cina telah banyak disentuh oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, Meskipun begitu, masih belum terdapat kajian yang benar-benar mengkhusus kepada peranan orang Cina dalam ekonomi Kedah. Dalam konteks negeri Kedah, kajian mengenai penglibatan orang Cina tidak mendapat perhatian yang meluas sebagaimana di Negeri-negeri Melayu yang lain Meskipun terdapat beberapa buah kajian berkenaan orang Cina di Kedah, namun kajian-kajian tersebut lebih banyak memberi penekanan terhadap soal negeri Kedah itu sendiri berbanding subjek utama yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu orang Cina.

Beberapa buah kajian umum yang dikenal pasti menyentuh secara langsung mengenai aspek negeri Kedah dapat dilihat melalui tulisan berjudul *Notes on the History of Kedah* dan “The Kedah Annals” oleh R. O. Winstedt,¹ “An Introduction to

¹ R. O. Winstedt, “Notes on the History of Kedah”, *MBRAS*, Vol. 14, pt. 3, 1936, hlm. 155-189 dan “The Kedah Annals”, dalam *MBRAS*, Jilid XVI, Bhg. 2, Disember 1938.

Kedah History” oleh G. A. Hodgson² dan “Perkembangan Politik dalam Perspektif Sejarah Kedah” oleh Mohd Isa Othman.³ Ketiga-tiga kajian umum ini membincangkan aspek mengenai sejarah awal negeri Kedah.

Sementara itu, Ibrahim Ismail dalam kajiannya *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*⁴ pula memfokuskan perkembangan negeri Kedah dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Sebuah lagi kajian mengenai Kedah dapat dilihat melalui karya Muhammad Hassan bin Dato’ Kerani Muhamad Arshad yang berjudul *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*.⁵ Karya ini membincangkan secara ringkas mengenai sejarah awal kerajaan Kedah. Di samping itu, terdapat sebuah lagi tulisan yang memberi perhatian terhadap aspek negeri Kedah iaitu *The Evolution of Population and Settlement in The State of Kedah*.⁶ Kajian yang dihasilkan oleh Zaharah bt Haji Mahmud ini memberi tumpuan terhadap perkembangan penduduk di negeri Kedah dan kesan kemasukan imigran luar ke negeri itu pada abad ke-20. Penulis memfokuskan kawasan-kawasan yang menjadi tarikan penduduk untuk didiami. Misalnya, Bandar Baru, Kulim. Perkembangan penduduk melibatkan orang Melayu, Cina dan India. Kekuatan penulisan ini dapat dilihat bagi tempoh 1911 hingga 1921 yang mana sudah bermula perubahan dalam ekonomi Kedah. Antaranya sektor pertanian dan perlombongan. Tumpuan juga diberikan terhadap penglibatan orang Cina dalam sektor perlombongan pada abad ke-20.

Manakala, menurut penulis penghijrahan orang Cina ke Kedah juga disebabkan jarak yang dekat dengan Pulau Pinang. Ini disebabkan terdapat juga orang Cina yang tinggal di Pulau Pinang kemudiannya berhijrah ke Kedah setelah berlakunya

² G. A. Hodgson, “An Introduction to Kedah History” in *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid 1, Bil. 1, Jun 1966.

³ Mohd Isa Othman, “Perkembangan Politik Dalam Perspektif Sejarah Kedah”, dalam Mohamad Sukeri Khalid, Rohana Yusof, et al., *Kedah 100 Tahun 1900-2000: Isu-isu Politik & Sosioekonomi*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2002.

⁴ Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Sintok: Jawatankuasa Penerbit Universiti Utara Malaysia, 1987.

⁵ Muhammad Hassan bin Dato’ Kerani Muhamad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.

⁶ Zaharah bt Haji Mahmud, The Evolution of Population and Settlement in The State of Kedah, dalam Asmah Haji Omar (editor), *Darulaman: Essays on Linguistic, Cultural and Socioeconomic Aspects of the Malaysian State of Kedah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979.

perkembangan sektor ekonomi perlombongan bijih timah. Oleh itu, kajian ini dilihat membantu pengkaji untuk memahami sejarah kependudukan di Kedah. Walaupun aspek ekonomi tidak dibincangkan secara terperinci namun penjelasan kedatangan orang Cina ke Kedah menjadi rujukan penting bagi pengkaji.

Selain kajian umum, terdapat juga beberapa kajian khusus yang membicarakan peranan orang Cina dalam sektor ekonomi di Kedah. Salah satunya dapat dilihat melalui tulisan Sharom Ahmat iaitu *Tradition And Change in A Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah, 1878-1923*.⁷ Kajian ini memberi penekanan terhadap suasana ekonomi dan politik negeri Kedah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 serta perubahan-perubahan yang berlaku dalam tempoh tersebut. Di samping itu, penglibatan orang Cina dalam sistem pajakan yang baru sahaja diperkenalkan di Kedah turut diulas oleh pengkaji. Dalam masa yang sama, perbincangan turut memfokuskan aspek peralihan peranan dalam sektor pertanian padi iaitu daripada orang Melayu kepada orang Cina. Dalam hal ini, Sharom Amat telah mengetengahkan beberapa faktor yang pada pandangannya telah mengukuhkan penguasaan orang Cina dalam sektor pertanian padi. Di antaranya ialah pemilikan modal yang besar oleh orang Cina di mana faktor tersebut telah berjaya menarik perhatian sultan untuk mendapatkan bantuan daripada pemodal Cina bagi membantu petani Melayu.

Selain itu, kajian ini turut mengetengahkan tokoh-tokoh orang Cina yang terkenal dan aktif dalam ekonomi negeri Kedah. Salah seorang tokoh yang ditonjolkan dalam kajian ini ialah Lim Lan Jak yang terlibat secara aktif dalam sektor pertanian padi di Kedah serta mempunyai hubungan yang baik dengan sultan pada abad ke-19. Menurut Sharom Amat, Lim Lan Jak merupakan di antara tokoh Cina yang memainkan

⁷ Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah, 1878-1923*, Kuala Lumpur: Printed for the Council of the M.B.R.A.S. by Art Printing Works Sdn. Bhd., 1984.

peranan penting dalam menyumbangkan hasil dalam negeri Kedah. Sungguhpun kajian ini menyentuh mengenai peranan orang Cina di Kedah, namun perbincangan yang dibuat tidak begitu menyeluruh di mana beberapa aspek penting yang melibatkan peranan pemodal-pemodal Cina, monopoli dalam sektor ekonomi serta sumbangan hasil dan pendapatan kepada negeri Kedah tidak dinyatakan secara terperinci.

Berikutnya, kajian yang membicarakan peranan orang Cina di Kedah juga dapat dilihat melalui tulisan Wu Xiao' An yang bertajuk *Chinese Business in The Making of a Malay State, 1882-1941: Kedah and Penang*.⁸ Kajian ini dilihat begitu signifikan dalam meneliti perkembangan negeri Kedah khasnya dalam aspek ekonomi. Dalam kajian ini, Wu Xiao' An telah memperihalkan hubungan ekonomi yang terjalin di antara dua buah negeri iaitu Kedah dan Pulau Pinang. Menurutnya, hubungan ekonomi di antara kedua-dua buah negeri ini telah memberi sumbangan yang besar kepada Kedah khasnya dari aspek pendapatan. Hal ini dapat dilihat melalui aktiviti import dan eksport yang dijalankan di antara kedua-dua buah negeri tersebut di mana Kedah sendiri berperanan mengeksport hasil-hasil dalam negeri seperti beras, hasil ternakan ke Pulau Pinang.

Selain itu, kajian ini turut menonjolkan hubungan yang terjalin di antara orang Cina dan Sultan khasnya dalam aspek politik dan ekonomi. Antaranya melibatkan jalinan persahabatan di antara pemerintah Kedah dengan seorang pemodal Cina iaitu Lim Leng Cheak. Di samping itu, perbincangan mengenai pemilikan tanah dan hal ehwal pajakan tanah di Kedah yang melibatkan orang Cina turut diberikan perhatian. Kajian ini juga tidak ketinggalan mengetengahkan beberapa tokoh orang Cina (tauke-tauke Cina) yang penting dan terkenal dalam sektor ekonomi di negeri Kedah. Golongan tauke-tauke Cina ini dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan sultan. Berikutnya, pembabitan orang Cina dalam sektor pertanian padi turut

⁸ Wu Xiao' An, *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941: Kedah and Penang*, London: Routledge Curzon, 2003.

diketengahkan. Dalam hal ini, tumpuan diberikan terhadap pertumbuhan kilang padi di Kedah yang melibatkan keluarga-keluarga Cina yang terkenal. Di samping itu, perbincangan mengenai penjualan candu, arak dan judi serta perkembangannya juga ada disentuh dalam kajian ini namun hanyalah secara ringkas sahaja.

Sebuah lagi kajian yang mengetengahkan peranan orang Cina di Kedah dapat dilihat melalui tulisan yang dihasilkan oleh James F. Augustine iaitu *Bygone Kedah*⁹. Kajian ini secara keseluruhannya membincangkan perkembangan awal ekonomi dan pentadbiran negeri Kedah. Terdapat satu subtopik khas yang menyentuh secara langsung mengenai sektor perladangan getah di Kedah iaitu “Kedah Becomes Rubber-Conscious”. Dalam subtopik ini, perbincangan berkisar mengenai perkembangan dalam sektor perladangan getah di Kedah. Menurut Augustine, pada tahun 1905, kegiatan penanaman getah sudah dijalankan di tiga buah daerah di Kedah iaitu Kubang Pasu, Kulim dan Kuala Muda. Berikutnya, pada tahun 1908, terdapat empat buah ladang getah telah dibuka di Kubang Pasu. Didapati kebanyakannya ladang getah yang dibuka dalam tempoh ini adalah berada di bawah pemilikan orang Cina khasnya di Kuala Muda dan Kulim. Sebaliknya, ladang-ladang getah yang dibuka di daerah Kubang Pasu pula adalah dimiliki oleh golongan elit Melayu dan British. Meskipun kajian ini tidak menjelaskan secara terperinci mengenai peranan orang Cina, namun ia menjadi rujukan terpenting bagi melihat perkembangan awal ekonomi getah di Kedah.

Kajian oleh K. Nadaraja iaitu *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*¹⁰ merupakan sebuah lagi penulisan yang membicarakan peranan orang Cina di Kedah. Tulisan ini memberi penekanan terhadap pentadbiran di daerah Kuala Muda, Kedah dalam tempoh 1905-1957. Kajian ini begitu signifikan dalam melihat perubahan-perubahan yang

⁹ James F. Augustine., *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah Darulaman, 1996.

¹⁰ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2016.

berlaku di Kuala Muda iaitu daerah yang menjadi tumpuan orang Cina pada peringkat awal selain Kulim dan Alor Setar. Dalam kajian ini, perkembangan pentadbiran daerah Kuala Muda telah diperhalusi secara mendalam meliputi isu-isu seperti pembangunan, jaringan jalan raya, pembinaan sekolah, persatuan dan kegiatan pertanian.

Di samping itu, perihal mengenai kedatangan orang Cina di Kuala Muda serta pembabitan mereka dalam beberapa kegiatan ekonomi pajakan seperti pajakan cандu, perlombongan, perniagaan dan perladangan getah turut disentuh. Namun begitu, tahap penglibatan mereka tidak diperhalusi secara mendalam. Perkembangan perniagaan orang Cina khasnya di kawasan pekan turut dibincangkan dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, perbincangan hanya dibuat secara sepintas lalu di mana tahap dominasi orang Cina seperti jumlah kedai yang dimiliki dan jenis perniagaan yang diusahakan tidak diperincikan. Namun begitu, perbincangan ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji mengenal pasti sejauh mana penglibatan orang Cina di Kedah khususnya di daerah Kuala Muda.

Sementara itu, seorang lagi penulis yang dikenali sebagai Thow Eng Kee turut menghasilkan sebuah tulisan berkaitan dengan peranan orang Cina di Kedah yang bertajuk *Kedah Selepas Perang Kulim*.¹¹ Kajian yang dihasilkan pada tahun 1995 ini mengetengahkan daerah Kulim sebagai daerah utama di Kedah yang menjadi tumpuan orang Cina. Menurut Thow Eng Kee, pada separuh kedua kurun ke-19, orang Cina mula bertumpu di daerah Kulim yang kaya dengan bijih timah. Pada tahun 1850, dianggarkan terdapat kira-kira 400 pelombong Cina di daerah Kulim dan jumlah ini dilihat terus meningkat pada tahun 1854 dengan angka yang dicatatkan ialah seramai 2000-3000 orang. Pada masa ini, dilaporkan kebanyakan imigran Cina masuk ke negeri Kedah melalui Pulau Pinang.

¹¹ Thow Eng Kee, *Kedah Selepas Perang Kulim: Faktor British dan Siam dalam Kajian Perkembangan Sosio-Politik Kedah, 1888-1909*, Kangar: Nealy Publisher & Distributor, 1995.

Selain memfokuskan aspek kedatangan imigran Cina ke Kedah, kajian ini turut memberi penekanan terhadap penglibatan suku kaum Cina yang aktif dalam perlombongan bijih timah di Kulim. Di antaranya ialah suku Hokkien dan Teochew yang merupakan bekas-bekas pelombong dari daerah Larut. Di samping itu, konflik yang melibatkan kongsi gelap yang dianggotai oleh orang Cina di daerah Kulim turut diperincikan dalam kajian. Konflik ini menurut penulis berlaku disebabkan perebutan wanita atau ‘nyonya’ dan kawasan ekonomi yang akhirnya telah mencetuskan Perang Kulim pada tahun 1888. Perang yang tercetus ini telah menyebabkan Kedah dilanda krisis kewangan apabila kawasan-kawasan lombong musnah dan menjelaskan sumber pendapatan sultan.

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelas dilihat bahawa penulis lebih banyak memfokuskan kedatangan orang Cina ke Kulim dan perkembangan kawasan perlombongan di daerah tersebut. Sebaliknya, aspek yang berkaitan dengan pendapatan yang diperoleh dalam sektor ekonomi serta penglibatan orang Cina tidak dinyatakan dalam kajian. Isu-isu inilah yang akan cuba dirungkai oleh pengkaji dalam kajian berkenaan peranan orang Cina di Kedah.

Seterusnya, kajian oleh William Tai Yuen yang bertajuk *Chinese Capitalism in Colonial Malaya, 1900-1941*¹² merupakan sebuah lagi penulisan yang membincangkan peranan orang Cina dalam perniagaan di Tanah Melayu pada zaman kolonial. Kajian ini memberi penekanan terhadap aktiviti ekonomi orang Cina di beberapa negeri di Tanah Melayu. Selain itu, kajian ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk memahami kedatangan awal orang Cina di Tanah Melayu serta perkembangan mereka dalam pelbagai sektor ekonomi. Kajian ini membincangkan secara terperinci mengenai penglibatan orang Cina dalam sektor perlombongan bijih timah termasuklah teknologi yang digunakan banyak menyumbang keuntungan. Walau bagaimanapun, didapati

¹² William Tai Yuen, *Chinese Capitalism in Colonial Malaya, 1900-1941*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.

perbincangan tersebut memberi fokus terhadap beberapa buah negeri khususnya Perak, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Selain memfokuskan kedatangan awal dan sektor perlombongan bijih timah, penulis turut memberi penekanan terhadap aktiviti ekonomi yang lain iaitu perladangan getah. Penglibatan orang Cina dalam pembukaan ladang-ladang getah dinyatakan banyak diusahakan oleh orang Cina dan orang Eropah. Manakala, tumpuan penulis masih lagi terhadap negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan lain-lain. Selain itu, penulis juga membuat penjelasan mengenai soal pinjaman kewangan yang dilakukan oleh orang Cina untuk mengusahakan perladangan getah. Dalam isu ini juga didapati wujudnya peranan ceti yang menjadi pihak pemberi pinjaman kewangan kepada tauke-tauke ladang getah.

Namun begitu, terdapat beberapa aktiviti ekonomi lain yang memperlihatkan peranan orang Cina iaitu aktiviti candu, perjudian, jualan minuman keras, pajak gadai dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti tersebut merupakan penyumbang pendapatan terhadap orang Cina. Perniagaan tersebut dinyatakan bermula dan berkembang di kawasan lombong bijih timah. Perkembangan orang Cina dalam perniagaan menurut penulis adalah juga disebabkan latar belakang pendidikan oleh kaum tersebut. Pengetahuan dalam pengurusan perniagaan yang bermula dalam keluarga menjadikan mereka berkemampuan dalam menguruskan pelbagai aktiviti ekonomi.

Berdasarkan kajian penulis ini, penekanan yang jelas banyak ditumpukan terhadap negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Namun begitu, terdapat juga sedikit perbincangan yang menyatakan peranan orang Cina di negeri utara dalam perlombongan iaitu Perlis. Manakala, perbincangan yang jelas mengenai peranan orang Cina di Kedah tidak dibincangkan dengan lebih jelas malah hanya menyatakan beberapa pemilik ladang getah sahaja berbanding dengan aktiviti ekonomi yang lain.

Walau bagaimanapun, kajian ini sememangnya masih membantu meningkatkan kefahaman pengkaji mengenai ekonomi orang Cina di Tanah Melayu.

Sementara itu, *The Chinese in Malaysia* oleh Lee Kam Hing dan Tan Chee-Beng (ed)¹³. Kajian di dalam buku ini juga menjadi bukti bahawa wujudnya peranan orang Cina dalam pelbagai sektor ekonomi di Tanah Melayu. Sementara itu, kajian juga ada menyentuh bentuk penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu yang menekankan sistem Tiket Kredit dan pada abad ke-19 telah berlaku penghijrahan secara besar-besaran. Selain itu, penulisan juga turut membincangkan penglibatan awal orang Cina dalam kegiatan perlombongan dan pertanian. Manakala, tumpuan orang Cina ketika itu di beberapa negeri iaitu Lukut dan Sungai Ujong di Negeri Sembilan, Larut di Perak dan Selangor.

Selain kegiatan perlombongan, kajian ini juga telah membincangkan beberapa kegiatan ekonomi lain yang didapati menjadi fokus oleh orang Cina. Antaranya ladang candu, judi, pajak gadai, dan menjual minuman keras. Kemudian, peranan mereka juga dapat dilihat dalam perniagaan gula dan ubi kayu yang mana aktiviti ini lebih giat di jalankan di Seberang Prai, Pulau Pinang dan Perak oleh suku Teochew. Kajian ini jelas menunjukkan peranan orang Cina dalam kegiatan ekonomi di Tanah Melayu dan sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk memahaminya secara lebih awal.

Walau bagaimanapun, penulisan ini dilihat lebih menyeluruh terhadap Tanah Melayu dan tidak banyak menyentuh perbincangan yang lebih jelas mengenai orang Cina di Kedah. Kekurangan tersebut memberi satu peluang kepada pengkaji untuk melakukan kajian dengan lebih jelas peranan orang Cina dalam ekonomi di Kedah.

¹³ Lim Kam Hing and Tan Chee-Beng (ed), Oxford University Press, 2000.

yang dihasilkan oleh Yen Ching-Huang merupakan sebuah lagi kajian yang berkaitan dengan peranan orang Cina. Kajian ini membincangkan secara terperinci mengenai peranan orang Cina dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Dalam aspek ekonomi misalnya, penulis menegaskan bahawa perkembangan aktiviti perlombongan dan perladangan getah yang berlaku di Tanah Melayu pada abad ke-18 dan 19 telah mendorong kemasukan puluhan ribu orang Cina ke negeri itu. Walaupun kajian ini tidak memfokuskan secara langsung terhadap orang Cina di negeri Kedah, namun maklumat yang dibekalkan mengenai masyarakat Cina di Tanah Melayu sebenarnya membantu dalam memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap aspek politik, ekonomi dan sosial masyarakat Cina.

Selanjutnya, sebuah lagi kajian mengenai peranan orang Cina dapat dikesan melalui tulisan Victor Purcell iaitu *The Chinese in Malaya*.¹⁵ Kajian ini secara keseluruhannya memberi tumpuan terhadap penghijrahan orang Cina ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) serta faktor-faktor yang mendorong penghijrahan tersebut. Menurut Purcell, dalam tempoh selepas kemasukan British pada abad ke-19, kemasukan orang Cina ke NNMB dilihat semakin bertambah kesan daripada perkembangan ekonomi eksport di negeri-negeri tersebut. Dalam masa yang sama, masalah kepadatan penduduk di negara China juga telah mendorong penduduk melakukan penghijrahan ke luar negara termasuklah ke NNMB. Secara ringkasnya, tulisan ini memberi gambaran yang jelas mengenai latar belakang penghijrahan orang Cina ke NNMB dan isu-isu yang berlaku dalam proses penghijrahan tersebut. Meskipun penekanan hanya diberikan di NNMB, namun perbincangan yang diketengahkan oleh penulis mampu memberi

¹⁴ Yen Ching-Hwang, *Community and Politics: The Chinese in Colonial Singapore and Malaysia*, Singapore: Time Academic Press, 1995.

¹⁵ Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.

pemahaman yang jelas terhadap suasana ekonomi yang berlaku di negeri-negeri Melayu pada masa itu.

Sementara itu, kajian oleh Rupert Emerson pula mengetengahkan salah satu aspek yang terpenting dalam negeri Kedah iaitu pentadbiran. Beliau telah memperlihatkan secara jelas aspek pemerintahan secara langsung yang dijalankan di NNMB, NNMTB dan NNS menerusi karyanya iaitu *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*.¹⁶ Dalam tulisan ini, isu-isu yang berlaku dalam pentadbiran Kedah yang melibatkan orang Melayu dan Cina turut diulas. Sebagai contoh, isu mengenai keanggotaan dalam Majlis Mesyuarat Negeri (NNM) yang tidak melibatkan orang Cina sebaliknya hanya melibatkan orang Melayu sahaja. Menurut Emerson, situasi ini berlaku disebabkan golongan bangsawan Kedah bimbang pengaruh orang Cina berkembang dalam politik negeri Kedah. Namun begitu, dalam aspek ekonomi, pemerintah Kedah dilihat lebih terbuka dalam memberi ruang kepada orang Cina untuk terlibat dalam aktiviti perladangan getah, penanaman ubi kayu, perlombongan dan perniagaan. Selain itu, Emerson turut membincangkan kedudukan orang Melayu di Kedah secara ringkas. Menurutnya, dalam tempoh sebelum kemasukan British ke Kedah, kedudukan orang Melayu diutamakan dalam aspek ekonomi. Namun begitu, situasi ini mula berubah apabila British bertapak di Kedah dan memperkenalkan dasar terbuka di negeri itu. Hal ini seterusnya telah menggalakkan kemasukan imigran-imigran asing ke Kedah. Kesannya, orang Cina terlibat secara aktif dalam sektor ekonomi di Kedah dan seterusnya menenggelamkan peranan orang Melayu. Walau bagaimanapun, imigran-imigran Cina yang berada di negeri Kedah dikawal oleh pihak pemerintah melalui beberapa peraturan dan akta.

¹⁶ R. Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1964.

Penulisan oleh Mashitah Haji Mohd Noor iaitu ‘Anak Bukit Se-Abad 1870-1970’¹⁷ merupakan salah satu lagi kajian yang menyentuh aspek orang Cina di Kedah. Fokus kajian ini berkisar mengenai peranan dan aktiviti orang Melayu dalam sektor ekonomi di Kedah. Menariknya, penglibatan orang Cina turut diketengahkan dalam penulisan ini di mana mereka dikatakan memainkan peranan yang penting dalam memusatkan ekonomi di negeri Kedah. Menurut Mashitah, wujud pergantungan antara masyarakat Melayu dengan Cina dalam aktiviti perniagaan khasnya dalam proses pemasaran padi. Dalam hal ini, orang Cina bertindak sebagai peniaga yang membeli hasil padi daripada orang Melayu dan turut berperanan sebagai penanam padi. Meskipun tahap pergantungan tersebut tidak dijelaskan secara terperinci, namun kenyataan yang dibuat oleh Mashitah ini sudah cukup membuktikan bahawa pengaruh orang Cina di Kedah adalah kuat sehingga telah mewujudkan pergantungan tersebut.

Kajian oleh Mohammad Isa Othman dalam *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*¹⁸ merupakan kajian penting membincangkan soal pentadbiran negeri Kedah. Perbincangan ini telah digalurkan dengan baik terutama menyentuh dalam soal pentadbiran Kedah sama ada peringkat pusat maupun daerah. Terdapat beberapa aspek ekonomi yang telah diketengahkan dalam kajian ini. Menurut Mohammad Isa Othman, semasa pihak British bertapak di Kedah, galakan telah diberikan kepada pelabur-pelabur Cina untuk menanam modal di Kedah. Begitu juga dengan buruh-buruh Cina yang dibawa masuk dalam jumlah yang agak tinggi untuk bekerja dalam sektor ekonomi di Kedah. Dasar keterbukaan yang dijalankan oleh pihak British ini menyebabkan pelbagai sektor ekonomi di Kedah seperti perlombongan bijih timah, penanaman padi, perladangan getah mula menunjukkan perkembangan yang

¹⁷ Mashitah Haji Mohd Noor, ‘Anak Bukit Se-Abad, 1870-1970’, dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.

¹⁸ Mohammad Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2001.

positif. Namun begitu, perkembangan sektor ekonomi ini tidak menjadi fokus utama perbincangan dan hanya sekadar disentuh secara sepintas lalu sahaja.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dihasilkan sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa pengkaji kurang menekankan aspek peranan dan penglibatan orang Cina dalam ekonomi Kedah. Meskipun terdapat perbincangan mengenai peranan orang Cina di Kedah, namun aspek tersebut hanya disentuh sepintas lalu sahaja. Sebaliknya, tahap peranan dan penglibatan orang Cina dalam sektor ekonomi yang menjadi fokus utama perbincangan dalam kajian tesis ini kurang diberikan perhatian.

1.7 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini secara umumnya menggunakan kaedah analisis kualitatif. Dari segi analisis, kajian ini melihat peranan orang Cina dalam perkembangan ekonomi Kedah pada awal abad ke-20 dan selepas campur tangan British pada tahun 1909. Peranan orang Cina akan diukur dari segi jenis-jenis sektor ekonomi yang diceburi, bilangan, sumbangan, tahap penguasaan dan hubungan orang Cina dengan kerabat diraja dan orang Melayu.

Kajian ini disandarkan kepada dua sumber penting iaitu sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer terpenting yang menjadi rujukan ialah Laporan Tahunan Negeri Kedah yang memuatkan pelbagai maklumat penting berkaitan dengan aspek politik, ekonomi dan sosial di negeri Kedah. Di samping itu, laporan ini turut merekodkan data-data penting berkaitan penglibatan orang Cina dalam sektor ekonomi Kedah seperti jumlah orang Cina yang terlibat dalam sektor perlombongan, pertanian padi, perladangan getah dan lain-lain.

Selain laporan, penelitian terhadap fail-fail kerajaan juga turut dibuat bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai peranan orang Cina di Kedah. Fail-fail yang diteliti termasuklah Fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK. K) dan Fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British atau *High Commissioner File* (HCO). Fail SUK. K. mengandungi pelbagai maklumat penting berkaitan dengan orang Cina dalam ekonomi Kedah. Di dalam Fail SUK. K terkandung segala minit mesyuarat, memo, surat-menyurat, laporan dari semua daerah dan laporan setiap jabatan dalam pentadbiran Kedah. Melalui penelitian terhadap sumber ini, interaksi yang berlaku di antara orang Cina dengan pihak pemerintah dan penduduk setempat dapat diperhatikan dengan lebih mendalam. Bahkan maklumat mengenai aktiviti orang Cina di Kedah yang terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi dapat difahami dengan jelas melalui penggunaan sumber tersebut.

Sementara itu, Fail HCO turut menjadi rujukan penting dalam melihat interaksi yang wujud di antara orang Cina dengan pihak British khasnya dalam aspek ekonomi. Melalui penelitian terhadap fail ini, segala gambaran berkenaan dasar British terhadap orang Cina di Kedah serta tahap penglibatan orang Cina di Kedah dapat diperoleh. Di samping itu, fail ini turut menyajikan maklumat penting berkenaan sistem pajakan yang melibatkan orang Cina serta jumlah pendapatan yang diperoleh kerajaan Kedah hasil daripada aktiviti ekonomi yang dijalankan.

Selanjutnya, Fail Pejabat Tanah Jajahan (*Colonial Office File*) yang meliputi CO 273 (*Straits Settlements Original Correspondence*), CO 717 (*Federated Malays States, Original Correspondence*) dan CO 716 (*Kedah Perlis Sessional Papers*) turut diteliti dalam menjalankan kajian ini. Fai-fail ini mengandungi maklumat berupa minit mesyuarat, anggaran pendapatan negeri laporan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Pertanian serta laporan mengenai perkembangan ekonomi Kedah. Penggunaan fail ini membantu penulis dalam memperoleh maklumat yang tepat dan padat.

Selain itu, *Kedah Government Gazette* turut dirujuk bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas mengenai peranan orang Cina di Kedah. Melalui penelitian terhadap sumber ini, segala maklumat mengenai peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di Kedah khasnya yang melibatkan kawalan terhadap orang Cina di Kedah dapat diperoleh. Di samping itu, terdapat juga pemberitahuan-pemberitahuan (*notifications*) yang dimuatkan dalam *Kedah Government Gazette* yang berkaitan dengan pembukaan ladang getah, tender perniagaan dan sebagainya. Maklumat ini pening dalam mengenal pasti peranan orang Cina dalam aspek pembinaan ladang getah serta penguasaan mereka dalam perniagaan.

Rujukan seterusnya yang digunakan dalam kajian ini ialah Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH). Bahan-bahan penting yang terkandung di dalam SMSAH meliputi minit-minit mesyuarat MMN, undang-undang dan surat-surat yang dikirimkan oleh Sultan Abdul Hamid. Melalui penelitian terhadap sumber ini, maklumat mengenai sektor ekonomi di Kedah serta peranan orang Cina dapat diketahui dengan lebih mendalam.

Selain itu, penelitian terhadap akhbar-akhbar berbahasa Melayu dan British turut dilakukan. Antaranya ialah *Strait Times*, *The Singapore Free Press and Mercantile Adviser*, *Saudara* dan *Warta Malaya*. Penggunaan sumber ini adalah penting bagi mendapatkan maklumat yang lengkap berkenaan dengan isu yang dikaji. Kesemua akhbar yang disenaraikan di atas diperoleh dengan ihsan Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta dan Arkib Cawangan Kedah dan Perlis.

Selain sumber primer, kajian ini turut memberi perhatian terhadap penggunaan sumber sekunder meliputi buku, artikel, jurnal, kertas-kertas persidangan dan tesis. Bahan-bahan sekunder ini diperoleh dari Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan

Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur dan bahan-bahan rujukan (digital) yang diperoleh secara percuma atas talian.

1.8 Batasan Kajian

Sepanjang menjalankan penyelidikan, pengkaji tidak dapat mengelak menghadapi beberapa keterbatasan yang mana telah mengundang kesulitan semasa proses penyelidikan berlangsung. Keterbatasan ini dapat dilihat dari aspek bahan-bahan primer khususnya fail-fail kerajaan yang didapati tidak lengkap sepenuhnya. Keadaan ini telah menyekat dan sedikit menghalang kelancaran proses penyelidikan. Selain itu, terdapat dokumen-dokumen yang telah hilang dari fail asalnya. Kesulitan ini banyak berlaku terhadap fail-fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK. K.) yang merangkumi tempoh 1909-1920. Sepanjang tempoh ini, terdapat banyak lampiran di dalam fail hilang dan ada yang sudah mengalami kerosakan. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi kesulitan tersebut, kajian berterusan dilakukan ke atas fail-fail Pejabat Tanah Jajahan dan Pesuruhjaya Tinggi British untuk penambahbaikan.

Selain itu, data-data yang dimuatkan dalam Laporan Tahunan Kedah juga didapati tidak lengkap sehingga menimbulkan kesukaran untuk melakukan analisis. Sebagai contoh, jumlah pendapatan negeri hasil daripada pengeluaran bijih timah bagi tahun 1937, 1938, 1939, 1940 dan 1941 tiada dinyatakan dalam laporan. Ketiadaan maklumat tersebut sedikit sebanyak telah merencatkan penyelidikan. Walau bagaimanapun, ketiadaan maklumat tersebut cuba diatasi dengan penggunaan sumber-sumber yang lain seperti fail-fail kerajaan dan warta kerajaan.

1.9 Pembahagian Bab

Kajian mengenai peranan orang Cina dalam perkembangan ekonomi Kedah dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama merupakan bab pengenalan yang merangkumi persoalan kajian, objektif kajian, kajian literatur, kaedah penyelidikan dan batasan kajian. Persoalan yang diutarakan dalam bab pertama akan dibincangkan dalam bab-bab yang berikutnya dengan lebih terperinci. Selain itu, gambaran awal kajian ini dibincangkan melalui kajian literatur yang berdasarkan kepada beberapa penulisan sarjana di mana topik perbincangan berkaitan dengan pentadbiran dan perkembangan ekonomi Kedah.

Sementara itu, bab kedua pula membincangkan kegiatan ekonomi orang Cina di Kedah dalam tempoh sebelum 1909. Perbincangan memberi perhatian terhadap kegiatan ekonomi yang melibatkan orang Cina serta latar belakang penglibatan mereka dalam tempoh sebelum abad ke-20. Selain itu, bab ini juga memberi penekanan terhadap aspek kedatangan orang Cina ke Kedah sehingga muncul sebagai pihak yang berperanan aktif dalam mengembangkan ekonomi di Kedah.

Bab yang seterusnya iaitu bab ketiga pula meneliti peranan orang Cina dalam sektor pertanian padi, 1909-1941. Bab ini turut mengetengahkan kegiatan eksport padi dan beras oleh orang Cina, penubuhan kilang-kilang padi serta kawasan-kawasan penanaman padi yang utama di Kedah. Perbincangan turut memfokuskan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan khasnya dalam aspek kawalan terhadap orang Cina.

Selanjutnya, bab keempat pula membincangkan peranan orang Cina dalam sektor perladangan getah, 1909-1941. Bab ini mengupas isu-isu pembukaan ladang getah yang paling awal di Kedah iaitu pada tahun 1909 hingga 1910. Dalam bab ini, beberapa orang pelabur Cina yang aktif dalam sektor perladangan telah diketengahkan peranan mereka. Di samping itu, bab ini turut membincangkan keluasan tanah yang

dibuka di Kedah bagi tujuan penanaman getah ini serta kegiatan eksport getah ke luar negara.

Perbincangan seterusnya beralih kepada bab yang kelima iaitu peranan orang Cina dalam perniagaan candu, judi dan arak. Secara keseluruhan, bab ini melihat sejauh mana orang Cina berjaya menguasai ketiga-tiga perniagaan tersebut dan apakah faktor yang telah mendorong penglibatan mereka dalam perniagaan itu. Di samping itu, bab ini juga akan memberi tumpuan terhadap masalah-masalah yang berlaku sepanjang perniagaan tersebut diusahakan.

Sementara itu, bab terakhir iaitu bab keenam membicarakan peranan orang Cina dalam aktiviti perlombongan bijih timah. Bab ini meneliti pihak manakah yang dilihat begitu aktif dalam sektor perlombongan bijih timah di Kedah. Selain itu, perbincangan dalam bab ini turut difokuskan kepada pendapatan yang diperoleh Kedah hasil daripada aktiviti perlombongan bijih timah. Tidak ketinggalan, teknik perlombongan yang digunakan dalam sektor perlombongan bijih timah turut diuraikan dalam kajian.

BAB 2

KEGIATAN EKONOMI ORANG CINA DI KEDAH SEBELUM 1909

2.1 Pengenalan

Kedah yang dikenali sebagai negeri ‘Jelapang Padi Malaysia’¹ telah melakar sejarahnya dalam pelbagai aspek. Kedah juga merupakan sebuah kerajaan Melayu tertua yang terletak di utara pantai barat semenanjung Tanah Melayu. Di samping itu, Kedah turut menjana pendapatan ekonominya yang tersendiri. Misalnya pada abad ke-11 negeri Kedah menjadi tumpuan pedagang di rantau Asia Tenggara. Kepelbagaian sumber ekonomi Kedah menjadi perhatian pihak luar, misalnya Syarikat Hindia Timur Belanda dan Inggeris, Burma, India dan negara China. Melalui bab ini, perbincangan akan memfokuskan latar belakang kegiatan ekonomi orang Cina di Kedah. Di samping itu, bab ini juga akan melihat peranan orang Cina di Kedah sebelum campur tangan British. Peranan orang Cina juga dilihat telah mewujudkan persaingan ekonomi dalam kalangan orang Melayu.

¹ Baharudin Abdul Majid, “Wan Muhammad Saman B. Wan Ismail 1870 – 1898”, *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid. 8, Bil. 1: Persatuan Sejarah Malaysia, April 1979, hlm. 1.

2.2 Hubungan Awal Negara China dengan Kedah

Kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu telah bermula dalam tempoh yang begitu lama terutamanya menerusi kegiatan perdagangan. Namun, jika diteliti dari segi hubungan persahabatan yang terjalin di antara negeri Kedah dan negara China, dapat dilihat bahawa hubungan di antara kedua-keduanya sudah terjalin dalam tempoh yang lebih awal lagi.² Hubungan persahabatan ini telah dinyatakan di dalam kitab sejarah Han Shu-Di Li Zhi di dalam sejarah Dinasti Han. Melalui kitab tersebut telah dijelaskan bahawa telah wujud hubungan China dengan Alam Melayu.³ Penerangan atau catatan yang diberikan dalam kitab ini jelas membuktikan bahawa hubungan antara China dan Alam Melayu sudah wujud sekian lama. Selain itu, terdapat juga catatan daripada sumber lain yang menyatakan berkaitan hubungan di antara negara China dengan Alam Melayu. Berdasarkan Sejarah Dinasti Shui, Jilid 82 ada mencatatkan bahawa di utara Semenanjung Tanah Melayu, didapati telah wujud sebuah negeri yang dikenali sebagai Chi Tu⁴ yang merujuk kepada negeri Kedah yang terletak di utara.

Terdapat catatan dalam Buku Sejarah Dinasti Liang menyebut mengenai kewujudan Kerajaan Langkasuka yang tertubuh kira-kira 100 Masihi. Langkasuka merupakan negeri yang tertua dan terletak di tebing Sungai Merbuk iaitu berhampiran dengan Gunung Jerai di Kedah.⁵ Dalam catatan tersebut, hubungan yang terjalin di antara China dengan Kedah dikatakan wujud melalui utusan-utusan yang telah dihantar oleh Langkasuka ke negara China. Melalui penghantaran utusan tersebut sekali gus telah membuktikan bahawa wujudnya hubungan yang lebih awal di antara

² Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *Sejarah Kedah Dua Millenia*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2016, hlm. 4.

³ Liew Yan Pei, ‘Penelitian Sumber-sumber China Mengenai Sejarah Kedah Awal Pada Abad Ke-2 M Hingga Abad Ke-7 M’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010/2011, hlm. 28.

⁴ Ibid., hlm. 33.

⁵ Tan Hooi Hiam, “Sejarah Kedatangan Orang-orang Cina ke Kedah”, *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, Wisma Negeri, Alor Setar, 28 November-1 Disember 1981, hlm. 1. Lihat juga, Rolland Braddell, “Most Ancient Kedah” dalam *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980. hlm. 33.

China dan Kedah kerana didapati mereka sudah mula bertapak di Kedah walaupun dalam bilangan yang kecil.⁶

Selain itu, berdasarkan rekod sejarah *History of the Liang (502-556)* pula,⁷ orang Cina dikatakan bertumpu di Langkasuka atau Kedah. Pada peringkat awal, orang Cina yang datang ke Kedah bukanlah untuk bermastautin, sebaliknya untuk mencari peluang-peluang ekonomi yang wujud di negeri itu. Sekitar kurun ke-10, Kedah cukup terkenal dengan kegiatan perdagangan. Kewujudan pelabuhan Kuala Merbok⁸ yang dianggap sebagai sebuah pelabuhan yang penting dan terkenal secara langsung telah membuka ruang yang besar kepada pedagang China untuk datang berdagang di kawasan itu.⁹ Di samping itu, kegiatan perdagangan dari China ke Kedah telah menjadikan hubungan perdagangan yang terjalin semakin kukuh. Di samping pelabuhan Kuala Merbok, terdapat sebuah pelabuhan entrepot yang besar dan maju di Kedah sekitar 11 Masihi¹⁰ iaitu Pangkalan Bujang yang muncul sebagai sebuah pusat perdagangan yang penting di antara timur dan barat.¹¹ Kemunculan pelabuhan ini menjadikan perdagangan di antara Kedah dan China semakin penting.

Berdasarkan penulisan Sharom Ahmat pula, hubungan China dan Kedah dilihat terjalin lebih awal iaitu sekitar abad ke-6. Menurut beliau, kemunculan Kedah sebagai sebuah pelabuhan perdagangan utama adalah disebabkan oleh peranannya sebagai pusat pengumpulan barang di kawasan-kawasan sekitarnya.¹² Sehingga pada abad ke-8, Kedah muncul sebagai kota pelabuhan yang besar dan terkenal. Seterusnya, pelabuhan Kedah yang terkenal dalam kalangan pedagang terus

⁶ Mohd Supian Sabtu, *Tamadun Awal Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 18-19.

⁷ R. O. Winstedt, *Malaya and Its History*, London: Hutchinson's University, 1933, hlm. 18.

⁸ Haji Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2008, hlm. 5.

⁹ James W. Gould, *The United States and Malaysia*, Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1969, hlm. 44.

¹⁰ Ahmad Jelani Halimi, "Perdagangan dan Pedagang Islam di Kedah Pada Abad Ke-17 & 18M - Satu Tinjauan", *Konvensyen Sejarah Islam di Kedah Darul Aman*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 29- 30 September 1996, hlm. 2.

¹¹ Ibid., hlm. 2.

¹² Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923*, Monograph No. 12, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), 1984, hlm. 9.

menjalinkan hubungan baik di antara Arab dan China hingga ke abad 18 Masihi.¹³

Walaupun Kedah pernah mengalami satu fasa yang malap iaitu semasa diserang pihak Aceh pada tahun 1619 dan 1620, hal tersebut nampaknya tidak menghalang Kedah untuk bangkit semula. Misalnya, pada 1640-an, didapati pelabuhan Kedah telah kembali maju dan sibuk apabila kapal-kapal dari India dan China berterusan melakukan persinggahan di pelabuhan Kedah.¹⁴

Semasa era Sultan Muhamad Jiwa (1741-1778) terdapat kira-kira 60 buah keluarga Cina di Kedah sehingga berlakunya pendudukan Francis Light di Pulau Pinang pada tahun 1786.¹⁵ Di sini jelas dilihat bahawa orang Cina sudah berada di Kedah dalam tempoh sebelum kedatangan kuasa barat lagi dan telah menjalinkan hubungan dengan bangsa lain serta menetap di Kedah. Hal ini juga membuktikan bahawa hubungan awal di antara Kedah dan China sudah berlaku sebelum kedatangan kuasa barat lagi dan telah menjalinkan hubungan dengan bangsa lain serta menetap di Kedah.¹⁶

Seterusnya, hubungan awal di antara China dengan Kedah juga dapat dilihat pada kurun ke-18 melalui hubungan ekonomi yang terjalin di antara kedua-duanya. Perkembangan ekonomi di Mukim Tualang yang terletak di daerah Kota Setar menjadi bukti wujudnya kegiatan ekonomi di antara Kedah dengan China. Pada abad ke-18, dilaporkan hampir 150 pikul lilin keluaran Mukim Tualang yang dihasilkan daripada sarang lebah telah dieksport setiap tahun. Kebanyakan pembelinya adalah dalam kalangan “Jin Wangkang” atau tongkang-tongkang Cina.¹⁷ Kegiatan ini

¹³ Ahmad Jelani Halim, “Perdagangan dan Pedagang Islam di Kedah Pada Abad Ke-17 & 18M-Satu Tinjauan”, *Konvensyen Sejarah Islam di Kedah Darul Aman*, hlm. 3.

¹⁴ Ibid., hlm. 7.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Adminitrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, Sintok, Universiti Utara Malaysia, 2016, hlm. 16.

¹⁷ Nabir Hj. Abdullah, “Petempatan Awal di Pulau Pinang: Petempatan dan Isu “Lord of the Soil” Sebelum dan Sewaktu Pendudukan Inggeris di Pulau Pinang”, *Majlis Polemik Sejarah Malaysia*, Auditorium P. Ramlee, Kompleks Pustaka Warisan Seni, Pulau Pinang, 12 Jun 2012, hlm. 24.

membuktikan bahawa kewujudan sumber di Kedah telah membentuk hubungan awal dalam aspek ekonomi. Di samping itu, barang dagangan yang lain seperti burung layang-layang turut mendapat permintaan orang Cina di Kedah.

Di antara hasil mahsul negeri Kedah yang mendapat permintaan daripada negara China ialah bijih timah dan bijih besi, hasil hutan seperti daun dan akar kayu, madu lebah, kulit, tulang dan sumbu harimau dan badak untuk tujuan ubat-ubatan. Di samping itu, hasil laut seperti sirip jerung, *fish maw*, umpai-umpai dan sarang burung yang merupakan makanan kelas atasan serta tripang dan gamat yang digunakan dalam perubatan turut mendapat permintaan daripada China. Permintaan terhadap hasil eksport tersebut jelas membuktikan telah wujud hubungan perdagangan awal di antara Kedah dan China. Selain negara China, hasil mahsul negeri Kedah juga mendapat permintaan daripada negara-negara Arab dan Eropah.¹⁸

Thomas Forrest yang pernah membuat lawatan ke Kedah pada tahun 1783 pernah mengulas mengenai perdagangan China di negeri itu. Menurutnya:

The Government is monarchical, under Mohammedan prince, who like many other Malay princes engrosses almost all the whole foreign trade of the port, exception that of an annual Chinese junk, which pays a certain sum only as duty and then has leave to trade freely with the inhabitants. This junk imports immense quantities of coarse China-ware, thin iron pans, and many other article from that country and exports biche de mer, called swallow, sharks fins, edible birds nests, rattans, tin, dammer, tortoise-shell, deer skins and sinews, bullock and buffaloes hide and horn, and many other coarse articles.¹⁹

Berdasarkan petikan tersebut, dapat dibuktikan bahawa sebelum abad ke-19, Kedah telah menghasilkan pelbagai barang yang mendapat permintaan daripada negara China. Hal ini sekali gus membuktikan sememangnya wujud hubungan perdagangan

¹⁸ Ibid.

¹⁹ V. Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, London: Oxford University Press, 1965, hlm. 261.

awal di antara Kedah dan China bagi mendapatkan hasil-hasil seperti yang dinyatakan oleh Thomas.

2.3 Sejarah Awal Kedatangan Orang Cina ke Kedah

Secara umumnya, kemasukan orang Cina ke negeri Kedah berlaku melalui pelbagai cara dan kaedah. Kaedah pertama ialah melalui pembiayaan sendiri ataupun secara persendirian, manakala kaedah yang kedua pula ialah melalui sistem tiket kredit.²⁰ Pada peringkat awal, kemasukan orang Cina ke Kedah adalah berasaskan kepada hubungan persaudaraan.²¹ Perhubungan yang sudah terjalin memudahkan orang Cina untuk melakukan penghijrahan secara sendirian ke Kedah dengan pembiayaan sendiri. Bagi orang Cina yang melakukan penghijrahan secara persendirian, mereka bebas melakukan sebarang pekerjaan di Kedah dan tidak terikat dengan mana-mana agensi atau pertubuhan yang mengawal kemasukan pekerja asing.

Mereka biasanya menjalankan kegiatan sendiri seperti perniagaan. Misalnya, seorang Cina yang dikenali sebagai Lim Chok dari suku Hokkien telah melakukan penghijrahan secara persendirian ke Kedah dan terlibat dalam bidang perniagaan membuat kawah dan kuali yang bertempat di Lesong, Mukim Nawa Kedah.²² Selain perniagaan, orang Cina yang datang ke Kedah juga turut terlibat dalam aktiviti pertukangan, pertanian dan buruh.²³

Sementara itu, sistem tiket kredit merupakan salah satu lagi kaedah kemasukan orang Cina ke negeri Kedah. Dilaporkan terdapat ribuan buruh Cina yang

²⁰ C. James Jackson. *Planters and Speculators: Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786-1921*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 4.

²¹ Lee Yok Fee, *Identiti Cina Malaysia: Elemen dan Pembentukan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014, hlm. 17.

²² Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2008, hlm. 37.

²³ Chandariah Rao, Bruce Ross-Larson & et.al, *Issues in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (ASIA) LTD, 1977, hlm. 30.

dibawa masuk ke Tanah Melayu melalui sistem ini.²⁴ Sistem tiket kredit merujuk kepada pembiayaan tambang atau wang perbelanjaan yang dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab membawa masuk ribuan buruh Cina ke Tanah Melayu.²⁵ Pembiayaan tersebut adalah dalam bentuk pinjaman kewangan yang diberikan oleh broker buruh (*coolie-brokers*), tekong atau ejen buruh kepada buruh.²⁶

Berdasarkan sistem tiket kredit, buruh yang membuat pinjaman wang perlulah bekerja di bawah broker tersebut sehingga hutang mereka berjaya diselesaikan. Lazimnya, pihak broker atau ejen akan menghantar orang Cina yang berhutang kepada tauke-tauke yang memerlukan tenaga buruh. Di Kedah, antara *singkheh*²⁷ yang pernah berhijrah melalui sistem tiket kredit ini dikenali sebagai Lee Tan Kuan (Singkheh Chiang Chiu) yang berhijrah ke Alor Setar.²⁸ Kebiasaannya, buruh Cina yang terlibat dalam sistem tiket kredit ini adalah terdiri daripada golongan peladang dan pekebun miskin. Perjalanan hidup mereka pada awalnya adalah terikat dengan kuasa di Singapura. Ini disebabkan terdapat buruh Cina yang berhijrah melalui orang tengah (broker) dari Singapura. Setiap buruh harus menyelesaikan setiap pinjaman setelah melakukan penghijrahan yang membuatkan wujudnya hamba berhutang.²⁹ Situasi inilah yang menyebabkan pergantungan buruh-buruh Cina terhadap broker.

Selanjutnya, kemasukan orang Cina ke Kedah juga berlaku melalui negara jiran iaitu Siam. Daerah Yan misalnya menerima kedatangan orang Cina yang

²⁴ Lee Yok Fee, *Identiti Cina Malaysia: Elemen dan Pembentukan*, hlm. 17.

²⁵ Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800 – 1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002, hlm. 175.

²⁶ Lee Yok Fee, *Identiti Cina Malaysia: Elemen dan Pembentukan*, hlm. 17.

²⁷ W. L. Blythe berpendapat bahawa kegiatan membawa masuk pedagang yang dinamakan *singkheh* ini tidak ubah seperti memperniagakan binatang, malahan pendatang-pendatang ini telah dilayan seperti haiwan semasa dalam pelayaran yang penuh sesak kerana bilangannya terlalu ramai dan menggunakan kapal yang kecil. Keadaan ini mengakibatkan ramai yang mati dalam pelayaran yang mengambil masa berhari-hari kerana diserang penyakit. Oleh sebab sistem pengambilan ini melibatkan penganiayaan terhadap buruh-buruh Cina, kerajaan Inggeris sentiasa melakukan pemantauan untuk memperbaikinya yang mana akhirnya sistem ini diharamkan pada tahun 1914. Rujuk, Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Selangor, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 85. Lihat juga, W. L. Blythe, *Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya, Malayan Branch Royal Asiatic Society*, hlm. 5.

²⁸ Wong Choon San, *A Gallery of Chinese Kapitans*, Singapura: Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan, 1963, hlm. 54.

²⁹ Caroline Wong May Leng, *Sistem Kangcu di Johor, 1844-1917*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara, 1992, hlm. xx.

berhijrah melalui Siam. Di antara individu yang pernah melakukan penghijrahan melalui Siam dikenali sebagai Choong Cheng Kean. Beliau merupakan *singkheh* yang berasal dari Fujian atau juga dikenali sebagai Fukien.³⁰ Penghijrahan beliau adalah didorong oleh faktor kemiskinan. Pada mulanya, Choong Cheng Kean hanya sekadar mencuba nasib dengan berhijrah ke rantau Asia Tenggara pada 1860-an hingga 1916.³¹ Beliau masuk melalui Selatan Siam dan kemudiannya terus melakukan perjalanan ke negeri Kedah.

Selain Siam, terdapat juga di antara orang Cina yang berhijrah ke negeri Kedah dengan mengelilingi Semenanjung Tanah Melayu dan kemudiannya berhenti di Pulau Pinang. Mereka seterusnya memasuki Kedah melalui Pulau Pinang. Jika dilihat kembali sejarah awal Pulau Pinang, negeri itu pada mulanya merupakan sebahagian daripada negeri Kedah sebelum berada di bawah penguasaan British pada tahun 1786. Orang Cina sebenarnya dilaporkan sudah pun berada di Pulau Pinang dalam tempoh sebelum penguasaan pihak British.³²

Namun pada masa itu, jumlah orang Cina yang direkodkan tidaklah seramai dalam tempoh selepas penguasaan British. Dilaporkan kebanyakan orang Cina yang masuk ke Pulau Pinang adalah datang dari Singapura dan kemudiannya berhijrah ke negeri-negeri yang lain di Tanah Melayu termasuklah Kedah. Sepertimana yang diketahui, Singapura merupakan pusat pentadbiran yang utama bagi pihak British dan juga merupakan salah sebuah Negeri-negeri Selat. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya Singapura begitu mendapat tumpuan daripada pelbagai pihak termasuklah imigran dari China.

³⁰ Wu Xiao An, “A Prominent Penang Chinese Tow Kay from Kedah, 1857-1916: A Case Study of the Entrepreneur Choong Cheng Kean”, *The Penang History-International Conference 2002*, The City Bayview Penang, 18-21 April 2002, hlm. 2.

³¹ Ibid., hlm. 1.

³² Ibid.

Kedah yang pada masa itu merupakan salah sebuah negeri yang berada di bawah naungan Siam turut menerima kedatangan orang Cina iaitu melalui kemasukan secara terikat atau sistem tiket kredit dan pembiayaan sendiri atau bebas. Pada abad ke-19, Kedah memerlukan begitu ramai tenaga buruh bagi mengusahakan ladang-ladang yang baru dibuka. Hal ini jelas dilihat di era pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin (1854-1879), di mana baginda begitu memberi galakan kemasukan orang Cina di negeri Kedah bagi memenuhi keperluan tenaga buruh dalam sektor pertanian. Pada masa ini, Sultan Ahmad Tajuddin telah melakukan pembaharuan dalam ekonomi Kedah dengan memberi tumpuan terhadap kegiatan pertanian.³³ Baginda misalnya telah mengambil inisiatif dengan membuka ladang kopi di Bukit Pinang. Pembukaan ladang ini seterusnya telah membawa kepada pertambahan penduduk di Anak Bukit dan Langgar.³⁴ Menurut Mashitah Haji Mohd Noor,

...bersamaan 1870, bulan Januari, Duli Bagida Sultan Yang Maha Mulia membuka Kebun kopi di Bukit Pinang serta diberi tanah pada saudagar Cina perbuat kebun kopi, pala, cengkeh, kemudiannya Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia beri tanah kepada Wan Mat Saman bin Wan Ismail di Bukit Pinang itu diperbuat Kebun, adapun pada masa itu bertambah-tambah banyak orang India daripada bangsa Hindu dan Cina perbuat kerja dalam negeri Kedah. Pada tahun Hijrah 1286 bertambah-tambah banyak orang (ramai) pekan Anak Bukit dan Pekan Langgar.³⁵

Kehadiran orang Cina ke Kedah telah membawa perubahan dalam ekonomi Kedah. Pelbagai corak ekonomi yang dijalankan oleh orang Cina telah menghasilkan pendapatan yang baik terhadap negeri Kedah. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa kemasukan mereka telah memberi manfaat terhadap ekonomi orang Melayu walaupun

³³ Haji Wan Shamsuddin Mohd Yusuf, "Pusat-Pusat Pentadbiran Kedah Darul Aman Dari Bukit Meriam ke Kota Setar", dalam *Alor Setar 250 Tahun*, Kedah: Perpustakaan Negara Malaysia, 1990, hlm. 8-9.

³⁴ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhamad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 220.

³⁵ Mashitah Haji Mohd Noor, "Anak Bukit Se-Abad 1870-1970" dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur, Penerbit: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 94. Rujuk juga, Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhamad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 330.

dalam masa yang sama, terdapat beberapa unsur negatif yang timbul kesan daripada kebanjiran kaum ini di Kedah.

Selain itu, dalam membicarakan aspek kedatangan orang Cina, timbul beberapa pandangan berbeza mengenai tahun sebenar kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu amnya dan ke negeri Kedah khususnya. Secara umumnya, terdapat beberapa pandangan yang mengatakan bahawa kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu berlaku sejak awal abad masih lagi. Kedatangan mereka dapat dibuktikan berdasarkan penulisan buku Han Shu dan karya Ban Gu yang telah menyatakan bahawa sudah wujud jalinan maritim di antara China, India dan Semenanjung Tanah Melayu.³⁶ Selain itu, R. Bonney dalam kajiannya turut membincangkan isu mengenai tahun sebenar kedatangan orang Cina ke negeri Kedah di samping turut menyentuh hal ehwal penglibatan orang Cina di dalam ekonomi Kedah.³⁷ Menurut beliau juga, pada abad ke-16, dianggarkan terdapat seramai 100,000 orang penduduk di Kedah yang terdiri daripada orang Melayu, Cina, Chulia dan Sam-sam.³⁸

Manakala, menurut Ibrahim Haji Ismail dalam kajiannya *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, ketika Francis Light berada di Pulau Pinang pada tahun 1786, terdapat seorang Cina yang datang menghadiahkan beliau serawan jala yang digunakan untuk menangkap ikan.³⁹ Berdasarkan kenyataan beliau jelas memperlihatkan bahawa sememangnya sudah wujud terdapat kedatangan orang Cina di Kedah pada masa itu. Orang Cina datang dari kawasan yang berdekatan seperti Kuala Muda dan Kulim. Hal ini disebabkan kawasan tersebut merupakan kawasan tumpuan bagi kegiatan ekonomi

³⁶ Zawiyah Mat dan Mashitah Sulaiman, “Interaksi Budaya India & Cina ke atas Pengukuhan Bahasa dalam Tamadun Melayu”, dalam MALIM: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, Bil. 8, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007, hlm. 117-118.

³⁷ R. Bonney, *Kedah, 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 6.

³⁸ Ibid., hlm. 8.

³⁹ Haji Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, hlm. 15. Lihat juga, Ismail bin Md. Isa, ‘Sejarah Pekan Cina, 1821-1945: Asal Usul Penubuhan dan Perkembangan Hingga Zaman Pendudukan Jepun’, Latihan Ilmiah, Universiti Sains Malaysia, 1988/1989, hlm. 5. Lihat juga V. Purcell, *The Chinese in Malaya*, New York: Oxford University Press, 1967, hlm. 115.

orang Cina. Tambahan pula, kedudukan Kuala Muda dan Kulim yang berdekatan dengan Pulau Pinang telah mendorong kemasukan orang Cina ke negeri Kedah.⁴⁰

Kedatangan orang Cina ke negeri Kedah sebenarnya dapat dikesan sejak sebelum penyerahan Seberang Perai kepada British sekitar tahun 1800. Pada ketika itu, dilaporkan terdapat orang Cina di negeri Kedah iaitu dari Batu Kawan iaitu di selatan Pulau Pinang.⁴¹ Selain itu, orang Cina turut bertumpu di beberapa buah kawasan utama di Kedah seperti di Kota Setar (utara Kedah) dan Kuala Muda serta Kulim (Selatan Kedah).⁴² Sementara itu, kawasan kedua terbesar di Kedah turut menjadi tumpuan orang Cina untuk menjalankan kegiatan ekonomi iaitu di Kubang Pasu, Baling, Bandar Bahru dan Yan.

Di samping itu, kedatangan orang Cina ke negeri Kedah juga dapat dibuktikan berdasarkan kewujudan Persatuan Kwantung dan Teochew Kedah. Penubuhan persatuan tersebut pada awal 1850-an iaitu selepas pembukaan Pulau Pinang sekali gus membuktikan bahawa orang Cina sudah berada di negeri Kedah dalam tempoh itu. Menurut Ismail Md. Isa, selepas penubuhan persatuan tersebut, orang Cina mula mendiami bandar Alor Setar iaitu di sebuah kawasan yang dikenali sebagai Pekan Cina.⁴³

Selain itu, terdapat pendapat lain yang menyatakan bahawa orang Cina yang berada di Kedah datang dari negeri-negeri Melayu yang berdekatan. Kemungkinan kedatangan orang Cina pada peringkat awal adalah dalam kelompok yang kecil. Misalnya, pada tahun 1854, terdapat 2000-3000 orang Cina yang mendarat di Pulau

⁴⁰ Cheah Boon Kheng, *The Peasant Robbers of Kedah, 1900-1929: Historical and Folk Perceptions*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 31-33.

⁴¹ Wu Xiaoa An, *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941: Kedah and Penang*, hlm. 33.

⁴² Ibid., hlm. 35.

⁴³ Ismail Md Isa, ‘Sejarah Pekan Cina 1821-1945: Asal Usul Penubuhan dan Perkembangan hingga Zaman Pendudukan Jepun’, hlm. 5.

Pinang dan seterusnya menuju ke Province Wellesley.⁴⁴ Di samping itu, kedatangan orang Cina ke negeri Kedah turut dikaitkan dengan pelarian yang terdiri daripada imigran Cina yang melarikan diri dari Melaka kerana pada masa itu telah diserang dan ditewaskan oleh Belanda.⁴⁵

Selain itu, sejarah kedatangan orang Cina ke Kedah juga dapat dilihat semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin III dari tahun 1854 hingga 1879. Pada era pemerintahan baginda, Kedah mengalami zaman pembangunan yang begitu pesat.⁴⁶ Era pembangunan yang dibawa oleh Sultan Ahmad Tajuddin dilihat telah membuka peluang yang besar kepada Kedah untuk terus berkembang.⁴⁷ Baginda dikatakan telah mengambil langkah yang bijak dengan menggalakkan kedatangan saudagar-saudagar asing bagi menjalankan kegiatan ekonomi. Tanah-tanah pertanian dan ladang yang mula dibuka sekitar tahun 1870 merupakan antara anjakan ekonomi yang berlaku pada ketika itu. Pada masa ini, sultan memberikan beberapa kawasan tanah kepada saudagar-saudagar Cina untuk diusahakan penanaman kebun kopi dan cengkih.⁴⁸ Sementara itu, kedai-kedai batu juga mula dibina di sekitar bandar Alor Setar. Kedai-kedai ini telah membuka peluang ekonomi yang besar dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di sekitar Alor Setar.⁴⁹

Semasa pentadbiran Sultan Ahmad Tajuddin III juga, hubungan baik di antara Sultan dengan orang Cina telah mula wujud. Baginda misalnya telah melantik seorang Cina iaitu Ah Sang sebagai Kapitan Cina di Kedah. Kapitan Cina ini ditugaskan sebagai ketua yang berperanan mengawal jumlah kemasukan orang Cina. Beliau mula

⁴⁴ R. N. Jackson, *Immigrant and Labour and the Development of Malaya*, Kuala Lumpur: Ministry Interior, 1960, hlm. 43.

⁴⁵ Thow Eng Kee, *Kedah Selepas Perang Kulim: Faktor British dan Siam dalam Kajian Perkembangan Sosio-Politik Kedah, 1888-1909*, Kangar: Nealdy Publisher & Distributor, 1995, hlm. 25.

⁴⁶ Baharudin Abdul Majid, "Wan Muhammad Saman B. Wan Ismail 1870-1898", hlm. 5.

⁴⁷ Mohd, Isa Othman, *Perkembangan Politik dalam Perspektif Sejarah Kedah, 1990-1999*, hlm. 19. Rujuk Mohamad Sukeri, Rohana Yusof & et.al, *Kedah 100 Tahun, 1900-2000: Isu-isu Politik dan Sosioekonomi*, Sintok, Universiti Utara Malaysia, 2002.

⁴⁸ Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1980, hlm. 74.

⁴⁹ Ismail Md Isa, 'Sejarah Pekan Cina, 1821-1945: Asal Usul Penubuhan dan Perkembangan hingga Zaman Pendudukan Jepun', hlm. 5.

dilantik sebagai Dato' Wijaya Besara setelah wujudnya hubungan baik antara sultan dan juga masyarakat Melayu tempatan, namun jawatan ini adalah merujuk kepada Kapitan Cina yang berperanan sebagai ketua menjaga orang Cina.⁵⁰ Usaha-usaha yang dijalankan oleh Sultan Ahmad Tajuddin III pada masa ini telah menjadikan Kedah cukup membangun ketika itu.⁵¹

Selanjutnya, kedatangan orang Cina juga disebabkan faktor-faktor yang menjadi penarik untuk mereka berhijrah ke Kedah. Misalnya, Kedudukan Kedah sebagai kawasan perdagangan yang strategik antara faktor penting kedatangan orang Cina. Kedah yang dahulunya digelar sebagai Kedah Tua telah berjaya membuktikan kejayaannya dalam kegiatan perdagangan.⁵² Kedudukan Kedah yang strategik berjaya menarik perhatian pedagang-pedagang daripada pelbagai bangsa untuk datang menjalankan perdagangan. Kedudukan Kedah di pintu masuk Selat Melaka dan berpandukan Gunung Jerai menjadikannya strategik dan sesuai untuk kegiatan perdagangan melalui jalan laut. Keadaan tersebut telah memudahkan para pedagang pedagang Cina, Arab, India dan lain-lain membuat persinggahan untuk berdagang. Pada abad ke-14 telah terbukti dengan jelas bahawa Kedah Tua ini terkenal sebagai pusat pelabuhan entreport.⁵³

Kemajuan ini juga disebabkan oleh kemakmuran Kedah Tua dalam selok belok perdagangan yang melibatkan kegiatan di persisiran pantai atau maritim.⁵⁴ Hubungan perdagangan awal yang terjalin dengan pedagang-pedagang dari lain-lain negara merupakan faktor penting yang menjadikan Kedah berkembang sebagai kuasa

⁵⁰ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhamad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 220.

⁵¹ Baharudin Abdul Majid, "Wan Muhammad Saman B. Wan Ismail 1870-1898", hlm. 5.

⁵² Ku Zam Zam Ku Idris, Kedah Dari Perspektif Sejarah dan Kebudayaan, dalam *Kumpulan Rencana Mengenai Kebudayaan Negeri Kedah*, Inti sari Kebudayaan Melayu Kedah, Kedah, Penerbit: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1986, hlm. 1.

⁵³ Nik Haslinda Nik Hussain, "Evolusi dan Pengukuran Identiti Kenegaraan Warisan Utara", dalam Ooi Keat Gin, *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2012, hlm. 41-42.

⁵⁴ Maziar Mozaffari Falarti, *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade and Society*, United Kingdom: The Rowman & Littlefield Publishing Group, 2013, hlm. 20.

kota perdagangan di Asia.⁵⁵ Selain itu, kedudukan Kedah di antara dua tamadun terbesar iaitu tamadun India dan tamadun China turut mengukuhkan lagi kehadiran orang Cina dan India ke Kedah.⁵⁶

Selain itu, hubungan perdagangan antara Kedah dan Pulau Pinang juga merupakan faktor penting kedatangan orang Cina. Hubungan perdagangan di antara kedua-dua negeri itu meningkat setelah pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light sekitar 1786.⁵⁷ Hubungan perdagangan yang berlaku ini adalah berdasarkan pembekalan barang keperluan untuk petempatan baru di Pulau Pinang. Contohnya, apabila Pulau Pinang memerlukan kayu atau balak bagi membina jeti dan rumah-rumah masyarakatnya, pesanan barang akan dilakukan melalui surat *cit*.⁵⁸ Selain itu, sumber makanan termasuk beras merupakan komponen penting dalam perdagangan ini. Dalam tempoh ini, fokus perdagangan adalah di pangkalan Kuala Kedah. Sementara itu, bagi Kedah pula, pihaknya memerlukan cандu, rotan, kapas dan kain dari Pulau Pinang.

Jika dilihat hubungan perdagangan ini adalah positif bagi kedua-dua pihak untuk memenuhi barang yang diingini. Selain itu, dapat dinyatakan juga bahawa kesan permintaan barang dari Pulau Pinang menyebabkan pemodal-pemodal Cina mengambil langkah berhijrah ke Kedah. Ini disebabkan terdapat kawasan-kawasan di Kedah yang belum diterokai sepenuhnya oleh masyarakat Kedah.

Hubungan Pulau Pinang dengan Kedah telah menggalakkan pembabitan orang Cina secara meluas. Dalam hal ini, saudagar-saudagar Cina dari Pulau Pinang

⁵⁵ Jabil Mapjabil, “Padi Sebagai Warisan Identiti Ekonomi Kedah”, dalam Ooi Keat Gin, *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, hlm. 222.

⁵⁶ *Ibid.*, hlm. 223.

⁵⁷ Ahmad Jelani Halimi, “Surat-surat Perdagangan Kedah-Inggeris Pada Separuh Pertama Abad Ke-18”, Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, *Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu III*, 3-5 Jun 2003, hlm. 2.

⁵⁸ Surat *Cit* merupakan surat atau nota-nota ringkas untuk memesan barang dagangan atau surat pemberitahuan bahawa barang telah sampai atau telah diterima. Surat ini adalah ringkas di mana terus kepada tujuan sebenar untuk memesan barang. Rujuk Ahmad Jelani Halimi, *Surat-surat Perdagangan Kedah-Inggeris Pada Separuh Pertama Abad Ke-18*, hlm. 3.

mengambil peluang melakukan pelaburan dalam sektor perladangan di Kedah. Misalnya, Tauke Lim Lan Jak yang mengusahakan perladangan ubi kayu, kopi di Kulim dengan keluasan tanah yang diusahakan beliau sebanyak 14,000 relong bersamaan 809 hektar.⁵⁹ Beliau mendapat kepercayaan sultan Kedah apabila mampu menyumbang hasil pendapatan kepada sultan.

Lanjutan daripada hubungan perdagangan tersebut, pelbagai bentuk sektor ekonomi telah mula berlangsung di Kedah. Salah satunya ialah perkembangan penjualan candu yang dimonopoli oleh orang Cina. Candu menyumbang pendapatan yang penting di Kedah sebelum abad ke-20 lagi, ketika itu pasaran candu sudah kerap dijalankan oleh orang Cina. Manakala, peranan sultan dalam memberi persetujuan terhadap penjualan candu semata-mata untuk memperoleh hasil keuntungan melalui aktiviti penjualan tersebut. Bagi orang Cina pula memperoleh tanah untuk sahaja bertujuan memperoleh tanah untuk dipajak.

Pada abad ke-17 dan 18 Masihi, hubungan perdagangan China dan Kedah berjalan dengan lancar. China memerlukan barang dari Kedah untuk dipasarkan di China seperti sarang burung, padi dan sarang lebah. Kegiatan perdagangan tersebut secara tidak langsung telah mendorong orang Cina berhijrah ke Kedah untuk menjalankan hubungan ekonomi. Misalnya, pada abad ke-18 didapati orang Cina yang berada di selatan Siam telah mengambil langkah meluaskan pengaruh ekonomi mereka hingga ke Kedah.⁶⁰

China memerlukan sarang burung dari Kedah yang berpusat di Pulau Langkawi hingga ke Pulau Mergui. Permintaan terhadap sarang burung ini berterusan

⁵⁹ Ibid.

⁶⁰ Ahmad Jelani Halimi, “Perdagangan dan Pedagang Islam di Kedah Pada Abad ke-17 & 18 Masihi: Satu Tinjauan”, *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman “Islam di Kedah Darul Aman”*, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 29-30 September 1996, hlm. 36. Lihat juga, SUK. K. 3310/1349, Repatriation of a Certain Number of Kedah Chinese at the Colonial Government: Reports and also Pay for Future Repatriation. 1931.

meningkat pada abad ke-18. Kenyataan ini dapat dikukuhkan apabila kira-kira 1,000 tongkang Cina telah mendarat di Kedah untuk mendapatkan bekalan sarang burung tersebut.⁶¹

Selain itu, China turut memerlukan bekalan lada hitam dari Kedah. Pertanian lada hitam ini telah diusahakan di Pulau Langkawi sebelum abad ke-18 lagi sebagaimana yang dicatatkan oleh Tom Pires di mana sejak abad ke-15, terdapat 400 bahara lada hitam telah dieksport ke negara China.⁶² Permintaan ini menunjukkan hubungan perdagangan yang positif antara dua negara dalam mengimbangi pendapatan negara masing-masing. Pada abad ke-18, barang yang dihasilkan oleh Kedah ialah bijih timah, rotan, gading, damar, padi beras, ternakan (kerbau), buah-buahan, pinang dan daun sireh. Selain itu, didapati gajah adalah antara keperluan dagangan terpenting sebelum abad ke-18. Permintaan terhadap barang menjadikan pedagang-pedagang Cina berterusan belayar ke Kedah untuk memperoleh barang-barang yang diperlukan. Hal ini menunjukkan bahawa China begitu tertarik terhadap ekonomi Kedah.

Sekitar tahun 1854 iaitu semasa di era kesultanan Ahmad Tajuddin (1884-1879), pembangunan ekonomi Kedah mula beralih ke arah . Semasa di era kesultanan Sultan Ahmad Tajuddin (1854-1879), perkembangan ekonomi Kedah begitu diberi perhatian di mana baginda telah memperkenalkan tanaman komersial dan membuka lebih banyak tanah pertanian. Malahan baginda juga turut memberi galakan kepada saudagar-saudagar Cina untuk membuka kawasan pertanian melalui sistem pajakan tanah.⁶³ Pada masa ini, buruh-buruh Cina telah dibawa masuk bagi memenuhi keperluan ekonomi. Selain itu, sultan juga menggalakkan pedagang Cina terlibat

⁶¹ Ibid.

⁶² Ahmad Jelani Halimi, “Perdagangan dan Pedagang Islam di Kedah Pada Abad ke-17 & 18 Masihi: Satu Tinjauan”, hlm. 24.

⁶³ Foziah Hat, ‘Kedah di Bawah Kepimpinan Sultan Ahmad Tajuddin II Mukarram Shah (1854-1879)’, Latihan Ilmiah, Bangi: Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/1991, hlm. 96.

dalam perniagaan di Kedah dengan membuka perniagaan yang bersesuaian di Kota Setar dan Kuala Muda.⁶⁴

Pada abad ke-19, pelaburan ekonomi di Kedah kebanyakannya datangnya daripada pemodal Cina dari Pulau Pinang. Sultan menggalakkan orang Cina menjalankan kegiatan ekonomi di Kedah adalah dengan memberi konsesi tanah untuk diusahakan. Misalnya, sultan memberi konsesi tanah kepada pemodal Cina dari Pulau Pinang untuk terlibat dalam kegiatan tanaman ubi kayu di selatan Kedah.

Hasil daripada galakan sultan telah menjadikan dasar ekonomi Kedah berkembang positif. Alor Setar dan Kuala Muda telah membuktikan kemajuannya dengan pembabitan pelbagai pihak dalam ekonomi. Dengan itu, dapat ditegaskan bahawa permodenan Kedah telah berlangsung pada kurun ke-19 dengan kebijaksanaan pemerintah Kedah ketika itu.⁶⁵

Permodenan Kedah turut melibatkan sumber semula jadi yang menjadi daya tarik kepada orang asing untuk datang berhijrah ke negeri itu. Walaupun sumber di Kedah tidak sebanyak seperti di NNMB, namun dengan sumber yang wujud tersebut sudah cukup untuk membuktikan bahawa Kedah juga mampu menarik orang asing seperti orang Cina untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa di peringkat awal iaitu sebelum kedatangan orang Cina di Kedah, kebanyakan aktiviti ekonomi Kedah dijalankan oleh orang Melayu. Namun begitu, orang Cina bijak dalam menjalankan aktiviti ekonomi yang memberi keuntungan kepada Kedah. Misalnya, penglibatan mereka dalam kegiatan pertanian iaitu penanaman padi, pengeluaran beras dan sebagainya.

⁶⁴ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 17.

⁶⁵ Kobkua Suwannathat-Pian, “Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879)”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 17, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1989, hlm. 69.

Selain beras, sumber-sumber yang lain seperti bijih timah, lada hitam dan kelapa turut menjadi sumber ekonomi bagi Kedah. Walaupun bijih timah lebih banyak didapati di Negeri-negeri Melayu yang lain seperti Perak dan Selangor, namun kewujudan sumber tersebut di Kedah sudah cukup menarik perhatian orang Cina khasnya dari wilayah Fukien dan Kwangtung untuk berhijrah.⁶⁶ Contohnya, daerah Kulim yang terkenal dengan bijih timah merupakan di antara daerah yang begitu mendapat perhatian daripada orang Cina. Dilaporkan pengeluaran bijih timah di Kulim mula mengalami peningkatan setelah orang Cina mula berhijrah ke kawasan tersebut sekitar 1870-an.⁶⁷

Menjelang tahun 1900, kegiatan perlombongan bijih timah di Kulim menjadi tumpuan para pedagang Cina dari Pulau Pinang dan Syarikat Eropah.⁶⁸ Seperti mana yang diketahui, bijih timah merupakan monopoli diraja dan dengan itu menjadikan pengeluarannya begitu penting dalam sesebuah negeri. Disebabkan itulah, tidak hairan sekiranya daerah Kulim yang kaya dengan sumber bijih timah terus menjadi tarikan daripada pelbagai pihak. Selain Kulim, sebuah lagi daerah yang terkenal dengan bijih timah ialah Kuala Muda. Dilaporkan terdapat ramai orang Cina yang bertumpu di daerah Kuala Muda dan Kulim. Malahan jumlah penduduk Cina di kedua-dua daerah itu juga dilaporkan melebihi jumlah penduduk Melayu. Sementara itu, bagi orang Melayu pula, hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat dalam perlombongan bijih timah.

Sejarah awal Kedah membuktikan bahawa negeri itu mampu berusaha mempertahankan ekonominya daripada merosot. Hal ini dapat dilihat pada abad ke-17

⁶⁶ J. W. Cushman & A. C. Milner, "Eighteenth-and Nineteenth-century Chinese Accounts of the Malay Peninsula", *JMBRAS*, Vol. LII, Part 1, 1979, hlm. 572.

⁶⁷ Khadri Mohd Salleh, 'Masalah Kongsi Gelap dan Pergaduhan Orang-orang Cina di Kulim, Kedah Pada Tahun 1888', Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Kemanusiaan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1988/89, hlm. 3.

⁶⁸ Ibid., hlm. 5.

apabila Kedah diserang oleh pihak Belanda, Siam dan Bugis. Pada masa ini, walaupun Kedah mengalami serangan, namun masih mampu mengeluarkan hasil-hasil ekonomi untuk diniagakan seperti lada hitam, bijih timah, rotan, gading, sarang burung dan lain-lain.⁶⁹

2.4 Populasi Penduduk Cina di Kedah

Di Kedah, terdapat tiga kumpulan etnik yang utama iaitu orang Melayu, Cina dan India-Pakistan. Sebelum abad ke-19, jumlah orang Cina di Kedah adalah sangat kecil. Menurut Thomas Forrest yang pernah membuat lawatan ke Kedah pada tahun 1783, terdapat sekitar 300-400 buah rumah di kawasan bandar yang didiami oleh orang masyarakat Kedah.⁷⁰ Manakala pada tahun 1850 dipercayai telah berlaku penghijrahan orang Cina di Pulau Pinang seramai 2,500 hingga 3,000 orang. Penghijrahan tersebut juga telah membawa masuk orang Cina ke kawasan berdekatan dan antaranya ialah Kedah.

Kemasukan orang Cina daripada pelbagai suku dan dialek telah mewujudkan pengkelasan sosial atau perbezaan dalam pekerjaan di negeri Kedah iaitu yang terdiri daripada kelompok peniaga dan buruh Cina. Pada peringkat awal, kebanyakan kegiatan ekonomi di Kedah didominasi oleh suku bangsa Hokkien.⁷¹ Namun begitu, situasi ini tidak menghalang suku bangsa lain untuk memainkan peranan mereka dalam negeri Kedah. Bagi suku Hokkien, mereka lebih banyak menumpukan perhatian dalam bidang perdagangan dan perniagaan manakala suku Hakka dan Kantonis pula melibatkan diri dalam perlombongan.⁷² Sementara itu, suku Teochew

⁶⁹ Ibid.

⁷⁰ V. Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, London: Oxford University Press, 1965, hlm. 261.

⁷¹ Suku Hokkien merupakan orang yang handal dalam perdagangan, harta tanah, pertanian komersial dalam skala ladang yang besar dan perniagaan runcit berbanding dengan orang Teochew. Suku Hokkien dan Teochew berasal dari Fujian dan Swatow merupakan golongan yang kaya berbanding dengan suku kaum yang lain seperti Kantonis dari Guandong. Rujuk, Ooi Keat Gin, "Mereka Datang untuk Berdagang dan Bermastautin: Perkembangan Pulau Pinang Sebagai Bandar Raya Pelabuhan Kosmopolitan 1780-an 1880-an", dalam Ooi Keat Gin, *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, hlm. 99-100.

⁷² Chandariah Rao, Bruce Ross-Larson & et.al, *Issues in Contemporary Malaysia*, hlm. 30-31.

pula berperanan dalam sektor pertanian gambir dan lada hitam, perniagaan kecil-kecilan dan sebagai pendayung perahu.⁷³ Kesemua peranan yang dimainkan oleh suku-suku Cina ini adalah penting bagi mengembangkan ekonomi negeri Kedah.⁷⁴ Kepelbagaiannya suku orang Cina di Kedah menunjukkan bahawa jumlah orang Cina di negeri itu semakin bertambah dari semasa ke semasa. Pertambahan ini adalah bagi memenuhi keperluan tenaga buruh dalam sektor ekonomi tertentu.⁷⁵

Jika di peringkat awal, kebanyakan imigran Cina yang berhijrah ke Kedah adalah terdiri daripada kaum lelaki, namun situasi tersebut kemudiannya mula berubah apabila imigran-imigran dalam kalangan wanita turut berhijrah ke negeri itu. Sejarah awal kedatangan wanita Cina ke Tanah Melayu sebenarnya dapat dikesan sejak awal abad ke-19 lagi.⁷⁶ Walau bagaimanapun, peratusan imigran wanita Cina yang berhijrah ke Kedah adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan imigran lelaki.

Kekurangan imigran wanita Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu termasuklah di negeri Kedah sebenarnya berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor pertama dikaitkan dengan keengganinan imigran Cina lelaki untuk membawa isteri masing-masing disebabkan mereka tidak bercadang untuk tinggal secara tetap di Tanah Melayu. Dalam hal ini, imigran lelaki Cina tidak digalakkan membawa ahli keluarga khasnya isteri untuk berhijrah disebabkan imigran tersebut sememangnya akan kembali semula ke negara China untuk bertemu dengan ahli keluarga dengan membawa pulang hasil pendapatan mereka dari negara luar.⁷⁷ Faktor kedua ialah

⁷³ Fairisa Othman, ‘Sumbangan Orang Cina di Tanah Melayu Kepada Negara China: 1880-1941’, Disertasi Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2010, hlm. 60.

⁷⁴ Kiyoshige Maeda, *Alor Janggus: A Chinese Community in Malaya*, Tokyo: The Center for Southeast Asian Studies, Kyoto University, 1967, hlm. 1-2.

⁷⁵ Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *Sejarah Kedah Dua Millenia*, hlm. 208.

⁷⁶ Chin Yoon Fong, “Chinese Female Immigration to Malaya in the 19th and 20th Centuries”, *The Eighth Conference International Association of Historians of Asia*, Kuala Lumpur: Malaysia, 25th – 29th August 1980, hlm. 2.

⁷⁷ Julian Lim, “Social Problems of Chinese Female Immigrants in Malaya, 1925-1940”, *Malaysia in History*, Journal of the Malaysian Historical Society, Vol. 23, 1980, hlm. 101.

ketidakmampuan dari aspek kewangan disebabkan oleh kemiskinan yang dihadapi oleh buruh lelaki Cina untuk menampung isteri-isteri mereka di negara luar.⁷⁸

Faktor-faktor inilah yang menyumbang kepada kekurangan wanita Cina di Tanah Melayu termasuklah di Kedah. Julian Lim mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap penghijrahan wanita Cina ke negara luar. Menurutnya,

None of the middle or upper classes nor women emigrate. There is no law in China prohibiting the emigration of women, or any particular class, but there is a reluctance on the part of the Chinese to quit their native country and it is only dire necessity that compels the poor to do so. Of late years, many women have come down, chiefly prostitutes, who are brought by brothel keepers to carry on their trade here. The writer knows no instance of a respectable woman emigrating with her husband.⁷⁹

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dilihat bahawa penghijrahan orang Cina khususnya golongan wanita dilihat lebih banyak berlaku pada akhir abad ke-19. Dalam hal ini, Vaughan's menekankan bahawa tiada halangan atau undang-undang yang dikuatkuasakan di negara China yang melarang rakyatnya melakukan penghijrahan ke negara luar. Malahan dalam tempoh ini juga menyaksikan terdapat ramai pelacur dalam kelompok wanita Cina yang turut melakukan penghijrahan. Mereka dibawa masuk ke negara-negara tertentu oleh pihak rumah pelacuran bagi mendapatkan keuntungan.

Bagi orang Cina di Kedah, walaupun mereka telah berhijrah keluar daripada negara asal, namun adat resam serta budaya hidup mereka tidak pernah dilupakan. Mereka dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran dan merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada penduduk Tanah Melayu.⁸⁰ Pada peringkat awal, majoriti suku kaum Cina yang berhijrah adalah terdiri daripada penganut agama

⁷⁸ Ibid., hlm 2-3.

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 2001, hlm. 88-89.

Buddha Mahayana.⁸¹ Mereka membawa bersama kepercayaan agama ke tempat baru sehingga membawa kepada pembinaan beberapa buah rumah berhala.

2.5 Kegiatan Ekonomi Orang Cina

2.5.1 *Orang Cina dalam Perniagaan Pajakan Hasil Candu, Arak dan Judi*

Pendapatan sesebuah negeri lazimnya adalah berdasarkan cukai yang dikenakan terhadap pihak-pihak tertentu terutamanya melibatkan hal ekonomi dalam negeri. Pendapatan berbentuk cukai ini dilihat amat terkenal dalam kalangan pemerintah dan pembesar Melayu. Kedatangan orang Cina ke negeri Kedah telah membawa pelbagai keunikan perniagaan khasnya yang melibatkan sistem pajakan yang menyumbang hasil pendapatan kepada negeri.⁸² Berdasarkan Kamus Dewan, pajak merupakan satu kuasa yang diperoleh dalam mengerjakan sesuatu dengan melakukan pembayaran sewa kepada kerajaan. Pajakan juga merupakan satu kontrak yang membolehkan orang lain menggunakan atau menduduki tanah tersebut dengan tempoh dan bayaran tertentu.⁸³

Sementara itu, berdasarkan Mining Enactment No. 67, pajakan ditakrifkan sebagai "...a lease of land for mining purposes issued by or under the authority of the Sultan whether before or after the commencement of this Enactment and includes a provisional lease under Section 6".⁸⁴ Berdasarkan penulisan Mohd. Isa Othman pula, sistem pajakan sebenarnya bermula di India iaitu sejak zaman Kerajaan Hindu pada

⁸¹ Yen-Ching Hwang, *The Ethnic Chinese in East and Southeast Asia: Business, Culture and Politics*, Singapore: Time Academic Press, 2002, hlm. 153.

⁸² K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Admininistrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani ,1905-1957*, hlm. 52.

⁸³ Kamus Dewan Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hlm. 1115.

⁸⁴ "Mining Enactment No. 67", dalam G.B. Kellagher, *The Laws of the State of Kedah*, Vol. III, Alor Setar: Kedah Government Press, 1934, hlm. 368.

abad ke-17 yang kemudiannya telah diteruskan oleh kerajaan Islam Moghul.⁸⁵ Dalam pada itu, terdapat juga beberapa negara lain yang turut mengamalkan sistem pajakan seperti Siam iaitu semasa di era kerajaan Ayuthia.

Di Siam, kaedah pajakan dijadikan sebagai sumber pendapatan semasa pemerintahan Rama III dan Rama IV. Sistem pajakan tersebut kemudiannya telah beralih kepada negeri-negeri berhampiran Siam iaitu Kedah dan Perlis. Pada masa ini, para pemerintah negeri mula menggunakan kaedah perniagaan tersebut bagi mendapatkan pendapatan hasil daripada pajakan tersebut.

Dalam pajakan hasil,⁸⁶ pemerintah dan pembesar berperanan dalam memberikan tawaran secara terbuka kepada pihak-pihak yang ingin melakukan pajakan dengan bayaran tinggi. Tawaran tersebut sememangnya diterima baik oleh orang Cina yang berperanan sebagai pengilang, peniaga dan sebagainya. Misalnya, pajakan tanah merupakan anugerah ampun kurnia yang diberikan oleh sultan kepada pihak-pihak tertentu terutama kepada golongan kerabat, pembesar dan mereka yang mendapat kepercayaan sultan. Tanah-tanah yang diberikan terdiri daripada tanah sawah yang mampu membawa pulangan hasil yang lumayan. Dengan itu, golongan atasan mengambil jalan mudah dengan memajak tanah-tanah tersebut kepada orang Cina. Bagi mereka, kesan pajakan tersebut akan turut memberi pendapatan dan keuntungan kepada mereka dengan lebih mudah dan cepat.⁸⁷

⁸⁵ Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 45.

⁸⁶ Pajakan hasil merupakan satu mekanisme yang digunakan bagi mengutip hasil daripada pengeluar hasil pertanian, perdagangan atau pelbagai hasil mahsul dalam sesbuah negeri. Kebiasaannya, pajakan hasil ini dilakukan di daerah-daerah mengikut jenis hasil seperti pajakan hasil terhadap padi, bijih timah, cendri, sarang burung, tanah dan lain-lain. Pajakan ini ditawarkan secara terbuka kepada orang ramai di sesbuah kawasan itu dan ini termasuklah sultan. Mereka yang berjaya meletakkan harga yang lebih tinggi akan berjaya memegang pajakan tersebut selama mana yang dicatatkan di dalam syarat-syarat tender. Sistem ini dikatakan lebih efektif di Kedah dan kebanyakannya mereka yang memperoleh pajakan tersebut adalah dalam kalangan tauke-tauke Cina di Kedah atau Pulau Pinang. Namun di Kedah, keutamaan tender pajakan diberikan kepada mereka yang bermastautin di Kedah walaupun terdapat tauke Cina lain yang menawarkan harga paling tinggi. Keterangan lanjut lihat dalam Badriyah Haji Salleh, “Sejarah Ekonomi Kedah Sehingga Kurun Ke-19”, *Polemik Sejarah Malaysia*, hlm. 311. Rujuk juga Kamus Dewan Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hlm. 519 & 1115.

⁸⁷ Haslindawati Saari, ‘Sejarah Perkembangan Pertanian Padi di Kota Setar, 1880-1940’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UPSI, 2006, hlm. 47.

Kegiatan pajakan di Kedah dilaksanakan sejak abad ke-19 lagi. Sebagai contoh, pada era pemerintahan Sultan Abdul Hamid⁸⁸ pendapatan baginda adalah daripada hasil cukai dan pajak serta perniagaan dari daerah-daerah yang giat menjalankan kegiatan ekonomi.⁸⁹ Dalam hal ini, pajakan merupakan sumber pendapatan utama bagi sultan, golongan atasan serta mereka yang mempunyai hubungan baik dengan sultan. Sebagai contoh, perlombongan bijih timah di daerah Kulim merupakan di antara menyumbang utama kepada pendapatan negeri. Manakala pada tahun 1887, sultan juga telah menyerahkan urusan pengendalian perniagaan padi dan beras kepada tauke Cina yang berdasarkan sistem pajakan.

Di samping itu, sistem pajakan turut memangkinkan perkembangan ekonomi bagi negeri Kedah. Sebagai contoh, pada kurun ke-19, hubungan yang terjalin di antara Kedah dan Pulau Pinang dalam aspek ekonomi telah membawa kepada satu perkembangan perniagaan yang baru apabila sistem pajakan cukai Kedah mula dikendalikan oleh saudagar Cina di Pulau Pinang. Antara orang Cina yang terkenal terlibat dalam pajakan ini pada abad ke-19 ialah Lim Leng Cheak, Choong Cheng Kean, Chiu Ah Cheoh dan Ah Sit. Kebanyakan tender yang dikeluarkan oleh Kedah dengan mudah diperoleh orang Cina sama ada dari Pulau Pinang atau orang Cina yang telah berhijrah ke Kedah. Contoh pajakan yang berlangsung pada tahun 1889 hingga 1891 ialah pajakan candu oleh Chiu Ah Cheoh atau dikenali tauke Ah Cheoh di Kuala Muda, Sungai Daun, Bagan Samah di Kulim dan Langkawi. Jenis-jenis pajakan beliau dapat dilihat pada jadual berikut:⁹⁰

⁸⁸ Sultan Abdul Hamid Shah memerintah Kedah dari tahun 1882 hingga 1943. Baginda merupakan sultan Kedah yang ke-25 dan gemar membuat lawatan ke luar negeri. Selain itu, semasa Kedah berada di bawah pemerintahannya pelbagai perubahan dan pembangunan telah dijalankan sehingga baginda digelar sebagai ‘Bapa Kedah Moden’. Rujuk, Haji Wan Shamsuddin Mohd Yusuf, Pusat-Pusat Pentadbiran Kedah Darul Aman Dari Bukit Meriam ke Kota Setar, dalam *Alor Setar 250 Tahun*, Kedah, hlm, 8-9.

⁸⁹ Thow Eng Kee, *Kedah Selepas Perang Kulim: Faktor British dan Siam dalam Kajian Perkembangan Sosio-Politik Kedah, 1888-1909*, hlm. 53.

⁹⁰ Wu Xiaoa An, *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941: Kedah and Penang*, London: Routledge Curzon, 2003, hlm. 44.

**Jadual 2.1: Jenis Perniagaan Pajakan yang Dipegang oleh Tauke Chu Ah Cheoh,
1889-1891**

Jenis Pajakan	Nilai Tahunan (\$)
Candu	28, 600
Bijih timah Kulim	10, 200
Arak Kulim	2, 600
Pajak gadai Kulim	1, 440
Balak Kulim	400
Candu Kerian	4, 600

Sumber: Wu Xiaoa An, *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941: Kedah and Penang*, London: Routledge Curzon, 2003, hlm. 44.

Tauke yang sama dilaporkan mengambil perniagaan pajakan bagi candu dan arak di kedua-dua negeri tersebut.⁹¹ Dalam hal ini, jelas memperlihatkan bahawa perkembangan ekonomi bagi negeri Kedah menjadi lebih meluas apabila pajakan dibuka kepada orang Cina yang kebanyakannya datang dari Pulau Pinang. Orang Cina tersebut berjaya mendapatkan perniagaan tersebut yang mana menjanjikan pulangan yang baik kepada sultan. Perniagaan tersebut juga telah meningkatkan pendapatan Kedah misalnya pada tahun 1889, Kedah telah memperoleh \$170, 000 setahun. Perolehan tersebut adalah hasil perniagaan padi dan beras sebanyak \$17, 000, candu dan arak \$38,000, perlombongan bijih timah di Kulim pula sebanyak \$26,000 dan Kuala Muda sebanyak \$28, 000.⁹²

Selain itu, Choong Cheng Kean pula antara tauke Cina yang terawal memperoleh perniagaan tersebut di Kedah bermula pada tahun 1888 hingga 1891. Beliau yang merupakan tauke Cina di Kedah dan mendapat pajakan candu yang bertempat di Kuala Muda dan Langkawi. Pada abad ke-19, sudah wujud ramai orang Cina yang berjaya dalam ekonomi di Kedah sehingga dilantik menjadi pembesar.

⁹¹ Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: MacMillan, 1983, hlm. 223-224.

⁹² Wu Xiaoa An, *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941: Kedah and Penang*, hlm. 44.

Contohnya, Lee Yok Siew yang telah dilantik sebagai Dato' Wijaya Besara setelah terbukti berjaya menjadi penyumbang pendapatan kepada sultan dan turut mempunyai hubungan yang baik.

2.5.2 Orang Cina dalam Perniagaan Peruncitan

Sekiranya orang Melayu seringkali dikaitkan dengan aktiviti pertanian, orang Cina pula dilihat begitu sinonim dengan aktiviti perniagaan. Di Kedah, orang Cina kebanyakannya berperanan sebagai tauke dan menjadikan aktiviti perniagaan sebagai teras utama pekerjaan mereka.⁹³ Penglibatan awal orang Cina dalam perniagaan di Kedah berlaku pada abad ke-19 iaitu di era pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah sejak tahun 1854 lagi. Tumpuan orang Cina dalam tempoh tersebut adalah di Alor Setar, Kuala Muda dan di Baling.⁹⁴

Pada abad ke-19, orang Cina kebanyakannya sudah bergelar tauke dan terlibat dalam perniagaan runcit. Tauke-tauke Cina membuka kedai runcit dengan menjual barang keperluan harian. Perniagaan runcit ini bukan sahaja untuk kemudahan komuniti mereka sahaja malah mereka turut menjual kepada orang-orang Melayu.⁹⁵ Misalnya di daerah Yan, kegiatan orang Cina dalam perniagaan sememangnya begitu jelas di mana mereka menjual barang kepada penduduk Melayu di kawasan tersebut. Kedatangan mereka sejak awal lagi telah menunjukkan sikap yang bersungguh-sungguh. Orang Cina ketika itu bekerja dengan melakukan jualan di kampung-kampung orang Melayu. Selain itu, mereka turut membeli ayam dan itik daripada orang Melayu dan kemudiannya menjual kepada pihak lain. Mereka juga

⁹³ Lian Kwen Fee dan Kon Keng We, "Chinese Engterprise in Colonial Malaya: The Case of Eu Tong Sen", *Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 35, Issue 03, October 2004, Printed: United Kingdom, The National University of Singapore, hlm. 415.

⁹⁴ Haji Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, hlm. 104.

⁹⁵ Khalid Ashari, "Catuan Makanan di Bukit Meriam", dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 30.

membuka kedai-kedai runcit di pekan Yan yang mana turut menjadi tempat tinggal mereka.⁹⁶

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa perkembangan awal orang Cina di Kedah adalah bermula dengan kegiatan perniagaan runcit. Mereka menjual barang-barang yang diperbuat daripada buluh dan turut mengambil upah mengisar padi dan tepung.⁹⁷ Manakala, menurut Al Tarikh Salasilah Kedah, perniagaan orang Cina sudah bermula sebelum tahun 1868 lagi.⁹⁸ Ini disebabkan terdapat orang Cina yang tinggal di Alor Setar namun dalam skala kecil. Mereka ini telah menjalankan perniagaan di bandar Alor Setar apabila terbukti banyak rumah kedai yang dibina di dalam Kota Setar tersebut. Peniaga-peniaga telah memenuhi lorong-lorong di Alor Setar dengan kedai-kedai yang dibina dengan batu.

Orang Cina dilihat memberi keutamaan dalam bidang ekonomi khasnya perniagaan yang akan membawa pulangan yang besar kepada mereka. Walaupun kebanyakan orang Cina yang berhijrah ke negeri Kedah merupakan kelompok yang kurang berpendidikan tinggi dan miskin, namun begitu, kekurangan tersebut tidak menghalang mereka untuk menceburkan diri dalam bidang ekonomi. Dalam hal ini, mereka meletakkan aspek orientasi dengan berusaha mencapai kejayaan yang cemerlang. Bagi orang Cina, keutamaan mereka adalah dalam aspek perniagaan yang dilihat dapat membuatkan mereka kaya dan hidup dengan mewah. Mereka juga dilihat begitu giat dalam melakukan pelbagai perniagaan sama ada perniagaan secara kecil-kecilan mahupun besar-besaran. Jika dilihat dari segi sejarah, aktiviti perniagaan dalam kalangan orang Cina sebenarnya bermula dengan peruncitan dan kemudiannya

⁹⁶ Ibid., hlm. 53.

⁹⁷ Ibid., hlm. 106.

⁹⁸ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhamad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 220.

berkembang kepada perniagaan yang lebih besar. Pada peringkat awal menjalankan perniagaan, orang Cina lazimnya gigih mempelajari selok belok perniagaan dan berhadapan dengan pelbagai karenah manusia.⁹⁹

Sikap orang Cina yang bijak mencari peluang telah menjadikan perniagaan yang dijalankan oleh mereka mendatangkan keuntungan yang begitu tinggi. Di samping itu, orang Cina juga terkenal dengan sikap mereka yang gemar berhijrah bagi mencari peluang ekonomi yang lebih baik. Evolusi penghijrahan orang Cina ini berterusan sehingga kedatangan mereka membawa kepada pelbagai perubahan khasnya dalam aspek ekonomi. Dalam konteks ini, kelompok orang Cina jelas menjadi ejen perubahan kepada negeri Kedah. Malahan orang Cina juga merupakan kelompok yang fleksibel apabila mereka mudah untuk membina petempatan sendiri walaupun berada di mana sahaja.

Di samping itu, sikap orang Cina yang berpandangan jauh juga telah menyebabkan sektor-sektor yang diceburi oleh mereka terus berkembang dengan pesat. Sebagai contoh, penglibatan orang Cina dalam sektor perlombongan dan pertanian telah membawa kepada kemunculan aktiviti peruncitan di Kedah.¹⁰⁰ Dalam hal ini, para peruncit Cina mengambil peluang dengan menyediakan bekalan-bekalan yang diperlukan dalam sektor perlombongan dan pertanian.¹⁰¹ Lazimnya, orang Cina yang terlibat dalam perniagaan runcit bukan sahaja terdiri dalam kalangan pelabur, malahan terdapat juga golongan buruh yang telah bebas daripada kontrak kerja dan kemudiannya terlibat dalam pembukaan kedai-kedai runcit.¹⁰²

⁹⁹ Mohd Shariff Abu Samah, *Modenisasi Pentadbiran Negeri Kedah, 1895-1957*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2012, hlm. 14-15.

¹⁰⁰ Alec Gordon, “Contract Labour in Rubber Plantation: Impact of Smallholders in Colonial South-East Asia”, *Economic and Political Weekly*, Vol. 36, No. 10 (March 10-16, 2001), hlm. 847.

¹⁰¹ Peruncitan bermaksud perniagaan runcit yang melibatkan kegiatan pembelian dan penjualan barang secara sedikit-sedikit. Lihat Kamus Dewan (Edisi Keempat), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hlm. 1354.

¹⁰² Lim Thean Bhoon, ‘Saudagar Cina Pulau Pinang di Kedah, 1890-1910’, Latihan Ilmiah, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1988, hlm. 25.

Selain itu, orang Cina juga dilihat mengambil peluang lebih cepat berbanding orang Melayu dengan terlibat dalam perniagaan. Malahan mereka juga dilihat mampu menjalankan kegiatan perniagaan mereka di pelbagai kawasan di negeri Kedah termasuklah di kawasan yang didiami oleh orang Melayu. Didapati kehadiran orang Cina juga telah menyebabkan berlakunya persaingan dengan masyarakat tempatan di Kedah. Hal ini dapat dibuktikan di Alor Setar di mana terdapat orang Cina yang didapati lebih maju daripada orang Melayu. Mereka menguasai ekonomi di bandar Alor Setar dan menjalankan perniagaan di bandar tersebut. Alor Setar telah menyediakan peluang ekonomi kepada orang Cina dalam bidang perniagaan sehingga telah mewujudkan sebuah kawasan yang terkenal dalam kalangan peniaga Cina iaitu ‘Pekan Cina’.¹⁰³

Di sini jelas memperlihatkan bahawa orang Cina bijak dalam mempelbagaikan pendapatan serta memperkembangkan lagi kegiatan ekonomi mereka di negeri Kedah. Penglibatan orang Cina dalam sektor ekonomi khasnya melalui aktiviti perniagaan dilihat sebagai satu mekanisme bagi mengukuhkan lagi kedudukan peribadi, komuniti, keluarga dan bangsa mereka. Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan di sini bahawa kecenderungan orang Cina dalam perniagaan adalah bertujuan untuk meningkatkan status sosial dan kedudukan mereka dalam masyarakat. Bermula dengan hanya peruncitan secara kecil-kecilan, corak perniagaan orang Cina kemudiannya terus melebar dengan maju.

¹⁰³ Khadri bin Mohd Salleh, ‘Masalah Kongsi Gelap dan Pergaduhan Orang-orang Cina di Kulim, Kedah Pada Tahun 1888’, hlm. 1-2.

2.5.3 Orang Cina dalam Perlombongan Bijih Timah

Penglibatan Orang Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah dapat dilihat pada kurun ke-19 lagi.¹⁰⁴ Pada masa ini, mereka berperanan sebagai tauke lombong dan buruh sehingga mampu memperkembangkan dan memenuhi permintaan Pulau Pinang ke atas bijih timah. Keadaan ini telah mendorong orang Cina berhijrah ke Kedah dan membuka lombong-lombong bijih timah di kawasan yang sesuai terutamanya di Kulim. Longgokan bijih timah di Kulim telah berjaya menarik tumpuan kira-kira 400 pelombong Cina pada tahun 1850.¹⁰⁵ Orang Cina yang dikaitkan dengan pembukaan awal kawasan lombong bijih timah di Kulim ialah Chiu Ah Cheoh.

Namun begitu, dalam kegiatan ekonomi ini juga telah dilihat penglibatan orang Cina daripada suku Hui Chew yang datangnya dari Perak. Mereka telah berpindah ke Kulim setelah berlakunya Perang Kulim pada tahun 1865. Perpindahan orang Cina ini telah memperkembangkan kegiatan perlombongan di Kulim. Kesan daripada perpindahan ini telah menyebabkan berlakunya perubahan yang hebat dalam kegiatan ekonomi ini pada suku akhir abad ke-19.

Orang Cina yang terlibat dalam kegiatan ekonomi perlombongan bijih timah di Kedah telah memperkenalkan beberapa peralatan bagi memajukan hasil ekonomi. Hal ini dapat dilihat melalui pengenalan teknik mendulang dan pam air. Walau bagaimanapun, teknologi ini masih lagi berada di tahap yang rendah. Selain itu, komuniti Cina pada masa ini turut terlibat dalam penanaman ubi kayu dan sagu, penternakan khinzir, penjualan candu dan sebagainya. Penglibatan mereka dalam

¹⁰⁴ Lim Teck Ghee, *Peasant and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 12.

¹⁰⁵ Thow Eng Kee, *Kedah Selepas Perang Kulim: Faktor British dan Siam dalam Kajian Perkembangan Sosio-Politik Kedah, 1888-1909*, hlm. 9.

beberapa kegiatan yang dinyatakan di atas dikatakan berlaku sejurus selepas pembukaan kawasan lombong bijih timah.¹⁰⁶

Sebelum abad ke-20, dilaporkan sektor perlombongan bijih timah kurang memberi sumbangan terhadap pendapatan negeri Kedah. Hal ini berbeza dengan kegiatan ekonomi yang lain seperti penjualan candu dan judi yang dilihat menyumbang pendapatan yang begitu tinggi. Sebagai contoh, pada penghujung tahun 1900, jumlah hasil candu dilaporkan sebanyak \$337,400 manakala hasil cukai perjudian pula ialah sebanyak \$66,000. Jumlah ini begitu berbeza jika dibandingkan dengan hasil perlombongan yang hanya sekadar menyumbang \$25,250 sahaja.¹⁰⁷

Walau bagaimanapun, jika dilihat kembali perkembangan penjualan candu dan aktiviti perjudian, kegiatan ini sebenarnya berkembang hasil daripada pembukaan kawasan perlombongan bijih timah di Kedah. Hal ini dapat dilihat apabila pertambahan buruh-buruh Cina khasnya di kawasan perlombongan telah mewujudkan permintaan yang berterusan terhadap candu dan judi. Seterusnya, pemodal-pemodal Cina mula mengambil kesempatan dengan memperluaskan pengaruh ekonomi mereka pada abad ke-20.

2.5.4 Orang Cina dalam Pertanian padi

Negeri Kedah merupakan negeri yang begitu terkenal dengan penanaman padi dan muncul sebagai negeri yang paling banyak membekalkan padi berbanding negeri-negeri yang lain.¹⁰⁸ Dalam hal ini, Kedah memainkan peranan sebagai pembekal padi dan beras yang utama ke negeri-negeri Melayu yang lain. Winstedt dalam kajiannya

¹⁰⁶ Ibid.

¹⁰⁷ Sharom Ahmat, “Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923”, *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Monograph No. 12, 1984, hlm. 23. Lihat juga dalam Asmah Hj. Omar, *Darul Aman: Essays on Linguistic, Cultural and Socio-Economy Aspect of the Malaysian State of Kedah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979, hlm. 159-160.

¹⁰⁸ A. Corteso, *The Suma Oriental of Tome Pires, 1512-1515*, London: Printed for the Hakluyt Society, 1944, hlm. 107.

berjudul *Notes on the History of Kedah* pernah menyatakan bahawa pihak Belanda pernah membeli beras dari Kedah bagi menampung kekurangan beras yang berlaku di Melaka pada tahun 1642. Manakala menurut Bonney pula, eksport beras dari Kedah pada tahun 1785 dianggarkan sebanyak 80,000 pikul. Di antara negeri yang mengimport beras dari Kedah ialah Pulau Pinang.¹⁰⁹

Pertanian padi merupakan sumber yang penting bagi ekonomi negeri Kedah. Perkembangan pertanian padi sebenarnya amat berkait rapat dengan keadaan geografi negeri Kedah yang mempunyai tanah yang sesuai untuk kegiatan tersebut. Penanaman padi di Kedah mula berkembang sejak abad ke-17 lagi. Pada suku kedua abad ke-18, penanaman padi semakin giat dijalankan apabila Pulau Pinang mengambil alih pengurusan sektor ini sehingga menjadi pusat perdagangan yang utama pada ketika itu. Dalam hal ini, golongan petani yang terlibat dalam kerja-kerja penanaman padi menjadi komponen terpenting dalam membantu menggerakkan ekonomi Kedah.¹¹⁰

Pada suku kedua abad ke-18, Kedah mula mengalami proses pemulihan dalam ekonomi apabila pertanian padi menjadi semakin penting. Pada masa ini, pembukaan tanah baru dan tebus guna tanah paya kepada tanah pertanian telah diusahakan di dataran. Keluasan dataran tersebut berukuran 300,000 ekar dan amat subur untuk penanaman padi. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan penulisan Nabir Abdullah yang menyatakan bahawa "...berlakunya pembukaan tanah-tanah baru di kawasan lembah ke utara iaitu dari Lembah Sungai Merbuk".¹¹¹ Sebelum awal abad ke-20, segala monopoli perdagangan beras adalah terletak di tangan sultan dan golongan

¹⁰⁹ R. Bonney, *Kedah, 1771-1821: The Search for Security and Independence*, hlm. 6.

¹¹⁰ Nabir Hj. Abdullah, "Kedah Abad Ke-18: Tinjauan Terhadap Kegiatan Ekonomi", dalam *Kolokium Masyarakat Melayu Abad ke-18*, Bilik Mesyuarat Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia, Anjuran Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 17 Oktober 1987, hlm. 13-14.

¹¹¹ Ibid, hlm. 14.

bangsawan. Sultan dan bangsawan memiliki hak dalam menentukan hasil pengeluaran padi pada ketika itu.

Peranan Kedah sebagai pembekal padi dan beras yang utama di negeri-negeri Melayu dapat dilihat sejak tahun 1864 lagi. Pada tahun itu, pihak pentadbiran Pulau Pinang telah mendapatkan bekalan beras dari Kedah bagi menampung sumber makanan penduduknya kesan daripada peningkatan penduduk yang berlaku di negeri itu. Dilaporkan jumlah eksport beras Kedah ke Pulau Pinang pada ketika itu bernilai \$10,000.¹¹² Melalui kegiatan eksport beras ini, jalinan hubungan perdagangan di antara Kedah dan Pulau Pinang telah mula wujud. Hal ini seterusnya telah membawa kepada kestabilan ekonomi Kedah di mana proses pengeluaran beras kini semakin bertambah dari semasa ke semasa. Dengan kata lain, Pulau Pinang menjadi antara penyumbang modal luar kepada negeri Kedah. Sementara itu, perkembangan pertanian padi di Kedah juga telah digambarkan oleh J. R. Logan pada tahun 1851,

...a magnificent plain which I can only compare to one of the wide plains of Bengal for there is nothing like it the rest of the peninsula. The whole (area) is an immense padi field broken at great intervals by clumps of belts of tress.¹¹³

Seterusnya, hubungan perdagangan yang terjalin di antara Pulau Pinang dengan Kedah telah menarik minat saudagar-saudagar Cina untuk melakukan pelaburan dalam sektor ekonomi tertentu. Wu Xiao An dalam tulisannya ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region, 1882-1941’ ada menyentuh mengenai perbincangan berkaitan ekonomi Kedah di mana salah satunya adalah berkaitan dengan sektor pertanian padi.¹¹⁴ Menurut beliau, penglibatan orang Cina dalam sektor pertanian padi dilihat begitu menyeluruh di mana mereka

¹¹² Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*, hlm. 37.

¹¹³ J. R. Logan, “Notes on Kedah and Pinang”, *JIA*. Vol 5, hlm. 55.

¹¹⁴ Wu Xiao An, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882 – 1941’, Dissertation Phd, Faculty of Social and Behavioural Sciences, University of Amsterdam, 1999, hlm. 237.

dapat mengawal kegiatan tersebut. Malahan penglibatan orang Cina dalam sektor ini telah menggugat kedudukan ekonomi petani Melayu.¹¹⁵ Dalam hal ini, orang Cina didakwa telah mengambil kesempatan terhadap kesulitan dan kesusahan petani Melayu dalam pertanian padi bagi memperoleh keuntungan yang tinggi.

Pada abad ke-19, Sultan Kedah telah memutuskan bahawa tauke Cina diberi hak memungut cukai eksport atas padi dan beras untuk seluruh Kedah. Bagi orang Cina, mereka amat menggalakkan kegiatan pengeluaran padi dan beras. Melalui kegiatan pertanian ini, orang Cina bukan sahaja berperanan sebagai penanam malah mereka ini lebih berperanan sebagai pihak mengawal kegiatan ini.¹¹⁶ Misalnya, tauke Cina yang terkenal pada abad ini ialah Lim Lan Jak yang mendapat hak memungut cukai padi dan beras Kedah. Pada abad ini, orang Cina sudah mula terlibat dalam kegiatan eksport akan tetapi masih pada skala yang kecil. Hasil-hasil padi dan beras tersebut telah diperoleh daripada orang Melayu yang menjalankan kegiatan penanaman padi.

Kedatangan saudagar Cina telah menyebabkan penguasaan ekonomi jatuh ke tangan mereka sehingga peluang petani Melayu untuk mengembangkan ekonomi mereka sangat tipis. Persaingan yang wujud terutama dalam pertanian padi jelas menampakkan kemunduran petani Melayu. Hal ini diburukkan lagi apabila pelaburan yang dibuat oleh saudagar Cina di Kedah telah menyebabkan kaum tani Melayu mengalami kerugian. Apatah lagi, kebanyakan pemegang monopoli Cina di Kedah adalah saudagar dari Pulau Pinang dan hal ini sekali gus menyebabkan peranan orang Melayu dalam ekonomi semakin mengelil.¹¹⁷ Namun begitu, dari satu sudut, peranan

¹¹⁵ Cheah Boon Kheng, *The Peasant Robbers of Kedah, 1900-1929: Historical and Folk Perceptions*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 31-33.

¹¹⁶ E. H. G. Dobby, “The North Kedah Plain a Study in the Environment of Pioneering for Rice Cultivation”, *Economic Geography*, Vol. 27, No. 4 (Oct-1951), Clark University, hlm. 312.

¹¹⁷ Sharom Ahmat, “The Political Structure of the State of Kedah, 1879-1905”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Jilid 1, Bhg. 2, 1970, hlm. 116.

yang dimainkan oleh golongan pemodal Cina telah membantu pembangunan ekonomi Kedah. Hal ini jelas dilihat pada abad ke-20 di mana didapati modal yang dikeluarkan oleh saudagar Cina Kedah telah membawa perubahan dalam ekonomi dan politik Kedah.¹¹⁸ Malahan penglibatan orang Cina dalam pertanian padi juga telah memberi kemakmuran kepada negeri jiran iaitu Pulau Pinang.

2.5.6 Orang Cina dalam Perladangan Getah

Selain daripada perniagaan dan pertanian, orang Cina turut telibat dalam sektor perladangan. Pada abad ke-19, pemodal Cina dari Pulau Pinang didapati terlibat dalam kegiatan penanaman ubi kayu. Kegiatan ini beroperasi di selatan Kedah yang menjadi kawasan tumpuan orang Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah. Di samping menjalankan kegiatan perlombongan, mereka turut mengusahakan penanaman ubi kayu sebagai pendapatan sampingan. Walau bagaimanapun, kegiatan penanaman ubi kayu ini hanya mampu bertahan sehingga tahun 1899. Kemerosotan ini ekoran daripada kemunculan kegiatan perladangan getah pada abad ke-19.¹¹⁹ Keadaan ini menyebabkan para pemodal Cina dari Pulau Pinang beralih tumpuan kepada perladangan getah. Namun begitu, penanaman getah yang bermula pada tahun 1905 hanya berfokus dalam golongan pemerintah dan pemodal Cina sahaja.¹²⁰ Manakala penglibatan mana-mana pihak dalam perladangan ini adalah menerusi sistem pajakan tanah getah.

¹¹⁸ Affifuddin Hj. Omar, *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani: Suatu Kajian Ekonomi-Politik di Wilayah Muda*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 83.

¹¹⁹ James C. Jackson, *Planters and Speculators: Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786-1921*, hlm. 211.

¹²⁰ Ibid., hlm. 226-227.

Getah pada peringkat awal telah mula ditanam di kawasan selatan utara Kedah antaranya Kulim, Kuala Muda, Changlun dan Kerian.¹²¹ Berdasarkan jadual berikut dapat dilihat senarai ladang yang telah dibuka di Kedah pada tahun 1905.¹²²

Jadual 2.2: Senarai Ladang yang Dibuka Pada Tahun 1905

Pemilik Ladang	Daerah	Tanaman
Kedah Rubber Syndicate	Changlun	Getah
Mr. C. L. Rode	Changlun	Getah
Che Ibrahim	Changlun	Getah
H. H. Tunku Ibrahim	Changlun	Getah
Mr. Lim Eow Hong	Kulim	Ubi kayu & getah
Sandilands, Buttery & Co	Kulim	Ubi kayu & getah
Tan Teik Huat & Friends	Kulim	Ubi kayu, getah & kelapa
B. Purdy	Kuala Muda	Getah
Matthew & Schubert	Kuala Muda	Getah
R. Young & Shina Routen	Kuala Muda	Ubi kayu, getah & kelapa
J. L. Pasaual	Kuala Muda	Ubi kayu & getah
Kong Hong An	Kuala Muda	Ubi kayu, getah & kelapa
Chong Ah Phe & Others	Kuala Muda	Ubi kayu, getah & kelapa
Fok Peng	Kuala Muda	Ubi kayu, getah & kelapa
Chua Tow Cheng	Kuala Muda	Ubi kayu, getah & kelapa
Pek Yam	Kuala Muda	Ubi kayu, getah & kelapa
Kedah Rubber Plantation	Krian	Getah
Hamburger Gummi Geselischaff	Krian	Getah
Tan Weng Cheng	Krian	Getah, ubi kayu & kelapa

Sumber: C. O. 716/1, Administration Report of State of Kedah, 1906-1908.

¹²¹ J. H. Drabble, "Investment in the Rubber Industry in Malaya C. 1900-1922", *Journal of Southeast Asian Studies (JSEAS)*, Vol. 3, No. 2, Published: Cambridge University Press on behalf of Department of History, National University of Singapore, 1972, hlm. 253.

¹²² C. O. 716/1, Administration Report of State of Kedah, 1906-1908.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa penglibatan orang Cina dalam sektor perladangan pada masa ini masih kecil berbanding abad ke-20 yang akan dibincangkan pada bab yang seterusnya. Perkembangan kegiatan ekonomi di Kedah sebelum dan sewaktu abad ke-20 telah memperlihatkan bagaimana orang Cina secara berperingkat mula menceburkan diri dalam sektor ekonomi sehingga mampu mengembangkan kegiatan ini di Kedah. Hasil daripada perkembangan kawasan tanah pertanian, perladangan dan sektor perniagaan membuktikan bahawa kemajuan ekonomi Kedah turut melibatkan peranan orang Cina yang datang melabur.

Manakala, pembabitan setiap pemodal turut menjadi penggerak utama terhadap semua perkembangan semua kegiatan pertanian di Kedah. Lanjutan daripada itu juga telah mewujudkan tarikan ekonomi dan persaingan yang membawa kepada pembukaan ladang serta pulangan keuntungan daripada setiap kegiatan tersebut.

2.6 Kesimpulan

Tuntasnya, sejak abad ke-3 lagi, Kedah telah mula dikenali sebagai pusat perdagangan serta persinggahan kapal-kapal dagang dari luar negara menjadikan Kedah sebagai negeri tumpuan para pedagang terutamanya dari negara China, India dan Arab. Pada masa ini Kedah yang dikenali sebagai pusat keagamaan Hindu-Budha turut mengalami perkembangan sebagai pusat *entreport* dan mula dikenali oleh pelbagai negara luar.

Seterusnya, perubahan yang berlaku di Kedah sehingga abad ke-20 telah mempamerkan keunikan dan kematangan dalam sistem pentadbiran dan sektor ekonomi. Para pemerintah yang berjiwa besar pula sentiasa mempunyai idea untuk memantapkan sistem politik dan ekonomi Kedah. Ini telah dibuktikan pada era

kepimpinan Sultan Ahmad Tajudin Mukarram Shah III, Sultan Abdul Hamid yang merupakan pemimpin Kedah pada abad ke-19 dan 20. Sepanjang tempoh pemerintahan tersebut, pembangunan negeri Kedah bukan sahaja berlangsung dalam aspek pentadbirannya, bahkan turut melibatkan perkembangan dalam bidang ekonomi.

Pembangunan yang dirancang telah berjaya membuka peluang ekonomi dan menarik perhatian orang Cina untuk menjalinkan hubungan ekonomi dengan Kedah. Oleh itu, penerobosan golongan pemodal Cina dalam ekonomi Kedah telah menyedarkan pelbagai pihak untuk memastikan pembangunan yang sistemistik. Hubungan ekonomi yang terjalin pada awal abad berterusan berkembang terutamanya pada abad ke-20.

BAB 3

PERANAN ORANG CINA DALAM SEKTOR PERTANIAN PADI, 1909-1941

3.1 Pengenalan

Negeri Kedah dikenali sebagai negeri pertanian dan sehingga hari ini, Kedah terkenal sebagai negeri jelapang padi. Faktor keluasan tanah di Kedah telah memberi ruang untuk kegiatan penanaman padi yang diperkembangkan. Sejarah awal menunjukkan bahawa kegiatan penanaman padi di Kedah hanya dijalankan oleh orang Melayu dalam skala yang kecil.¹ Pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, penanaman padi di Kedah dikaitkan dengan masyarakat Melayu yang terlibat dalam sistem kerah ketika itu. Setelah campur tangan British, corak ekonomi Kedah telah mula berubah ke arah penggunaan teknologi yang lebih moden. Perubahan corak ekonomi tersebut turut menyumbang kepada peningkatan dalam aktiviti perlombongan bijih timah dan getah di Kedah yang berada di bawah kawalan dan penguasaan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Negeri-negeri Selat (NNS).²

Penanaman padi telah menyumbang hasil pendapatan yang baik terhadap pembangunan ekonomi Kedah. Dengan kata lain, pada abad ke-20, corak ekonomi Kedah telah berubah kepada ekonomi komersial.³ Justeru, bab ini akan memfokuskan peranan orang Cina dalam sektor pertanian padi. Selain itu, tinjauan juga turut melihat bagaimana orang Cina boleh berjaya melibatkan diri dalam ekonomi Kedah khususnya dalam bidang berasaskan padi. Selanjutnya, kawasan tumpuan pertanian padi turut

¹ Purcell, Victor, *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, terj. Nik Hasan Nik Mahmood, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1997, hlm. 256.

² Afifuddin Haji Omar, “The Role of Kedah Rice Peasantry in Economic and Political Development of Malaysia”, dalam Asmah Haji Omar (ed.), *Darul Aman: Essays on Linguistic, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysian State of Kedah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1979, hlm. 164.

³ Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 37.

dibincangkan dalam bab ini yang merangkumi perkembangan kawasan-kawasan dan kilang padi di beberapa daerah di Kedah. Selain itu, bab ini turut membincangkan kesan kedatangan orang Cina ke Kedah dalam tempoh tersebut dalam sejarah pembangunan ekonomi negeri Kedah terutamanya dalam sektor pertanian padi.

3.2 Peranan Awal Orang Cina dalam Sektor Pertanian Padi

Penglibatan orang Cina dalam pertanian padi dilihat begitu menyerlah sehingga mereka turut mendapat sokongan daripada pihak sultan sendiri. Namun begitu, sokongan tersebut adalah bersebab kerana pemodal Cina bertindak sebagai sumber kewangan kepada sultan. Atas dasar kepercayaan, Sultan Kedah turut memberikan konsesi tanah kepada orang Cina yang terlibat dalam pertanian di Kedah.⁴ Pada 1910, orang Cina telah mula memberi tumpuan terhadap kegiatan pertanian padi. Dalam masa yang sama, muncul ramai pelabur Cina dan tauke Cina dari Pulau Pinang yang mula memberi tumpuan dan suntikan modal terhadap pertanian padi. Mereka kemudiannya terlibat sebagai pengilang beras dengan menggunakan teknologi yang lebih moden. Misalnya, mereka telah menu buhkan kilang-kilang beras hasil pinjaman kewangan dari Pulau Pinang.⁵

Selain itu, pada tahun 1911 telah berlaku pertambahan peniaga-peniaga Cina di Kedah yang mengusahakan operasi pengilangan padi.⁶ Mereka bertindak sebagai pihak pembeli padi yang kemudiannya membantu meningkatkan sektor ekonomi Kedah. Ketika ini, tumpuan kawasan mereka dalam perniagaan padi dan beras adalah di Kota Setar dengan memiliki 102 orang peniaga. Perniagaan mereka ini lebih besar jika

⁴ Wu Xiao An, “A Prominent Chinese Towkey from the Periphery: The Chong Family”, dalam *Penang and Its Region: The Story of an Asian Entrepot*, Neil Khor et. al (ed.), Singapura: NUS Press, 2009, hlm. 205.

⁵ Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, “Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah”, *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29 (2), (2011), hlm. 49.

⁶ Mohd Isa Othman, “Perkembangan Politik dalam Perspektif Sejarah Kedah, 1990-1999”, dalam Mohamad Sukeri, Rohana Yusof & et.al, *Kedah 100 Tahun 1900-2000: Isu-isu Politik dan Sosioekonomi*, Sintok, Penerbit: Universiti Utara Malaysia, 2002, hlm. 22.

dibandingkan dengan orang Melayu.⁷ Hasilnya, kesan perkembangan sektor pertanian padi juga telah mewujudkan golongan peniaga, perkilangan, pedagang dan peruncit Cina.⁸

3.3 Orang Cina Sebagai Pengilang Padi dan Pemodal

3.3.1 Pemilik Kilang-kilang Beras

Kebanyakan kilang padi yang dibina di Kedah dimiliki oleh orang Cina yang terlibat sebagai peniaga. Kebanyakan mereka lebih cenderung terlibat dalam aktiviti pengilangan berbanding sebagai penanam padi. Di Kedah, terdapat dua kawasan yang menjadi tapak pembinaan kilang iaitu kilang beras yang dibina di pinggir jalan-jalan bandar dan kilang kecil yang dibina di pinggir jalan-jalan kampung.⁹ Semasa era campur tangan British, orang Cina telah diberi peluang yang besar untuk menguasai ekonomi dalam sektor pengilangan padi. Sebagai contoh pada tahun 1913 kegiatan pertanian di Kedah mengalami peningkatan dan telah menyebabkan bertambahnya golongan pengilang, pedagang serta peruncit dalam kalangan orang Cina. Mereka ini telah memonopoli kegiatan tersebut dengan jayanya.¹⁰

Kesan tumpuan orang Cina di bandar besar dalam pertanian padi menyebabkan kilang-kilang padi banyak dibuka di kawasan mereka. Contohnya, kilang-kilang padi di Kedah dilihat banyak dibuka di daerah Kota Setar.¹¹ Malahan kesan pembukaan kilang-kilang beras di bandar telah membawa kepada pembukaan kilang di kawasan kampung. Contohnya pada tahun 1931, terdapat 21 buah kilang beras telah dibangunkan oleh

⁷ R. D. Hill, *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*, Singapura: NUS Press, 1977, hlm. 66.

⁸ Chandariah Rao, Bruce Ross-Larson & et.al, *Issues in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (ASIA) LTD, 1977, hlm. 33-34.

⁹ SUK. K. 660/1348, Annual Report of the Agricultural Department Kedah for the Year 1347 (1928).

¹⁰ Ibid.

¹¹ R. D. Hill, *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*, hlm. 66.

peniaga Cina di mana 15 daripadanya dibina di daerah Kota Setar dan dilengkapi dengan peralatan moden seperti mesin-mesin besar bagi pemprosesan padi.¹²

Dalam aspek pemilikan kilang, didapati dalam tempoh selepas 1909 kebanyakan kilang padi dimiliki adalah oleh orang Cina dari suku Hokkien. Kemajuan perusahaan padi di Kedah adalah hasil hubungan baik sultan dan kepercayaan yang diberikan kepada pemodal Cina.¹³ Salah seorang pemilik kilang padi iaitu Tauke Lim Leng Cheak menerima tawaran daripada Sultan Kedah pada tahun 1888 untuk menguruskan kilang beras berkuasa wap di Kota Setar selama dua puluh tahun. Kemudian beliau terus mendapat keistimewaan apabila diberi lanjutan menguruskan kilang selama lima tahun daripada Raja Muda Kedah. Sepanjang beliau menguruskan kilang padi tersebut, pendapatan kilang tersebut menunjukkan peningkatan yang baik dari tahun ke tahun. Misalnya, dalam kegiatan pengeksportan beras ke Pulau Pinang pada tahun 1909, sebanyak 3,278,000 gantang beras dan 7,950,000 gantang padi telah dieksport. Disebabkan perolehan hasil yang baik, sultan telah melanjutkan lagi tempoh beliau selama sepuluh tahun untuk mengendalikan kilang tersebut di Kota Setar sehingga berakhir pada tahun 1923.¹⁴

Dalam tempoh selepas campur tangan British, perkembangan pembinaan kilang beras didapati telah meningkat. Pada masa itu, orang Cina lebih banyak terlibat sebagai pemilik kilang. Mereka mendapat hasil padi daripada orang Melayu yang mengusahakan penanaman padi dan kemudian dibawa ke kilang untuk diproses. Dalam hal ini dilihat pihak British begitu mudah memberikan keizinan kepada pemodal-pemodal luar melabur di Kedah kerana pemodal-pemodal tersebut memiliki modal yang besar. Misalnya, pada tahun 1921, pihak British telah memberikan kelulusan bagi

¹² X. A. Wu, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882 – 1941’, Dissertation Phd, Faculty of Social and Behavioural Sciences, University of Amsterdam, 1999, hlm. 237.

¹³ Cheah Boon Kheng, *The Peasant Robbers of Kedah 1900-1929: Historical and Folk Perceptions*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 32-33.

¹⁴ R. D. Hill, *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*, hlm. 68. Lihat juga, *Kedah Annual Report, 1909*, hlm. 25.

British membuka kilang beras di Anak Bukit.¹⁵ Contoh seterusnya adalah pada tahun 1938 di mana kilang-kilang baru telah dibina di Kedah dan maklumatnya sebagaimana jadual 3.1.¹⁶

Jadual 3.1: Senarai Kilang Beras Pada Awal dan Pertengahan Tahun 1938

Nama Kilang/Pemilik Kilang	Kawasan	Daerah	Jumlah Keluaran beras (beg)¹⁷
Chin Soon Bee	2 batu daripada J. Langgar	Kota Setar	17
Siang Bee	Jalan Baru Telok	Kota Setar	70
Chuan Heng Bee	Yen, A. Star	Kota Setar	80
Kwong Moh Foong	Singkir	Yen	30
Ban Lee &Co	Kuala Sala	Yen	20
Hoch Chuan Lee	14 ½ batu daripada P. Nyior	Kubang Pasu	16
Hock Sun & Co.	15 ½ batu daripada Tunjang	Kubang Pasu	20
Hock Tien Hin	20 ½ batu daripada Kandis	Kubang Pasu	20
Soo Bak Sek	21 ¾ batu daripada Siputeh	Kubang Pasu	20
Kim Wan	Kampung Sanglang	Kubang Pasu	20
Chin Hong	5 batu daripada Jeniang	Kuala Muda	48
Kim Thai Lee	Semeling	Kuala Muda	7

Sumber: SUK. K. 3381/1357, Rice Mills in Kedah (1938). Lihat juga, X. A. Wu, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882 – 1941’, hlm. 237-238.

¹⁵ Mohamad Muzammil Mohamad Noor, “Sejarah Sosioekonomi dan Pendidikan Masyarakat Melayu Kedah Tahun 1900-1950”, dalam Ishak Saat dan Mohd Akbal Abdullah, *Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Politik dan Perjuangan*, Johor: UTHM, 2010, hlm. 36.

¹⁶ SUK. K. 3381/1357, Rice Mills in Kedah (1938).

¹⁷ Menunjukkan jumlah keluaran padi (beg) dalam akhir tahun 1938 di setiap kilang padi di daerah-daerah tertentu di Kedah. Setiap jumlah keluaran padi telah dicatatkan pengeluarannya dalam tempoh 12 jam sehari. Maklumat ini telah direkodkan dalam SUK. K. 3381/1357, Rice Mills in Kedah (1938).

Berdasarkan jadual tersebut menunjukkan jumlah kilang beras yang telah dibina pada awal dan pertengahan tahun 1938 oleh pemodal Cina mengikut daerah di Kedah. Kilang-kilang yang telah dibina tertumpu di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu. Pertumbuhan kilang beras di Kedah menunjukkan perkembangan yang baik di mana sehingga akhir tahun 1938, sebanyak 12 buah kilang beras telah dibina. Perkembangan kilang-kilang beras tersebut adalah hasil daripada kegiatan penanaman padi yang semakin rancak di Kedah. Dengan kewujudan kilang-kilang kecil dan kilang besar, pemprosesan padi dapat dilakukan dengan lebih cepat dan sistematik. Malah penggunaan mesin berteknologi juga telah menjadi penyumbang kepada pengeluaran hasil beras yang lebih cepat. Sebagai contoh, sesebuah kilang beras dapat mengeluarkan kira-kira 20-80 beg beras dalam sehari.

Sementara itu, berdasarkan jumlah keluaran beras, Kota Setar menduduki tempat paling atas dalam hasil keluaran beras mengikut daerah. Sebagai bukti, hasil gabungan jumlah keluaran beras bagi daerah Kota Setar adalah sebanyak 167 beg beras bagi tempoh 12 jam sehari. Pada peringkat awal ini, kilang-kilang yang sudah dibina didapati masih beroperasi secara perlahan berbanding kilang-kilang padi yang telah dibina pada akhir tahun 1938 di mana sudah mengalami perubahan dalam operasi pengeluaran beras yang lebih cekap.

Seterusnya, Kubang Pasu juga merupakan di antara daerah yang turut aktif dalam pengeluaran padi dan menduduki tempat kedua dalam penghasilan beras. Didapati dalam tempoh pertengahan tahun 1938, sebanyak 96 beg beras telah berjaya dikeluarkan pada tempoh 12 jam sehari. Jumlah ini adalah hasil gabungan lima buah kilang padi di daerah Kubang Pasu yang dimiliki oleh orang Cina.

Manakala, bagi Kuala Muda dan Yan pula hanya berbeza lima beg beras sahaja yang dikeluarkan. Dilaporkan sebanyak 55 beg beras telah dikeluarkan dari daerah Kuala Muda dan 50 beg beras pula dari daerah Yan. Bilangan beg beras yang dikeluarkan oleh kedua-dua daerah ini dilihat lebih kecil berbanding dengan Kota Setar dan Kubang Pasu. Hal ini dapat dikaitkan dengan perbezaan corak operasi pengeluaran yang cekap dalam setiap kilang tersebut. Dalam hal ini, kilang padi yang menggunakan mesin berteknologi tinggi dapat memproses padi dengan lebih cepat dan sekali gus dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh. Sementara itu, kilang yang menggunakan ramai tenaga buruh mengalami pengurangan hasil pengeluaran ekoran penggunaan sumber buruh yang agak terhad.

Oleh itu, tidak hairanlah jika di Kedah, tauke Cina dan pengilang padi Cina sentiasa mencari peluang untuk menguasai ekonomi padi orang Melayu Kedah.¹⁸ Pada penghujung tahun 1938, terdapat beberapa buah kilang masih dalam pembinaan, namun telah menjalankan operasi pengeluaran beras seperti dalam jadual berikut:

¹⁸ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2016, hlm. 17.

Jadual 3.2: Kilang Beras yang Masih dalam Pembinaan di Kedah Pada Akhir Tahun 1938

Nama Kilang/Pemilik Kilang	Kawasan	Daerah	Jumlah Keluaran beras (beg)
Chin Guan Leong	5 batu daripada Anak Bukit	Kota Setar	100
Hoe Seng	2 batu daripada Pumpong	Kota Setar	160
Ban Chuan Leong	Kubang Rotan	Kota Setar	300
Ban Chuan Lee	Kubang Rotan	Kota Setar	90
Ban Heng Bee	Seberang Perak	Kota Setar	300
Ghee Seng	Bt. Besar 11 ½ batu	Kota Setar	220
Thean Peng	Tokai	Kota Setar	200
Hup Soon Hong	Tokai	Kota Setar	140
Hock Hoe Seng	Kuala Sala	Yen	95
Lian Tiak R. M. & Co.	Guar Chempedak	Yen	90
Seng Lee	Kodiang	Kubang Pasu	70
Seng Joo	Sungai Petani	Kuala Muda	170

Sumber: SUK. K. 3381/1357, Rice Mills in Kedah (1938). Lihat juga, X. A. Wu, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882–1941’ hlm. 237-237.

Berdasarkan Jadual 3.2 tersebut menunjukkan senarai kilang beras di Kedah yang masih dalam pembinaan pada tahun 1938. Kilang-kilang beras yang masih dibina ini tertumpu di daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Yan dan Kuala Muda. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Kota Setar menjadi kawasan tumpuan pemodal Cina. Di antaranya ialah faktor kesesuaian tanah yang luas bagi kegiatan penanaman padi. Secara tidak langsung, kawasan ini sesuai untuk dibangunkan kilang-kilang beras berhampiran lokasi pertanian tersebut. Selain itu, di Kota Setar, pemodal Cina yang mengusahakan kilang mudah untuk memperoleh barang-barang keperluan kilang kerana terdapat banyak

peniaga Cina yang telah menjalankan perniagaan di daerah tersebut. Misalnya, perniagaan pasir, elektrik, perkakas-perkakas pertanian dan sebagainya. Di samping itu, kilang-kilang beras tersebut telah beroperasi menggunakan mesin dalam memproses padi dan kaedah ini lebih cepat dan dapat mengurangkan tenaga kerja dalam kilang.¹⁹

Pertambahan kilang padi pada penghujung tahun 1938 menyebabkan ramai pengilang padi Cina kerap melakukan pembelian padi yang murah daripada petani Melayu. Hasilnya, jumlah beg beras yang dihasilkan dalam sehari adalah begitu banyak jika dibandingkan pada awal dan pertengahan tahun 1938. Ini dapat dibuktikan apabila Kilang Ban Heng Bee di Seberang Perak, Kota Setar telah mengeluarkan sebanyak 300 beg sehari pada akhir tahun 1938 di mana jumlah ini merupakan jumlah yang tertinggi dalam tempoh tersebut.²⁰ Antara faktor yang dilihat mempengaruhi pertambahan kilang-kilang padi adalah galakan daripada pemerintah.

Berbeza pula dengan kilang beras Chin Guan Leong yang terletak di daerah Kota Setar iaitu sejauh lima batu dari Anak Bukit. Kilang tersebut didapati telah menghasilkan 100 beg beras dalam tempoh 12 jam. Jika dilihat secara khusus, wujudnya perbezaan dari segi kapasiti beg beras yang dihasilkan di setiap kilang. Oleh itu, perbezaan dari segi faktor pengeluaran dalam perkilangan menentukan kapasiti hasil yang diperoleh. Antara faktor yang mempengaruhi pengeluaran hasil beras adalah modal. Kilang yang menggunakan peralatan pemprosesan yang lebih maju mempunyai modal yang besar. Sebagai contoh, penggunaan jentera-jentera oleh kilang padi Chin Guan Leong adalah lebih moden mampu menghasilkan beg beras yang lebih banyak dalam tempoh 12 jam.²¹


¹⁹ SUK. K. 3381/1357, Rice Mills in Kedah (1938).

²⁰ Ibid.

²¹ Ibid.

Kedudukan kilang padi merupakan aspek penting dalam pertanian padi di Kedah dan sangat memberi kesan terhadap hasil pengeluaran padi. Di Kedah, kebanyakan kilang beras adalah berdekatan dengan bandar. Antaranya ialah kilang beras Chin Guan Leong, Hoe Seng dan Ban Chuan Leong yang dibina di daerah Kota Setar. Walau bagaimanapun, kedudukan kilang beras yang terletak di kawasan bandar telah memberi kesulitan kepada para petani yang tinggal di kawasan kampung di mana mereka sukar untuk menjual hasil pertanian mereka kepada orang Cina. Taburan kilang padi di Kedah dapat dilihat berdasarkan peta di bawah.²²

Peta 3.1: Taburan Kilang Padi di Kedah Pada 1930-an



Sumber: E. H. G. Dobby, "The North Kedah Plain a Study in the Environment of Pioneering for Rice Cultivation", hlm. 288.

Berdasarkan Peta 3.1 jelas menunjukkan kawasan tumpuan bagi pembinaan kilang-kilang beras yang terletak di sekitar kawasan Alor Setar. Perkembangan pesat di Alor Setar adalah disebabkan kemajuan sektor perniagaan yang telah dimonopoli oleh orang

²² E. H. G. Dobby, "The North Kedah Plain a Study in the Environment of Pioneering for Rice Cultivation", *Economic Geography*, Vol. 27, No.4 (Oct-1951), Clark University, hlm. 288.

Cina.²³ Selain itu, di Alor Setar juga terdapat banyak kemudahan yang disediakan kepada setiap peniaga dan pengguna untuk membeli atau memperoleh pelbagai barang. Selain di bandar, kesan perkembangan aktiviti penanaman padi telah mendorong pembinaan kilang di kawasan kampung yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada petani Melayu. Terdapat juga kenyataan yang menyatakan kesukaran menghantar padi ke kilang-kilang di bandar telah menyebabkan kilang-kilang dibina di sekitar kampung.


Pembinaan kilang-kilang di kawasan kampung adalah bertujuan untuk memudahkan para petani menjual hasil padi mereka. Inisiatif ini adalah hasil daripada cadangan yang dilontarkan oleh Frank Birkinshaw dalam satu laporan yang dihasilkan oleh beliau pada tahun 1929. Pada masa itu, beliau telah mengadakan lawatan ke kilang padi di Kedah dan menghasilkan laporan hasil daripada tinjauan tersebut.²⁴ Berdasarkan laporan tersebut, beliau menyatakan bahawa terdapat beberapa kilang yang dibina oleh peniaga Cina terletak jauh daripada kawasan penanaman padi. Beliau menyarankan agar kilang-kilang tersebut dibina berdekatan dengan kawasan padi sawah bagi memudahkan proses pengilangan beras dilakukan. Peniaga-peniaga Cina ketika itu diberikan kebebasan untuk membangunkan kilang-kilang beras di Kedah oleh pihak British. Selain itu, menurut beliau, pembinaan kilang tersebut haruslah mengambil kira pelbagai aspek agar tidak memberi kesan negatif terhadap kerajaan negeri.²⁵

²³ Ibid.

²⁴ SUK. K. 660/1348, Annual Report of the Agricultural Department Kedah (1929).

²⁵ Ibid.

Peta 3.2: Kawasan Penanaman Padi di Alor Setar Pada Tahun 1930-an



Nota Petunjuk:

[Black square]	Rumah Kedai	[Green square]	Padi
[White square]	Kampung	[Purple square]	<i>Sanitary Board</i>
[Orange square]	Paya	[Black square]	Laluan Kereta api
[Blue square]	Sungai		

Sumber: SUK. K. 3381/1355, A Health Survey of Kedah, 1935-1936 (1935).

Kebanyakan kilang padi dimiliki oleh orang Cina dan terdapat juga beberapa kilang yang dimiliki orang Melayu. Kesukaran untuk membawa hasil padi ke kilang di kawasan bandar menjadi salah satu faktor wujudnya kilang-kilang beras di kawasan kampung seperti kilang beras Hoch Chuan Lee berjarak 1/4 batu daripada Pulau Nyior di daerah Kubang Pasu. Kilang ini hanya mampu menghasilkan 16 beg beras sahaja pada satu hari. Walaupun British mengizinkan pembukaan kilang-kilang beras namun kilang tersebut haruslah memiliki kegiatan pemprosesan padi yang aktif. Pihak British misalnya dilihat mempunyai kepentingan tertentu bagi setiap hasil yang diperoleh daripada pengilang padi Cina. British kurang membantu petani Melayu, sebaliknya lebih banyak memihak kepada orang Cina di Kedah. Pihak British juga begitu cenderung dengan pembabitan pemodal Cina dalam sistem ekonomi padi sehingga dikatakan sentiasa memberi persetujuan terhadap permohonan kilang-kilang yang bakal dibina. Hal ini dapat dilihat melalui pembukaan kilang beras di Anak Bukit pada tahun 1921 yang mendapat persetujuan daripada pihak British. Kilang ini dikendalikan oleh Goh Soon Leong yang turut berperanan melantik ejen atau pengilang padi Cina di Kedah.²⁶

Manakala, menurut Frank Birkinshaw, aspek kebersihan dan kesihatan harus dititikberatkan kerana pemprosesan padi yang tidak mengikut piawaian yang betul akan mengakibatkan penyakit beri-beri.²⁷ Selain itu, Frank juga mendapati berlakunya kemerosotan dalam kualiti beras yang dihasilkan oleh kilang padi adalah ekoran daripada masalah kekurangan modal untuk membeli jentera pemprosesan padi yang lebih moden. Selain itu, kurangnya ilmu pengetahuan mengenai aspek perkilangan juga menjadi satu faktor yang menyumbang kepada masalah kemajuan hasil kilang. Ilmu pengetahuan menurut Frank adalah sangat penting dan masalah-masalah yang dihadapi

²⁶ Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, hlm. 37.

²⁷ SUK. K. 3381/1357, Rice Mills in Kedah (1938).

oleh kilang-kilang akan memberi kesan terhadap perkembangan ekonomi kerajaan negeri.²⁸

Sementara itu, hasil lawatan Frank turut mendapati bahan dalam tempoh tersebut kilang beras yang dimiliki oleh orang Cina adalah lebih banyak berbanding dengan orang Melayu.²⁹ Peluang perniagaan telah diambil oleh peniaga Cina untuk menguasai beberapa sektor ekonomi di samping dasar keterbukaan British dalam memperkembangkan sektor ekonomi negeri Kedah.

Pada tahun 1938, penanaman padi masih menjadi kegiatan utama dalam pertanian di Kedah dengan jumlah keluasan penanaman padi seluas 247, 229 ekar.³⁰ Dalam tempoh tahun terakhir, didapati segala hasil penanaman padi di Kedah masih melibatkan ramai orang Cina. Berdasarkan sebuah laporan tahunan 1938, didapati peranan orang Cina sangat signifikan di mana segala proses pembelian dan pengilangan padi adalah dimiliki oleh mereka.³¹ Selain itu, terdapat juga orang Cina yang menduduki tanah bendang yang menjalankan kegiatan penanaman sayur-sayuran.³² Mereka membahagikan tanah pertanian tersebut dengan penanaman padi dan sebahagiannya dengan tanaman sayur. Situasi ini memberi pulangan keuntungan yang lebih kepada mereka dengan menjalankan dua aktiviti.

3.3.2 Pembekal Padi dan Beras

Kilang-kilang yang memproses padi turut mengambil tender-tender membekalkan beras kepada pihak-pihak tertentu.³³ Contohnya, tender kepada Jabatan Penjara pada tahun 1924. Sebelum pihak kilang membekalkan beras yang diproses kepada mana-mana

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid.

³⁰ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the year 1356 A. H.*, Alor Setar: Kedah Government Press, 1938, hlm. 15.

³¹ Ibid., hlm. 18.

³² SUK. K. 660/1348, Annual Report of the Agricultural Department Kedah (1929).

³³ C. O. 273/361/20436, Enclose No. 8 is High Council Sir Anderson Despatch Confidential the 9th June 1910, Meeting at Bakar Bata, Alor Setar, Monday 6th June 1910.

jabatan, permohonan kelulusan tender harus dikemukakan terlebih dahulu. Sebagai contoh, dua orang pemilik kilang padi iaitu Tan Eng Soo dan Bang Seng pernah membuat permohonan untuk mendapatkan tender di Jabatan Penjara. MMN telah meluluskan permohonan tender tersebut dengan membenarkan tender beras sebanyak 400 kuncha dengan harga sekuncha \$23.50 pada tahun 1924.³⁴ Manakala bagi tahun yang sama di pihak Ban Seng, sebanyak 400 kuncha pada harga sekuncha \$24.25 diluluskan oleh MMN. Permohonan ini telah dihantar oleh Penguasa Penjara kepada MMN.³⁵

Terdapat juga bukti lain yang menunjukkan peranan pengusaha Cina dalam membekalkan padi kepada penjara. Misalnya, pada tahun 1925, tender pembekalan beras kepada penjara Alor Setar adalah di bawah Lim Hock Chooi dan Lim Ah Kow sebanyak 600 kuncha dengan harga sekuncha \$22.20.³⁶ Walau bagaimanapun, terdapat syarat yang dikenakan iaitu bekalan yang diterima mestilah bersesuaian dengan kemampuan yang diperoleh pendapatan Penjara Alor Setar. Pembekalan padi ini penting kepada pihak penjara untuk menampung kuantiti bekalan makanan kepada kakitangan dan banduan di seluruh penjara. Oleh itu, kerajaan sering membuka tender-tender kepada para peniaga yang mahu menjadi pembekal beras kepada jabatan-jabatan tertentu dalam kerajaan.

Di sini juga, pengkaji melihat perkembangan faktor dan fungsi penanaman padi begitu meluas dan pengeluarannya yang sangat berkepentingan. Keadaan ini didorong oleh peluang pemasaran beras dalam dan luar negeri Kedah. Peranan pengusaha Cina ini dapat dilihat dengan jelas sebagai pembekal beras terhadap pihak-pihak tertentu.

³⁴ Kuncha merujuk kepada bakul besar atau guni beras. Rujuk, Mahayudin Hj. Yahya, “Undang-undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah Abad Ketujuh Belas, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 39.

³⁵ SUK. K. 1755/1342, Minutes of State Council Meeting held on 18-2-24. Melihat perkara yang sudah dimesyuaratkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri pada 12 Rejab (18.2.24) dalam perkara 9 tender-tender bagi beli padi untuk dalam penjara.

³⁶ SUK. K. 1836/1344, Minute of a Meeting of the State Council held on 31st December 1925.

3.3.3 Pemodal dan Creditor Utama

Pengilang padi Cina di Kedah turut berperanan sebagai pembekal barang runcit dengan memberi pinjaman modal kepada petani Melayu. Selain itu, pengilang Cina juga sering melakukan jualan barang secara hutang. Kegiatan penjualan ini kerap berlaku pada musim penanaman padi dan ketika padi membesar. Secara tidak langsung, mereka menjadi pemodal pinjaman wang kepada penduduk Kedah.³⁷ Kemudian apabila tiba musim menuai, petani Melayu akan menyelesaikan hutang dengan menjual semula padi mereka kepada pengilang padi Cina. Namun, harga jualan akan ditetapkan oleh pengilang dan harga yang ditetapkan pula amat murah. Keadaan tersebut dapat dilihat seperti mana pemerhatian Maxwell pada tahun 1913:

The majority of the padi-planters are at present in the hands of Chinese padi-dealer. Who advance them from time to time during the padi-planting season small sums of money which are repaid in full at the harvest. Not only it interest charged at an exorbitant rate, but the borrower has to sell his crop to the lender at a price much below the market price.³⁸

Terdapat juga orang Cina yang berperanan sebagai broker padi dan mempunyai hubungan dengan pengilang padi Cina. Keadaan ini berlaku apabila broker padi berfungsi sebagai peniaga padi yang membeli daripada pengeluar atau pihak tertentu dan terus dijual kepada pengilang atau broker padi yang lain.³⁹ Pada abad ke-19, mereka turut menjadi peminjam kepada kakitangan pihak kerajaan. Pinjaman ini melibatkan pihak berjawatan tinggi dalam kerajaan yang mahu memperoleh wang dengan mudah dan cepat. Misalnya, Wan Muhammad Saman terpaksa meminjam wang berjumlah

³⁷ C. O. 273/307-309, Vol. 1-2, Memo by the Secretary for the Chinese Affairs in the Present Position of Affairs in Kedah, 25 January 1905.

³⁸ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1331 A. H. (11th December 1912-30th November 1913), hlm. 23.

³⁹ *Kedah Government Gazette*, Vol. 16, No. 61, September 1939, hlm. 430.

\$7,000 daripada saudagar Cina Pulau Pinang dan Sultan Abdul Hamid menjadi penjaminnya ketika itu.⁴⁰

Peranan yang dimainkan oleh orang Cina sebagai pemodal dan *creditor* telah menyebabkan petani Melayu muncul sebagai kelompok yang miskin. Pada peringkat awal, petani Melayu memberi sepenuh kepercayaan kepada pengilang padi Cina untuk memasarkan hasil padi mereka ke luar negeri mahupun dalam negeri. Namun begitu, timbul masalah pengilang Cina semakin lama menunjukkan helahnya dengan mengikat petani Melayu melalui hutang. Keadaan ini telah menyebabkan pergantungan secara berterusan petani Melayu kepada pengilang Cina.⁴¹

Pada masa ini, petani Melayu terikat dengan kaedah hutang yang dikenali sebagai padi kunca.⁴² Kaedah tersebut telah mewujudkan penindasan dan penganiayaan kepada petani Melayu sehingga berada dalam kemiskinan. Kemunculan padi kunca juga dilihat telah melenyapkan kekayaan hasil pertanian yang sepatutnya dimiliki petani Melayu.⁴³ Pada tahun 1930, tauke-tauke kilang beras telah menunjukkan kuasa mereka apabila menetapkan harga bagi setiap pembelian padi daripada petani Melayu. Dalam hal ini ketetapan telah dibuat agar setiap pembelian padi daripada petani Melayu haruslah tidak melebihi \$4 sekuncha. Namun, hakikat sebenar sebelumnya satu kunca padi adalah \$9. Kes ini telah berlaku di Pendang malah akhirnya telah diketahui ketua penghulu Pendang dan Padang Pusing. Situasi ini telah menimbulkan keimbangan ramai pihak terutamanya petani Melayu.⁴⁴ Secara tidak langsung perubahan tersebut telah menjadi satu beban dan masalah kepada petani Melayu. Ini disebabkan

⁴⁰ Thow Eng Kee, *Kedah Selepas Perang Kulim: Faktor British dan Siam dalam Kajian Perkembangan Sosio-Politik Kedah, 1888-1909*, Kangar: Nealdy Publisher & Distributor, 1995, hlm. 25.

⁴¹ *The Straits Times*, Monday, 21 August 1939.

⁴² "Padi Kunca" merupakan amalan kredit yang melibatkan petani Melayu. Manakala istilah umum pula merujuk kepada hutang di mana padi, sama ada bahan-bahan pertanian atau alat-alat penanaman padi yang dipinjam digunakan sebagai medium untuk membuat pembayaran. Petani Melayu juga telah menggambarkan kesusahan yang mereka hadapi disebabkan "evils of padi kunca". Bantuan yang dihulurkan pengilang padi Cina pada peringkat awal telah menyebabkan hutang petani Melayu sentiasa meningkat. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Mokhzani Abdul Rahim, *Credit in A Malay Peasant Economy*, Kuala Lumpur: Arus Intelek Sdn. Bhd, 2006, hlm. 171-173.

⁴³ Affifudin Hj. Omar, "Peranan Padi di Kedah: Sejarah Peranan dalam ekonomi Negeri Kedah", dalam *Alor Setar 250 Tahun, Kerajaan Kedah Darul Aman, 1990*, hlm. 10.

⁴⁴ Mokhzani Abdul Rahim, *Credit In A Malay Peasant Economy*, hlm. 171.

kebanyakan petani Melayu bergantung hidup dengan hasil jualan mereka kepada pengilang padi Cina.⁴⁵

Soal pinjaman dan hutang ini juga berlaku di Kota Setar apabila para petani di daerah tersebut mengalami masalah dengan orang tengah yang memasarkan padi mereka. Orang tengah tersebut ialah pengilang Cina yang telah mengikat petani Melayu dalam bentuk hutang.⁴⁶ Kegiatan hutang ini berlaku sebelum abad ke-20 lagi, dan didapati mereka juga mendapat sokongan daripada sultan iaitu melalui skim pertolongan dan perlindungan kepada pemberi kredit.

Selanjutnya, orang Cina turun berperanan dalam menyediakan modal berbentuk peralatan untuk memudahkan petani Melayu menjalankan kegiatan penanaman padi. Dalam hal ini, didapati peralatan yang digunakan oleh petani Melayu berada dalam serba kekurangan jika dibandingkan dengan peralatan yang dimiliki orang Cina yang lebih efektif. Petani Melayu yang kekurangan peralatan untuk mengerjakan sawah akan ditawarkan pinjaman kewangan serta barang-barangan yang diperlukan untuk bertani. Tawaran tersebut telah diterima petani Melayu dengan memperoleh pinjaman daripada orang Cina yang berperanan sebagai pengilang, pedagang dan peminjam wang profesional.⁴⁷

Disebalik tawaran tersebut terdapat pulangan yang lumayan kepada pengilang Cina. Oleh sebab itu, pengilang Cina telah meletakkan syarat, sekiranya petani Melayu ingin membuat pinjaman kewangan, mereka harus menjual hasil tanaman kepada pengilang Cina dengan harga yang murah. Situasi ini menimbulkan masalah di antara petani Melayu dan pengilang Cina. Sebagai contoh, pada tahun 1930, penghulu Kota

⁴⁵ SUK. K. 773/1350, Information of a Combine of Rice Mills in Kedah & Penang to Reduce Price of Padi to \$4 a Kuncha. Rujuk surat daripada Syed Nong Musthapa Ketua Penghulu Kota Setar kepada Setiausaha Kerajaan mengenai luahan tidak puas hati para petani yang disebabkan tindakan tauke-tauke kilang beras Cina akan menurunkan harga pembelian padi daripada \$9 kepada \$4 Kuncha yang bertarikh 13. 8. 1930.

⁴⁶ G. Mohamed Khan, *History of Kedah*, Penang: Penang Premier Press Co. Ltd, 1958, hlm. 62.

⁴⁷ Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 155.

Setar telah menghantar surat aduan kepada Tuan Ketua Penghulu daerah Kota Setar untuk menyampaikan luahan petani Melayu mengenai tindakan pengilang Cina. Menurut mereka, sekiranya petani Melayu mempunyai wang barulah mereka akan menjual benih padi. Di samping itu, jika petani Melayu ingin meminjam wang atau berhutang, mereka perlu menyerahkan lesen kerbau, lembu dan surat tanah. Walau bagaimanapun, petani-petani tersebut tidak mahu meminjam dari pengilang Cina yang merugikan mereka sendiri. Oleh itu, mereka memohon bantuan kewangan daripada kerajaan bagi membantu mendapatkan benih-benih padi.⁴⁸

Sementara itu, strategi yang digunakan pengilang Cina dilihat membebankan petani Melayu. Bebanan hutang kepada pengilang padi Cina telah memaksa petani Melayu meminta bantuan kerajaan bagi menjamin kedudukan mereka yang sudah terikat dengan pengilang padi Cina. Keadaan ini dapat dilihat pada tahun 1930 yang melibatkan beberapa petani Melayu yang dilaporkan telah meminta bantuan kepada kerajaan. Kesannya, hasil padi pada tahun tersebut didapati menurun sebagaimana yang berlaku di Mukim Sala Besar. Menurut beberapa orang petani Melayu, hasil padi tersebut hanya cukup untuk keluarga sahaja. Mereka tidak boleh menjual hasil padi tersebut kepada pengilang Cina disebabkan hasil padi yang sedikit. Dengan itu, permohonan kepada kerajaan dilakukan bagi memastikan hasil padi tersebut tidak diambil oleh pengilang padi Cina.⁴⁹

Pada tahun 1930, terdapat 39 mukim di bawah daerah Kota Setar yang menjalankan aktiviti ekonomi penanaman padi. Namun, semua mukim didapati terlibat dalam kegiatan jualan padi kepada pengilang padi Cina. Apa yang menyedihkan, tidak semua mukim memperoleh keuntungan daripada hasil padi yang dikeluarkan. Hal ini disebabkan pergantungan atau ikatan hutang yang berlaku antara petani dan pengilang

⁴⁸ SUK. K. 1139/1349, Padi Planters in the mukims of Langgar and Limbong apply for the purchase of padi and rice for their consumption during the time of their preparation for the planting season (1930).

⁴⁹ SUK. K. 1515/1349, Apply for loan for the purchase of padi and rice for their consumption 18 October 1930.

Cina yang telah merugikan mereka. Pada tahun tersebut, hanya 13 mukim sahaja mendapat sedikit keuntungan setelah menjual hasil padi. Manakala 26 mukim lagi mengalami kerugian setelah hasil padi dijual kepada pengilang Cina bagi tujuan melangsakan hutang.⁵⁰ Situasi tersebut dapat dilihat dalam penerangan yang dinyatakan oleh Lim Chong Yah,

Rural indebtedness in Malaya has been usually associated with the *Padi Kuncha* system, under which the farmer gets his credit in advance either in cash or in kind and agree to pay back to the creditors so many kuncha of padi at a price fixed much below the prevailing or expected market price the discount viewed as a form of interest charged, has been very high, often exceeding 100% per.⁵¹

Petani Melayu menyedari bahawa mereka sebenarnya telah ditindas setelah mereka mula memahami hubungan ekonomi yang dijalankan oleh pengilang padi Cina. Situasi penindasan terhadap petani Melayu jelas dapat dilihat dalam abad ke-19 dan kemudiannya berlanjutan sehingga abad ke-20. Hal ini berlaku setelah pihak British mula campur tangan dalam politik Kedah. Kedudukan mereka lebih selesa jika dibandingkan dengan petani Melayu yang semakin lama semakin dikelilingi dengan masalah hutang dan sanggup menggadaikan segala apa yang mereka miliki. Hasilnya orang Cina sangat mudah memiliki tanah-tanah milik petani Melayu. Contohnya, orang Cina memperoleh tanah petani Melayu dengan lelongan tanah disebabkan tidak mampu melangsakan hutang. Pihak kerajaan turut berperanan dalam melakukan lelongan tanah tersebut sekiranya menerima aduan daripada pihak-pihak tertentu.⁵²

Selepas kedatangan British ke Kedah, ekonomi negeri dilihat lebih memihak kepada orang Cina kerana mereka berjaya mengeksplorasi situasi semasa. Situasi tersebut tidak berupaya memulihkan kegiatan penanaman padi petani Melayu sebaliknya mereka terus dicengkam oleh orang Cina. Walau bagaimanapun, interaksi

⁵⁰ SUK. K. 773/1350, Information of a Combine of Rice Mills in Kedah & Penang to Reduce Price of Padi to \$4 a Kuncha (1931).

⁵¹ Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 171-172.

⁵² Mokhzani Abdul Rahim, *Credit In A Malay Peasant Economy*, 150. Lihat juga, dalam Asmah Haji Omar, *Darul Aman: Essays on Linguistic, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysian State of Kedah*, hlm. 136.

pemasaran padi Cina di kedah didapati berkembang dengan baik. Manakala rangkaian kilang-kilang padi yang ditubuhkan menunjukkan perkembangan yang baik. Kemakmuran pengilang-pengilang padi Cina di Kedah ini juga disebabkan limpahan hutang oleh petani Melayu. Dalam soal pinjaman, pengilang Cina juga mempunyai hubungan dengan peruncit Cina dalam menyediakan kemudahan kredit berbentuk wang tunai bagi membeli input-input pertanian padi. Misalnya, para petani Melayu memerlukan baja, racun serangga dan kelengkapan lain bagi melancarkan kegiatan penanaman padi. Kaedah yang digunakan ini dilihat jelas memberi keuntungan yang lumayan kepada pengilang-pengilang padi serta para pedagang Cina.

Dalam hal ini, petani Melayu turut terlibat dalam hutang jual janji. Hutang jual janji tersebut melibatkan hal tanah. Petani Melayu yang didapati mempunyai hutang dengan pengilang Cina terpaksa mencagarkan geran tanah mereka seandainya tidak dapat menjelaskan hutang tersebut. Keadaan ini menyebabkan petani Melayu kehilangan harta mereka sendiri. Peranan yang cuba ditunjukkan pengilang Cina jelas merugikan petani Melayu yang semakin lama semakin ditindas. Meskipun tidak dapat dinafikan orang Cina menjadi penyumbang hasil pendapatan negeri, namun berbeza pula dengan nasib orang Melayu pula yang dilihat terpinggir dalam kegiatan ekonomi di negara sendiri.

3.3.4 Dominasi Orang Cina dalam Teknologi dan Pengangkutan

Pada awal abad ke-20, penggunaan teknologi moden masih berada pada tahap yang rendah di mana para petani hanya menggunakan lesung kaki dan kisar sahaja.⁵³ Situasi ini mendorong pengilang Cina mengambil peluang membeli padi-padi daripada petani Melayu Kedah. Pengilang Cina dengan mudah memperoleh padi yang banyak dan kemudiannya membawa padi-padi tersebut ke Pulau Pinang untuk diproses. Di Pulau

⁵³ Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *Sejarah Kedah Dua Millenia*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2016, hlm. 190-191.

Pinang, mereka menggunakan kelengkapan pemprosesan padi yang moden, misalnya kilang-kilang beras Cina menggunakan teknologi moden iaitu kuasa wap.⁵⁴ Di antara kilang beras di Kedah yang juga menggunakan peralatan moden tersebut pada tahun 1913 ialah kilang di Alor Setar, Mukim Kubang Rotan yang dimiliki oleh tauke Lim Gan. Perkembangan kilang padi berkuasa wap oleh orang Cina terus menampakkan kemunduran petani Melayu dalam pemprosesan padi. Pada tahun 1919, terdapat tiga buah kilang beras besar berkuasa wap yang mula beroperasi.⁵⁵ Kilang-kilang beras tersebut ialah *Ban Hin Mill* dan *Kubang Rotan Mill* di Alor Setar dan *Joo Hin Mill* di Kuala Muda.⁵⁶

Pengilang Cina sangat dominan dalam setiap sistem pemprosesan padi seperti proses pengangkutan padi. Aspek pengangkutan sangat penting bagi melancarkan sesebuah perniagaan. Oleh itu, penglibatan mereka turut mempengaruhi sistem pengangkutan moden yang digunakan dalam pemasaran padi. Pengenalan sistem pengangkutan padi tersebut dilihat telah menyebabkan petani Melayu berterusan tertindas. Kekurangan yang dihadapi telah mengheret petani Melayu ke dalam kemiskinan walaupun telah mengeluarkan hasil padi dengan tulang empat kerat mereka namun diakhirnya, hasil atau keuntungan sebenar dimiliki oleh pengilang Cina.⁵⁷

Kesusahan dan kesukaran petani Melayu dalam memasarkan hasil padi ke bandar telah memberi peluang kepada pengilang Cina mahupun pekedai Cina untuk lebih menindas petani Melayu. Ini disebabkan untuk memasarkan hasil padi ke bandar memerlukan pengangkutan yang sesuai bagi memastikan hasil padi selamat sampai tanpa sebarang masalah. Oleh itu, faktor pengangkutan ini memberi kesukaran kepada petani Melayu kerana mereka hanya memiliki kerbau, sampan atau basikal yang sering digunakan sebagai pengangkutan utama. Dengan menggunakan pengangkutan ini,

⁵⁴ Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, hlm. 155.

⁵⁵ SUK. K. 930/1339, Paddy Harvest, 1930.

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Ibid.

petani Melayu semestinya tidak dapat membawa hasil tuaian padi dalam kuantiti yang banyak ke bandar dan menyebabkan mereka mengalami kerugian kerana memperoleh keuntungan yang kecil.⁵⁸

Suasana ini berbeza dengan kilang-kilang padi yang besar yang memiliki pengangkutan sendiri iaitu lori dan bot kargo. Pengangkutan tersebut memberi kemudahan dan keuntungan yang banyak kepada pemilik kilang ekoran dapat menampung kuantiti padi yang banyak serta mudah dibawa ke kilang untuk diproses.⁵⁹ Selain itu, bagi kilang-kilang beras yang berskala kecil pula, mereka turut memiliki pengangkutan mengangkut padi sendiri seperti bot-bot kecil dan kereta. Manakala, ejen-ejen pengilang padi seperti peruncit atau pekedai pula memiliki kedai yang berkeluasan besar untuk menampung penyimpanan padi dan juga mempunyai kenderaan mengangkut padi seperti lori.⁶⁰

Meskipun petani Melayu telah berusaha memasarkan hasil padi, namun akhirnya mereka terpaksa menyerahkan hasil padi kepada pengilang Cina yang berhampiran disebabkan masalah pengangkutan. Selain itu, terdapat kaedah lain yang cuba diusahakan petani Melayu seperti menggunakan sistem pengangkutan air untuk membawa hasil padi ke tepi jalan dan menunggu lori bagi tujuan memungut padi untuk dibawa secara terus ke kilang.⁶¹

Pada masa tersebut, orang Melayu tidak berfikiran jauh dalam usaha untuk mengembangkan pertanian padi. Selain itu tidak ramai orang Melayu yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan padi. Tambahan pula, orang Melayu pada masa itu hanya menggunakan tenaga kerja kerbau bagi proses membajak dan pada satu ketika mereka menghadapi kekurangan binatang tersebut disebabkan masalah-masalah tertentu.

⁵⁸ Lee Say Lee, “A Study of the Rice Trade in Kedah Before and During Japanese Occupation”, *Journal of the Malaysian Historical Society*, No. 24, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 111.

⁵⁹ Ibid.

⁶⁰ Malay Rice, *The Straits Times*, Monday, 21 August 1939.

⁶¹ Ibid.

Situasi ini telah mendorong pengilang Cina untuk merebut peluang yang ada dengan menggunakan pengangkutan yang canggih bagi menjalankan aktiviti mereka.

3.4 Orang Cina dalam Pemasaran Padi dan Beras


Sektor pertanian padi berkembang maju setelah orang Cina giat mendirikan kilang-kilang beras di Kedah. Kilang-kilang yang didirikan pula kebanyakannya tertumpu di kawasan bandar yang mempunyai pelbagai kemudahan umpamanya di Alor Setar. Manakala, kekurangan dalam kemahiran pemasaran menyebabkan petani Melayu hanya memfokuskan dalam kegiatan pengeluaran padi sahaja. Lantaran itu, pengilang Cina dengan mudahnya mengambil peluang mengembangkan lagi kegiatan mereka dengan melakukan dominasi pemasaran beras. Walaupun pengilang Cina membantu petani Melayu memasarkan segala hasil tuai, namun ia tetap mengundang kesan buruk terhadap petani Melayu. Pengilang Cina ketika ini berperanan mengikat petani Melayu serta mewujudkan pergantungan berterusan yang membawa petani Melayu hidup dalam kemiskinan.⁶²

Interaksi pemasaran padi Cina di Kedah berkembang dengan begitu baik. Rangkaian kilang-kilang beras yang ditubuhkan menunjukkan perkembangan yang positif. Selain itu, pengilang Cina di Kedah juga disebabkan aktiviti berhutang petani Melayu. Oleh itu, interaksi aliran pemasaran padi di Kedah jelas berada di tangan pemodal dan pengilang Cina yang berperanan penting dalam soal perolehan padi dan pemasaran padi dan beras. Struktur aliran pemasaran ini dapat dijelaskan berdasarkan Carta 3.1.⁶³

⁶² G. Mohamed Khan, *History of Kedah*, hlm. 62.

⁶³ Lee Say Lee, "A Study of the Rice Trade in Kedah Before and During Japanese Occupation", hlm. 109.

Carta 3.1: Pemasaran Padi dan Beras di Kedah Sebelum 1941



Sumber: Lee Say Lee, “A Study of the Rice Trade in Kedah Before and During Japanese Occupation”, *Journal of the Malaysia Historical Society*, No. 24, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 109.

Carta 3.1 menggambarkan proses aliran padi dan beras daripada petani kepada pengguna dalam negeri Kedah. Aliran pengeluaran padi dan beras berlaku dalam tujuh tahap yang melibatkan pesawah padi, pekedai atau pembeli, ejen pengilang padi, kilang, saudagar borong, peruncit dan pengguna awam. Proses pembelian dan penjualan di Kedah dijalankan tanpa campur tangan yang meluas daripada pihak kerajaan. Perniagaan beras dikuasai syarikat persendirian melalui permintaan pasaran.⁶⁴

⁶⁴ Ibid.

Penyelarasan sistem pemasaran ini adalah untuk memastikan pengaliran beras berjalan dengan lancar.


Melalui carta aliran tersebut dapat dilihat peranan utama dalam sektor ini adalah petani Melayu (pesawah padi). Mereka memberi tumpuan dalam kegiatan penanaman padi, namun selepas padi-padi mereka dituai, padi akan dibeli oleh beberapa pihak antaranya pekedai-pekedai dan pengilang padi Cina. Padi ini kemudiannya akan dihantar ke kilang utama untuk diproses. Dalam aktiviti pembelian padi, pekedai atau tauke kedai runcit di kampung-kampung berperanan untuk membeli padi petani Melayu bagi memudahkan mereka memasarkan padi. Kekurangan tempat penyimpanan padi dan ketiadaan pengangkutan untuk menghantar padi ke kilang telah menimbulkan masalah kepada petani Melayu. Keadaan ini menyebabkan petani Melayu terpaksa mengambil langkah mudah dengan menjual kepada peruncit kampung dan pengilang padi Cina. Pengilang padi Cina merupakan individu penting yang juga mempunyai hubungan perniagaan dengan tauke kedai runcit berhubung pembelian padi petani Melayu.

Kebiasaannya, tauke-tauke runcit ini akan melakukan pembungkusan padi dalam bentuk beg dan menyimpan di belakang kedai sehingga pengilang padi Cina datang untuk mengambil padi-padi yang telah dibungkus tersebut. Selain itu, terdapat juga petani Melayu menghantar hasil padi mereka secara terus kepada pengilang yang berdekatan dan kebiasaannya adalah pengilang padi kecil.⁶⁵ Gambar 3.1 memaparkan usaha para petani Melayu yang menghantar sendiri hasil-hasil padi mereka dengan menggunakan tenaga pengangkutan binatang seperti kerbau.⁶⁶

⁶⁵ Ibid., hlm. 109.

⁶⁶ Ibid.

Gambar 3.1: Para Petani Melayu Sedang Beratur Menunggu Giliran Untuk Menghantar Hasil Padi Ke Kilang Beras yang Berdekatan dengan Menggunakan Tenaga Binatang, 1930-an



Sumber: Rujuk, *The Star*, 25 June 2001

Gambar 3.2: Para Petani Melayu yang Sudah Selesai Menghantar Hasil Padi dan Terdapat yang Masih Menunggu Giliran untuk Penghantaran Padi, 1930-an



Sumber: Rujuk, *The Star* 25 June 2001

Seterusnya dalam proses aliran pemasaran padi tersebut juga dapat dilihat kepentingan kilang padi dalam proses penghasilan beras sebelum dipasarkan kepada pemborong dan seterusnya pengguna awam. Jumlah mereka yang terlibat sebagai pengilang padi juga adalah ramai. Misalnya pada tahun 1911, terdapat 119 orang tengah yang memiliki lesen pembelian padi dalam negeri Kedah. Pada tahun ini juga didapati petani Melayu cuba bangkit untuk menyaingi pengilang padi Cina. Namun, percubaan tersebut gagal apabila petani Melayu sendiri menyatakan sukar untuk mengatasi penguasaan orang Cina dalam industri padi.⁶⁷

Pengilang padi Cina dilihat begitu efektif dalam melakukan pembelian padi dan pemasaran beras. Keupayaan mereka jelas terbukti sehingga pihak pemerintah memberi amanah dan tanggungjawab dalam memperoleh hasil padi daripada petani Melayu. Dalam hal ini, penindasan terhadap petani Melayu sangat ketara setelah pihak British turut menyokong strategi pemodal Cina dalam urusan pembelian padi tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui penubuhan kilang padi kerajaan pada tahun 1940 di Anak Bukit.⁶⁸ Kilang ini ditubuhkan oleh pihak British sebagai persediaan sekiranya berlaku kecemasan dalam negeri. Pihak pemerintah telah melantik seorang ejen pengilang padi Cina iaitu Goh Soon Leong bagi kilang tersebut. Ejen ini pula sebenarnya telah memiliki pasukannya sendiri yang berperanan dalam pembelian padi secara langsung daripada petani Melayu. Pasukan-pasukan beliau ini telah ditempatkan di beberapa kawasan antaranya Jitra, Kodiang, Langgar, Simpang Empat, Ayer Hitam, Sanglang dan lain-lain. Secara jelasnya, dapat dilihat berlakunya penguasaan pengilang padi Cina di kebanyakan kawasan di Kedah berhubung dengan aktiviti pembelian padi.⁶⁹

⁶⁷ SUK. K. 2362/1329, Applies for a Rice Dealer's License at Bandar Baru (5.7.1911). Lihat juga Surat daripada Ban Sin Bee Estate kepada Penasihat British Kerajaan Kedah di Alor Setar bertarikh 16 September 1919 yang ingin menjadi pengedar beras secara borong di Kulim. Beliau juga menjalankan perniagaan yang sama iaitu sebagai pengedar beras secara borong di Balik Pulau, Pulau Pinang.

⁶⁸ *The Star*, 25 June 2001.

⁶⁹ Ibid.

Proses seterusnya adalah di peringkat saudagar borong yang merupakan pihak yang mendapatkan beras secara pukal daripada pihak kilang. Saudagar borong ini juga antara pihak yang penting dalam saluran agihan beras dan mempunyai hubungan dengan ramai peruncit. Untuk menjadi pemberong beras, mereka harus memperoleh lesen dan disyaratkan untuk mengikut segala peraturan bagi menjadi pemberong beras. Selain itu, dalam proses menjadi pemberong pihak yang terbabit harus mematuhi syarat-syarat yang disediakan oleh kerajaan. Misalnya pada tahun 1919, telah terdapat dikeluarkan peraturan-peraturan bagi dijadikan panduan para saudagar borong beras:⁷⁰

- 1) Pemberong beras tidak boleh menjual beras kepada peruncit tanpa perintah bertulis daripada pegawai kawalan makanan.
- 2) Tidak boleh menjual dalam kuantiti kecil iaitu dalam gantang dan kurang daripada satu beg.
- 3) Peniaga borong hendaklah menyimpan dan mendaftar butiran-butiran mengenai tempat yang akan dibekalkan beras dan bilangan kuli (peruncit) yang terlibat.
- 4) Setiap pesanan beras mestilah dinyatakan dalam bertulis oleh tenaga buruh dan hendaklah ditandatangani oleh majikan atau pengurus buruh.
- 5) Pendaftaran mestilah disimpan di dalam bahasa Inggeris.
- 6) Mereka yang sudah didaftar perlu dibawa ke pejabat ejen kawalan makanan setiap kali ada permintaan beras.
- 7) Setiap pemberong beras hendaklah menyediakan buku resit yang akan dikeluarkan apabila menerima pembayaran yang diterima daripada hasil jualan beras dan butir-butir mengenai amaun dan destinasi beras yang dijual oleh setiap peruncit.

⁷⁰ SUK. K 182/1338, Rules For Guidance of Wholesale Rice Dealers. Rujuk Surat daripada Ejen Kawalan Makanan, Kedah Mengenai Maklumat-maklumat dan Arahan sebagai Pemegang Lesen Pemberong Beras yang Bertarikh 15 Oktober 1919.

Peruncit-peruncit beras ini bukan sahaja terdiri dalam kalangan orang Cina malah terdapat ramai orang Melayu yang menjadi orang tengah atau peruncit beras kepada pengguna. Mereka yang terlibat ini ialah di antara yang telah memperoleh lesen untuk memasarkan beras di kawasan-kawasan tertentu. Walau bagaimanapun peruncit akan memperoleh beras-beras daripada syarikat-syarikat beras tertentu dan kebanyakannya adalah syarikat yang dimiliki oleh orang Cina. Misalnya pada tahun 1919, sebuah syarikat beras iaitu Hock Kee & Co menjadi pembekal dan pemberong beras di Kulim. Dengan itu, terdapat beberapa peruncit yang berperanan dalam memasarkan beras kepada penduduk seperti peruncit Ahat bin Asan, Haji Hamid, Ban Ho Tong, Lim Ah Too, Haji Mun bin Salleh dan lain-lain. Para peruncit ini akan diberikan beberapa kampit beras mengikut jumlah anggaran penduduk di sesebuah kawasan. Pengedaran beras kepada mereka kebiasaannya adalah dalam jumlah kuantiti yang sama contohnya sebanyak 300 kampit beras.⁷¹

Seterusnya, syarikat beras yang terbabit dalam pembekalan beras kepada peruncit ini berada di bawah kawalan kerajaan. Hal ini disebabkan, dalam aspek pengedaran beras serta pemasaran beras kepada peruncit, ada kalanya boleh menimbulkan pelbagai masalah. Pertama apabila berlakunya ketidakseimbangan pengagihan beras kepada para peruncit. Dalam hal pengagihan beras ini, andai berlaku ketidakseimbangan akan memberi kesan negatif terhadap para pengguna. Hal ini disebabkan tindakan tidak bertanggungjawab pihak pemberong apabila mempunyai sikap “pilih kasih” terhadap para peruncit yang berlainan bangsa semasa proses pengagihan beg beras dilakukan oleh pemberong. Sekiranya berlaku ketidakseimbangan beg beras, masalah lain pula akan timbul di mana ia akan memberi kesan kepada para pengguna apabila terpaksa bersaing untuk mendapatkan beras tersebut.

⁷¹ SUK. K. 558/1338, Quantity of Rice Allowed to Retail Rice Dealer in Kulim. Rujuk Surat daripada Peniaga Cina Kulim kepada Pemangku Raja, Alor Setar mengenai pengedaran beras kepada peruncit di Kulim oleh Syarikat Hock Kee & Co. yang bertarikh 26 April 1919.

Masalah ini dapat dilihat di dalam kes yang dilaporkan oleh peniaga beras dari Kulim yang menyuarakan rasa ketidakpuasan hati terhadap pemborong beras iaitu Hock Kee & Co. yang melakukan proses agihan beras secara tidak adil. Menurut para peruncit beras di Kulim, purata pembahagian beras oleh pemborong tidak sama rata, malah tindakan pemborong Cina tersebut jelas menunjukkan wujudnya sikap tidak adil terhadap peruncit Melayu kerana peruncit Melayu hanya diberi sebanyak 160 beg beras manakala peruncit Cina memperoleh sebanyak 300 beg beras. Seharusnya peruncit Melayu juga patut memperoleh kuantiti beg beras yang sama iaitu sebanyak 300 beg beras.⁷²

Akibat pengagihan beg beras yang tidak sama rata telah menimbulkan kesan negatif kepada pengguna khususnya orang Melayu apabila mereka terpaksa bersaing dan berebut untuk membeli keperluan harian tersebut. Didapati pengguna awam yang membeli beras daripada peruncit Cina datang jauh dari bandar dan luar bandar. Ini disebabkan para pengguna sebenarnya tidak berkemampuan untuk membeli beras dalam kuantiti yang terlalu banyak, maka mereka akan melakukan pembelian daripada peruncit-peruncit beras.⁷³

Sementara itu, semasa proses penjualan beras juga, peruncit terpaksa menghadapi masalah tidak mampu memenuhi permintaan pengguna awam yang miskin akibat pengagihan beg beras oleh pemborong yang tidak mencukupi. Selain itu, peruncit beras melaporkan bagaimana situasi yang pernah berlaku setiap hari di Kulim dilihat begitu menyedihkan apabila orang ramai yang berpusu-pusu keluar dari awal pagi untuk membeli beras. Orang ramai yang datang tidak mengira lelaki dan perempuan malah ada yang membawa anak-anak kecil semata-mata untuk mendapatkan keperluan harian tersebut. Apa yang menyedihkan, mereka terpaksa beratur panjang di

⁷² SUK. K. 182/1338, Rules for Guidance of Wholesale Rice Dealers (1919).

⁷³ SUK. K. 558/1338, Quantity of Rice Allowed to Retail Rice Dealer in Kulim (1919).

bawah cahaya matahari yang panas berjam-jam untuk membeli beras dan sekiranya mereka terlambat semestinya beras akan kehabisan. Terdapat beberapa kes di luar jangkaan yang berlaku di Kulim. Pengguna yang berpusu-pusu terpaksa berhadapan dengan rompakan, kehilangan barang kemas dan kecurian oleh penyeluk saku. Mereka telah dikasari dan dalam masa yang sama para peruncit bimbang dengan kuantiti beras yang tidak mencukupi untuk pengguna.⁷⁴

Selain itu, sistem pengedaran beras turut dikesan berlaku kesilapan oleh sesetengah pemborong beras. Tugasan pembahagian beras secara sesuka hati menyebabkan para peruncit rasa terkilan. Justeru, dalam kes ini, peranan ejen pengawal makanan adalah perlu dalam memastikan setiap pemborong menjalankan perniagaan secara adil terhadap peruncit beras. Ejen pengawal makanan sangat penting bagi mengelakkan penipuan dalam sistem edaran beras.

3.5 Penubuhan Persatuan Pengilangan Beras

Kesan perkembangan pertanian padi di Kedah telah mendorong pelabur Cina mengambil langkah untuk menubuhkan persatuan yang dapat memberi manfaat kepada mereka. Persatuan tersebut dinamakan “Persatuan Pengilang Beras dan Peniaga Padi”. Penubuhan persatuan ini telah dilaporkan oleh pendaftar persatuan, Sungai Petani pada tahun 1931. Berdasarkan Undang-undang Persatuan 1928, penubuhan persatuan ini telah diluluskan dan didaftarkan di bawah Seksyen 6, Undang-undang Persatuan 1928 yang berkuat kuasa mulai 21 Disember 1931.⁷⁵ Dengan penubuhan persatuan ini semua pengusaha beras dan padi akan diletakkan di bawah satu persatuan. Terdapat beberapa objektif yang digariskan bagi memastikan ahli-ahli persatuan mendapat kebaikan, antaranya ialah:

⁷⁴ Ibid.

⁷⁵ SUK. K. 2544/1350, Registration of “The Rice Millers and Padi Dealers Association”. 21. 12. 1931. Lihat juga, Wu Xiao An, ‘Chinese Family Business Networks in the Making a Malay State: Kedah and the Region c. 1882-1941’, hlm. 223.

- 1) Setiap ahli akan mempelajari dan memperoleh ilmu penyelidikan berkaitan pasaran beras dan padi.
- 2) Untuk tujuan promosi dan memupuk hubungan baik sesama ahli.
- 3) Untuk merancang bagi memperoleh keuntungan antara ahli dan bukannya monopoli secara individu.
- 4) Untuk memastikan keberkesanan penghantaran telegram dan surat berkaitan pasaran padi dan beras bagi kemudahan ahli.

Ahli persatuan ini terdiri dalam kalangan pengilang beras, penyimpan padi, dan peniaga padi. Oleh itu, peranan mereka juga berbeza dalam perniagaan padi dan beras. Antara pemilik kilang beras yang terlibat adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Ahli Tertinggi Persatuan Pengilang Beras dan Peniaga Padi Pada Tahun 1931

Pemilik	Kilang	Tempat
Lim Eng Swee	Thean Peng Rice Mill	Tokai
Tan Eng Soo	Ban Seng Hin Rice Mill	Kota Sarang Semut
Chng Kong Hooi	Thean Seng Rice Mill	Alor Setar
Oh Boon Soo	Ban Heng Bee Rice Mill	Alor Setar
Teoh Kooi Ewe	Kong Soon Eng Rice Mill	Simpang Empat Kangkong
Ooi Lay Poh	Hup Soon Hong Rice Mill	Tokai
Tan Boon Hock	Chip Seng Rice Mill	Sungai Korok
Tan Cheok Sim	JooHin Rice Mill	Kota Kuala Muda
Ooi Hoe Sooi	Ban Chuan Leong Rice Mill	Kubang Rotan
Tan Chek Kooi	Hoe Seng Rice Mill	Pumpung, Alor Merah

Sumber: SUK. K. 2544/1350, Registration of ‘The Rice Millers and Padi Dealers Association’, yang bertarikh 21 Disember 1931. Lihat juga, Kedah Enactment, 1345 (1925).

Jadual 3.3 menunjukkan persatuan perniagaan yang dimiliki oleh orang Cina di Kedah yang ditubuhkan pada tahun 1931. Penubuhan persatuan ini melibatkan tauke-tauke kilang beras dan para peniaga padi yang menjadi pihak terpenting dalam pemasaran

padi dan beras. Tujuan penubuhan persatuan ini ialah untuk mewujudkan hubungan permuafakatan dalam kalangan ahli mereka. Strategi padi kuncha atau sistem hutang yang dikenakan terhadap petani Melayu telah memberikan keuntungan yang besar sehingga membolehkan mereka memperoleh sejumlah 1,500 ekar tanah sawah. Sejajar dengan itu, mereka telah mengambil langkah dengan membangunkan kilang-kilang beras di kawasan yang strategik seperti di kawasan Kota Setar. Penyatuan pengilang dan peniaga padi dalam sebuah kumpulan persatuan merupakan langkah untuk memperoleh keuntungan yang tinggi. Dalam masa yang sama, pengawalan terhadap harga padi juga menjadi objektif utama persatuan ini.⁷⁶

Penubuhan persatuan ini telah mendapat sokongan baik dari Pulau Pinang kerana negeri itu mempunyai hubungan ekonomi dengan Kedah sejak sebelum campur tangan British lagi. Setiap kilang beras yang dibina di Kedah sebenarnya saling berkaitan dengan Pulau Pinang khasnya dalam soal modal dan pemberian pinjaman kewangan kepada pelabur-pelabur yang terlibat dalam pembukaan kilang-kilang padi di Kedah. Kewujudan persatuan ini membolehkan pengilang Cina berada dalam keadaan yang selesa di mana ia telah berjaya menyatukan semua peniaga Cina. Jalinan yang dilakukan juga memudahkan mereka untuk menyalurkan segala perubahan yang berlaku terutamanya berkaitan dengan penetapan harga padi dan beras. Sementara itu, bagi orang Cina, mereka menyifatkan pertanian padi di Kedah sebagai *gold everywhere* iaitu (emas di merata-rata) dan padi pula dinyatakan sebagai *gold dust* iaitu (debu-debu emas).⁷⁷ Kenyataan tersebut dapat menjelaskan bahawa kepentingan kegiatan pertanian terhadap orang Cina di Kedah.

⁷⁶ Tan Ding Eing, *The Rice Industry in Malaya, 1920-1940*, Singapore: Malaya Publishing House Limited, 1963, hlm. 44.

⁷⁷ Mashitah Haji Mohd Noor, ‘Anak Bukit Se-Abad 1870-1970’, dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 94.

3.6 Kegiatan Eksport dan Import Padi dan Beras

Penglibatan orang Cina dalam ekonomi negeri Kedah sememangnya telah berlaku sebelum campur tangan British lagi. Namun, selepas termaktubnya perjanjian Bangkok 1909, dasar keterbukaan British telah membuka peluang besar kepada orang Cina untuk berhijrah secara besar-besaran ke Kedah.⁷⁸ Ini adalah kesan secara tidak langsung akibat dasar ekonomi yang lebih liberal oleh British telah dijalankan dengan lebih meluas. Kedatangan saudagar Cina telah menyebabkan penguasaan ekonomi jatuh ke tangan mereka sehingga menyebabkan peluang petani Melayu untuk mengembangkan ekonomi mereka sangat tipis. Persaingan yang wujud terutama dalam pertanian padi jelas menampakkan kemunduran petani Melayu. Pada abad ke-20, didapati modal yang dikeluarkan oleh saudagar Cina Kedah telah membawa perubahan dalam landskap ekonomi dan politik Kedah.⁷⁹

3.6.1 Pengeksporan Beras

Pada tahun 1909, penanaman padi mula menunjukkan peningkatan hasil walaupun pengeluarannya sederhana dalam tempoh-tempoh tertentu. Contohnya, pada awal Disember 1909 hingga Januari 1910, hasil penuaian padi berlaku dalam kadar yang sederhana sahaja. Hasil tuaian sederhana tersebut dapat dilihat berdasarkan eksport beras yang dijalankan iaitu eksport beras dari utara Kedah sebanyak 2,602,480 gantang manakala eksport beras dari selatan Kedah pula sebanyak 11,600 gantang sahaja. Berdasarkan Laporan Tahunan Kedah pada tahun 1910, keseluruhan jumlah pengeluaran pada tempoh tahun tersebut hanyalah sebanyak 3,278,000 gantang. Pada

⁷⁸ Penghijrahan orang Cina ke Kedah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Selepas campur tangan British kedatangan mereka dilihat terus bertambah. Rekod pada tahun 1911 mencatatkan seramai 33,746 orang dan bertambah kepada 59,403 orang pada tahun 1921. Berikutnya, pada tahun 1931 jumlah orang Cina bertambah kepada 78,415 orang dan angka ini telah mengalami peningkatan pada tahun 1947 dengan seramai 115,928 orang. Lihat, Censuses of Population, 1911, 1921, & 1931 dalam Zaharah Haji Mahmud, ‘The Evolution of Population and Settlement in the State of Kedah’, dalam Asmah Haji Omar, *Darul Aman: Essays on Linguistic, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysian State of Kedah*, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 136.

⁷⁹ Afifuddin Hj. Omar, *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani (Suatu Kajian Ekonomi – Politik di Wilayah Muda)*, hlm. 83.

tempoh ini, hasil pengeluaran beras adalah sederhana disebabkan kekurangan buruh untuk mengerjakan pertanian padi pada awal tahun tersebut.

Pada tahun 1911, hasil penuaian padi adalah baik menjadikan kegiatan mengeksport beras semakin meningkat.⁸⁰ Buktinya, eksport beras dari utara Kedah pada tahun tersebut meningkat sebanyak 13,116,336 gantang manakala dari selatan Kedah pula eksport beras sebanyak 537,600 gantang. Dengan itu, pengeluaran beras dalam tempoh tersebut secara keseluruhannya sebanyak 7,950,000 gantang. Peningkatan ini berlaku disebabkan British telah mula menguasai dan menaungi sistem ekonomi Kedah. Walau bagaimanapun, peningkatan kegiatan eksport turut mempengaruhi jumlah cukai yang dikenakan bagi setiap hasil beras yang dieksport. Jumlah cukai yang dikenakan ialah seperti dalam jadual berikut.

Jadual 3.4: Jumlah Keuntungan Hasil Cukai Eksport Padi dan Beras, 1905-1915

Tahun	Hasil Cukai (\$)
1905	24, 542
1906	42, 528
1907	44, 167
1908	44,167
1909	46, 458
1910	44,167
1911	51, 989
1912	41, 306
1913	65, 165
1914	78, 927
1915	72, 927

Sumber: Disesuaikan daripada, *Kedah Annual Report*, 1905-1915

⁸⁰ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1329 A. H. (2nd January-21st December 1911), hlm. 11.

Jadual 3.4 menunjukkan berlakunya peningkatan pendapatan daripada hasil cukai padi dan beras. Dalam tempoh 1905 hingga 1915, sektor komoditi padi Kedah banyak mempunyai hubungan perdagangan padi dan beras terutamanya dengan Pulau Pinang. Malahan perkembangan kegiatan eksport telah mempergiatkan usaha penanaman padi malah mendorong pembukaan tanah baru pada awal abad ke-20. Pada tahun 1905 hasil cukai yang diperoleh berjumlah \$24,542, dan jumlah ini terus meningkat kepada \$51,989 pada tahun 1911. Selain itu, pengaruh orang Cina dalam sektor pertanian padi telah mempersepatkan lagi proses pengeluaran padi dan beras. Keadaan ini berterusan membantu meningkatkan jumlah pendapatan daripada hasil cukai eksport padi dan beras. Misalnya, pada tahun 1914 dan 1915, hasil cukai yang diperoleh telah meningkat dari tahun-tahun sebelumnya iaitu masing-masing memperoleh \$78, 927 dan \$72, 927. Pengaruh pembukaan tanah baru untuk diusahakan sangat memberi kesan yang baik terhadap pendapatan negeri.

Tanah-tanah yang telah diteroka melibatkan 106,000 ekar tanah di lembah Kedah, selanjutnya tanah yang diteroka itu telah bertambah kepada 220,000 ekar pada tahun 1918. Selaras dengan perkembangan tanah-tanah pertanian, dapat dilihat wujudnya perkembangan penempatan penduduk di kawasan-kawasan tumpuan pertanian padi. Misalnya, kawasan dataran Kedah yang sememangnya sangat berkualiti bagi usaha giat sektor penanaman padi. Jadual 3.5 berikut jelas menunjukkan jumlah penduduk di dataran Kedah.


Jadual 3.5: Bilangan Penduduk Pelbagai Kaum di Dataran Kedah Pada Tahun 1911

Daerah	Melayu	Cina	India
Perlis	25,618	3,200	400
Kubang Pasu	25,106	840	423
Kota Star	91,561	8,744	999
Yan	14,061	744	53
Jumlah	156,346	13,528	1,875

Sumber: Afifudin Haji Omar, “Penanaman Padi di Kedah: Sejarah Pertanian dalam Ekonomi Negeri Kedah” dalam *Alor Setar 250 Tahun*, Kerajaan Kedah Darul Aman, 1990, hlm. 25.

Jadual 3.5, tumpuan perbincangan difokuskan terhadap orang Cina yang berhijrah ke Kedah dan kelompok ini tertumpu di kawasan dataran Kedah. Tumpuan mereka di kawasan tersebut disebabkan wujudnya tanah yang sesuai bagi kegiatan penanaman padi. Bagi mereka, tanah tersebut akan memberikan hasil keuntungan yang baik jika diusahakan secara bersungguh-sungguh. Jadual tersebut menunjukkan daerah Kota Setar telah diduduki ramai orang Cina dengan jumlah paling ramai pada tahun tersebut ialah sebanyak 8,744 orang. Kebanyakan orang Cina ini terdiri daripada pelabur dan pedagang yang sememangnya terlibat dalam perniagaan padi. Bukti yang jelas dapat dilihat juga pada Peta 3.3 yang menunjukkan kedudukan dataran Kedah yang mempunyai taburan penduduk yang ramai mendiami kawasan dataran Kedah seperti daerah Kota Setar.


Peta 3.3: Kedudukan Dataran Kedah Abad ke-19 dan Awal Abad ke-20



Sumber: Zaharah Hj. Mahmud, "The Period and Nature of Traditional Settlement in the Malay Peninsula" *JMBRAS*, Vol. XLII, Pt. II, 1970, hlm. 25.

Selain itu, dapat dilihat pada tahun 1914 perkembangan kawasan penanaman padi di Kedah adalah disebabkan kesan Perang Dunia Pertama. Peperangan tersebut telah meninggalkan kesan yang negatif terutamanya dalam aspek ekonomi. Hal ini berlaku di beberapa buah negeri yang terputus bekalan akibat peperangan tersebut. Contohnya, Burma dan Thailand tidak dapat menghantar bekalan beras ke Tanah Melayu. Keadaan tersebut menyebabkan British terpaksa mencari langkah baru bagi mengatasi masalah tersebut. Sekiranya perkara ini tidak diatasi, masalah kebuluran akan melanda dan menyebabkan kematian. Keadaan tersebut merisaukan pihak British di Kedah, lantas pihak British mengambil langkah dengan membuka banyak tanah bagi menambah kawasan penanaman padi sawah. Oleh itu, langkah-langkah pemberian tanah yang berpaya turut dijalankan bagi membolehkan aktiviti pertanian padi dapat diusahakan serta dapat menghasilkan lebih banyak pengeluaran padi dan beras. Kawasan-kawasan tanah berpaya yang dibaik pulih dapat dilihat berdasarkan peta berikut.

Peta 3.4: Kawasan Berpaya yang Telah Dipulihkan pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20



Sumber: Zaharah Hj. Mahmud, “The Period and Nature of Traditional Settlement in the Malay Peninsula”, hlm. 25.

Kegiatan eksport tidak akan berlaku tanpa kemunculan kilang-kilang pemprosesan padi dan beras yang dibuat oleh peniaga Cina dan para pelabur. Pengeluaran padi yang banyak jelas membuktikan keupayaan negeri Kedah melakukan kegiatan eksport ke negara-negara luar. Misalnya, Kedah mengeksport padi dan beras ke NNS dan NNMB.⁸¹ Selain perkembangan kilang beras, tali air dan sistem perparitan yang disediakan telah membantu kegiatan penanaman padi. Kesan daripada kegiatan tersebut, operasi pengeluaran padi meningkat dengan baik. Misalnya pada tahun 1931, pengeluaran padi ialah sebanyak 73, 466, 000 gantang dan meningkat kepada kepada 94, 020, 360 pada tahun 1934.⁸² Pengeluaran yang tinggi pula akan meningkatkan kegiatan mengeksport beras dan padi ke luar negara.

Namun, dalam tempoh beberapa tahun selepas itu, terdapat turun naik bagi hasil pengeluaran padi disebabkan masalah-masalah tertentu. Misalnya, dalam pengeksportan

⁸¹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1356 A.H., Alor Setar: Printed At The Kedah Government Press, 1938, hlm. 26.

⁸² Jabil Mapjabil, “Padi Sebagai Warisan Identiti Ekonomi Kedah”, dalam Ooi Keat Gin, *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, Pulau Pinang, penerbit: Universiti Sains Malaysia, 2012, hlm. 231.

padi dan beras Kedah ke beberapa negeri mengalami turun naik pada tahun 1936 dan 1937. Dalam dua tahun ini iaitu tahun 1937, berlaku sedikit penurunan eksport padi dan beras. Pengeluaran padi pada tahun 1937 adalah sebanyak 9,513 tan berbanding pada tahun 1936 sebanyak 12,880 tan padi. Apabila berlaku penurunan pengeluaran padi, kegiatan pengeksportan turut mengalami penurunan. Misalnya, pada tahun 1936 sebanyak 36,451 tan padi telah dieksport ke luar negeri. Namun pada tahun 1937, jumlah padi yang dieksport telah menurun kepada 29,625 tan.

Penurunan ini disebabkan kenaikan harga padi dan beras yang ditetapkan oleh kerajaan Kedah iaitu antara 20 dan 28 sen per gantang. Berdasarkan Laporan Tahunan Ekonomi Kedah 1937, terdapat 16 buah kilang sahaja yang beroperasi dan mengeluarkan antara 40 dan 300 beg beras pada setiap 12 jam sehari.⁸³ Oleh itu, penanaman padi di Kedah pada abad ke-20 mengalami turun naik hasil dan eksport padi.

Selain itu pembabitan pelbagai pihak dalam merancakkan perkembangan ekonomi pertanian padi sangat jelas terutama peranan MMN yang memberi lesen kepada pemodal atau tauke-tauke Cina. Mereka inilah yang menjadi pihak yang penting dalam memasarkan hasil padi Kedah. Malah, perkembangan kilang-kilang beras yang memproses padi menjadikan hasil padi dapat diperoleh dengan lebih cepat. Kemudian, penglibatan mereka ini turut membawa produk Kedah berkembang ke negara lain misalnya ke China dalam kegiatan pengeksportan.⁸⁴

⁸³Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah For The Year 1356 A. H., hlm. 16.
⁸⁴Ooi Keat Gin, *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, hlm. 231.

3.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, mendapati perkembangan sektor pertanian padi di Kedah adalah kesan daripada peranan orang Cina. Peranan yang ditunjukkan mereka misalnya sebagai pemodal, pelabur, pengilang dan buruh adalah sumbangan penting dalam sektor pertanian padi. Sementara itu, kesan daripada hubungan yang baik dengan Sultan juga mengukuhkan lagi pengaruh orang Cina dalam sektor ini. Hal ini merupakan satu perhubungan ekonomi di mana pihak yang berkepentingan bagi kedua-dua belah pihak akan mendapat keuntungan. Oleh sebab itu perkara ini telah mendorong sultan menganugerahkan ampun kurnia berbentuk tanah untuk diusahakan. Hasil pendapatan daripada tanah yang diusahakan diperoleh turut diserahkan kepada sultan. Seterusnya, individu yang terlibat dalam sektor pertanian padi adalah dalam kalangan pemodal dan pelabur yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam selok belok perniagaan.

Dalam soal perkembangan pertanian padi, ini juga telah memperlihatkan kemajuan dalam sektor pemasaran padi dan beras. Malah, penguasaan orang Cina terhadap sektor ini didapati memberi kesan negatif terhadap orang Melayu. Hal ini juga dikaitkan dengan penggunaan teknologi yang berbeza apabila orang Melayu hanya menumpukan teknologi tradisional sedangkan orang Cina sudah mampu membangunkan kilang-kilang padi dan giat menggunakan jentera yang lebih cekap. Walau bagaimanapun, kesan kedatangan orang Cina dalam bidang pertanian dan perniagaan akhirnya menjadi rangsangan terhadap orang Melayu untuk sama meningkatkan pengeluaran sektor pertanian ini. Selain itu, penglibatan orang Cina juga membantu meningkatkan pendapatan negeri yang mana menerusi kegiatan import dan eksport.

BAB 4

PERANAN ORANG CINA DALAM SEKTOR PERLADANGAN GETAH, 1909-1941

4.1 Pengenalan

Sektor perladangan getah merupakan salah satu penyumbang hasil pendapatan yang sangat baik kepada negeri Kedah selepas tanaman padi dan ubi kayu. Kesesuaian tanah, iklim dan bentuk muka bumi telah membantu meningkatkan hasil ekonomi tersebut. Selepas tanaman getah berkembang pesat di NNMB, getah kemudiannya telah ditanam di NNMTB seperti Johor, Kedah dan Kelantan. Kemerosotan tanaman ubi kayu telah menjadi faktor kepada perkembangan kegiatan tanaman getah khasnya di kawasan selatan Kedah terutamanya.

Perkembangan pesat dalam sektor getah telah mendorong para pelabur Pulau Pinang beralih arah untuk melakukan pelaburan dalam tanaman getah bagi menggantikan ubi kayu. Pada awal abad ke-20, permintaan terhadap getah meningkat sehingga wujud persaingan antara pelabur bagi mengusahakan ladang getah. Sehubungan itu, dalam bab ini, persoalan yang diketengahkan ialah meninjau apakah peranan utama orang Cina dalam perkembangan sektor getah di Kedah. Di samping itu, bab ini juga akan meneliti perolehan pendapatan kerajaan Kedah apabila sektor perladangan getah ini mula menunjukkan perkembangannya.

4.2 Peranan Awal Orang Cina dalam Perladangan getah

Penanaman getah mula berjalan lancar dan giat setelah British campur tangan pada 1909. Pada dasarnya, kegiatan perladangan getah bukanlah jenis ekonomi tradisional yang diusahakan masyarakat Melayu ketika itu.¹ Tambahan pula polisi kerajaan yang menggalakkan kemasukan pelabur luar ke Kedah menjadikan banyak tanah diteroka bagi tujuan perladangan getah.² Situasi ini menggambarkan Kedah bersedia untuk memajukan sektor perladangan getah apabila terdapat dua kumpulan awal dilihat berusaha mendominasi sektor perladangan tersebut.³

Kumpulan pertama adalah terdiri daripada pemodal Eropah yang memiliki syarikat-syarikat besar manakala kumpulan kedua merupakan pihak persendirian yang terdiri daripada pemodal berbangsa Cina.⁴ Mereka merupakan orang Cina memiliki kerakyatan British dan sudah lama menetap di NNS.⁵ Bukti yang jelas dapat dilihat pada tahun 1910 di mana berlakunya pembukaan ladang getah yang oleh tauke-tauke Cina seperti mana yang dinyatakan di dalam jadual berikut.⁶

¹ Faridah Bte Mahaidin, “Sejarah Pekan Yan dari Segi Ekonomi dan Pelajaran”, dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 51.

² C.O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A.H (23rd January 1909-12th January 1910), hlm. 12.

³ E. H. G. Dobby, “The North Kedah Plain a Study in the Environment of Pioneering for Rice Cultivation”, *Economic Geography*, Vol. 27, No. 4 (Oct-1951), Clark University, hlm. 287.

⁴ J. H. Drabble, *Rubber in Malaya, 1876-1922: The Genesis of the Industry*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1973, hlm. 5.

⁵ Ibid.

⁶ Lian Kwen Fee dan Kon Keng We, “Chinese Enterprise in Colonial Malaya: The Case of Eu Tong Sen”. *Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 35, Issue 03, October 2004, Printed: United Kingdom, The National University of Singapore, hlm. 415.

**Jadual 4.1: Pembukaan Ladang Getah di Kedah oleh Orang Cina,
1909-1910**

Daerah	Kawasan	Ladang	Pemilik
Kuala Muda	Pinang Tunggal Sungai Pasir Sidam Sungai Petani Semiling	Kwong Ho Ah Kwong Ho Ah Ban Joo Cheang Ban Heap Huat Bukit Karong	Goon Yen & Friend Fook Peng Koh Sin Khoo & Co. Khoo Ewe Bee & Co. Chong Boon Hean & Co.
Kulim	Kelong lama Kelong Baru Sungai Seluang	Batu Estate Jubilee Sungai Seluang	Lim Eow Hong Lim Eow Hong Tan The Huat

Sumber: C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A. H. (23rd January 1909-12th January 1910), hlm. 26-27.

Jadual 4.1 menunjukkan jumlah ladang getah yang telah dibuka pada peringkat awal sepanjang tahun 1909 hingga 1910. Pada masa ini, pembukaan ladang pada tempoh 1909 hingga 1910 masih menunjukkan keluasan penanaman getah yang masih kecil. Pembukaan tanah ladang tersebut adalah hasil persetujuan orang Cina terhadap syarat-syarat yang terkandung dalam Enakmen Tanah 1324 Hijrah (1906) yang mana telah menjelaskan mengenai kontrak antara rakyat asing dan kerajaan Kedah.⁷ Dalam pemilikan tanah getah ini, pemilik akan memperoleh surat yang dikenali sebagai ‘surat putus’.⁸ Di dalam surat tersebut mengandungi segala maklumat seperti nombor surat pemilik, keluasan tanah dan lain-lain.⁹ Surat putus menjadi rujukan penting khasnya, apabila berlakunya urusan lelongan tanah surat putus adalah rujukan yang penting.

⁷ C. O. 237/45217, Land Enactment for Kedah. Inclosure 3 dalam No. 1 Agreement.

⁸ “Surat Putus” merupakan dokumen mutlak pemilikan tanah yang diperoleh daripada keputusan hakim dan sultan yang telah ditandatangani apabila berlakunya pertukaran hak milik tanah. Rujuk, C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government, 1327 A. H (23rd January 1909-12nd January 1910), hlm. 14-15.

⁹ Ibid.

Manakala, jadual tersebut dapat dilihat orang Cina mendominasi pembukaan ladang getah di 2 buah daerah di Kedah iaitu di Kuala Muda dan Kulim.¹⁰ Sementara itu, di daerah Kubang Pasu pula menyaksikan penguasaan oleh orang Melayu dan Eropah.¹¹ Kuala Muda dan Kulim termasuk dalam bahagian Kedah selatan. Kebanyakan tauke Cina telah melakukan pelaburan bagi membuka ladang getah di daerah tersebut.¹² Dalam tempoh 1909-1910, terdapat lima buah ladang getah yang dibuka di daerah Kuala Muda.¹³ Antaranya ialah di Pinang Tunggal, Sungai Pasir, Sidam, Sungai Petani dan Semiling. Sementara itu, di daerah Kulim pula terdapat tiga buah ladang getah iaitu Kelong Lama, Kelong Baru dan Sungai Seluang. Kuala Muda menjadi kawasan yang paling banyak ditanam getah terutamanya pada tahun 1909. Sebanyak $\frac{1}{4}$ juta getah ditanam pada tahun tersebut manakala di Kulim, perusahaan getah masih perlahan dan hanya dilakukan oleh syarikat-syarikat kecil.¹⁴

Berdasarkan jadual tersebut juga dapat dilihat beberapa tauke ladang telah membuka lebih daripada satu ladang. Pembukaan ladang getah bergantung kepada kekosongan kawasan yang sesuai untuk penanaman getah. Selain itu, tauke Cina mempunyai modal yang besar untuk mengusahakan perladangan getah.¹⁵ Mereka juga mendapat bantuan kewangan daripada agensi kewangan Pulau Pinang bagi memulakan perusahaan tersebut. Penglibatan tauke-tauke Cina dalam ekonomi Kedah juga merangkumi pelbagai sektor. Bagi pemilik-pemilik ladang ini, mereka juga mengusahakan pertanian lain yang dapat memberi keuntungan yang baik.¹⁶ Pembabitan

¹⁰ Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *Sejarah Kedah Dua Millenia*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2016, hlm. 194-195.

¹¹ C. O. 237/45217, Land Enactment for Kedah, Inclosure 3 dalam No. 1 Agreement.

¹² J. H. Drabble, “Investment in the Rubber Industry in Malaya C. 1900-1922”, Singapore, *Journal of Southeast Asian Studies (JSEAS)*, Vol. 3, No. 2, Cambridge University Press on behalf of Department of History, National University of Singapore, 1972, hlm. 253.

¹³ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2016, hlm. 96-97. Lihat juga, Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923*, Monograph No. 12, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), 1984, hlm. 127.

¹⁴ Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923*, hlm. 126-127.

¹⁵ Chandariah Rao, Bruce Ross-Larson & et.al, *Issues in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (ASIA) LTD, 1977, hlm. 34.

¹⁶ Ibid.

orang Cina di Kedah ini dapat dibuktikan dengan catatan seorang pegawai British pada tahun 1909,

Whilst, however Kedah is politically an independent state under the suzerainty of Siam, commercially it is a more independency of Penang. Every dollar of capital invested in it has come from Penang and all its Chinese traders are connected with Penang Firm.¹⁷

Apa yang lebih menarik pada tahun 1909, perkembangan perusahaan getah di Kedah menunjukkan perubahan yang sangat baik kerana dikendalikan oleh syarikat luar. Operasi pengendalian yang dilakukan ini merangkumi lebih separuh daripada ladang getah. Antara syarikat luar yang terlibat termasuklah syarikat dari London, Shanghai, Singapura dan Pulau Pinang. Hubungan ekonomi Kedah dengan pelabur luar telah menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang baik terhadap Kedah.¹⁸ Perkembangan tersebut telah meletakkan hasil penanaman getah sebagai penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan negeri. Walau bagaimanapun, orang Cina kekal memainkan peranan penting dalam memajukan perusahaan perladangan getah di Kedah. Perkembangan kegiatan ini adalah selaras dengan tindakan British untuk memajukan sektor perladangan getah di Kedah lantas telah menarik ramai pemodal Cina untuk membuat pelaburan.¹⁹

¹⁷ Jabil Mapjabil, Noriah Yusof & Ahmad Tharmizie Jusof, "Tranformasi Pembangunan Ekonomi di Negeri Kedah: Perspektif Historikal", *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V (PERKEM V)*, Port Dickson, Negeri Sembilan, 15-17 Oktober 2010, hlm. 174. Lihat juga, Mohd Isa Othman, Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2001, hlm. 51.

¹⁸ Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923*, hlm. 127.

¹⁹ Jabil Mapjabil, Noriah Yusof & Ahmad Tharmizie Jusof, "Tranformasi Pembangunan Ekonomi di Negeri Kedah: Perspektif Historikal", hlm. 50-51.

4.3 Orang Cina sebagai Pengusaha Ladang Getah

Pada permulaannya, perusahaan ladang getah dilaksanakan dalam skala yang kecil disebabkan konsesi-konsesi dan pajakan getah masih belum dibuka secara meluas. Walau bagaimanapun, jumlah ladang getah yang diusahakan oleh orang Cina semakin bertambah dari tahun ke tahun. Situasi tersebut berlaku kerana permintaan yang tinggi terhadap getah oleh negara-negara luar terutamanya Eropah. Tambahan pula, selepas tahun 1910, Sultan Abdul Hamid telah mula membuka peluang kepada pihak yang berminat untuk membuka ladang terutamanya melalui pajakan getah.²⁰ Kerancakan permintaan getah didapati telah menyumbang peratusan yang tinggi kepada hasil pendapatan negeri Kedah. Sejak itu, permohonan daripada para pelabur dilihat memberangsangkan terutamanya dari Pulau Pinang.²¹

Peningkatan pembukaan ladang getah di Kedah telah bermula dari tahun 1910 hingga tahun 1919.²² Perkembangan ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 4.2 yang menunjukkan berlakunya pertambahan tauke-tauke Cina yang telah membuka ladang getah di beberapa daerah di Kedah.

²⁰ C. O. 716, Kedah Perlis Sessional Papers. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government, 1327 A. H (23rd January 1909-12nd January 1910), hlm. 15.

²¹ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah, Government for the year 1329 A. H. (2nd January-21st December 1911), hlm. 6.

²² *Kedah Annual Report, 1910-1919.*

**Jadual 4.2: Daerah dan Pemilik yang Mengusahakan Getah,
1910-1914**

Daerah	Kawasan	Ladang	Pemilik
Langkawi		Yeoh Paik Tatt Tong Keap Whatt Klebang	Yeoh Paik Tatt Tong Su Ong Jin Kongsi
Kuala Muda	Sungai Petani Sungai Petani Sungai Petani Bukit Karong Semiling -	Kwong Moh Seng Bharu Ban Heap Hat Ban Joo Cheang Sin Ban Huat Kelang Tupa Tupa Ah Chang Cheng Sun An Hoon Sing Tek Whatt Yew Tiew Tai Hong Kia Joo Oo Joo Kwong Hoi Seng Lim Chong So Kong Sungai Tukang Tan Kong Cheng Ban Joo Cheang Sin Ban Guan Sing Moh Chan Kwong Hong Ann Lama Heap Mow Hng Chee Seng Hng Bukit Karang Pai Yam Ban Heap Whatt Kwong Moh Seng Bahu	Fuk Peng Khoo Eu Tien Ban Joo Cheang Sin Ban Huat Chong Yong Cheng & Chong Ah Fee Chong Ah Fee & Yeng Joo Chin Bow Ah Chang Tai Cheng Sun Teoh An Hoon Tan Won Chang & Hoo Chang Tiong Ep Yew Tiew Liu Ah Tiang Lim Kia Joo Teoh Oo Joo Kwong Hoi Lim Seng Lim Chong So Khong Chee Boo Yong Tan Kong Cheng Khoo Sing Yeng & Khoo Sing Ho Lim Boon How Lim Bong Po Goon Yen & Friends Khooi Ah Tiong Ong Sing Lim Boon How Pai Yam Khoo En Tien Kok Fuk Peng
Kubang Pasu ²³		Chee Ah Tiew Lim Thean Kee Tanah Merah	Chee Ah Tiew Lim Thean Kee Wan Yahya & Ley Cheng

²³ Pada awal tahun 1910, bagi Daerah Kubang Pasu, ladang-ladang getah kebanyakannya dimiliki oleh peladang British dan orang Melayu yang berkepentingan kemudian semakin lama berlaku pertambahan pemilik ladang dalam kalangan orang Cina. Rujuk, *Kedah Annual Report, 1910-1914*.

Baling ²⁴			
Kota Setar	perkembangan perladangan getah di Kota Setar bermula pada tahun 1912 -	Chip Saing	Lim Yeong Hong
Kulim	Kelang Lama Karangan Sungai Ular - - - - - - - - - - - - - -	Kelang Baharu Karangan Yin Kee Padang Cina Karangan Sungai Burong Pokok Lada Teluk Wong Khoo Teng Kheh Low Bung Yee Tan Taik Huat Khoo Soo Yee	Lim Eow Hong Ho Kim Tek Cheung Siew Yin Lim Yeow Hong Ho Tong Won Ng Pak Hooi Tauke Ngho Ho Leong Khoo Teng Kheh Low Bung Yee Tan Taik Huat Khoo Soo Yee
Bandar Bharu ²⁵	- - - - - - - - - - - - - - -	Bukit Tebuan Sungai Kechil Paya Dahanan Lubo Buntar Beng Kee Chin Ting Sing Tek Seng, Mahang Kwong Loon Goo Ban Sooi Chan Chip The Heng Moi Lomo Bukit Heng Mey	Tan Lo Heang Tan Lo Heang Ng Ah Tuan Ng Ah Joo Quah Beng Kee Gow Chong Sing Lo Ah Kong Leong Lok Heng Tan Chong Keat Lim Teng Soo Heng Moi Quah Beng Kee Heng Mey

Sumber: Disesuaikan daripada *Kedah Annual Report 1910-1914*.

Berdasarkan jadual 4.2 menunjukkan beberapa daerah yang aktif dalam mengusahakan perladangan getah dari tahun 1910-1914. Tempoh ini menunjukkan perkembangan awal perladangan getah yang kecil. Berdasarkan ukuran saiz tanah yang dipohon. Sementara itu, pada tahun 1912, pembukaan ladang getah telah menunjukkan peningkatan. Walau

²⁴ Pada awal tahun 1910 bagi Daerah Baling, hanya terdapat tiga ladang getah diusahakan oleh peladang British. Rujuk, *Kedah Annual Report, 1910-1914*.

²⁵ Perkembangan ladang getah di Bandar Bharu bermula pada tahun 1912. Rujuk, *Kedah Annual Report, 1910-1914*.

bagaimanapun, pembukaan ladang tersebut dilihat tertumpu di kawasan Selatan Kedah yang merangkumi Kuala Muda, Kulim dan Bandar Bahru.²⁶ Berdasarkan laporan tahunan 1909 hingga 1910, setiap daerah yang mengusahakan penanaman getah telah dinyatakan kawasan-kawasan yang terlibat. Namun dari tahun 1912 hingga 1914 kawasan-kawasan yang terlibat tidak dinyatakan dan sekadar menyatakan daerah sahaja.²⁷ Pada tahun 1912 hingga 1914 penanam-penanam getah Cina turut membahagikan tanah ladang getah kepada 10 hingga 15 ekar.

Pembukaan ladang-ladang getah secara besar-besaran di Kedah juga telah memberikan keyakinan kepada tauke-tauke Cina untuk terlibat dalam penanaman getah. Dalam hal ini, mereka dilihat lebih mementingkan hasil dan keuntungan yang bakal diperoleh. Tambahan pula, campur tangan British di Kedah telah memudahkan peluang mereka untuk terlibat dalam sektor getah jika dibandingkan dengan orang Melayu yang dikenakan sekatan untuk terlibat dalam penanaman getah ini. Secara jelasnya dapat dilihat, British mengutamakan pelabur luar dalam penglibatan penanaman getah di Kedah.

Pembukaan ladang getah pada awalnya tertumpu di selatan Kedah iaitu di daerah Kuala Muda dan Kulim. Terdapat banyak kawasan dalam kedua-dua daerah ini mengusahakan ladang getah yang mana dimiliki oleh orang Cina. Contohnya, ladang getah Bukit Karang yang dimiliki oleh Lim Boon How di daerah Kuala Muda.²⁸ Ladang ini telah diuruskan oleh Lim Teng Seang yang mempunyai keluasan sebanyak 1,873 ekar dan dibahagikan kepada beberapa tanaman. Seluas 150 ekar telah diperuntukkan untuk penanaman getah sebagai tanaman utama. Manakala selebihnya adalah bahagian-

²⁶ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 97. Lihat juga, J. H. Drabble, "Investment in the Rubber Industry in Malaya C. 1900-1922", hlm. 253-254.

²⁷ C. O. 716, Kedah Perlis Sessional Papers. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government, 1331 A. H., hlm. 3.

²⁸ Ibid.

bahagian yang lain digunakan untuk tanaman lain seperti ubi kayu, kelapa dan sebagainya.²⁹

Jika ditinjau dari aspek buruh, Lim Boon How telah membuka peluang pekerjaan kepada semua kaum. Buruh Cina merupakan kumpulan majoriti yang bekerja di ladang tersebut iaitu seramai 150 orang manakala buruh Melayu pula hanya seramai 30 orang dan buruh Tamil tujuh orang. Seterusnya, ladang getah Tai Hong pula memiliki tanah kebun seluas 1,400 ekar. Ladang getah tersebut diuruskan oleh Lim Ah Cheap dan beliau telah membahagikan tanah kebun tersebut kepada beberapa bahagian, antaranya 700 ekar untuk tanaman getah, 850 tanaman ubi kayu dan 150 ekar bagi tanaman kelapa. Terdapat seramai 400 orang buruh Cina dan 30 orang buruh Tamil di ladang getah Tai Hong. Di sini orang Cina yang berperanan sebagai buruh turut memberi tumpuan terhadap penanaman getah setelah kegiatan ekonomi tersebut terus berkembang dengan baik.³⁰

Berdasarkan laporan tahunan Kedah 1910-1914, menunjukkan terdapat puluhan ladang getah telah dibuka di Kedah manakala, daerah Kuala Muda mengungguli kedudukan ladang getah yang dibuka sebanyak 51 buah. Ladang-ladang tersebut dimiliki oleh peladang British, namun tauke-tauke Cina masih kekal terlibat dalam pembukaan sebahagian besar ladang getah di daerah tersebut. Ini dibuktikan dengan kewujudan 21 buah ladang getah yang dimiliki orang Cina manakala selebihnya dimiliki peladang British. Pihak British turut terlibat dalam penanaman getah dengan membuka ladang getah di Sungai Batu. Ladang tersebut berada di bawah syarikat Sungai Batu Plantation Co. dan diuruskan oleh H. B. Legget, J. J. P. Davies dan E. J.

²⁹ X. A. Wu, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c.1882–1941’, hlm. 40.
³⁰ Ibid.

Currie. Di daerah Kuala Muda ini juga didapati ladang getah banyak dimiliki oleh orang Cina dan British.³¹

Daerah Kulim merupakan kawasan yang kedua bagi kegiatan penanaman getah yang turut aktif dan berkembang dengan baik. Kulim menjadi tumpuan orang Cina bagi mengusahakan penanaman getah. Jumlah ladang getah yang dibuka oleh orang Cina di Kulim tidak sebanyak di daerah Kuala Muda. Dalam tempoh 1910 hingga 1914, terdapat 26 buah ladang getah dibuka di Kulim dan hanya sembilan buah ladang sahaja yang dimiliki oleh orang Cina. Contohnya, ladang Padang China yang dimiliki oleh Lim Yeow Hong dan diuruskan oleh Chua Peng Heok. Selebihnya ialah ladang yang dimiliki oleh British, Melayu dan India. Dengan keluasan tanah 1,400 ekar, tanaman getah lebih diutamakan jika dibandingkan tanaman lain.

Bilangan pembukaan ladang getah terus meningkat di Kedah setelah pembabitan ramai peladang Cina dalam tempoh 1915 hingga 1916. Dalam tempoh dua tahun tersebut didapati daerah Kuala Muda mengungguli kedudukan pembukaan ladang yang terbanyak oleh orang Cina.³² Buktinya, daripada 56 ladang getah yang dibuka, 34 daripadanya dimiliki oleh orang Cina. Selebihnya pula adalah dimiliki oleh pihak British, orang Melayu dan India.³³ Seperti tahun-tahun sebelumnya daerah Kulim antara daerah kedua yang mempunyai ramai orang Cina yang menjadi pemilik ladang. Ini dapat dibuktikan pada tahun 1915 dan 1916 di mana sebanyak 34 buah ladang telah dibuka dan 31 daripadanya diusahakan oleh orang Cina. Kedua-dua daerah ini menunjukkan peningkatan dalam pemilikan ladang getah oleh orang Cina.

Begitu juga halnya bagi daerah-daerah lain seperti Langkawi dan Kubang Pasu yang turut mengalami peningkatan pemilikan ladang getah dalam kalangan orang Cina.

³¹ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Adminitrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 98.

³²C. O. 716/1, *The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1334 A. H. (9th November 1915 –27th October 1916)*, hlm. Lampiran Appendix J.

³³Ibid.

Sementara itu, hanya daerah Kota Setar yang tidak mengalami perubahan dari segi jumlah ladang getah yang dibuka oleh orang Cina apabila hanya sebuah ladang sahaja yang dimiliki oleh orang Cina. Walau bagaimanapun, bagi kawasan utara Kedah, perkembangan pemberian tanah tidak sehebat di selatan Kedah di mana kerajaan lebih banyak memberi tumpuan terhadap selatan Kedah terutamanya pada tahun 1914 dan 1915.³⁴ Berikut ialah jadual yang menunjukkan contoh bilangan pemilik ladang getah pada akhir tahun 1930 mengikut bangsa yang terdapat di Kedah.³⁵

Jadual 4.3: Jumlah Ladang Getah yang Diusahakan Mengikut Bangsa di Kedah Pada Tahun 1930

Bangsa	Jumlah Ladang
Eropah	89
Cina	146
India	3
Melayu	12

Sumber: X. A. Wu, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882–1941’, hlm. 269.

Jadual 4.3 menunjukkan jumlah ladang getah yang diusahakan mengikut bangsa di Kedah pada tahun 1930 yang terdiri daripada orang Eropah, Cina, India dan Melayu. Berdasarkan jadual dapat dilihat wujud perbezaan ketara yang ketara bagi jumlah ladang yang diusahakan mengikut bangsa. Contohnya, orang Eropah memiliki 89 buah ladang, Cina sebanyak 146 buah ladang, India pula hanya memiliki tiga buah ladang dan orang Melayu memiliki 12 buah ladang. Justeru itu, eksloitasi bagi sektor perladangan getah di Kedah adalah jelas dilakukan oleh orang Cina pada tahun 1930. Malah orang Eropah pula mengambil peluang pelaburan untuk sektor ekonomi getah di

³⁴ C. O. 716, Kedah Perlis Sessional Papers. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government, 1333 A. H (19th November 1914-8th November 1915), hlm. 2.

³⁵ SUK. K. 3025/1351, Malaya Rubber Statistic Handbook, 1932.

Kedah dan telah meletakkan sektor ini di bawah kawalan mereka iaitu sebagai sektor perdagangan moden.

Corak agihan kaum yang telah dilaksanakan oleh British telah menyebabkan wujudnya jurang ekonomi dan dualisme³⁶ ekonomi dalam masyarakat di Kedah. Dalam hal ini dapat dilihat hanya terdapat 12 buah ladang sahaja yang berpeluang diusahakan pada tahun 1930 oleh orang Melayu manakala orang India pula hanya berpeluang mengusahakan tiga buah ladang sahaja kesan daripada agihan tersebut menyebabkan peranan orang Cina dan Eropah dalam sektor perladangan getah semakin menonjol.

Dalam tempoh 1931-1932, jumlah pemilik ladang getah di Kedah turut mengalami peningkatan. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan jadual 4.4.

Jadual 4.4: Bilangan Pemilikan Ladang Getah Mengikut Bangsa di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB), 1931-1932 (100 ekar ke atas)

Negeri	Eropah		Cina		Melayu		India	
	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar
Johor	116	253,506	351	145,477	14	2,884	52	14,390
Kedah	87	152,125	154	54,069	9	1,697	37	5,885
Perlis	-	-	1	540	-	-	1	821
Kelantan	32	27,958	10	2,349	5	1,542	-	-
Terengganu	2	4,617	-	-	-	-	-	-

Sumber: SUK. K. 3025/1351, Malaya Rubber Statistic Handbook, 1932.

Jadual 4.4 menunjukkan pemilikan ladang getah di NNMTB meliputi negeri Johor, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Kedah mengikut bangsa dalam tempoh 1931 dan 1932. Berdasarkan jadual, dapat dilihat bahawa ladang getah dimiliki pelbagai bangsa iaitu bangsa Eropah, Cina, Melayu dan India. Penglibatan kesemua bangsa ini telah

³⁶ Sistem ekonomi “dualisme” merujuk kepada dua tumpuan ekonomi yang berbeza namun ia berbeza seiringan dengan garis etnik atau melambangkan agihan tenaga kerja mengikut tiga etnik utama di Malaysia. Contohnya, orang Cina sebagai pelombong dan peniaga, orang Melayu berkhidmat dalam kerajaan dan pertanian dan orang India sebagai pekerja ladang. Lihat, Jabil Mapjabil, Noriah Yusof & Ahmad Tharmizie Jusof, “Transformasi Pembangunan Ekonomi di Negeri Kedah: Perspektif Historikal”, hlm. 175.

menjadikan kegiatan perladangan getah semakin rancak seiring dengan permintaan tinggi terhadap getah.³⁷ Jika diteliti jadual 4.4 dapat dilihat bahawa orang Cina berkemampuan memiliki ladang getah dengan keluasan lebih daripada 100 ekar. Dalam tempoh itu juga, dapat dilihat pemilikan ladang getah di Kedah dan jumlah kluasannya menunjukkan perbezaan yang sangat jelas.³⁸

Sebagai contoh jumlah orang Cina yang terlibat ialah seramai 154 orang dengan keluasan tanah yang diusahakan ialah seluas 54,069 ekar ladang getah manakala orang Melayu hanya seramai sembilan orang yang terlibat dengan keluasan sebanyak 1,697 ekar sahaja. Situasi ini membuktikan bahawa orang Cina adalah kaum yang paling aktif terlibat dalam perladangan getah berbanding kaum lain. Keadaan ini disebabkan kesan daripada permintaan tinggi dunia terhadap getah.³⁹ Kemudahan modal yang diperoleh juga antara faktor yang menyebabkan orang Cina dengan mudah menjalankan perusahaan ladang ini.

Di samping itu, struktur tanah yang sesuai juga merupakan faktor sesuatu kawasan itu menjadi tumpuan bagi pengusaha yang ingin merebut peluang dalam sektor ekonomi berasaskan getah. Umpamanya, Kuala Muda dan Kulim antara dua kawasan yang didapati menghasilkan pengeluaran getah yang tinggi kerana mempunyai struktur tanah yang baik. Berbeza pula dengan daerah Kota Setar yang direkodkan aktif sebagai kawasan perniagaan. Kesan perkembangan kegiatan perladangan getah juga terbukti telah membantu meningkatkan pendapatan negeri.

Seterusnya, dalam tempoh ini menyaksikan orang Eropah menduduki tangga kedua iaitu seramai 87 orang yang terlibat mengusahakan seluas 152,125 ekar ladang getah. Walaupun bilangan orang Eropah yang mengusahakan kegiatan ini adalah kurang

³⁷ Alec Gordon, “Contract Labour in Rubber Plantation: Impact of Smallholders in Colonial South-East Asia”, *Economic and Political Weekly*, Vol. 36, No. 10 (March 10-16, 2001), Publisher: Economic and Political Weekly, hlm. 849.

³⁸ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 100.

³⁹ Ibid.

daripada orang Cina, namun jumlah pemilikan tanah ladang yang diusahakan oleh mereka jauh lebih luas daripada ladang getah orang Cina. Misalnya, J. Purdy yang mengusahakan tanah ladang berkeluasan 960 relung, manakala G. B. Cerruti sebanyak 860 relung dan C. Schiering pula mengusahakan getah berkeluasan 1,000 relung. Selain itu, dari aspek tenaga buruh pula, ketiga-tiga pemilik ladang ini menggunakan tenaga buruh Cina yang ramai.⁴⁰ Maka tidak hairanlah penglibatan orang Cina sangat signifikan dalam perladangan getah di Kedah.

Seterusnya orang India dan Melayu merupakan golongan yang agak kecil terlibat dalam kegiatan perladangan getah. Jumlah orang India yang terlibat dalam perladangan ialah seramai 37 orang dengan keluasan ladang getah yang diusahakan ialah seluas 5, 885 ekar. Di samping melibatkan diri dengan pemilikan getah dalam sektor perladangan getah orang India dalam masa yang sama juga berperanan sebagai buruh ladang.⁴¹ Berdasarkan jadual 4.4 pembabitan orang India dalam pemilikan ladang getah telah menyaingi orang Melayu dalam tempoh dua tahun di mana hanya sembilan orang sahaja orang Melayu yang mengusahakan ladang getah dengan keluasan ladang sebanyak 1,697 ekar sahaja. Pembabitan kecil orang Melayu dalam sektor ini sememangnya jelas kerana orang Melayu lebih aktif menumpukan kepada sektor pertanian yang utama iaitu penanaman padi. Sektor pertanian padi digambarkan lebih sinonim dengan orang Melayu Kedah.

Secara keseluruhannya, bilangan pengusaha ladang getah di Kedah pada tahun 1931 hingga 1932 ialah seramai 287 orang dengan jumlah keseluruhan ladang yang diusahakan seluas 213,776 ekar. Walau bagaimanapun, perkembangan sektor perladangan getah di Kedah masih tidak dapat menyaingi NNMTB yang lain. Misalnya, Johor merupakan negeri yang paling tinggi pembabitan orang Eropah, Cina, Melayu dan

⁴⁰ Ibid., hlm. 98.

⁴¹ Jack Shepard, "India Ban Threatens Malayan Labour Balance", *Far Eastern Survey*, Vol. 8, No. 3. (February 1, 1939), Instituted of Pacific Relation, hlm. 31.

India dalam perladangan getah. Selain itu, pembukaan tanah ladang di Johor lebih luas berbanding NNMTB yang lain. Orang Cina telah menduduki tangga pertama dalam perusahaan getah di Johor iaitu seramai 351 orang pemilik ladang dan telah membuka tanah seluas 145,477 ekar. Sementara itu, orang Eropah berada di tangga kedua iaitu seramai 116 orang dan telah memiliki keluasan tanah ladang seluas 253,506 ekar. Jadual 4.4 dengan jelas menunjukkan persamaan antara Kedah dan Johor di mana keluasan pemilikan tanah ladang masih di tangan orang Eropah berbanding dengan orang Cina yang mencatatkan bilangan pengusaha lebih ramai.⁴² Jadual 4.5 menunjukkan pemilikan ladang getah oleh orang Cina berdasarkan daerah.⁴³

⁴² Ibid., hlm. 100.

⁴³ SUK. K. 1404/1351, Statistic Relating to Ownership of Rubber Lands of 100 Acres and Over. Rujuk surat daripada Penasihat British kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu, Singapura yang bertarikh 24 November 1932.

Jadual 4.5: Pemilikan Ladang Getah Oleh Orang Cina Mengikut Daerah yang Berkeluasan Lebih daripada 100 Ekar Pada Tahun 1932

Daerah	Pemilik Ladang
Kuala Muda	Ban Heng Lee Hong Soon Lim Boon Haw Senh Moh Chan Seng Kee Seng Joo Chan Thye Hong Lim Ah Teng Yam Sang
Kulim	Boon Seng Khoo Ah Fan & Khoo Ah Lean Lim Boon How Lim Ah Hai, Tai Kai Meng & Tan Choo Cheang Lim Chye Tian, Yee Who & Yee Lim Loo Ah Man & Tan Ah Wang Lim Ah Teng Neoh Kia Loon Tan Tye Eng Eow Pek Hong
Kota Setar	Tong Aik Wong Mah Too
Kubang Pasu	Eng Wan Lim Boon Haw Lim Thye Cheong
Bandar Bharu	Chong Seng Wan Chew Sik Lam Heng Heng Dee, Koo Ah Jang & Khoo Kee Pang Kooi Ah Yah Loke Main Tai Ng. Ah Juat Soo Kia Leong Tan Tye Eng

Sumber: SUK. K. 1404/1351, Statistic Relating to Ownership of Rubber Lands of 100 Acres and Over, 9 August 1932. Lihat juga, SUK. K. 3025/1351, Malaya Rubber Statistic Handbook, 1932.

Jadual 4.5 menunjukkan pemilikan ladang getah oleh orang Cina yang disenaraikan bagi tahun 1932.⁴⁴ Pada tahun 1932, Kulim mengungguli pemilikan ladang lebih daripada 100 ekar iaitu seramai 10 orang. Seterusnya, Kuala Muda berada di peringkat kedua yang mempunyai pemilikan seramai sembilan orang. Bandar Bharu pula adalah seramai lima orang tauke sahaja. Sementara itu, Kubang Pasu dan Kota Setar antara kawasan paling rendah pemilikan ladang getah lebih daripada 100 ekar untuk tahun ini yang mana masing-masing mempunyai tiga orang dan dua orang tauke sahaja. Namun begitu, terdapat juga pemilik ladang sedia ada yang sentiasa aktif dalam perkembangan ladang getah di Kuala Muda iaitu Lim Boon How yang merupakan tauke Cina terawal yang menggiatkan diri dalam sektor perladangan getah pada awal abad ke-20. Namun, pada tahun 1932 ini hanya beberapa daerah sahaja yang termasuk di dalam statistik pemilikan ladang getah berkeluasan lebih daripada 100 ekar. Antaranya, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim, Kota Star dan Bandar Bharu. Selain itu, masih terdapat pemilik-pemilik ladang getah lain yang turut terlibat dalam kegiatan ini, namun mereka didapati tidak disenaraikan kerana gagal mengikuti syarat-syarat dalam kegiatan perladangan getah.⁴⁵

Pertambahan pemilik ladang getah dalam kalangan orang Cina telah mempamerkan kepentingan sektor ini terhadap perniagaan mereka di samping permintaan getah yang semakin meningkat. Selain itu, sistem pentadbiran tanah yang cekap menjadi tunjang kejayaan terhadap pembukaan tanah bagi tanaman komersial yang dijalankan secara meluas oleh para pelabur.⁴⁶ Di samping itu, didapati beberapa ladang di Kedah dimiliki oleh pemilik yang sama. Contoh yang jelas ialah Lim Boon How yang mengusahakan ladang di tiga daerah iaitu Kulim, Kuala Muda dan Kubang Pasu. Pada tahun 1930-an, berlaku lambakan permohonan bagi mengusahakan tanah

⁴⁴ Rujuk Official Memo Government of Kedah yang bertarikh 24 November 1932 dalam SUK. K. 1404/1351, Statistic Relating to Ownership of Rubber Lands of 100 Acres and Over, 9 August 1932.

⁴⁵ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1351 A. H. (1932), hlm. 17.

⁴⁶ Nurizwanfaizi Nordin, ‘Reaksi Masyarakat Melayu Terhadap Pentadbiran Tanah di Kedah, 1909-1941’, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2014, hlm. 71.

getah, namun keutamaan diberikan kepada mereka yang benar-benar patuh terhadap syarat yang telah ditetapkan. Misalnya, dalam aspek pembayaran, pemilik ladang perlu menyelesaikan bayaran yang ditetapkan mengikut tempoh-tempoh tertentu. Secara keseluruhan, dapat dinyatakan bahawa jumlah keseluruhan keluasan tanah yang telah dipohon oleh pengusaha pada tahun 1932 adalah seluas 234,133 ekar.⁴⁷

4.4 Orang Cina Sebagai Buruh Ladang Getah

Buruh merupakan aspek penting dalam menggerakkan sesuatu kegiatan ekonomi bagi mendapatkan suatu hasil. Oleh itu, dalam kegiatan penanaman getah, golongan buruh Cina telah menyumbang tenaga dalam perkembangan getah. Buruh-buruh Cina yang dibawa masuk ke Kedah adalah secara percuma dan sekiranya mereka ingin terlibat dalam kegiatan ekonomi lain atau pergi ke tempat lain, mereka dibenarkan dengan syarat menghantar notis satu bulan terlebih awal. Ini disebabkan setiap buruh yang bekerja di mana-mana ladang di Kedah dikawal selia dan direkodkan.⁴⁸ Dianggarkan pada tahun 1917, terdapat seramai 55,200 buruh yang bekerja di ladang getah di Negeri-negeri Melayu (NNM).⁴⁹

Buruh Cina berada di bawah kawalan Pelindung Orang Cina (*Protector of Chinese*) atau Inspektor Buruh Cina. Lazimnya, jawatan ini disandang oleh pegawai British. Walau bagaimanapun, terdapat juga orang Cina dilantik memegang jawatan tersebut. Sebagai contoh, pada tahun 1939, Mr. Lee Thean Hin dilantik memegang jawatan tersebut bermula 21 Februari 1939. Beliau berperanan melakukan pemeriksaan di tempat-tempat kerja buruh dan melindungi buruh Cina. Selain itu, satu akta di bawah

⁴⁷ SUK. K. 3025/1351, Malaya Rubber Statistic Handbook, 1932.

⁴⁸ Alec Gordon, ‘Contract Labour in Rubber Plantation: Impact of Smallholders in Colonial South-East Asia’, hlm. 847.

⁴⁹ C. Barlo, *The Natural Rubber Industry: Its Development, Technology and Economy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 45.

Seksyen 45 Kod Buruh turut diwujudkan bagi mengatasi masalah dalam kalangan buruh.⁵⁰

Menurut laporan buruh pada tahun 1940 di Kedah, kebanyakan orang Cina terlibat dalam pekerjaan di ladang, lombong, kilang padi, tanaman ubi kayu, kilang dan lain-lain.⁵¹ Tumpuan buruh Cina pada peringkat awal adalah di beberapa negeri di semenanjung Tanah Melayu iaitu Johor, Kedah dan Kelantan.⁵² Mereka ini kebanyakannya terlibat dalam perniagaan kaum mereka sendiri. Kebanyakan buruh Cina yang terlibat dalam penanaman getah berasal dari daerah Kwantung di Selatan China.⁵³

Keperluan buruh Cina dalam ekonomi getah di NNM termasuklah Kedah didapati terus berkembang. Kehadiran mereka telah membantu merancakkan perkembangan ekonomi dalam negeri. Misalnya, pada sekitar tahun 1932 hingga 1934, jumlah buruh di Kedah mencecah seramai 28,000 hingga 34,000 orang dan meliputi buruh masyarakat India, Melayu dan Cina.⁵⁴ Buruh Cina tidak semestinya berkhidmat dengan majikan Cina malah terdapat di antara mereka yang turut bekerja dengan pihak British. Sebagai contoh pada tahun 1940, terdapat 650 orang buruh Cina yang bekerja dengan pengusaha ladang getah di Kedah iaitu di ladang R.A.F. Aerodrome.⁵⁵. Peningkatan buruh Cina di Kedah pada penghujung tahun 1940 telah menunjukkan kemantapan pengeluaran ekonomi getah tersebut serta memberi pulangan pendapatan yang baik terhadap negeri.

⁵⁰ *Kedah Government Gazette*, Vol. 16, No. 8, March 18, Alor Setar, 1939, hlm. 34.

⁵¹ SUK. K. 3865/1358, Ask for the Annual Report of the Protector of Chinese, Kedah for 1939 & 1940. Laporan ini berkaitan dengan buruh pada tahun 1940 yang menyatakan penglibatan orang Cina dalam kegiatan ekonomi di Kedah dan berada di bawah pengawalan Pelindung Cina.

⁵² C. Barlo, *The Natural Rubber Industry: Its Development, Technology and Economy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 45.

⁵³ *Ibid*, hlm. 45.

⁵⁴ *The Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1352 A. H.*, Alor Setar: Kedah Government Press, 1934, hlm. 18.

⁵⁵ SUK. K. 3865/1358, Ask for the Annual Report of the Protector of Chinese, Kedah for 1939 & 1940.

Walaupun ramai buruh Melayu dan India yang terlibat dalam sektor ini, namun peranan buruh Cina juga begitu signifikan dan menjadi penyumbang dalam memajukan industri getah di Kedah.⁵⁶ Direkodkan pada tahun 1937, buruh India mencatatkan jumlah seramai 22,209 orang, Melayu sseramai 70,704 orang, Cina mencatatkan seramai 2, 698 orang dan lain-lain seramai 84 orang.⁵⁷ Buruh-buruh ini memiliki peranan masing-masing di ladang, dan salah satu peranan mereka ialah sebagai penanam getah.⁵⁸ Kebiasaan mereka ditugaskan membuat tahanan setelah pokok mencapai tahap matang dan bayaran oleh pemilik ladang akan dilakukan sejurus semua kegiatan tanaman dan tahanan tersebut selesai. Dari aspek penempatan pula, buruh Cina kebanyakannya tinggal di dalam rumah ladang. Hal ini untuk memudahkan mereka bagi menjalankan kerja di ladang apabila berada pada jarak yang lebih dekat. Dilaporkan terdapat puluhan rumah buruh di dalam kawasan ladang getah di Kedah yang menjadi penempatan para buruh.⁵⁹

Pihak kerajaan memberi perhatian kepada buruh bagi memastikan tidak berlaku penindasan terhadap mereka. Kenyataan ini dapat dibuktikan berdasarkan surat oleh Setiausaha Kerajaan Kedah kepada Penjaga Cina (*Protector of Chinese*) pada tahun 1941. Dalam surat tersebut, beliau menyatakan sekiranya terdapat buruh Cina atau India yang bekerja di mana-mana sahaja, segala laporan mengenai mereka perlu diambil seperti bayaran gaji lambat, keadaan tempat kerja dan lain-lain. Segala isu tersebut harus diambil tindakan segera bagi memastikan tiada masalah yang lebih besar berlaku di tempat kerja.⁶⁰

⁵⁶ Jack Shepherd, "India Ban Threatens Malayan Labor Balance", Institute of Pacific Relations, *Far Eastern Survey*, Vol. 8, No. 3, Feb. 1. 1939, hlm. 31.

⁵⁷ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1935 A. H.*, Alor Setar: Printed At The Government Press, 1937, hlm. 38.

⁵⁸ Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 74.

⁵⁹ Ibid.

⁶⁰ Rujuk Surat daripada Ismail Bin Haji Puteh, di bawah Setiausaha Kerajaan Kedah kepada Protector of Chinese Kedah yang bertarikh 12 November 1941, dalam SUK. K 1204/1360, That Heards of Department be Requested to Refer All Complaints Made by Laboures to the Labour Officer or the Chinese Protectorate as Soon as Possible Suggest. 19 November 1941

4.5 Penubuhan *Chinese Rubber Dealers Association*

Perkembangan sektor perladangan getah yang menyaksikan penglibatan ramai orang Cina di Kedah telah membawa kepada penubuhan *Chinese Rubber Dealers Association Kedah*. Penubuhan persatuan ini adalah tertakluk di bawah Seksyen 6, Enakmen 17, 1919.⁶¹ Berdasarkan enakmen ini, setiap peniaga getah berlesen dan menetap di Kedah adalah layak dipilih sebagai anggota persatuan dan perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kebiasaannya, pemilik ladang getah berlesen melakukan permohonan untuk menubuhkan persatuan mengikut daerah masing-masing. Antara kawasan yang terlibat dalam penubuhan persatuan ini ialah Sungai Petani, Bandar Bharu, Kuala Nerang, Changlun, Jitra, Kepala Batas dan lain-lain.⁶²

Objektif penubuhan persatuan ini adalah bertujuan untuk:

- i) Memfokuskan kepentingan ahli persatuan mengenai harga pasaran getah yang dinyatakan oleh pihak kolonial.
- ii) Menggalakkan hubungan sosial antara ahli dan mewujudkan saling membantu dalam kalangan ahli persatuan.

Di dalam objektif yang pertama, penubuhan persatuan tersebut sangat jelas menunjukkan keprihatinan orang Cina kepada kelompok peniaga mereka dalam memastikan setiap maklumat mengenai harga pasaran getah dihebahkan dengan mudah. Malah tujuan objektif itu juga sebenarnya untuk memperoleh harga yang lebih stabil dan semestinya mahukan pulangan keuntungan kepada mereka.⁶³

Seterusnya, dalam isu pasaran getah pula, pengkaji mendapati para peniaga telah meletakkan harga yang berbeza terutamanya peniaga di Kedah dan Pulau Pinang. Perbezaan harga telah menimbulkan masalah timbul dan menjadi satu alasan yang

⁶¹ SUK. K. 2199/1345, “Chinese Rubber Dealers Association Kedah”. Rujuk surat daripada pihak Pendaftaran Pertubuhan, Sungai Petani yang bertarikh 15 Februari 1927.

⁶² Ibid.

⁶³ Rujuk, The Co-Operative Societies Enactment 1345, Enactment No.4 of 1345 dalam Kedah Enactment, 1345 (1925).

sangat kukuh untuk menubuhkan persatuan tersebut. Selain itu, objektif penubuhan tersebut turut dikukuhkan apabila menurut fasil 3 di dalam enakmen iaitu “*shall not operate in restraint of trade or to the disadvantage of the general public*”.⁶⁴ Kenyataan ini membawa maksud bahawa pihak tertentu tidak dibenarkan menyekat atau merugikan perniagaan orang awam. Pada tahun 1927, persatuan ini telah dianggotai seramai 28 orang ahli dari pelbagai kawasan di Kedah. Kenyataan ini jelas dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 4.6: Senarai Ahli Jawatankuasa *Chinese Rubber Dealers Association* Pada Tahun 1927

Nama Ahli	Jawatan	Kawasan
Mr. Paw Gim Chuan	Setiausaha	Pekan Cina, Alor Setar
Mr. Tan Eng Soo	Penolong Setiausaha	Pangkala Kapal, Alor Setar
Mr. Lee Boon Ong	Presiden	Pekan Melayu, Alor Setar
Mr. Lee Hong Meh	Naib Presiden	Pekan Langgar, Langgar
Mr. Oay Siong Joo	Bendahari	Pekan Cina, Alor Setar
Mr. Ooi Heng Choong	Penolong Bendahari	Pekan Cina, Alor Setar
Mr. Ong Ewe Peng	Ketua Audit	Kepala Batas, Alor Setar
Mr. Toeh Lye Chor	Penolong Audit	Pendang, Kedah
Mr. Saw Boon Pian	Jawatankuasa	Pokok Sena, Kedah
Mr. Tan Cheng Ban	Jawatankuasa	Pekan Melayu, Alor Setar
Mr. Teoh Kow Siak	Jawatankuasa	Pendang, Kedah
Mr. Lee In Bway	Jawantankuasa	Pendang, Kedah
Mr. Tang Eng Khuan	Jawatankuasa	Pangkalan Kapal, Alor Setar
Mr. Teoh Keat	Jawatankuasa	Tanah Merah, Kedah
Mr. Cheong See Ho	Jawatankuasa	Changlun, Kedah
Mr. Cheong Kheng Liat	Jawatankuasa	Kepala Batas, Alor Setar
Mr. Lee Taik Beow	Jawatankuasa	Jitra, Kedah
Mr. Tan Chan	Jawatankuasa	Jitra, Kedah
Mr. Chong Boon Hian	Jawatankuasa	Kuala Nerang, Kedah

⁶⁴ SUK. K. 2199/1345, “Chinese Rubber Dealers Association Kedah”. Rujuk surat daripada pihak Pendaftar Pertubuhan, Sungai Petani yang bertarikh 15 Februari 1927.

Mr. Teo Boon Choo	Jawatankuasa	Kuala Nerang, Kedah
Mr. Hoo Ho Thiam	Ahli	Jitra, Kedah
Mr. Yap Boon Peng	Ahli	Kepala Batas, Alor Setar
Mr. Low Teng	Ahli	Pokok Sena, Kedah
Mr. Lo Sin Guan	Ahli	Changlun, Kedah
Mr. Chew Biow Taik	Ahli	Tanah Merah, Kedah
Mr. Lee Taik Bway	Ahli	Tanjung Pauh, Kedah
Mr. Toh Chay	Ahli	Pendang, Kedah
Mr. Tan Huat Kor	Ahli	Langgar, Kedah

Sumber: SUK. K. 2199/1345, “Chinese Rubber Dealers Association Kedah”. Rujuk surat daripada pihak Pendaftar Pertubuhan, Sungai Petani yang bertarikh 15 Februari 1927.

Kegiatan orang Cina yang dilihat aktif dalam persatuan ini jelas menunjukkan peranan mereka bagi memastikan proses pembelian dan penjualan getah berjalan dengan lancar. Lazimnya, permohonan daripada individu yang memohon untuk terlibat dalam proses jual beli getah akan masuk ke MMN di bawah enakmen pengawasan getah. Misalnya, pada tahun 1932, Pegawai Daerah Kulim telah memaklumkan kepada Setiausaha Kedah bahawa Liang Seng Ang telah mendapat kelulusan untuk menjual dan membeli getah di Kulim.⁶⁵ Selain itu, fokus utama persatuan ini dilihat begitu mementingkan kebijakan setiap ahli seperti mendapatkan lesen kelulusan dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 4.7 yang memperlihatkan inividu yang mendapat kelulusan daripada pihak *board* bagi daerah Kulim.

⁶⁵ Rujuk surat District Officer Kulim (D.O.K) Mengenai laporan kelulusan lesen yang dipohon oleh peniaga Cina untuk menjual dan membeli getah kepada Setiausaha Kedah yang bertarikh 18.2.1932 dalam SUK.K. 515/1351, Minute of Meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment at Kulim 11 Jun 1932.

Jadual 4.7: Senarai Pemegang Lesen Menjual dan Membeli Getah bagi Daerah Kulim Pada Tahun 1932

Tempat	Nombor Lesen	Pemegang Lesen
Kulim	92	Leong Ah Yan & Lim Teng Kong
	93	Teo Ka Lin & Teo Ka Hock
	96	Heng Guan Hee, Tan Boon Huang & Chew Taik Lun
	98	Bong Kuan Teik
	3	Lim Soon Chin & Aun Chung Guan
	5	Tan Teng Pong
	7	Loo Khee Thean
	9	Tan Chin Moy
Lunas	94	Goh Ah Seng, Low Boon Ngee, Soon Heong Eng & Oon Chung Khor
	95	Tan Thye Eng
	97	Yeap Sean
	6	Soo Keah Boon
	8	Soon Eng Kong
	11	Tan Chye Kee
Padang Serai	99	Tan Ee Tan & Tan Teong Chin
	1	Yeoh Seng Hoe
	10	Tan Hye Heng
Junjong	91	Tan Teng Soon
	100	Salleh bin Mat Taib
	2	Tan Han Chuan
	4	Lim Soon Chin & Aun Cheng Guan
	12	Lim Ah Teng

Sumber: SUK. K. 515/1351, Minutes of Meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment at Kulim. 11 Jun 1932.

Jadual 4.7 menunjukkan senarai lesen menjual dan membeli getah bagi daerah Kulim pada tahun 1932. Didapati pemegang lesen berdaftar paling ramai dicatatkan di kawasan Kulim iaitu seramai lapan orang. Hal ini disebabkan kawasan Kulim menjadi tumpuan peniaga-peniaga Cina di kawasan rumah-rumah kedai berbatu. Selain itu, kegiatan perladangan getah yang aktif di kawasan Kulim turut memudahkan para peniaga berlesen untuk dalam membeli dan menjual semula hasil getah.⁶⁶ Sebagaimana

⁶⁶ SUK. K. 515/1351, Minutes of Meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment at Kulim 11 Jun 1932.

yang dicatatkan dalam jadual 4.5 terdapat lebih kurang 10 orang pemilik ladang yang berkeluasan lebih daripada 100 ekar.

Ini dituruti dengan Lunas seramai enam orang, Junjung lima orang dan Padang Serai yang mencatatkan jumlah paling rendah iaitu hanya berjumlah tiga orang pemegang lesen bagi tahun 1932. Setiap peniaga diberikan nombor lesen perniagaan yang wajib dipaparkan di setiap kedai mereka. Rumah-rumah kedai berbatu tersebut beroperasi di kawasan pekan dan pinggir-pinggir jalan raya yang menjadi kawasan tumpuan orang ramai. Selain membeli dan menjual getah, para peniaga juga memperoleh lesen menyimpan dan memasak getah yang diperoleh daripada ladang berdekatan.

Berdasarkan jadual dapat dilihat bahawa majoriti mereka yang memperoleh lesen bermiaga adalah terdiri daripada orang Cina berbanding orang Melayu di mana hanya mencatatkan seorang sahaja iaitu bagi kawasan Junjung. Jika dilihat kembali peranan dan penglibatan orang Cina dalam sektor getah, dapat disimpulkan bahawa peluang perniagaan dalam sektor ini banyak berpihak kepada orang Cina. Namun begitu, setiap sektor ekonomi yang diusahakan adalah penyumbang pendapatan kepada negeri di mana segala perolehan hasil telah dipanjangkan ke peringkat eksport.

4.6 Kegiatan Pengeksportan Getah

Pembukaan ladang-ladang getah di daerah Kuala Muda dan Kulim telah membawa kepada peningkatan dalam eksport. Ladang besar yang dibuka kemudiannya dibahagikan kepada kebun-kebun kecil dengan tanaman-tanaman yang lain yang boleh memberi hasil keuntungan yang banyak. Malahan pengeluaran getah yang melibatkan dua daerah tersebut juga turut memperlihatkan berlaku peningkatan. Hal ini dapat

dibuktikan berdasarkan jadual berikut yang menunjukkan hasil cukai dan jumlah getah dieksport yang telah diperoleh pada tahun 1910 hingga 1919.

Jadual 4.8: Hasil Cukai Getah yang dikutip bagi Seluruh Kedah, 1910-1919

Tahun	Hasil Cukai (\$)
1910	21, 920
1911	7, 706
1912	22, 283
1913	31, 087
1914	38, 188
1915	87, 206
1916	263, 515
1917	160, 024
1918	154, 063
1919	145, 408

Sumber: Disesuaikan daripada *Kedah Annual Report*, 1910-1919.

Jadual 4.9: Jumlah Eksport Getah Kedah, 1910 -1919

Tahun	Jumlah Eksport (\$)
1910	308, 240
1911	891, 320
1912	308, 240
1913	1, 323, 600
1914	1, 527, 500
1915	3, 490, 000
1916	1, 527, 500
1917	6, 400, 891
1918	7, 902, 696
1919	349, 120

Sumber: Disesuaikan daripada *Kedah Annual Report*, 1910-1919.

Berdasarkan jadual dapat dilihat bahawa hasil cukai dan jumlah eksport menunjukkan permulaan dan peningkatan yang baik bagi Kedah. Keadaan ini dibuktikan dengan penglibatan awal masyarakat dalam pengeluaran hasil getah bagi memenuhi permintaan pasaran dunia yang tinggi. Lazimnya, kesan permintaan yang tinggi terhadap getah akan turut meningkatkan hasil cukai sesebuah negeri. Pada tahun 1910, penanaman getah secara aktif melibatkan tiga buah daerah iaitu Kuala Muda, Kulim dan Kerian.⁶⁷ Pada peringkat awal kegiatan eksport getah lebih dimonopoli oleh pihak kolonial dan beberapa kerabat Melayu sahaja. Malah penglibatan orang Cina ketika ini masih dalam skala yang kecil.

Daerah Kuala Muda menunjukkan jualan hasil getah yang baik setelah hampir suku juta getah berjaya ditanam. Kejayaan tersebut juga telah memberi tempias terhadap penanaman getah di daerah Kulim apabila tanah-tanah di Kulim turut diusahakan bagi kegiatan penanaman getah. Lanjutan itu, dengan merujuk tahun 1910-1919, peningkatan getah yang dieksport itu sememangnya didorong oleh penanaman getah di semua daerah yang dinyatakan. Justeru dapat dijelaskan bahawa peningkatan getah di Kedah pada abad ke-20 menggambarkan perkembangan ekonomi yang baik. Namun begitu, perkembangan ini didapati belum mampu untuk menandingi pengeluaran hasil getah di negeri-negeri lain.

Seterusnya, kesan ledakan ekonomi getah yang menjadi permintaan dunia pada abad ke-20 telah membuka peluang bagi pelbagai pihak untuk bergiat aktif terlibat dalam sektor perladangan ini. Peranan yang diberikan oleh pelbagai pihak dilihat penting di samping menyumbang kepada pendapatan negeri. Di samping itu, peranan individu mahupun perkongsian dalam membuka ladang getah dilihat begitu memberangsangkan di Kedah khasnya setelah ramai orang Cina terlibat secara langsung pada tahun-tahun berikutnya. Hal ini juga dapat dilihat berdasarkan tanah-tanah baru

⁶⁷ The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the year 1327 A. H. (23 January 1909-1910), Kuala Lumpur: The F. M. S. Government Printing Office, 1910, hlm. 23-26.

yang dibuka dengan keluasannya juga telah menunjukkan peningkatan yang baik. Namun begitu, kemaraan sistem ekonomi kapitalis yang terus memuncak oleh pemodal Cina dan Eropah telah merangsang perkembangan nilai tanah di mata pihak kerajaan.⁶⁸

Keadaan yang berterusan ini berlaku apabila laporan Jabatan Monopoli dan Kastam 1929 melaporkan hasil pendapatan eksport negeri dan getah menduduki tangga yang paling atas dengan memperoleh hasil yang tinggi iaitu sebanyak \$541,851,000. Hasil eksport beras dan padi pula berada di tangga yang kedua iaitu sebanyak \$1,277,959.⁶⁹ Pada penghujung tahun 1938, jumlah keseluruhan tanaman getah di Kedah dapat dilihat dalam tiga keadaan mengikut keluasan. Keluasan ladang getah terbesar pada akhir tahun ini adalah seluas 206,098 ekar, ladang sederhana pula sebanyak 35,707 ekar dan kebun pula seluas 60,464 ekar.⁷⁰ Sementara itu, kawasan yang masih dalam penyelidikan atau percubaan bagi tanaman getah ini pula ialah seluas 710 ekar. Jumlah keluasan ini berdasarkan rekod yang menunjukkan peningkatan dalam setiap kawasan penanaman getah. Peningkatan pembukaan ladang getah di Kedah pada masa ini adalah selaras dengan peningkatan dalam pengeluaran getah di Tanah Melayu antara tahun 1920 hingga 1928.⁷¹ Jadual berikut menunjukkan jumlah akhir keluasan tanah yang telah dibuka bagi penanaman getah di Kedah untuk tahun 1922 hingga 1932.

⁶⁸ Nurizwanfaizi Nordin, ‘Reaksi Masyarakat Melayu Terhadap Pentadbiran Tanah di Kedah’, 1909-1941, hlm. 71.

⁶⁹ SUK. K. 625/1348, Annual Report of the Monopolies & Customs Department, Kedah, for the year (1929).

⁷⁰ J. D. Hall, *Annual Report on the Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for the Year 1936*, Alor Setar: Kedah Government Press, 1938, hlm. 18.

⁷¹ Ooi Jin Bee, *Bumi Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, hlm. 17-18.

**Jadual 4.10: Jumlah Keluasan Tanah Ladang Getah yang Dibuka
1922-1932 di Kedah (ekar)⁷²**

Tahun	Keluasan Ladang 100 ekar ke atas
1922	121, 204
1923	124, 365
1924	125, 854
1925	138, 533
1926	151, 212
1927	163, 891
1928	176, 570
1929	189, 249
1930	193, 359
1931	194, 708
1932	234, 133

Sumber: SUK. K 3025/1351, Malaya Rubber Statistic Handbook, 1932. Rujuk juga, J. I. Miller, *Malaya Administration Report Department of Statistic Straits Settlements and Federated Malay states for the year 1930*, Singapore, Printed: Government Printing Office Singapore, 1931, dalam A. P. No. 523/1350, Information for Inclusion in the Administration Report 1931. 21 Disember 1931.

Berdasarkan Jadual 4.10, dapat dilihat keluasan pembukaan tanah ladang getah yang semakin bertambah dari tahun ke tahun dalam tempoh 1922-1932. Pada tahun 1922, dilaporkan jumlah keluasan tanah adalah seluas 121,204 ekar dan berterusan meningkat sehingga tahun 1932. Sebagai contoh bagi tahun 1923 dan 1924, keluasan tanah yang dibuka masing-masing mencatatkan seluas 124,365 ekar dan 125,854 ekar. Jumlah keluasan tanah terus bertambah bagi tahun 1925 dan 1926 dengan angka yang dicatatkan masing-masing seluas 138,533 ekar dan 151,212 ekar. Sementara itu, pada tahun 1927 dan 1928 pula jumlah tanah yang diusahakan adalah seluas 163,891 ekar dan 176,570 ekar. Lanjutan daripada ramai pelabur dalam sektor perladangan getah, telah meningkatkan lagi pembukaan tanah di Kedah. Bagi tahun 1929, seluas 189,249 ekar tanah telah dibuka. Seterusnya, jumlah keluasan tanah ladang berterusan meningkat untuk tahun 1930 dan 1932, dengan angka seluas 194,708 ekar dan 234,133 ekar.⁷³

⁷² SUK. K. 3025/1351, Malaya Rubber Statistic Handbook. Lihat surat daripada Penasihat British Kedah kepada Jabatan Statistik Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang bertarikh 8 Jun 1932.

⁷³ Ibid.

Kegiatan komersial ini sememangnya sentiasa menarik minat pengusaha ladang getah terutamanya selepas tahun 1918. Ini disebabkan dalam tempoh dua tahun iaitu 1917 hingga 1918, Buku Permohonan Tanah Estet telah ditutup disebabkan berlakunya tunggakan kerja ukur dan pendaftaran. Namun ia telah dibuka kembali pada tahun 1919 hingga 1920. Pembukaan tersebut telah menarik minat ramai pengusaha getah sehingga berlakunya peningkatan dalam keluasan tanah iaitu di kawasan Kedah Selatan.⁷⁴

Peningkatan keluasan pembukaan tanah ini turut disumbangkan oleh orang Cina dari tahun ke tahun. Tanah yang diusahakan ini adalah termasuk dalam tanah komersial. Selain itu, perkembangan tanah ini juga adalah kesan daripada usaha negeri yang mengalu-alukan penglibatan pelaburan asing dalam sektor ini namun ia masih dikawal oleh MMN.⁷⁵ Selain daripada orang Cina, pelabur lain termasuklah orang India, Melayu dan British. Peningkatan tersebut juga berlaku kerana kesan daripada kemerosotan tanaman ubi kayu yang berlaku pada awal abad ke-20 yang memberi kesan kepada kejatuhan nilai di pasaran antarabangsa. Kejatuhan itu telah menyebabkan berlakunya peralihan kegiatan ekonomi iaitu dari tanaman ubi kayu kepada pembukaan ladang getah.⁷⁶

Dalam hal ini, pihak kerajaan melakukan peralihan kegiatan ekonomi kepada penanaman getah kerana menganggap ia lebih banyak memberikan keuntungan. Di samping itu, kerajaan turut menggunakan polisi terbuka terhadap pelabur luar terutamanya British di Pulau Pinang bagi menggalakkan lagi perkembangan sektor getah. Berikutnya, sultan mengambil langkah dengan memberikan konsesi dan hak pajakan kepada orang Cina yang mendapat kepercayaan daripada sultan. Lazimnya tanah-tanah yang menjadi perhatian orang Cina dan British adalah tertumpu di daerah

⁷⁴ C. O. 716, Kedah Perlis Sessional Papers. Annual Report of the Kedah Government. 1337 A. H. (7th October 1918-25th September 1919), hlm. 2.

⁷⁵ C. O. 716, Kedah Perlis Sessional Papers. Annual Report of the Kedah Government. 1332 A. H. (30th November 1913-18th November 1914), hlm. 4.

⁷⁶ J. I. Miller, *Malaya Administration Report Department of Statistic Straits Settlements and Federated Malay states for the Year 1930*, Singapore: Government Printing Office Singapore, 1931, dalam A. P. No. 523/1350, Information for Inclusion in the Administration Report 1931. 21 Disember 1931.

Kulim dan Kuala Muda berbanding dengan kawasan lain. Hal ini adalah berdasarkan permohonan tanah yang diusulkan oleh pihak-pihak tertentu. Di samping itu, keluasan dan kepesatan kegiatan penanaman getah di kedua-dua daerah tersebut adalah jelas ditunjukkan oleh pelabur yang aktif ketika itu. Kepesatan perusahaan ladang getah ini juga telah menggalakkan pertumbuhan kegiatan eksport.⁷⁷ Hal ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 4.11: Jumlah Eksport Getah Kedah, 1936-1937

Eksport	1936		1937	
	Kuantiti	Nilai	Kuantiti	Nilai
Getah	41,590 tan	\$26,629,878	56,767 tan	\$36,825,132

Sumber: Annual Report On The Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1356 A. H., Alor Setar: Kedah Government Press, 1938, hlm. 28.

Jadual 4.11 menunjukkan contoh perolehan nilai eksport getah berdasarkan kuantiti yang diminta pada tahun 1936 dan 1937. Dalam tempoh tersebut menunjukkan berlaku peningkatan bagi kuantiti eksport dan nilai yang diperoleh hasil daripada eksport getah. Buktinya, pada tahun 1936, kuantiti getah yang dieksport ialah sebanyak 41,590 tan dan nilai yang diperoleh bagi kuantiti yang dieksport itu ialah sebanyak \$26,629,878. Jumlah kuantiti getah tersebut terus meningkat kepada 56,767 tan dan dengan nilai sebanyak \$36,825,132 pada tahun 1937.

Kegiatan pengeksportan yang berlaku pada tahun 1936 melibatkan ratusan peniaga dari bulan Januari hingga Disember. Contohnya, pada bulan Februari, terdapat seramai 386 peniaga yang menjalankan aktiviti mengeksport getah.⁷⁸ Manakala bilangan peniaga ini sentiasa mengalami turun naik. Misalnya pada bulan April telah menurun kepada 124 orang. Kegiatan pengeksportan ini adalah melibatkan getah basah

⁷⁷ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1356 A. H., (1938), hlm. 28.
⁷⁸ SUK. K. 3025/1355, Malaya Rubber Statistic, 1936-1939.

dan getah kering seperti mana yang telah dinyatakan dalam statistik getah di Kedah pada tahun 1936 hingga 1939.⁷⁹

Jumlah eksport getah di Kedah adalah berdasarkan hasil pengeluaran yang diperoleh. Dalam hal ini setiap pengeluaran getah yang berlaku adalah berdasarkan piawaian pengeluaran yang sama seperti di NNS, NNMB dan NNMTB. Piawaian pengeluaran tersebut adalah melibatkan keluasan tanah pemilik ladang sehingga 25 ekar, pemilik ladang 25 hingga 100 ekar dan ladang melebihi 100 ekar. Bagi Kedah, pemilik ladang lebih banyak mengusahakan ladang 25 hingga 100 ekar dan ladang melebihi 100 ekar ke atas.⁸⁰

Penyelarasian dalam piawaian pengeluaran adalah untuk memastikan kegiatan pengeluaran dan eksport berlaku dengan lancar. Selain itu, dengan penyelarasian ini, pengurusan ladang akan lebih mantap. Misalnya, mereka mampu mengawal selia peningkatan dalam pengeluaran getah. Di samping itu, pihak *Controller of Rubber* NNS dan NNMB mahu memastikan kualiti yang baik dalam setiap pengeluaran getah untuk dieksport.⁸¹

4.7 Kesan Perkembangan Ekonomi Padi, Beras dan Getah

Sejajar dengan perkembangan turun naik ekonomi Kedah pada kurun ke-20, Kedah telah menjalankan hubungan ekonomi yang baik dengan beberapa pihak. Ini disebabkan hasil ekonomi Kedah menarik minat pihak luar dalam melakukan kegiatan

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Rujuk surat daripada Controller of Rubber (Straits Settlement & Federated Malay State), Singapore kepada Penasihat British Kedah mengenai Method of Calculation of Standard Production yang bertarikh 11 September 1924 dalam SUK. K. 547/1343, Memorandum by the Controller Rubber (Straits Settlement & Federated Malay State) Showing Standard Production of U.M.S. 12 September 1924.

⁸¹ Ibid.

mengeksport.⁸² Oleh itu, berdasarkan jadual yang disediakan menunjukkan beberapa pihak yang terlibat dalam kegiatan mengeksport hasil ekonomi Kedah.⁸³

Jadual 4.12: Negara-negara Utama yang Terlibat dalam Pengeksportan dengan Kedah pada Kurun ke-20

Negara Utama	Jenis-Jenis Eksport
Negeri-Negeri Selat	Padi, beras, getah dan bijih timah
Benua Eropah	Getah
Amerika	Getah
United Kingdom	Getah dan bijih timah
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	Padi, beras dan binatang ternakan (lembu)

Sumber: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1356 A. H. (1937), hlm. 26.

Jadual tersebut menunjukkan produk utama negeri Kedah yang menjadi tarikan beberapa buah negara. Kedah sememangnya terkenal dengan kemasyhuran tanaman dan hasil padinya namun kemunculan tanaman getah telah mencetuskan persaingan dengan hasil ekonomi yang lain dalam pasaran dunia.⁸⁴

Walau bagaimanapun, semua hasil ekonomi tersebut menjadi penyumbang yang penting dalam pendapatan negeri Kedah. Kebangkitan pasaran ketiga-tiga produk tersebut berlaku setelah campur tangan British dan kemasukan orang Cina dan India ke Kedah. Sumbangan dan peranan mereka jelas membantu meningkatkan pendapatan negeri. Penubuhan kilang-kilang padi oleh tauke-tauke Cina dan pembukaan lebih banyak ladang getah menunjukkan bahawa hasil padi dan getah mendapat permintaan yang tinggi dari kuasa luar.

⁸² P. T. Bauer, "Some Aspects of the Malayan Rubber Slump, 1929-1933, dalam *Economica, New Series*, Vol. II, No. 44 (November 1944), Wiley on behalf The London School of Economic and Political Science and The Suntory and Toyota International Centres for Economic and Related Disciplines, hlm. 191.

⁸³ Annual Report On The Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1356 A. H., hlm. 26.
⁸⁴ Ibid., hlm. 28.

Hubungan ekonomi yang terjalin antara negeri dan pihak luar menunjukkan pentingnya sumber ekonomi Kedah dalam pasaran dunia. Meskipun NNMB lebih banyak menghasilkan sumber ekonomi misalnya Selangor dan Perak yang jelas diketahui sebagai penghasil terbesar bijih timah, namun tidak menghalang Kedah untuk terkenal di mata dunia terutama dalam pemasaran hasil padi, getah dan hasil ternakan. Pengaruh orang Cina di Kedah telah berjaya mengembangkan ekonomi dan menghasilkan pendapatan yang baik terhadap pendapatan negeri. Contohnya pengusaha seperti Lim Boon How, Choong Cheng Kean dan Lim Leng Cheak.⁸⁵ Mereka terkenal dengan pembukaan kilang dan ladang getah di Kedah. Mereka juga merupakan tauke Cina yang mempunyai hubungan rapat dengan sultan. Sultan memberi kepercayaan kepada mereka untuk mengusahakan tanah di Kedah. Tauke-tauke Cina di Kedah adalah pemodal dan sebagai ejen dari Pulau Pinang yang menjalankan kegiatan ekonomi di negeri jiran.⁸⁶

4.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, penglibatan orang Cina yang berperanan sebagai pelabur dan pengusaha Cina didapati turut berkembang dalam sektor perladangan getah. Penyertaan orang Cina dalam ekonomi Kedah menjadi satu kelebihan kepada British apabila tumpuan mereka untuk mengukuhkan ekonomi Kedah adalah dengan menggalakkan eksloitasi orang Cina terhadap bidang pertanian.

Peranan orang Cina jelas dapat disaksikan sepanjang perkembangan ekonomi negeri Kedah pada abad ke-20. Langkah pemerintah yang memberi peluang kepada pengusaha Cina sememangnya menunjukkan hasil yang baik. Dalam sektor perladangan getah dilihat turut mencapai kejayaan apabila hasil pendapatan yang diperoleh mencapai

⁸⁵ X. A. Wu, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882–1941’, hlm. 231.
⁸⁶ Ibid., hlm. 80.

tahap stabil walaupun pada satu ketika dunia dilanda perang pada tahun 1914. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh pemerintah dan pegawai-pegawai negeri dalam memastikan kestabilan ekonomi negeri berjalan lancar. Salah satunya menjaga hubungan diplomatik dengan negeri berdekatan contohnya dengan Pulau Pinang. Sementara itu, hasil hubungan yang terjalin telah melahirkan tauke-tauke Cina yang terkenal. Selain itu, dapat dinyatakan juga bahawa pada peringkat awal kemunculan kegiatan penanaman getah ini sememangnya semata-mata untuk memperoleh keuntungan sahaja. Namun di akhirnya kegiatan ini bukan sahaja diusahakan oleh orang Cina dan Eropah malah orang Melayu juga telah menjadikan sektor ini sebagai kegiatan tetap.

BAB 5

PERANAN ORANG CINA DALAM PERNIAGAAN CANDU, JUDI DAN ARAK, 1909-1941

5.1 Pengenalan

Menjelang abad ke-20, kolaborasi di antara pemerintah pembesar Melayu dan pemodal-pemodal Cina dari Pulau Pinang berlangsung dengan jayanya. Pada masa ini, kedatangan orang Cina di Kedah sememangnya telah membawa pelbagai jenis pajakan yang menyumbang hasil pendapatan kepada negeri. Kedah yang turut memiliki tanah yang luas menjadi perhatian orang Cina dalam memperluaskan pengaruh ekonomi mereka.

Oleh itu, dalam bab keempat ini, perbincangan akan memfokuskan terhadap tiga perniagaan penting yang dijalankan orang Cina di Kedah yang menyumbang kepada hasil pendapatan negeri iaitu penjualan candu, judi dan arak. Justeru dalam bab ini akan melihat sejauh mana orang Cina berjaya menguasai ketiga-tiga perniagaan tersebut. Selain itu, bab ini turut membincangkan kesan penubuhan Jabatan Monopoli dan Kastam terhadap kegiatan pajakan orang Cina di Kedah. Semuanya bermula dengan pajakan cukai candu dan arak yang pada awalnya dikendalikan oleh firma di Pulau Pinang sejak abad ke-19 lagi. Firma tersebut mengambil pajakan utama di Kedah iaitu pajakan candu dan arak.¹

¹ Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Mcmillan Press Ltd. 1983, hlm. 223-224.

5.2 Penguasaan Awal Orang Cina dalam Perniagaan Candu

Penerobosan orang Cina dalam sistem ekonomi Kedah telah membawa reaksi yang positif bagi hasil pendapatan Kedah. Pada peringkat awal, penguasaan orang Cina terhadap perniagaan candu² menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Ini dapat dilihat berdasarkan penglibatan pemodal Cina yang aktif dalam perniagaan tersebut. Antara mereka yang aktif di dalam perniagaan ini ialah Choong Cheng Kean, Lim Kek Chuan, Lim Eow Hong, Goh Teik Chee, Quah Beng Kee, Yeo Boon Chit, Cheah Tatt, Lim Cheng Teik dan lain-lain.³ Mereka memainkan peranan dalam perniagaan di Kedah sejak awal abad ke-20 lagi dan memberi sumbangan terhadap kerajaan Kedah seperti mana yang dilaporkan di dalam laporan tahunan negeri Kedah.⁴

Sebelum abad ke-20, dengan tiadanya undang-undang yang lebih tegas, Sultan Abdul Hamid menggalakkan kedatangan pelabur asing ke Kedah bagi mengusahakan tanah yang boleh membawa keuntungan kepada kerajaan. Kegiatan ekonomi yang diusahakan oleh pelabur asing pada masa ini bertumpu kepada kegiatan yang mempunyai nilai komersial. Justeru, candu dilihat sebagai kegiatan ekonomi yang sesuai dan membawa keuntungan.⁵ Ini dapat dilihat berdasarkan jumlah pendapatan candu yang telah dijual berdasarkan jadual berikut.

² Candu atau dalam bahasa Inggeris dipanggil *opium* merujuk kepada dadah yang dikategorikan dalam jenis psychotropic. Kebiasaannya, ia digunakan oleh mereka yang sentiasa berada dalam masalah seperti kebimbangan dan kegelisahan. Selain itu, terdapat juga dadah-dadah yang lain seperti heroin dan morfina. Kedua-dua jenis dadah ini memiliki fungsi yang sama dengan candu. Rujuk, “Drug Problem” *The New Encyclopaedia Britannica*, 15th ed., Chicago [iii] Encyclopaedia Britannica, 1974, hlm. 1048. Lihat juga, Carl A. Trocki, *Opium and Empire: Chinese Society in Colonial Singapore, 1800-1910*, Ithaca, Cornell University Press, 1990, hlm. 50.

³ Wu Xiao An, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882-1941’, Dissertation Phd., Amsterdam: School voor Social, University van Amsterdam, 1999, hlm. 133-134.

⁴ C. O. 716/1, The Annual Report of the British Adviser to the Kedah Government for the Year 1329 A. H. (2nd January-21st December 1911), hlm. 17-18.

⁵ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Adminitrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2016, hlm. 52-53.

Jadual 5.1: Jualan Candu di Kedah, 1907-1919

Tahun	Tahil
1907	262, 914
1908	236, 400
1909	225, 000
1910	195, 540
1911	234, 264
1912	230, 550
1913	207,000
1914	202, 699
1915	229, 795
1916	224, 329
1917	279, 062
1918	264, 062
1919	275, 872

Sumber: C. O. 273/ 399/ 22173, International Opium Convention, 5 June 1913. Lihat juga, diubahsuai *Kedah Annual Report* dari tahun 1907-1919.

Jadual 5.1 menunjukkan candu-candu yang telah terjual dari 1907-1919. Sebelum 1910, jualan candu dijalankan secara runcit di negeri Kedah. Kebiasaannya, dominasi perniagaan ini berada di tangan orang Cina di mana mereka berperanan dalam melakukan kegiatan pengimportan candu mentah dari Pulau Pinang.⁶ Kemudiannya, candu-candu mentah yang diimport tersebut akan diproses oleh orang Cina persendirian sehingga ke peringkat pembungkusan. Apabila semua operasi tersebut selesai, penjualan candu secara langsung kepada pelanggan akan dijalankan. Walau bagaimanapun, jumlah candu yang diimport dan dijual sebelum 1910 tidak dapat dinyatakan ekoran ketiadaan rekod yang jelas.⁷

⁶ Candu-candu tersebut asalnya diimport dari Turki, India dan China dan kemudian dihantar ke Negeri-negeri Selat. Seterusnya, candu-candu tersebut dihantar pula ke Negeri-negeri Melayu terutamanya di kawasan perlombongan bijih timah yang mempunyai ramai orang Cina. Rujuk, K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani 1905-1957*, hlm. 26.

⁷ C. O. 273/ 399/ 22173, International Opium Convention, 5 June 1913.

Berdasarkan jadual, dapat dilihat bahawa tempoh 1907-1910 mengalami penurunan. Penurunan paling ketara dapat dilihat pada tahun 1910 di mana pada masa itu pihak kerajaan telah mula mengambil alih monopoli candu dan sekali gus menyebabkan skala penjualan candu dilihat mengalami penurunan.⁸ Penurunan jualan candu pada tahun tersebut berlaku juga disebabkan tiadanya kegiatan pengimportan candu mentah dari Pulau Pinang lagi. Hal ini disebabkan kilang candu di Pulau Pinang telah mengambil alih proses penghasilan candu daripada keadaan mentah hingga ke peringkat pembungkusan. Oleh itu, hanya candu yang siap diproses akan diimport oleh orang Cina untuk dijual di Kedah. Selain itu, morfin dan kokain adalah dilarang dijual di negeri Kedah.

Walau bagaimanapun dari tahun 1907 sehingga 1909, jualan candu telah mengalami pengurangan disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor tersebut adalah para pelombong Cina telah berhenti menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah dan kemudiannya mereka melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi lain. Keadaan ini menjadi penyebab kerana pelombong bijih timah antara golongan yang sangat aktif dalam pengambilan candu. Selain itu, faktor penularan penyakit kolera di kawasan perlombongan turut memberi kesan negatif terhadap kesihatan para pelombong yang menjadikan mereka bertindak keluar daripada kegiatan perlombongan.⁹

Walau bagaimanapun, jumlah jualan candu menunjukkan peningkatan semula bermula pada tahun 1911. Peningkatan jualan ini disebabkan lanjutan daripada kemasukan orang Cina di Kedah pada abad ke-20. Selain itu, kesan pembukaan ladang-ladang getah yang semakin meluas turut menjadi titik tolak perkembangan candu bagi orang Cina di Kedah.¹⁰ Pada masa ini, dilaporkan di setiap daerah hasil keuntungan

⁸ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Adminitrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 53.

⁹ C. O. 273/ 399/ 22173, International Opium Convention, 5 June 1913.

¹⁰ Ibid.

candu menunjukkan peningkatan.¹¹ Daerah Yan, Baling dan Kerian antara kawasan yang mengalami peningkatan jumlah orang Cina dan peningkatan tersebut meningkatkan lagi jumlah peniaga candu berlesen di Kedah. Namun, bagi daerah Langkawi dan Sanglang pula dalam tempoh ini mengalami penurunan apabila candu dijual pada harga yang rendah.¹² Masalah penurunan harga juga disebabkan oleh masalah dengan pemilik ladang candu. Pihak British di Pulau Pinang turut mengarahkan peladang-peladang atau pengusaha candu yang majoritinya orang Cina untuk melakukan monopoli candu di beberapa negeri termasuklah Perak dan Selangor.

5.3 Kedudukan Candu di Kedah

Di Kedah, hasil candu begitu penting memandangkan Kedah mengalami kekurangan sumber bahan mentah dan hal ini begitu berbeza dengan NNMB yang kaya dengan sumber bahan mentah. Oleh itu, candu menjadi penyumbang penting pendapatan negeri, di mana pada tahun 1912, candu telah menyumbang 43 peratus hasil pendapatan negeri, dan mengatasi hasil-hasil ekonomi lain. Apabila candu berada di bawah kawalan kerajaan, undang-undang candu telah diperkenalkan bagi menjaga kepentingan kerajaan. Pada masa ini candu yang berada di bawah kawalan kerajaan dikenali sebagai candu kerajaan. Kerajaan mengawasi setiap pemegang lesen sepanjang mereka menjalankan kegiatan jualan candu dan kawalan tersebut adalah berdasarkan kepada Undang-undang Candu yang diperkenalkan pada tahun 1914. Undang-undang ini kemudiannya digantikan dengan Undang-undang Candu 1918.¹³

¹¹ C. O. 273/373/13051, Perkara yang Sudah dimesyuaratkan di dalam Majlis Negeri pada 11 Februari 1911 dalam C. O. 273/373/18179, Kedah Sate Council, 1911.

¹² C. O. 273/373, Memorandum by the Adviser to Accompany the Minute of the Council Meeting of the 11th April 1911 dalam C. O. 273/373/18179, Kedah Sate Council, 1911.

¹³ Candu kerajaan merupakan candu yang telah dijual oleh Superintenden Candu kepada individu yang memegang lesen serta kepada tahik candu atau penghisap candu. Rujuk The Chandu Enactment 1337 (1919), hlm. 2.

Perkara 26 dalam undang-undang tersebut menjelaskan mengenai lesen-lesen untuk menjual candu. Berdasarkan undang-undang tersebut terdapat dua jenis pemegang lesen menjual candu iaitu pertama, pemegang lesen menjual candu kerajaan dengan mendapat sedikit habuan menghisap di luar rumah dan mereka akan dikenakan bayaran sebanyak \$2.00 sebulan. Kedua, pemegang lesen menjual candu kerajaan dan mereka yang memohon sebuah kedai pajak buloh dan candu hanya boleh dijual kepada penghisap candu di dalam rumah pajak buloh tersebut sahaja dengan bayaran sebanyak \$6.00 sebulan. Sementara itu, individu yang hendak membeli candu juga perlu memiliki lesen khas di mana candu tersebut akan dibungkus dalam daun buluh dengan sukanan yang tertentu.¹⁴

Bagi rumah pajak buloh pula, lesen hanya diberikan sekiranya Pengusaha Candu berpuas hati dengan keadaan rumah tersebut dan tiada kekotoran.¹⁵ Pada tahun 1915 terdapat permohonan sebanyak 55 tender untuk membuka kedai menjual candu di mana kesemua pemohon terdiri daripada orang Cina. Daripada jumlah tersebut, 22 permohonan adalah dari daerah Kuala Muda.¹⁶ Selepas Undang-undang Candu 1918 diperkenalkan, kedudukan candu masih lagi berada di kedudukan pertama bagi hasil pendapatan negeri. Hal ini dapat dibuktikan menerusi jadual berikut.

¹⁴ Faridah Bte Mahaidin, “Sejarah Pekan Yan dari Segi Ekonomi dan Pelajaran”, dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 46.

¹⁵ The Chandu Enactment 1337 (1919), hlm. 2-6.

¹⁶ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 53.

Jadual 5.2: Peratusan Hasil Kerajaan Kedah, 1918-1921

Senarai Hasil	1918-1919 (%)	1919-1920 (%)	1920-1921 (%)
Monopoli Candu	45	45	30
Kastam (Arak dan tembakau)	9.5	9.5	11
Kastam (Lain-lain)	10.5	11.5	10
Hasil Tanah	18	20	25.5
Lain-lain	17	14	23.5
Jumlah	100	100	100

Sumber: Li Dun Jen, *British Malaya: An Economic Analysis*, Kuala Lumpur: Institute for Social Analysis, 1982, hlm. 25.

Jadual 5.2 menunjukkan kepentingan candu dalam menyumbangkan hasil pendapatan kepada Kedah. Berdasarkan jadual dapat dilihat bahawa dalam tempoh 1918-1921 candu berada di tangga kedudukan yang pertama berbanding dengan hasil-hasil lain. Oleh itu, hasil yang diterima daripada candu dapat dibelanjakan oleh kerajaan untuk keamanan negeri misalnya untuk membayar gaji, membangunkan pembangunan dalam negeri dan sebagainya. Umum mengetahui Kedah sememangnya mengalami kekurangan bahan mentah dan hasil candu menjadi keutamaan negeri.

Di Kedah, kawasan tanaman candu diusahakan di beberapa buah daerah seperti di Kota Setar, Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap, Yan, Kuala Muda, Baling, Kulim dan Bandar Bharu. Kesemua daerah ini menjadi penyumbang hasil pendapatan yang tinggi kepada kerajaan dan berada di bawah kawalan Jabatan Monopoli dan Kastam.¹⁷ Jabatan ini diketuai oleh Tunku Kassim yang mengambil alih peranan Wan Yahya untuk mengutip cukai bagi semua pemegang tender.¹⁸ Di samping itu, terdapat juga beberapa tauke Cina yang berkhidmat dalam Jabatan Monopoli dan Kastam ini

¹⁷ SUK. K. 2685/1351, Estimates of Revenue of the Monopolies and Customs Department Kedah for the year 1352 (1933).

¹⁸ C. O. 716/2, The Annual Report of the British Adviser to the Kedah Government for the Year 1341 A. H. (23rd August 1922-13th August 1923), hlm. 12.

berperanan sebagai chinteng¹⁹ dalam menguruskan hal candu. Antaranya, Cheng Kean, Cheng Kai Wek dan Tan Ah Jit.

Menjelang 14 September 1920, suatu perubahan telah berlaku apabila struktur pentadbiran Jabatan Monopoli telah beralih kepada Jabatan Monopoli dan Kastam.²⁰ Perubahan ini sememangnya menunjukkan perkembangan yang baik di dalam pentadbiran negeri Kedah. Peranan MMN sebagai pengurus pentadbiran negeri dilihat sangat penting ketika ini. Kesan penggabungan ini, peranan jabatan tersebut dilihat lebih meluas dengan tujuan setiap kegiatan ekonomi yang dijalankan dalam negeri berada dalam keadaan terkawal. Penambahan peranan jabatan ini memberi kesan terhadap kegiatan ekonomi orang Cina. Situasi ini boleh dilihat apabila peranan jabatan ini dikembangkan menjadi pengutip duti import dan eksport terhadap beberapa barang yang dibawa keluar dan dibawa masuk ke dalam negeri.²¹

Jadual berikut menunjukkan jumlah hasil yang diperoleh kerajaan hasil penjualan candu sebelum dan penggabungan Jabatan Monopoli dan Kastam yang bermula pada tahun 1912 hingga 1919 dan 1921 hingga 1930.

¹⁹ Tugas Chinteng adalah menjadi penjaga terhadap candu-candu yang dibawa masuk mahupun yang dibawa keluar. Chinteng juga akan melakukan pekerjaan seperti menimbang barang-barang yang dibawa masuk ke dalam negeri. Ini disebabkan terdapat candu yang dibawa masuk dari luar misalnya dari Pulau Pinang yang menggunakan kereta api. Misalnya, pada tahun 1913, terdapat dua orang Chinteng yang ditugaskan untuk menjaga 800 pasu berisi candu yang dibawa dari Pulau Pinang. Mereka adalah Cheng Yong dan Chee yang berkhidmat di Pejabat Candu di Kulim. Chinteng-chinteng harus memastikan setiap candu yang dibawa masuk ke dalam negeri adalah cukup jumlahnya. Seandainya jumlah pasu candu tersebut tidak cukup atau hilang, Chinteng-chinteng akan bertanggungjawab dan dibawa ke balai polis dan seterusnya ke mahkamah untuk di bicara. Contoh kes kedua berkaitan dengan penyeludupan yang melibatkan barang import dan eksport ke dalam negeri Kedah. Misalnya pada tahun 1927, Chinteng Tan Ah Jit No.35 yang bertugas di Bandar Bharu memperoleh rahsia penyeludupan tembakau dari Pulau Pinang masuk ke Kedah yang melibatkan dua orang kuli dari kawasan Bandar Bharu. Dalam hal ini, Chinteng berperanan membuat laporan kepada Pejabat Monopoli Kastam, kemudian menyerahkan pesalah ke balai polis untuk siasatan. Di samping itu, chinteng turut terlibat dalam kes perbicaraan tersebut di mahkamah. Selain itu, Chinteng turut berperanan mengutip hasil-hasil minuman di mana-mana daerah yang mereka berkhidmat. Manakala dalam aspek bayaran gaji, misalnya di daerah Bandar Bharu, seorang Chinteng yang berperanan sebagai pengutip hasil minuman ini dibayar gaji sebanyak \$15 sebulan. Setiap Chinteng juga mempunyai nombor kerja masing-masing bagi memudahkan senarai pekerjaan mengikut jabatan. Manakala, mereka yang akan dibawa naik pangkatnya haruslah memiliki syarat-syarat dalam menjawat jawatan tersebut. Misalnya, dalam kenaikan pangkat, seseorang Chinteng itu harus boleh menulis, membaca jawi dan roman mengikut piawaian pendidikan. Kenaikan pangkat kepada mata-mata kastam juga disebabkan pengalaman kerja mereka dalam mengendalikan kes misalnya, Chinteng biasa menemui kes-kes yang menyalahi undang-undang. Namun, mereka tiada kuasa untuk menangkap pesalah. Oleh itu, untuk memastikan pekerjaan mereka terjamin, mereka boleh dinaikkan pangkat sebagai mata-mata kastam seperti menurut perkara 5 (I) Undang-undang Kastam tahun 1924 dan perkara 6 (I) Undang-undang Eksais tahun 1925. Lihat SUK. K. 1527/1346, 1) Publication in the Govt. Gazette of appointment of Asst. Superintendents Customs under the Custom Enactment No. 15/43, 2) Appointment of Chintengs by name as Customs and Excise Officers, 24 November 1927.

²⁰ SUK. K. 2905/1338, Reorganisation of Monopolies and Customs 1920.

²¹ C. O. 717/5/59813, Kedah State Council Minute, 1340 (1921).

Jadual 5.3: Hasil Jualan Candu yang Terkumpul di Kedah, 1912-1930

Tahun	Hasil Jualan (\$)
1912	1,257,933
1913	1,059,177
1914	1,059,178
1915	1,051,174
1916	1,392,571
1917	1,902,940
1918	2,330,158
1919	2,976,718
1921	3,029,755
1922	3,590,811
1923	4,037,574
1924	4,243,343
1925	3,012,834
1926	2,633,168
1927	2,925,265
1928	2,262,759
1929	2,142,292
1930	1,285,759

Sumber: Diubahsuaikan *Kedah Annual Report*, 1912-1930.

Bermula tahun 1912 hingga 1916 hasil yang terkumpul dilihat berada pada kadar yang sederhana. Misalnya pada tahun 1912, hasil yang terkumpul sebanyak \$1,257,933, namun pada tahun berikutnya, hasil tersebut didapati terus menurun. Dalam tempoh ini, pihak kerajaan sudah mula melakukan kawalan terhadap perniagaan candu yang melibatkan aktiviti import dan jual beli. Peraturan-peraturan penjualan candu juga diperketatkan di mana ia telah menjadi satu halangan terhadap pemajak-pemajak candu bagi menjual candu secara bebas. Selain itu, hanya pihak kerajaan sahaja yang boleh melakukan pemberian hak untuk menjual candu di bawah sistem pajakan candu ini. Setelah penubuhan Jabatan Monopoli dan Kastam, didapati segala perolehan berkaitan

candu mula mengalami penurunan dan situasi ini merisaukan pihak kerajaan. Justeru, kerajaan bertindak menghentikan pemberian pajak terhadap tempat menghisap candu kepada orang awam. Kerajaan hanya menetapkan agar kegiatan menghisap candu dijalankan di Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim.²²

Dari tahun 1918-1924, keuntungan penjualan candu didapati mula meningkat tahun 1918 hingga 1924. Peningkatan tersebut adalah sebanyak \$2,330,158 pada tahun 1918 dan kemudiannya berterusan meningkat dengan stabil pada tahun 1924 iaitu sebanyak \$4,243,343. Jumlah hasil tersebut berada pada paras yang stabil bagi tempoh tersebut. Selain itu, penggunaan tenaga buruh lombong juga didapati meningkat pada tahun tersebut. Peningkatan ini dapat dikaitkan dengan kepentingan candu sebagai salah satu ejen penggerak industri perlombongan bijih timah. Dalam hal ini kebanyakan pemilik kawasan lombong akan sentiasa membekalkan candu kepada buruh mereka dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan hasil penjualan candu.

Walau bagaimanapun, hasil candu menunjukkan penurunan pada penghujung tahun 1930. Hasil candu yang diperoleh telah menurun kepada \$1,285,759 berbanding tahun sebelumnya iaitu \$2,142,292. Situasi ini memaparkan keadaan sebenar di dalam sektor perniagaan ini yang mana akan sentiasa mengalami peningkatan dan penurunan apabila terdapat masalah-masalah tertentu yang menggugat pengeluaran candu.

5.3.1 Kemerosotan Perniagaan Candu

Kesan penubuhan MMN dan campur tangan British, kegiatan monopoli pengusaha Cina terhadap candu berkurangan walaupun hasil candu masih lagi berada pada tahap yang baik. Situasi ini telah memberi kesan yang buruk kepada pengusaha Cina. Dalam hal ini, pengusaha-pengusaha Cina telah mengatur strategi bagi mengekalkan kegiatan

²² SUK. K. 862/1347, Annual Report of the Monopolies and Customs Department Kedah for the year 1346 (1927).

ekonomi terutamanya cendri di Kedah. Pertama, mereka cuba melindungi kepentingan dan kedudukan mereka dengan berterusan menjalankan hubungan dengan keluarga diraja. Kedua, mereka memihak kepada pihak British di Pulau Pinang dan Singapura dengan tujuan untuk memohon bantuan dan sokongan seperti mana yang dilakukan sebelum ini khasnya dalam hal kewangan. Manakala strategi ketiga ialah mereka cuba menyesuaikan diri dalam setiap keadaan yang berubah dan menyalurkan modal ke dalam kegiatan penanaman baru yang lain.²³ Misalnya, mereka telah melabur modal terhadap kegiatan perlombongan, tanaman ubi kayu, kelapa, getah dan lain-lain.

5.4 Kawalan Kerajaan Terhadap Perniagaan Orang Cina

Kerancakan pengusaha Cina memonopoli hasil ekonomi negeri Kedah telah menimbulkan ketidakpuasan hati pihak British. Selepas kemasukan British ke Kedah, penyusunan semula badan-badan penting dalam kerajaan Kedah telah dilakukan. Penyusunan ini melibatkan perubahan dalam aspek pentadbiran, peraturan dan undang-undang negeri.²⁴ Pada masa ini, berlaku proses penghapusan dan penarikan semula keistimewaan yang dikurniakan pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Keistimewaan ini merujuk kepada pihak yang memperoleh keistimewaan daripada Sultan Kedah, seperti pengurniaan ampun kurnia,²⁵ pelepasan pembayaran cukai dan sebagainya.²⁶ Di era campur tangan British ini, pegawai-pegawai yang dilantik telah diberi kuasa untuk mengutip cukai dan hasil negeri. Seterusnya, cukai-cukai yang dikutip tersebut pula akan dimasukkan ke dalam perbendaharaan negeri.²⁷

²³ Wu Xiao An, ‘Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882-1941’, hlm. 164.

²⁴ Mahani Musa, *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah, 1881-1940*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 59.

²⁵ Ampun Kurnia merupakan alat yang digunakan oleh Sultan untuk menarik atau mengekalkan kesetiaan pembesar-pembesar melalui habuan ekonomi. Misalnya, sultan menghadiahkan kepada sesiapa yang dikehendakinya antaranya tanah dan hak mengutip cukai. Hasil cukai yang dikutip itu pula harus diserahkan kepada sultan yang mana menurut sultan tidak mahu pembesar menjadi lebih kaya daripadanya. Lihat dalam, Mohd Sheriff Abu Samah, *Modenisasi Pentadbiran Negeri Kedah, 1895-1957*, Sintok: Universiti Utara Malaysia Press, 2012, hlm. 14-15.

²⁶ Mahani Musa, *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah, 1881-1940*, hlm. 59.

²⁷ Mustafa Tam, “A Note of Law”, *Kedah Dari Segi Sejarah*, Vol. 4, Bil. 1. April 1970, hlm. 28.

Selepas penubuhan MMN pada 23 Julai 1905 telah munculnya seorang Penasihat British pertama iaitu Maxwell. Pada masa ini struktur pemerintahan telah mengalami perubahan di mana terdapat perkara-perkara yang digubal semula untuk mencapai keberkesanan dalam pentadbiran yang lebih baik. Selepas penubuhan MMN, ampun kurnia mula dihapuskan. Selain itu, sistem pajakan turut mendapat perhatian MMN dan langkah penghapusan turut diambil demi kepentingan kerajaan.²⁸ Penghapusan sistem pajakan ini tidak bermaksud melenyapkan segala hal perolehan hasil, sebaliknya ditukar kepada perolehan pajakan yang menjadi pendapatan penting dan diletakkan di bawah pentadbiran kewangan negeri. Sementara itu, penghapusan sistem pajakan ini melibatkan mereka yang kebanyakannya merupakan penerima ampun kurnia daripada sultan. Oleh itu, pada November 1909, kerajaan Kedah telah mengambil langkah menarik semula ampun kurnia, lantas soal pengutipan cukai mula dikendalikan oleh pihak British dan pelbagai peraturan baru diperkenalkan oleh kerajaan bagi memastikan pulangan baik memberi faedah ekonomi negeri.²⁹

Dalam pada itu, sistem baru yang diperkenalkan pihak kerajaan adalah berdasarkan sistem tender. Sistem ini merujuk kepada peranan kerajaan dalam menawarkan tender-tender baru kepada sesiapa yang telah membuat permohonan. Kebiasaanya, tender yang terpilih ialah mereka yang meletakkan cagaran paling tinggi dan kebanyakannya adalah dalam kalangan peniaga Cina. Ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap mereka dalam perolehan pendapatan negeri. Pada tahun 1919 MMN telah memutuskan bahawa syarat-syarat mengenai pajakan perlu dimasukkan dalam setiap perjanjian. Salah satu syarat yang dinyatakan iaitu pemajak tidak

²⁸ Wan Shamsudin bin Mohd Yusof, “Surat-menurat Sultan Abdul Hamid 1882-1943”, *Bengkel Naskhah Kesultanan Melayu I*, Hotel Quality, Kuala Lumpur, 2-5 Julai 2006, hlm. 9-11.

²⁹ Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 129.

dibenarkan membuat gadaian atau memberi pajakan-pajakan kepada orang lain melainkan hanya dengan kebenaran MMN.³⁰

Namun, pihak MMN telah mengambil langkah dengan menyatakan setiap pemajak lama dibenarkan untuk meneruskan pemajakan sehingga tamat tempoh pajakan tersebut. Hanya hasil pajakan yang bakal diterima menjadi tugas MMN untuk mengutipnya. Seperti mana yang dinyatakan dalam laporan tahunan negeri Kedah iaitu “..every month some of farm expires and the government itself collects the revenue”.³¹

Selain itu, semasa era campur tangan British juga telah wujud beberapa bentuk pajakan lain antaranya pajakan kedai-kedai tempat minum, pajak judi, pajak perlombongan, pajak kedai-kedai kecil yang menjual candu dan sebagainya. Di Kedah majoriti pemegang pajak kebanyakan orang Cina. Contohnya, pada tahun 1910 jumlah pajakan tanah adalah sebanyak 41 pajakan dan hanya 12 pajakan sahaja yang didapati sudah tamat tempohnya.³² Ketika ini semua pemegang pajak adalah orang Cina biasa yang tidak mempunyai pengaruh politik yang boleh memberi kesan terhadap politik negeri Kedah. Sementara itu, kerajaan juga telah mengambil langkah baru untuk menghapuskan kegiatan penyelewengan dalam pentadbiran hasil ladang dengan penubuhan MMN. MMN turut merancang untuk mengubah struktur pentadbiran yang lebih sistematik demi kepentingan ekonomi negeri. Oleh itu, MMN merancang perlunya untuk menguruskan perolehan hasil ladang dan menamatkan pemajak-pemajak yang mengusahakan ladang-ladang dalam skala yang kecil.³³

³⁰ Perkara 8, Fasal Perbuat Perjanjian Pajak-pajak. Lihat Majlis Mesyuarat Negeri pada 27 Oktober 1919, dalam Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, 1919-1920.

³¹ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1331 A. H (11 December-1912-30 November 1913), hlm. 7.

³² C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A. H (1910), hlm. 5.

³³ Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923*, Monograph No. 12, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), 1984, hlm. 118.

Sejak kehadiran penasihat Kedah iaitu Maxwell telah membawa perubahan dalam hal pajakan candu, di mana pajak candu kemudiannya telah beralih di bawah kawalan kerajaan. Hasil pengeluarannya pada tahun 1910 telah menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak \$65,000 setahun sebagaimana yang dilaporkan dalam minit mesyuarat 1914.³⁴ Walaupun jumlah keseluruhan pendapatan candu meningkat, menurut saudagar Choong Cheng Kean pada tahun 1910, setelah British mengambil alih Kedah pendapatan ladang candu beliau telah mengalami kemerosotan. Namun begitu, beliau masih lagi terkenal sebagai ketua saudagar Cina di Kedah dan kemerosotan yang dialami oleh beliau tidak menggugat kedudukan perolehan candu sebagai pendapatan utama kerajaan. Sejak kerajaan mengambil langkah pengawalan terhadap perolehan hasil candu, sistem kewangan kerajaan didapati berada pada tahap yang baik.³⁵

Oleh itu, perencanaan di dalam pentadbiran Kedah digalurkan secara sistematik oleh British. Terutamanya bagi menyusun semula corak perkembangan ekonomi negeri. Selain itu, kesan peralihan kuasa juga menjadi faktor penting perubahan dalam aspek pengawalan setiap bentuk ekonomi negeri selain daripada candu. Pembabitan orang Cina secara langsung dilihat memberi kesan yang jelas dalam perkembangan ekonomi Kedah.

5.4.1 Kawalan Terhadap Pajakan Candu

Pada tahun 1910, British telah merangka satu dasar iaitu menukuhkan Jabatan Monopoli. Sebelum ini kekuasaan monopoli berada di tangan pihak-pihak yang mendapat ampuh kurnia daripada sultan. Mereka yang terlibat adalah golongan yang mempunyai hubungan baik dengan sultan seperti kerabat diraja dan orang-orang Cina yang berjaya di dalam perusahaan. Ketika ini telah dilancarkan sistem pajakan berdasarkan tender di mana majoriti orang Cina terlibat dalam sistem pajakan. Walau

³⁴ H. C. O. 2070/1914, Permission of this Gambling Farm Kulim, Kedah, 1914.

³⁵ C. O. 717/15, Government of Kedah Estimates 1340 (1921).

bagaimanapun, British telah campur tangan dengan menetapkan penghapusan sistem pajakan. British turut memonopoli pengimportan cendu mentah, memasak dan mereka yang mendapat lesen daripada kerajaan sahaja dibenarkan melakukan penjualan cendu.³⁶

British turut menetapkan bahawa, NNMTB diarahkan untuk membeli cendu masak daripada pihak NNS. Tujuannya memang jelas untuk British mendapatkan keuntungan yang lebih daripada negeri-negeri tersebut.³⁷ Sebelum 1910, cendu yang dibawa masuk ke Kedah telah diproses di Pulau Pinang dan dihantar ke Kedah. Namun menjelang tahun 1910, cendu tidak lagi dimasak atau diproses di Pulau Pinang kerana pada Mei 1910 kilang pemprosesan cendu di Pulau Pinang telah ditutup. Seterusnya Singapura telah mengambil alih peranan tersebut dalam melakukan pemprosesan cendu. Walau bagaimanapun, Pulau Pinang masih berperanan dalam pembungkusan cendu.³⁸

Sistem pajakan cendu di Kedah sebelum dan selepas campur tangan British berlaku dalam dua bentuk iaitu pertama, dengan memajak kegiatan ekonomi yang sedia ada. Kedua, pajakan cendu dikeluarkan berdasarkan tender daripada kerajaan Kedah. Manakala bagi tender pajakan cendu berlaku perbezaan, di mana tender tersebut dikeluarkan oleh pihak Pulau Pinang. Ini disebabkan pemimpin Kedah dan British mengatakan ia perlu bagi tujuan mengelakkan berlakunya penyeludupan. Sebagaimana yang diketahui kegiatan pencanduan disebabkan perkembangan lombong bijih timah. Ketika itu pemodal Cina yang mengetahui keuntungan aktiviti ekonomi cendu mula melibatkan diri dengan lebih aktif.

³⁶ Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, London: Oxford University Press, 1984, hlm. 187.

³⁷ Ibid, hlm. 189.

³⁸ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1328 A. H (1910), hlm. 25.

Akhirnya, British mengambil alih monopoli candu yang sebelum ini di dominasi oleh peladang Cina. Pihak British telah menubuhkan Jabatan Monopoli yang berperanan sebagai ketua jabatan dalam mengendalikan pengeluaran dan hasil candu.³⁹ British telah mengambil langkah untuk mengawal keuntungan candu setelah mengetahui candu menjadi penyumbang penting hasil ekonomi tunggal negeri.⁴⁰ Penubuhan Jabatan Monopoli tersebut diketuai oleh Wan Yahaya sebagai penguasa awal dalam jabatan ini.

Jabatan ini berpusat di Alor Setar manakala cawangan-cawangan lain terletak di Kuala Muda dan Kulim. Oleh itu di ketiga-tiga kawasan ini, penjualan candu dilakukan oleh pihak kerajaan sahaja sama ada secara borong mahupun runcit. Misalnya di Pekan, pihak kerajaan tidak membenarkan sesiapa menjalankan jualan runcit candu, manakala pemborong pula dibenarkan kepada mereka yang mempunyai lesen sahaja boleh menjual di pekan-pekan kecil dan di kampung-kampung.⁴¹

Walaupun British telah campur tangan dalam soal perolehan ladang candu, ia tidak memberi kesan negatif kepada hasil ladang candu sebagai penyumbang hasil utama yang tinggi bagi ekonomi Kedah sehingga tahun 1911. Sebagai buktinya, bermula tahun 1905 jumlah pendapatan daripada ladang candu sebanyak \$155,000 dan jumlah ini telah berterusan meningkat sehingga tahun 1911 sebanyak \$788,327.⁴² Peningkatan ini menunjukkan bahawa walaupun sudah berlaku campur tangan British, hasil ladang candu masih tidak berkurang. Namun hanya sistem pentadbiran dilihat lebih teratur di mana setiap perusahaan haruslah mendapat lesen daripada kerajaan dan diharuskan untuk membayar cukai.

³⁹ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1328 A. H. (1910), hlm. 25.

⁴⁰ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1331 A. H. (11th December 1912-30th November 1913), hlm. 18.

⁴¹ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Adminitrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 114.

⁴² *Kedah Annual Report*, 1905-1911.

Selepas campur tangan British, hasil pendapatan negeri menunjukkan kedudukan yang baik. Walau bagaimanapun, peranan pengusaha Cina masih tidak dapat dinafikan disebabkan mereka masih mengendalikan ladang-ladang candu di Kedah. Hakikatnya monopoli penghasilan candu menduduki tangga pertama hasil negeri dengan peratusan 33 peratus berbanding hasil tanah yang menduduki tangga kedua sebanyak 27.1 peratus pada awal abad ke-20.⁴³ Ini disebabkan melalui pajakan, candu memberikan pulangan keuntungan maksimum terhadap kerajaan. Oleh itu, British menggalakkan kegiatan tersebut dijalankan dengan lebih giat namun ia mesti berada di bawah kawalan jabatan yang ditubuhkan tersebut. Selain itu, British menggalakkan pengusaha atau peladang untuk menambahkan penjualan candu dan pada masa yang sama mengawasi aktiviti penyeludupan.⁴⁴

Candu juga dilihat saling berkait dalam setiap kegiatan ekonomi yang melibatkan orang Cina misalnya dalam kegiatan pengilangan beras. Pengusaha-pengusaha kilang turut mengambil lesen untuk menjual candu kepada buruh-buruh di kilang mereka. Langkah tersebut diambil bagi memastikan setiap buruh mereka berterusan bergantung kepada pihak kilang untuk mendapatkan candu dan ini sebagai cara pengusaha kilang mengikat para buruh mereka.⁴⁵ Di sini terdapat beberapa contoh pemajak-pemajak yang terlibat seperti yang dinyatakan di dalam jadual 5.4 berikut,

⁴³ Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923*, hlm. 139.

⁴⁴ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry 1914: With Special Reference to the State of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang*, Tuscon, Ariz: University of Arizona Press, 1965, hlm. 80.

⁴⁵ SUK. K. 1458/1331, Lim Heng Seng Pengurus Kilang Beras di Kota Setar Memohon Lesen Menjual Candu Kepada Buruh-buruh Kilang. Rujuk Surat daripada Superintendent Monopoli Alor Setar kepada Presiden Majlis Negeri dan permohonan ini telah diluluskan yang bertarikh 19 Mei 1913.

Jadual 5.4: Senarai Orang Cina sebagai Pemegang Pajak Pada Tahun 1924

Pemegang Pajak	Kawasan	Sewa Sebulan	Tempoh Pajak	Tarikh Mula hingga Tarikh Akhir
Chee Who Chiang	Kota Kuala Muda	\$290.00	3 Tahun	1 Januari 1924 – 1 Januari 1927
Chin Kong Kiew	Sungai Patani	\$1, 277.00	3 Tahun	1 Januari 1924 – 1 Januari 1927
Bong Sai Sim	Semeling	\$ 75. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 – 1 Januari 1927
Chew Siew Lim	Bedong	\$75. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 – 1 Januari 1924
Chin Kong Min	Bandar Baru	\$ 425. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 – 1 Januari 1927
Mooi Tan Sai	Yen	\$ 96. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 – 1 Januari 1927
Chee Mooi Chiew	Jitra	\$ 315. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 – 1 Januari 1927
Ng Ah Toh	Kuala Kedah	\$ 257. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 - 1 Januari 1927
Ng Fat Moon	Alor Setar	\$ 2, 400. 00	2 Tahun	1 Januari 1924 - 1 Januari 1926
Bong Ah Tiap	Alor Janggus	\$ 36. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 - 1 Januari 1927
Chee Kah Kapang	Tanjong Dawai	\$ 34. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 - 1 Januari 1927
Chin Poon	Kuala Ketil	\$ 85. 00	3 Tahun	1 Januari 1924- 1 Januari 1927
Moy Kong Loon	Padang Serai	\$ 276. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 - 1 Januari 1927
Moy Ah Toon	Lunas	\$ 437. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 – 1 Januari 1927
Moy Soon Nee	Kulim	\$ 676. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 - 1 Januari 1927
Chan Kiew Ming	Junjong	\$ 100. 00	3 Tahun	1 Januari 1924 - 1 Januari 1927

Sumber: SUK. K. 173 / 1343, Minute of the State Council Meeting held on 17 Julai 1924.

Ringkasnya, candu dan arak dikenakan cukai setiap kali berlaku kegiatan keluar masuk negeri. Perubahan yang berlaku ialah sebelum 1910 di mana pihak yang mendapat monopoli ampun kurnia akan melakukan perusahaan tersebut dan hasil akan diserahkan kepada sultan. Misalnya, peniaga Cina yang mendapat ampun kurnia memonopoli candu akan mempersembahkan hasil kepada sultan. Ini berbeza pula selepas tertubuhnya jabatan ini, seseorang akan dilantik untuk memegang jawatan sebagai pegawai Daerah dan ‘Habour Master’.⁴⁶ Beliau akan bertanggungjawab melakukan pengutipan cukai terhadap candu dan minuman keras. Segala hasil akan kembali terus di bawah kawalan British.

5.4.2 Kesan Terhadap Kedai-Kedai Runcit Candu

Kesan penubuhan jabatan tersebut telah membawa kepada penyelarasan jualan candu dalam negeri. Misalnya di Kulim, kedai runcit candu berlesen yang dimiliki oleh tauke Cina telah mengupah penjaga kedai iaitu orang Sikh dan orang Melayu sebagai kerani bagi bahagian pengiraan stok candu. Di samping itu, tauke kedai harus memastikan candu yang dijual adalah secara dalam tin atau bungkusan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Kemudian, kedua-duanya mesti disahkan dan ditulis dengan tulisan Melayu dan Cina dengan menggunakan perkataan *Kedah Government Chandu*.⁴⁷ Syarat ini harus digunakan di seluruh negeri Kedah yang menjalankan jualan candu. Seterusnya pada tahun 1911, sudah terdapat 66 buah kedai runcit candu dan 30 rumah hisap candu di Kedah dan semua pemilik kedai runcit candu ini adalah berlesen di bawah enakmen candu.⁴⁸

⁴⁶ C. O. 716/2, The Annual Report of the British Adviser to the Kedah Government for the Year 1340 A. H, (4th December 1921 - 22nd Ogos 1922), 1921, hlm. 13.

⁴⁷ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A. H (23rd January 1909 – 12th January 1910), hlm. 49.

⁴⁸ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the year 1329 A. H (2nd January-21st December 1911), hlm. 18.

Selanjutnya pada tahun 1920, kerajaan telah memperkenalkan peraturan-peraturan baru dan diperketatkan terutama dalam soal penjualan candu kepada pekedai-pekedai candu yang berlesen. Majlis Negeri telah menetapkan bahawa jualan candu akan dikurangkan sebanyak 10% dalam negeri Kedah bermula pada tahun 1920. Manakala pejabat candu tidak dibenarkan menjual candu dalam kadar yang lebih kepada kedai-kedai kecil yang menjual candu. Misalnya, kerajaan telah menetapkan sebuah kedai tidak boleh menjual candu lebih daripada 500 tahil sebulan hingga akhir tahun 1920. Langkah kerajaan ini bagi memastikan setiap kedai candu yang beroperasi di dalam negeri Kedah mematuhi syarat-syarat serta mengelakkan berlakunya penyeludupan candu.⁴⁹ Selaras dengan itu, kerajaan sentiasa berterusan melakukan kawalan dengan mengambil langkah dalam memastikan setiap penghisap candu dipantau dan didaftarkan bilangan mereka.

5.4.3 Pengenalan Undang-undang Pendaftaran Penghisap Candu

Penghisap candu sememangnya terkenal dalam kalangan orang Cina, kebanyakan mereka tergolong sebagai buruh. Pada abad ke-19 hingga awal bulan Januari 1930 pengambilan candu didapati secara berleluasa tanpa dikenakan syarat-syarat yang ketat. Pengenalan undang-undang pendaftaran Penghisap Candu telah digazetkan sebagai notis 398 berada di bawah Enakmen Candu 1932.⁵⁰ Pihak kerajaan telah mengeluarkan arahan agar notis tersebut dibuat salinan sebanyak 50 keping. Seterusnya, notis tersebut akan diberikan kepada para penghulu setiap mukim untuk ditampalkan di kawasan orang ramai.⁵¹ Hal ini disebabkan jumlah penghisap candu semakin bertambah, kerajaan

⁴⁹ Perkara 6, Peraturan Candu yang Dijual kepada Orang yang Memegang Lesen yang Sudah di Mesyuaratkan di dalam Majlis Negeri pada 9.2.1920. Lihat dalam Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, 1919-1920, No. 14.

⁵⁰ SUK. K. 2747/1351, Amendments of the Rules Governing the Registration of Chandu Smokers, 1932.

⁵¹ Memo From Acting ‘Pemangku’ Under Secretary Kedah Government to Superintendent Monopolies and Custom, Alor Setar, dalam SUK. K. 3891/1352, Closure of Register for Opium Smokers, 1934.

telah mengambil langkah ini bagi memastikan setiap penghisap candu adalah berdaftar. Ini dapat dilihat berdasarkan jadual yang berikut.⁵²

Jadual 5.5: Jumlah Penghisap Candu Berdaftar, 1930-1934

Tahun Bangsa	1930	1931	1932	1933	1934
Cina	6302	4224	3322	2020	3162
Lain-Lain	695	545	271	93	204

Sumber: SUK. K. 614/1350, Annual Report of the Monopolies & Customs Department Kedah for the Year 1930, SUK. 604/1352, Annual Report of the Monopolies and Customs Department Kedah for the year 1931 & SUK. K. 3891/1352, Closure of Registers For Opium Smokers 1934.

Jadual 5.5 menunjukkan jumlah penghisap candu yang telah berdaftar dalam tempoh tiga tahun. Analisis mendapati di dalam laporan tahunan Kedah, jumlah penghisap candu direkodkan bermula tahun 1930 setelah undang-undang dikeluarkan. Ini berbeza dengan laporan tahunan Jabatan Monopoli dan Kastam yang menyatakan secara jelas jumlah penghisap candu berlainan bangsa di Kedah. Majoriti penghisap candu dalam kalangan buruh-buruh Cina yang menyumbang jumlah pendapatan yang tinggi terhadap negeri.

Manakala, bermula 31 Januari 1930, setiap penghisap candu harus membuat pendaftaran sebagai penghisap candu. Berdasarkan undang-undang pendaftaran penghisap candu, bagi orang Cina dewasa yang ingin mendaftar sebagai penghisap candu perlu menyerahkan maklumat seperti nama, suku, pekerjaan dan alamat kepada kerani yang mengendalikan pendaftaran di mana-mana kedai candu kerajaan yang dipilih oleh pihak penguasa.⁵³ Peraturan pendaftaran ini telah dikuatkuasakan pada

⁵² SUK. K. 614/1350, Annual Report of the Monopolies & Customs Department Kedah for the Year 1930, SUK. K. 604/1352, Annual Report of the Monopolies and Customs Department Kedah for the year 1931 & SUK. K. 3891/1352, Closure of Registers for Opium Smokers 1934.

⁵³ Setiap penghisap candu ini akan diberikan sekeping kad pendaftaran untuk mengesahkan diri mereka dan kad tersebut perlu dibawa bersama bagi tujuan semakan semasa ingin mendapatkan candu di kedai candu kerajaan. Sekiranya penghisap candu berpindah ke daerah lain, pendaftaran yang baru harus dilakukan seperti mana yang telah diputuskan oleh Majlis Negeri. Lihat, Ordinance No. 117 (Chandu Revenue) Registration of Chandu Smokers, dalam SUK. K. 2747/1351, Amendments of the Rules Governing the Registration of Chandu Smokers, (1932).

tahun tersebut apabila didapati jumlah penghisap candu telah meningkat dengan cepat.⁵⁴

Langkah ini bagi memastikan pengaliran candu lebih terkawal di samping menyumbang pendapatan negeri.

Buruh-buruh Cina yang berterusan terjebak dengan candu ini dikatakan kesan dari penghijrahan mereka kerana terpisah dengan isteri dan anak-anak. Perpisahan dan kesunyian tersebut mengakibatkan mereka mudah terpengaruh dan memiliki keinginan untuk menghisap candu. Malah mereka juga terpaksa hidup dalam kelompok yang sering berlaku pergolakan atau penindasan seperti mana yang dinyatakan oleh Gullick,

The Chinese mining camps were themselves centers of turbulence. In each tin-field there were a considerable number of small mines and each working gang of miners lived a communal existence in a single large hut called a ‘kongsi’. It was a grim monastic existence of hard work and strict discipline received by wild jags in the drink shops, opium-dens, brothels and gambling hall. Prospect of survival and success were more uncertain as the mine might fail, death by malaria or other disease was common and there were murderous feuds between the gangs of miners.⁵⁵

Penghisap candu terutamanya buruh bergantung sepenuhnya dengan candu dalam kehidupan harian mereka.⁵⁶ Candu ini telah memberikan hasil keuntungan yang maksimum kepada negeri dan keuntungan kepada pengusaha-pengusaha Cina. Sementara itu, faktor penarik kelompok buruh Cina ini menghisap candu disebabkan harga candu yang dijual adalah lebih murah jika dibandingkan dengan harga candu di negara mereka sendiri. Hal ini telah memberi galakkan kepada orang-orang Cina untuk membeli candu tersebut.

Selain itu, kesan pengenalan undang-undang candu dan pendaftaran penghisap candu telah memberi kesan yang besar kepada pengusaha atau tauke-tauke Cina yang terlibat dalam kegiatan perniagaan ini. Pihak kerajaan memandang serius mengenai

⁵⁴ C. O. 716/2, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1350 (1931), hlm. 49.

⁵⁵ John. M. Gulick, *Malaya*, London: Ernest Ben, 1963, hlm. 33-34.

⁵⁶ C. O. 717/5, Kedah Estimates of Revenue and Expenditure 1340 (1921).

aspek undang-undang bagi memastikan pentadbiran negeri stabil. Dalam pada itu kepelbagaian kegiatan ekonomi juga turut menyumbang kepada berlakunya pelanggaran undang-undang dalam negeri. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang diperlukan bagi mengatasi sebarang kes pelanggaran yang berlaku.

Oleh itu, terdapat ramai tauke Cina telah mengambil langkah untuk mencuba sektor ekonomi lain bagi mengimbangi pendapatan dan keuntungan. Hal ini disebabkan mereka cuba mengelak daripada berlakunya kerugian dalam sektor-sektor ekonomi yang diusahakan. Dengan itu, pelaburan-pelaburan dalam ekonomi lain dilakukan untuk mengatasi setiap perubahan yang berlaku dalam negeri.

5.5 Orang Cina dalam Perniagaan Judi

Judi lebih terkenal dalam masyarakat Cina dan mereka mengatakan aktiviti berjudi adalah sebahagian daripada adat mereka dan dikatakan ia adalah warisan yang telah dibawa ke Tanah Melayu. Sememangnya kegiatan perjudian ini tidak dapat dipisahkan seperti mana yang dinyatakan oleh Victor Purcell “*The Chinese are probably more addicted to gambling than any other race in the world...*”⁵⁷. Permainan judi ini telah menjadi kebiasaan bagi mereka apabila tamat waktu kerja kerana pada masa tersebut merupakan masa mereka berhibur.⁵⁸

Kegiatan perjudian ini muncul setelah berkembangnya kawasan melombong bijih timah. Perkembangan perjudian ini juga disebabkan langkah tauke-tauke Cina yang menubuhkan kawasan pajak judi berdekatan dengan kawasan perlombongan

⁵⁷ V. Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 192-193.

⁵⁸ Permainan judi adalah sinonim dengan orang Cina pada zaman lampau yang memandang permainan tersebut sebagai satu adat. Judi terdapat dalam pelbagai jenis antaranya judi Ewak, Poh, Ciki, Pak Cing, Susiat, Pakau, Lakau, Kucak dan Capjiki. Kebiasaanya, pada hari-hari kebesaran orang Cina, mereka akan mendirikan tempat-tempat yang sesuai untuk bermain judi. Ketika itu, pelbagai jenis judi akan diadakan dan orang kaya Cina juga akan datang untuk bermain dengan membawa wang yang banyak. Sesuatu kenyataan dapat dinyatakan mengenai judi ini “orang kaya dengan muka riang, membawa bekalan wang yang banyak di dalam saku, namun apabila keluar kelihatan air muka mereka berkedut-kedut dan susah hati akibat kekalahan bermain judi dan raut wajah yang menyesal”, dapat dilihat dalam, Haji Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361 Hijrah Bersamaan 1942 Masihi*, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Terengganu, 1992, hlm. 358.

kerana dikatakan akan memudahkan permintaan para buruh lombong.⁵⁹ Di samping itu dengan adanya pajak judi ini turut menyumbang pendapatan baik kepada kerajaan. Ini dapat dilihat seperti jadual berikut.

Jadual 5.6: Perolehan Pendapatan Kedah Hasil Kegiatan Perjudian, 1905-1915

Tahun	Hasil (\$)
1905	99,166.92
1906	99,207
1907	102,000
1908	99,167
1909	111,706
1910	117,330
1911	108,410
1912	155,472
1913	172,945
1914	234,837
1915	244,320

Sumber: *Kedah Annual Report, 1905-1915*.

Jadual 5.6 merupakan perolehan pendapatan kerajaan daripada hasil kegiatan perjudian pada awal tahun 1905 hingga 1915. Sebelum campur tangan British, perolehan pendapatan didapati berada pada peringkat yang agak baik. Sebagai bukti, pada tahun 1905 telah dicatat perolehan pendapatan negeri sebanyak \$99,166.92. Perolehan ini menyebabkan kerajaan mula memandang serius terhadap kegiatan perjudian apabila berupaya menyumbang pendapatan. Walau bagaimanapun, peraturan atau undang-undang pada ketika itu masih belum diketatkan berbanding selepas campur tangan British. Ini diikuti pada tahun berikutnya iaitu 1906 telah berlaku sedikit peningkatan iaitu \$99,207. Kemudian pada tahun 1907, pendapatan negeri terus meningkat kepada

⁵⁹ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A. H. (23rd January 1909-12th January 1910), hlm. 29.

\$102,000. Peningkatan pendapatan ini bukan sahaja bergantung terhadap jumlah yang diperoleh sahaja tetapi pengekalan hubungan ekonomi para tauke Cina dan sultan menjadi faktor yang penting supaya mereka boleh terus kekal menjalankan kegiatan tersebut. Manakala kawasan yang berpotensi pula menjadi taruhan oleh tauke-tauke Cina untuk melakukan pelaburan. Antara kawasan tersebut ialah Kuala Muda, Kulim dan Kota Setar. Kawasan-kawasan ini merupakan tumpuan orang-orang Cina yang berhijrah ke Kedah.⁶⁰ Selanjutnya pada tahun 1908 telah berlaku sedikit penurunan pendapatan perjudian iaitu \$99,167. Hal ini disebabkan penutupan kawasan-kawasan perjudian tertentu sekiranya menimbulkan masalah seperti tidak melakukan bayaran sewa, keuntungan yang diperoleh tidak secara terus diberikan kepada sultan, pergaduhan antara buruh Cina dan sebagainya.⁶¹

Seterusnya, perolehan pendapatan negeri selepas campur tangan British 1909 begitu menggalakkan. Sebagai bukti pada tahun 1909 perolehan yang dicatat iaitu \$111,706. Kemudian diikuti tahun 1910, perolehan mengalami sedikit peningkatan iaitu \$117,330. Penglibatan tauke Cina yang terkenal di Kedah ketika itu sememangnya membantu menyumbang pendapatan negeri. Beliau ialah Choong Cheng Kean merupakan tauke Cina berjaya di Kedah. Malah, kegiatan perjudian antara salah satu bidang ekonomi yang diusahakan oleh beliau. Pendapatan yang diperoleh pada tahun 1911 dan 1912 iaitu \$108,410 dan \$155,472. Pada tahun 1911 berlaku sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya, namun pendapatan kembali meningkat pada tahun 1912. Pada tempoh ini seperti yang diketahui pihak kerajaan sudah melakukan kawalan yang lebih ketat bagi memastikan perolehan pendapatan meningkat. Misalnya dalam urusan hal pengutipan cukai.

⁶⁰ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 19.

⁶¹ Ibid., hlm. 21.

Menjelang pula tahun 1913, perolehan pendapatan masih menunjukkan peningkatan iaitu \$172,945. Kemudian diikuti tahun 1914 dan 1915 yang juga dicatatkan perolehan yang tinggi iaitu \$234,837 dan \$244,320. Ketiga-tiga tahun ini berupaya membuktikan bahawa kegiatan perjudian menjadi salah satu penyumbang pendapatan negeri. Walaupun jika diteliti kegiatan ini adalah rutin orang Cina pada asalnya setelah sehari penat bekerja. Manakala, tauke-tauke Cina yang melakukan pelaburan ekonomi di Kedah mengambil peluang dengan membangunkan rumah-rumah judi di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Misalnya, Kuala Muda antara kawasan sangat popular bagi aktiviti perjudian.

Pertambahan orang Cina menyebabkan aktiviti ini terus berkembang ke seluruh daerah di Kedah, misalnya di daerah Kulim yang turut menjadi tumpuan awal orang Cina.⁶² Pertumbuhan penduduk Cina di Kulim telah membawa kepada wujudnya pelbagai kegiatan haram dan salah satunya adalah judi haram yang mengakibatkan kesan buruk ke atas orang Cina. Namun kesannya kerajaan negeri terpaksa menanggung kerugian dari sumber pendapatan tersebut. Oleh itu, bagi mengatasi masalah tersebut pihak pemerintah telah mengeluarkan lesen pajak judi bagi sesiapa yang ingin menjadi pemajak.

Walau bagaimanapun, permainan judi juga sebenarnya mendatangkan kesan yang negatif terhadap mereka sendiri apabila kerap kali melakukan pertaruhan wang. Sekiranya berlaku ketidakpuasan hati akan mengakibatkan kepada pergaduhan. Keadaan ini dapat dinyatakan sebagai satu masalah yang dikaitkan dengan orang Cina.

⁶² Pada abad ke-19, pajakan judi di Kulim dimonopoli oleh dua orang Cina iaitu Lim Lan Jak dan Lim Kum Tong. Mereka sentiasa memperoleh pendapatan yang lumayan berbanding dengan sektor perlombongan bijih timah. Mereka dibenarkan melakukan pajakan selama tiga tahun yang bermula pada tahun 1897 bagi Lim Lan Jak dan Lim Kum Tong pada tahun 1899. Kedudukannya merupakan antara pemodal Cina yang terawal dalam pajakan padi di Kedah. Rujuk, Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development 1878-1923*, hlm. 139.

⁶² Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry 1914*, hlm. 45.

5.5.1 Pengenalan Lesen Pajak Judi

Tujuan lesen pajak judi dikeluarkan adalah sebagai langkah pengawalan terhadap orang Cina, kemudiannya kawasan-kawasan pajak judi pula akan ditetapkan oleh kerajaan. Setiap pemajak haruslah melakukan permohonan terlebih dahulu. Setiap pajakan judi akan dikenakan bayaran pada setiap bulan pajakan. MMN telah memutuskan untuk membuat perubahan dalam sistem pemilikan tempat berjudi malah telah bersetuju untuk dilaksanakan undang-undang pajak judi tersebut terutamanya di kawasan yang sememangnya terkenal dengan kelompok orang Cina iaitu di Kulim.⁶³

Di antara perubahan yang dibuat kerajaan ialah mengurangkan rumah judi awam daripada sebelas kepada enam sahaja. Seterusnya memastikan hanya orang Cina sahaja yang bermain judi di dalam rumah judi tersebut. Manakala ketiga, menyediakan kawasan berjudi secara berasingan. Majlis Negeri memandang serius terhadap kegiatan ini dan penggubalan enakmen harus dilakukan bagi memastikan mereka yang terlibat mematuhi undang-undang. Misalnya orang Cina yang terlibat pada tahun 1913 tauke Choong Cheng Kean merupakan individu yang berpengaruh mengambil pajakan judi dan pajakan-pajakan lain.⁶⁴ Maka Majlis Negeri telah menyarankan selepas tamat tempoh pajakan beliau, beberapa pajakan baru harus dibuka di daerah Bandar Bharu dan dibahagikan kepada tiga iaitu pajak judi, pajak gadai dan ladang todii.

Namun begitu, Majlis Negeri turut menekankan bahawa hanya sebuah rumah judi sahaja pada tahun 1913 boleh dibuka di daerah Bandar Bharu manakala orang Cina sahaja dibenarkan terlibat dalam perjudian tersebut.⁶⁵ Oleh itu, enakmen-enakmen menjadi keutamaan oleh kerajaan untuk memastikan kelancaran dan keselamatan semua pihak.

⁶³ C. O. 273/373/13051, Kedah State Council, Minute of Meeting 11 February 1911.

⁶⁴ K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 16.

⁶⁵ C. O. 273/ 399/ 17571, Kedah State Council Minute Of Meeting For March, Rujuk Minit Mesyuarat yang membincangkan mengenai tempoh tarikh luput pemegang pajakan terbesar di daerah Bandar Bharu iaitu Choong Cheng Keang yang diadakan pada 10 Mac 1913.

Lanjutan daripada itu, tahun 1914 terdapat enam enakmen telah dikemukakan, manakala enakmen judi berada pada enakmen yang keenam atau ‘*No.6 of 1332 The Playing-Cards Enactment*’.⁶⁶ Berdasarkan enakmen ini terdapat sebab atau alasan yang telah dinyatakan bahawa enakmen ini perlu diambil perhatian. Ketika ini kerajaan sudah mula memandang serius terhadap kegiatan pajakan judi kerana kegiatan ini dilihat memberi kesan buruk sekiranya tidak dikawal. Ini disebabkan majoriti orang Cina terlibat dalam kegiatan perjudian yang menyebabkan berlakunya jenayah dalam kalangan mereka. Oleh itu, berdasarkan enakmen ini dinyatakan tempat-tempat perjudian akan berada di bawah peraturan-peraturan polis.⁶⁷

Dalam kegiatan pajakan judi ini juga telah diwujudkan undang-undang bagi memastikan kegiatan tersebut berada dalam keadaan terkawal dan tidak menimbulkan sebarang masalah dalam negeri. Oleh itu, pada tahun 1916 telah diwujudkan Undang-Undang Pajak Judi pindaan dari Undang-Undang Pajak Judi 1910. Pada tahun 1916, undang-undang pajak judi diperketatkan lagi terhadap mereka yang terlibat iaitu dalam perkara 16. Kemudian turut dinyatakan:

Jika barang siapa bermain judi di mana-mana tempat yang lain daripada rumah pajak judi itu, orang itu akan mendapat kesalahan dan akan dihukum denda terhadapnya iaitu tiada lebih daripada \$50.00 atau sebulan penjara jika tidak dibayar denda itu.⁶⁸

Berhubung dengan pajakan judi juga, pihak kerajaan telah membenarkan tauke-tauke Cina tempatan dan tauke dari Pulau Pinang melakukan pajakan judi di Kedah. Kenyataan tersebut dinyatakan di dalam *Gazette Penang* 1916 yang menyentuh mengenai bayaran sewa yang akan dibayar pemodal Cina lebih tinggi berbanding

⁶⁶ Enakmen-enakmen lain termasuklah No. 1 of 1332, The Mohammadan Marriage Enactment, No. 2. of 1332 (1914), The Fire-arms Enactment, No. 3. 1332, The Oil-Store Enactment, No. 4. of 1332, The Labour Enactment, No. 5. of 1332, The Fugitive Offenders (Perlis) Enactment, and No. 6. of 1332, The Playing-Cards Enactment, dalam C. O. 273/412, Kedah Enactment 1332 (1914) dan SUK. K. 752/1332, The Playing-Cards Enactment, (1914).

⁶⁷ C. O. 273/412/49405, Kedah Enactment 1332 (1914).

⁶⁸ Undang-undang Pajak Judi Tahun 1916 yang Meminda Undang-undang Tahun 1910, dalam Surat-menurut Sultan Abdul Hamid.

dengan petani Melayu namun petani Melayu tidak dibenarkan terlibat dalam pajakan judi ini.⁶⁹

Manakala perkara 20 menjelaskan undang-undang mengenai pajak judi selain yang terdapat dalam perkara 16. Pertama, sesiapa yang menolong menjalankan sebarang permainan judi di mana-mana tempat selain rumah judi yang telah ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan. Kedua, sesiapa yang membenarkan tempat berjudi yang merupakan miliknya kepada orang lain untuk bermain judi juga menjadi satu kesalahan. Ketiga, sesiapa yang memanggil atau mengajak pihak lain misalnya mengajak orang Melayu bermain judi dan melalui kawasan pajak judi akan dikenakan hukuman.⁷⁰

Dengan itu, ketiga-tiga pihak yang melakukan kesalahan tersebut boleh didapati bersalah jika melanggar undang-undang dan akan dihukum tidak lebih daripada denda \$1,000 atau dihukum penjara dengan melakukan kerja-kerja berat atau ringan yang tidak melebihi 12 bulan.⁷¹ Berikutnya pada tahun 1918, penetapan Undang-Undang Tempat Bermain Judi telah dilaksanakan oleh MMN seperti mana yang dinyatakan oleh Mohamed Jiwa Abdul Hamid yang merupakan Setiausaha Majlis Negeri ketika itu.⁷² Langkah penetapan undang-undang ini bagi memastikan orang-orang Cina yang terlibat dalam perjudian mengikuti syarat yang ditetapkan agar lebih terkawal. Selain itu, penetapan undang-undang pajakan judi telah menyumbang kepada pendapatan kerajaan yang mana daerah yang banyak menjadi tumpuan orang Cina. Misalnya, di Kulim pada tahun 1918 jumlah hasil pajakan judi yang diperoleh sebanyak \$15,000.⁷³

⁶⁹ *The Straits Times*, 16 Disember 1916, hlm. 8.

⁷⁰ Undang-undang Pajak Judi Tahun 1916 yang Meminda Undang-undang Tahun 1910, dalam Surat-menurut Sultan Abdul Hamid.

⁷¹ Perkara 20 dalam Undang-undang Pajak Judi 1916 yang Meminda Undang-undang Tahun 1910 dalam Surat-menurut Sultan Abdul Halim.

⁷² Di dalam mesyuarat yang berlangsung pada 15 Syawal 1337, Mesyuarat Negeri telah menetapkan untuk melaksanakan Undang-undang Bermain Judi 1918. Lihat dalam Surat Sultan Abdul Hamid, 1918, No. 12.

⁷³ Ibid.

5.5.2 Kegiatan Perjudian Haram

Penetapan kawasan pajak judi bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kegiatan perjudian secara haram di kawasan tertentu misalnya di Kedah kegiatan perjudian haram kerap berlaku di kawasan estet. Keadaan ini disebabkan pemilik ladang getah kebanyakannya dalam kalangan orang Cina dan orang Eropah. Ini membuka peluang kepada mereka untuk menjalankan kegiatan tersebut. Dengan itu kerajaan memandang serius masalah ini dengan mengambil langkah untuk membanteras kegiatan perjudian haram.

Lebih memburukkan lagi, kegiatan perjudian haram sememangnya terkenal dalam masyarakat Cina. Contohnya, buruh-buruh Cina menjalankan kegiatan ini di rumah kongsi yang bertempat di dalam estet. Kegiatan ini telah dihidu oleh pihak penguasa yang telah melakukan banyak penangkapan di estet-estet. Contohnya, *Foothill Estet*, Kulim yang dimiliki oleh Tuan Richard Marchant Fry.⁷⁴ Perjudian haram yang dijalankan oleh buruh-buruh Cina di dalam estet tersebut telah menyebabkan berlakunya satu kematian dan lapan orang tercedera ketika estet diserang oleh pihak penguasa yang di ketuai oleh Inspektor Othman.⁷⁵ Penangkapan pemain judi haram dan kekuasaan memasuki rumah untuk menangkap pesalah berdasarkan gazette No.2 bilangan 5 pada tahun 1928. Mereka dilarang bermain judi secara haram pada hari perayaan Cina atau perayaan kaum-kaum lain.

5.6 Penglibatan Awal Orang Cina dalam Perniagaan Arak

Arak adalah sinonim dalam kehidupan orang Cina khususnya buruh-buruh yang bekerja di ladang, lombong dan sebagainya. Kemunculan arak sebenarnya telah dibawa masuk oleh pemodal Cina sendiri. Mereka terdiri dalam kalangan orang Cina yang melakukan

⁷⁴ SUK. K. 3106/1350, Gambling on Foothills Estate, Kulim: Translation of Article in a Penang Chinese Newspaper Named "Kwong Wah Yit Po" Regarding Surat Daripada Protector of Chinese Sungai Petani kepada British Adviser Kedah yang bertarikh 15 Februari 1932.

⁷⁵ Ibid.

pajakan arak di Kedah serta terdapat juga yang mengimport pelbagai jenis arak dari luar negeri. Budaya meminum arak telah menarik perhatian pemodal Cina untuk mengusahakan perniagaan tersebut. Malah budaya meminum arak ini bukanlah sesuatu yang baru bagi masyarakat Cina walaupun mereka berhijrah ke negeri lain.

Oleh yang demikian, perniagaan arak telah menjadi penerus kehidupan bagi orang-orang Cina yang berada di tempat baru. Boleh dikatakan juga perkembangan perniagaan arak dan peminum arak ini berkembang semasa era penjajahan British. Justeru itu, apabila berlakunya peningkatan kawasan perlombongan bijih timah ia juga terus meningkatkan lagi perniagaan arak oleh pemodal Cina. Manakala, setiap majikan khususnya orang Cina pula menyokong pembukaan ladang arak atau kedai arak di kawasan berhampiran dengan kawasan lombong yang menjadi kawasan tempat tinggal para buruh. Seperti Candu, tabiat meminum arak juga dilihat antara fokus utama para majikan untuk mengikat para buruhnya.⁷⁶

Seterusnya, perniagaan arak dilihat turut menyumbang hasil pendapatan bagi kerajaan Kedah. Hal ini berlaku disebabkan pihak kerajaan kerap kali mengenakan cukai bagi setiap jenis arak yang dibawa masuk ke dalam negeri.⁷⁷ Para peniaga arak pula menjadikan perniagaan ini satu peluang terbaik untuk mencapai keuntungan kerana setiap hari mereka akan membekalkan minuman arak tersebut kepada para buruh apabila tamat waktu kerja. Ini disebabkan para buruh tidak mempunyai sebarang kegiatan lain setelah tamatnya waktu kerja mereka di sebelah petang.

Kemudahan para buruh memperoleh arak telah mempercepatkan pertumbuhan kedai-kedai runcit arak di kawasan tertentu misalnya di pekan-pekan. Rumah-rumah kedai telah dipohon oleh peniaga untuk menjalankan perniagaan arak tersebut. Keadaan ini berbeza pula dengan orang India yang mempunyai tabiat meminum todi atau tuak

⁷⁶ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A. H. (23rd January 1909-12th January 1910), hlm. 49.

⁷⁷ C. O. 716/2, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1346 A. H. (1st July 1927-19th June 1928), hlm. 26.

yang mana menjadi perhatian di setiap ladang-ladang getah khususnya para buruh India.⁷⁸

5.7 Hasil Pendapatan Negeri daripada Arak

Perniagaan arak merupakan salah satu penyumbang hasil pendapatan kerajaan. Pendapatan yang diperoleh adalah daripada dalam negeri dan luar negeri. Misalnya, pendapatan daripada sewaan kedai arak yang diluluskan oleh kerajaan, cukai daripada kegiatan import arak dari luar negeri, bayaran gudang yang mana untuk penyimpanan arak yang telah diimport dan lain-lain. Oleh itu berdasarkan jadual berikut dapat dilihat hasil pendapatan yang telah diperoleh kerajaan daripada kegiatan pengimportan arak.

Jadual 5.7: Hasil Pendapatan Arak yang Diimport, 1905-1935

Tahun	Pendapatan (\$)
1905	33,016
1906	32,083
1907	32,914
1908	25,223
1909	39,566
1910	41,107
1911	38,054
1912	62,275
1913	83,170
1914	99,980
1915	112,936
1916	113,187
1917	195,304
1918	257,797
1919	265,349
1920	401,903

⁷⁸ Federated Malay State, *Report on the Customs and Excise Department for the Year 1936*, Kuala Lumpur: F. M. S. Government Press, 1937, hlm. 17-18.

1921	117,881
1922	284,022
1921	266,867
1922	321,294
1923	157,373
1924	500,192
1925	334,663
1926	285,092
1927	256,468
1928	274,928
1929	158,637
1930	107,890
1931	83,408
1932	106,758
1933	166,839
1934	288,115
1935	332,492

Sumber: *Kedah Annual Report*, 1905-1935.

Pendapatan yang diperoleh daripada kegiatan pengimportan arak menunjukkan satu sumbangan yang baik dalam perolehan pendapatan kerajaan. Permulaan hasil yang rendah akhirnya berterusan meningkat iaitu bermula pada tahun 1905 hingga 1920. Buktinya, sebanyak \$33,016 telah diperoleh bagi tahun 1905, kemudian jumlah pendapatan tersebut terus melonjak meningkat dengan lebih baik pada tahun 1920 iaitu sebanyak \$ 401,903. Peningkatan tersebut sangat memberangsangkan bagi pendapatan kerajaan. Malah, faktor yang jelas dapat menyokong peningkatan tersebut ialah kesan pertambahan orang Cina selepas campur tangan British di Kedah pada 1909.

Permulaan campur tangan tersebut telah merangsang pembabitan ramai pemodal Cina untuk terlibat dalam peruncitan menjual arak. Selain itu, orang Cina turut mengusahakan ladang arak di dalam negeri. Mereka ini antara yang mendapat lesen

daripada kerajaan yang menjanjikan keuntungan terhadap kerajaan negeri. Kemudian kebanyakan peniaga yang terlibat adalah dalam golongan yang berpengalaman dalam selok belok perniagaan ini.

Seterusnya, pada tahun 1920 hingga 1935, jumlah pendapatan yang diperoleh menunjukkan peningkatan, namun kembali menurun pada 1931 dan seterusnya kembali meningkat. Keadaan berlaku disebabkan pelbagai faktor yang mana mempengaruhi suasana perniagaan orang Cina. Setiap tahun, banyak permohonan untuk menjalankan perniagaan arak dikemukakan, namun semuanya tertakluk keputusan Majlis Negeri untuk memberi kelulusan atau tidak. Manakala, terdapat juga daerah-daerah tertentu tidak dipanggil untuk mendapatkan tender kelulusan bermiaga. Di sini juga dapat dilihat hubungan orang Cina yang bermiaga di Kedah dengan pihak kilang arak kerajaan Pulau Pinang sangat rapat iaitu dalam urusan import dan eksport arak. Situasi ini secara langsung memberi kemudahan kepada peniaga-peniaga untuk mendapatkan setiap barang arak yang diniagakan.⁷⁹

5.8 Kawalan Kerajaan Terhadap Pajakan Arak

Sebelum British campur tangan dalam pentadbiran Kedah, terdapat beberapa tauke Cina yang sudah memegang pajak arak di beberapa buah daerah misalnya di Kota Setar dan Kulim. Lanjutan daripada itu, tempoh pajakan mereka adalah selama tiga tahun, malah terdapat pula perubahan yang berlaku selepas British campur tangan pada tahun 1909. Sebelumnya, MMN bertanggungjawab secara sepenuhnya dalam pentadbiran negeri. Namun setelah penasihat British dihantar iaitu Maxwel, beliau telah bertindak menstruktur semula pentadbiran negeri Kedah.⁸⁰

⁷⁹ C. O. 273/375/35581, Minutes of a Meeting of the State Council Held on the 21th Agust 1911 dalam C. O. 273/373/18179, Kedah State Council 1911.

⁸⁰ Wu Xiao An, 'Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882-1941', hlm. 164-165.

Kedaan tersebut memberi kesan terhadap pajakan ladang arak yang majoritinya dipegang oleh tauke Cina. Selain itu, kesan penubuhan MMN dan campur tangan British menjadikan kedudukan pengusaha-pengusaha Cina di Kedah sedikit goyah. Kedaan ini bersangkutan juga dengan penggubalan enakmen baru yang dilaksanakan oleh MMN berkaitan dengan arak. Contohnya kes pemajak yang kehilangan kontrak pajakan pada tahun 1909 iaitu Lim Eow Hong. Beliau merupakan pemegang kontrak ladang arak dan judi di Kedah. Kehilangan kontrak tersebut berlaku disebabkan kelewatan membayar cagaran menyebabkan MMN berkuasa bertindak membatalkan perjanjian yang telah dilakukan dengan serta-merta.⁸¹

Oleh itu dalam kes ini British dilihat sangat berperanan sebagai penasihat dalam membuat pantauan ke pertembahan negeri untuk menyemak pembayaran ansuran cagaran tanah ladang arak Lim Eow Hong. Hasil pemantauan ini British mengarahkan MMN mengeluarkan arahan untuk melakukan pembatalan perjanjian tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan kelewatan selama seminggu dan alasan yang diberikan oleh beliau tidak boleh diterima oleh kerajaan.

Situasi yang berlaku memaksa MMN dan British membuat perbincangan sebelum memutuskan untuk pembatalan. Setiap permohonan menjadi perhatian MMN kerana Lim Eow Hong merupakan pemodal yang berjaya dan telah menawarkan cagaran yang tinggi kepada kerajaan untuk mengendalikan ladang arak dan judi. Walau bagaimanapun, MMN menyatakan di bawah enakmen baru, pihak mereka boleh membatalkan dan mengurangkan permohonan beliau dalam pembukaan ladang arak dan bilangan rumah judi. Kesan kelewatan beliau membayar cagaran menyebabkan beberapa permohonannya terbatal dan menyebabkan banyak kerugian.⁸²

⁸¹ Ibid., hlm. 164.

⁸² C. O. 273/375/35581, Minutes of a Meeting of the State Council Held on the 21th Agust 1911 dalam C. O. 273/373/18179, Kedah State Council 1911.

MMN telah memaklumkan kepada pemilik ladang-ladang arak untuk menerima setiap pengubahsuaian undang-undang baru berkaitan ladang-ladang arak. Pihak kerajaan juga boleh membatalkan pemilikan ladang-ladang arak di dalam negeri Kedah sekiranya pemegang lesen tidak mematuhi syarat. Selain itu, pentadbiran yang baru dalam jabatan ini telah menggunakan sistem tender bagi sesiapa yang ingin melakukan pajakan arak. Setiap pemohon diharuskan untuk menyediakan maklumat lengkap iaitu nama, alamat, kawasan yang ingin dipajak, jumlah tender dan menghantar maklumat ini ke pejabat monopolii.⁸³

Seterusnya, Penguasa Monopoli akan menyemak semua maklumat permohonan yang kemudiannya di hantar kepada penasihat British sebelum diluluskan oleh Majlis Negeri. Dalam hal ini pihak kerajaan mengharapkan tender pajakan arak yang diluluskan akan diusahakan dengan baik serta memperoleh keuntungan kepada negeri. Sebagai contoh pada tahun 1912 hingga 1913 telah berlaku peningkatan pendapatan daripada arak. Dalam tempoh ini, hasil pendapatan banyak diperoleh daripada jabatan di utara Kedah dan juga Bandar Bharu yang terletak di selatan Kedah. Peningkatan jumlah hasil ini disebabkan daerah tersebut telah diambil alih dan diletakkan di bawah kawalan Jabatan Monopoli.⁸⁴ Selain itu, peningkatan ini juga disebabkan oleh kesan kemasukan orang-orang cina ke daerah-daerah tersebut yang mana akan mempengaruhi peningkatan keuntungan.

Lazimnya, pajakan-pajakan arak yang dipohon kebanyakan bertempat di kawasan yang berhampiran dengan tapak perlombongan. Ini bertujuan untuk memudahkan permintaan para pelombong terhadap arak. Misalnya, pada tahun 1910 pajak arak telah diusahakan oleh pemodal Soo Ah Ying di kawasan perlombongan Karangan dan Belakang Tebok. Pada tahun tersebut beliau telah berjaya menyumbang

⁸³ Wu Xiao An, Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State: Kedah and the Region c. 1882-1941, hlm. 164.

⁸⁴ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1331 A. H (11th December 1912-30th November 1913), hlm. 6.

hasil pendapatan kepada kerajaan sebanyak \$118,720.⁸⁵ Ini menunjukkan peningkatan yang baik dalam pendapatan arak pada tahun tersebut.

5.9 Orang Cina Sebagai Peruncit Kedai Arak

Sementara itu berkaitan dengan pemilikan pajakan arak ini, mereka yang meletakkan bayaran tender yang paling tinggi sememangnya akan dipilih oleh Majlis Negeri. Tetapi pemohon itu haruslah mematuhi setiap syarat yang dikenakan. Sebagai contoh berikut jadual 5.8 mengenai tender kedai Arak pada tahun 1911 dan jadual 5.9 tender Kedai Arak 1915 hingga 1916.

Jadual 5.8: Tender Kedai Arak Pada Tahun 1911

Pemilik Kedai	Kawasan	Bayaran Sewa
Cheah Kee Lioon	Pekan Cina	\$35
Neoh Chew	Pekan Cina	\$29
Lee Boon Chew	Pekan Melayu	\$18
Ku Kiong	Jalan Market Lama	\$14
Chan Bo Lin	Titi Batu, Kepala Titi Wan Md. Saman	\$40
Chan Bo Lin	Pekan Jitra	\$50
Tan Ah Chu	Kuala Kedah	\$11
Tan Sun Tin	Kuala Sala	\$3
Tan Su Tin	Kota Sarang Semut	\$6
Chong Ah Leng	Simpang Ampat Kangkong	\$20
Eh Mu	Pendang	\$6.50
Tan Eng Chuan	Sungai Limau	\$6.50
Sin Hok Cheng	Changlun	\$3
Yap Ah Peng	Kepala Batas	\$10

Sumber: C. O. 273/375/35581, Minutes of a Meeting of the State Council Held on 21st August 1911 dalam C. O. 273/373/18179, Kedah State Council (1911).

⁸⁵ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1328 A. H (1910), hlm. 15.

Jadual 5.9: Tender Kedai Arak, 1915 dan 1916

Tahun	Nama	Jumlah tender \$	Tempat
1915	Swa Poe	32.00	Selama
	Ah Naw	10.00	Selama
	Mua Soo Ya	28.50	Selama
	Puah Kheng Bee	6.00	Selama
	Ban Seng Hong	42.00	Selama
Tahun	Nama	Jumlah Tender \$	Tempat
1916	Ang Geok Yong	140.00	Alor Setar
	Yow Kee Ooi	125.00	Alor Setar
	Jan Kong Puah	76.00	Alor Setar
	Neo Boon Khong	72.00	Alor Setar

Sumber: SUK. K. 2948/33, Tenders “Pajak Arak” Selama 1334 (1915) dan SUK. K 3094/34, Samsoo Distillery Farm, Alor Setar, 1334 (1916).

Jadual 5.8 dan 5.9 menunjukkan tender yang telah diluluskan kerajaan terhadap beberapa peniaga Cina di beberapa daerah. Berdasarkan minit mesyuarat yang diperolehi adalah merujuk kepada tiga tahun yang berbeza iaitu 1911, 1915 dan 1916. Boleh dikatakan ketiga-tiga tahun tersebut berada dalam tempoh awal Kedah di bawah kawalan pihak British. Pada tahun 1911 terdapat 14 orang peniaga Cina yang memperoleh tender untuk membuka kedai arak. Manakala, kawasan yang menjadi tumpuan para peniaga tersebut adalah di kawasan pekan. Contohnya, Pekan Cina, Pekan Jitra, Kuala Kedah, Changlun dan lain-lain. Seterusnya, kadar sewa yang dikenakan kepada semua peniaga adalah berbeza mengikut kawasan. Melihat pada jadual 5.8, kadar sewa paling tinggi yang dikenakan terhadap Chan Bo Lin iaitu \$50. Beliau memperoleh tender kedai arak bertempat di Pekan Jitra. Kemudian diikuti tauke Cheah Kee Lioon yang dikenakan bayaran sewa sebanyak \$35 dan tauke Neoh Chew sebanyak \$29. Kedua-dua tauke tersebut menjalankan perniagaan kedai arak di Pekan Cina yang bertempat di Alor Setar. Pekan Cina merupakan kawasan tumpuan perniagaan orang

Cina di Kedah. Seterusnya, Changlun dan Kuala Sala dikenakan sewa kedai arak paling rendah yang berjumlah \$3.⁸⁶ Jika diteliti semua kawasan yang membuka kedai arak khususnya di kawasan pekan ataupun pusat tumpuan orang ramai kadar sewaan didapati lebih tinggi.

Manakala, bagi jadual 5.9 melibatkan tahun 1915 dan 1916. Berdasarkan laporan minit mesyuarat 1915 telah direkodkan hanya 5 orang yang memperoleh tender dan 4 orang peniaga Cina dipilih bagi tahun 1916. Apa yang membezakan bagi tempoh dua tahun itu adalah jumlah bayaran sewa yang dikenakan tahun 1916 didapati agak tinggi berbanding tahun 1915. Pada tahun ini di Alor Setar kadar sewaan yang dikenakan melebihi \$50. Manakala, bagi kawasan Selama bayaran sewa tidak melebihi \$50. Hal ini disebabkan tender kedai arak di Alor Setar didapati sangat menjadi perhatian para peniaga Cina di Kedah. Kemudian kepelbagaian arak yang dijual juga menjadi salah satu penyebab terhadap jumlah sewaan tersebut. Walau bagaimanapun, setiap tender yang dikeluarkan dan segala kelulusan bergantung terhadap pihak kerajaan.⁸⁷

Sementara itu, kesemua peniaga arak tersebut aktif dalam kegiatan pengimportan arak dari luar negeri. Perniagaan yang dijalankan mereka telah mewujudkan pelbagai cabang perolehan pendapatan kepada negeri Kedah. Contohnya, dalam aspek sewaan gudang penyimpanan barang, cukai membawa masuk barang dari luar dan denda yang dikenakan kepada peniaga yang tidak menuntut barang import yang telah disimpan di gudang.

⁸⁶ C. O. 273/375/35581, Minutes of a Meeting of the State Council Held on 21st August 1911.

⁸⁷ SUK. K. 2948/33, Tenders "Pajak Arak" Selama 1334 (1915).

5.10 Kegiatan Pengimportan Arak

Berdasarkan perbelanjaan dan perolehan negeri pada setiap tahun menunjukkan arak berada dalam barang yang diimport dan arak juga diimport dari Pulau Pinang ke Kulim, Baling dan lain-lain. Setiap minuman arak tersebut akan disenaraikan terlebih dahulu dan berdaftar sebelum dibawa masuk.⁸⁸ Lesen-lesen arak yang dikeluarkan melibatkan kawasan Kota Setar, Langkawi, Yan, Kuala Muda, Kulim, Baling dan Bandar Baru. Ini jelas dapat dilihat dalam senarai Jabatan Monopoli dan Kastam yang menyenaraikan setiap perolehan yang dikenakan cukai.⁸⁹ Misalnya pada tahun 1913, Kota Setar telah menyumbang cukai yang tinggi dan dikutip oleh *Habour Department*. Pengutipan cukai ini berlaku selepas tiga bulan British campur tangan serta telah memperoleh \$1,200 untuk setengah bulan pada tiap-tiap bulan.⁹⁰ Kerajaan juga telah menyatakan bahawa adalah menjadi suatu kelebihan bagi kerajaan apabila orang Cina berperanan sebagai pembawa masuk minuman keras ke dalam negeri.

Penyediaan langkah kutipan cukai dan pelesenan sememangnya menyumbang kepada pendapatan negeri.⁹¹ Sebagai contoh pada tahun 1915, Goh Soon Leong telah membawa masuk arak jawa⁹² ke Alor Setar tanpa melakukan pendaftaran ke atas arak tersebut. Pembayaran cukai beliau tidak diterima oleh Pengguna Monopoli kerana arak tersebut dilihat berbeza dengan arak-arak yang lain. Kesan kemasukan arak jawa ini menambahkan lagi undang-undang baru selepas merujuk kepada penasihat British dan MMN memutuskan cukai sebanyak \$5.04 per gelen, sekiranya 141 gelen akan

⁸⁸ SUK. K. 1994/1331, Forwars List of Liquors from Penang Into Kulim During April 1 Mei 1913.

⁸⁹ SUK. K. 2288/1346, Revenue Estimates of the Monopolies and Customs Department, Kedah for the Year A. H. 1347 (1929).

⁹⁰ C. O. 716/1, The Annual Report of the British Adviser to the Kedah Government for the Year 1329 A. H. (2nd January-21st December 1911), hlm. 18.

⁹¹ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1332 A. H. (30th November 1913-18th November 1914), hlm. 17.

⁹² Arak Jawa atau Bee Chew merupakan arak yang telah dicampur dengan samsu, Lihat dalam SUK. K. 2257/33, Ask What Rate duty is Collected on Jawa Arrack in Kedah, (21 Julai 1915).

dikenakan cukai sebanyak \$700.⁹³ Penetapan bayaran cukai ini adalah berdasarkan perkara 6, di dalam Undang-Undang bernombor 16 pada tahun 1911.

Selepas itu, berlaku perubahan pada tahun 1927 di bawah pentadbiran Jabatan Monopoli dan Kastam di mana arak dan todi telah diletakkan di bawah hasil eksais.⁹⁴ Pelbagai jenama arak dipasarkan di dalam negeri Kedah telah dibawa masuk oleh orang Cina dan Eropah. Manakala terdapat juga arak yang dihasilkan sendiri oleh orang Cina iaitu samsu.⁹⁵ Oleh itu, dapat dilihat di dalam jadual berikut beberapa jenama arak yang kebanyakannya telah dibawa masuk ke Kedah daripada Pulau Pinang:

Jadual 5.10: Jenis-jenis Arak yang Diimport dari Pulau Pinang Pada Tahun 1913

Beer
Whisky
Brandy
Britter
Vermouth
Wine
Sherry
CB.Clew
Gim
Lek
Kou Liang
Rum
Blared
O. D. San
Sloul
Kok Keng

Sumber: SUK. K. 1557/1331, List Liquor Import to Kulim and Kuala Muda (1913).

⁹³ Memorandum kepada Penasihat British Kedah, daripada Penasihat S. G Pulau Pinang yang menjelaskan berkaitan kemasukan Arak Jawa ke Kedah iaitu di Alor Setar dan Kulim, dalam SUK. K. 2257/33, Ask What Rate Duty is Collected on Jawa Arrack in Kedah, (21 Julai 1915).

⁹⁴ C. O. 716/2, Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1346 A. H. (1st July 1927-19th June 1928), hlm. 26.

⁹⁵ Samsu dihasilkan daripada beras oleh orang Cina yang melalui proses ‘tampaian’ dan lampaihan. Sebelum menjadi samsu, ia akan diperam lebih daripada lima belas hari. Terdapat samsu yang dihasilkan di dalam negeri berdasarkan pajakan masak samsu dan ada juga dibawa masuk daripada Pulau Pinang. Sekiranya terdapat samsu yang dibawa masuk dari luar negeri, ia akan dikenakan cukai. Lihat dalam SUK. K. 2253/1338, Samsoo Farms (1920).

Berdasarkan jadual 5.10 menunjukkan jenis-jenis arak yang diimport dari Pulau Pinang pada tahun 1913. Arak tersebut kebanyakannya diimport oleh orang Cina yang telah mendapat kelulusan pajakan arak di Kedah. Sementara itu, pasaran arak pula tertumpu dalam kalangan golongan buruh Cina yang bekerja di kawasan lombong mahupun di ladang-ladang. Di samping itu, kawasan-kawasan yang dipajak juga mempengaruhi para pemajak Cina untuk memasarkan barang mereka bagi memenuhi permintaan peminuman arak tempatan. Walau bagaimanapun, pengimport harus mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan misalnya cukai yang wajib dikenakan ke atas kemasukan arak tersebut.

Lanjutan itu, kemasukan arak-arak ke dalam negeri Kedah juga telah mempercepatkan tindakan para peniaga Cina untuk memasarkan barang mereka. Misalnya pada tahun 1922 sudah terdapat 27 buah kedai di daerah Kulim menjalankan perniagaan arak secara runcit. Mereka menjual arak berbentuk botol kerana lebih mudah dijual kepada pembeli. Selain itu, penubuhan kedai di daerah Kulim yang diluluskan hanya dibenarkan membuka satu atau dua sahaja kedai runcit yang menjual arak. Antara kawasan tersebut ialah Jalan Kilang Lama, Lunas, Padang Serai, Kilang Lama, Pagar Musih, Kulim Jalan Raya, Junjung Balidan, Sungai Sluang, Sungai Karangan, Merbau Pulas, Junjung, Sungai Ular, Kebun Padang Meha, Kebun Padang China, Kebun Bukit Sidim, Kebun Maryland Estat dan Kebun Tebon.⁹⁶

Selain Kulim, pada tahun yang sama juga dapat dilihat daerah Kuala Muda mendapat kelulusan untuk penjualan arak. Namun tempoh jualan yang dibenarkan hanya dalam tempoh setahun sahaja iaitu bermula bulan Januari hingga Disember 1922. Manakala, peniaga-peniaga yang terlibat pula semuanya dalam kalangan peniaga Cina. Oleh itu, berdasarkan maklumat yang disediakan berikut jelas dapat dilihat pemilik kedai dan kawasan yang menjadi tumpuan untuk memasarkan arak dalam botol. Arak

⁹⁶ SUK. K. 960/1341, Proposal to Reduce the Number of Toddy and Liquor Shops. 19 Disember 1922.

tersebut pula terdapat dalam pelbagai jenama yang mana telah diimport dari luar negeri Kedah.⁹⁷ Berpandukan jadual berikut, terdapat 12 peniaga yang dibincangkan terlibat dalam pembukaan kedai runcit arak tersebut. Malah, terdapat antara mereka yang mempunyai dua atau tiga kedai arak di Kuala Muda.

Jadual 5.11: Peniaga Arak di Kuala Muda Pada Tahun 1922

Peniaga Cina	Kawasan Jualan
Ang Teik Tong & Chap Kong Lee	Jalan Raya Pekan Sungai Petani
Lim Seng LiLong	Jalan Dewa Pekan Sungai Petani
Neiw Boon Chiong & Chap Bee Lim	Jalan Dewa Pekan Sungai Petani
Chiew Mah Tong & Chap Tiow Lee	Pekan Sungai Petani
Neiw Boon Kim & Chap Hong Chuan	Pekan Baru Sungai Petani
Lim Liang Tiang & Chap Tai Seng	Jalan Dewa Sungai Petani
An Ah Kai & Chao Eng Choon	Pekan Bedong
Neiw Boon Kim & Chap Hong Chuan	Pekan Bedong Jajahan Sungai Petani
Neiw Boon Poo	Pekan Bedong Jajahan Sungai Petani
Lim Liang Teng & Chap Tai Seng	Pekan Baru Sungai Lalang
Soo kia long	Pekan Sungai Lalang
Neiw boon kim & chap hong chuan	Pekan Sungai Lalang
Neiw boon eng & chap hong chuan	Pekan Semiling
Khoo yew lai	Pekan Semiling
Neiw boon liat	Pekan Gurun
Neiw boon kim & chap hong chuan	Pekan Kuala Muda

Sumber: SUK. K. 960/1341, Proposal to Reduce the Number of Toddy and Liquor Shops.

19 Disember 1922. Lihat juga, K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, hlm. 114.

5.10.1 Kesan Kemasukan Minuman Keras Luar Negeri

Minuman keras sangat sinonim dengan orang Cina dan Eropah malah arak menjadi aset utama sebagai sumber pendapatan negeri Kedah. Pelabur-pelabur Cina giat dalam memasarkan minuman keras yang muncul dalam pelbagai jenama dan keluaran.

⁹⁷ Ibid.

Manakala pertambahan orang Cina di Kedah juga menjadikan peluang pasaran minuman keras ini meningkat.

Selain daripada minuman keras yang diimport terdapat minuman-minuman keras lain yang dihasilkan di dalam negeri misalnya, todi, tuak dan samsu. Di dalam ketiga-tiga minuman keras ini, orang Cina sangat berperanan dalam menghasilkan samsu. Terdapat samsu yang tulen dan terdapat juga samsu yang telah dicampur dengan bahan-bahan yang boleh membawa masalah kesihatan ke atas peminumnya. Oleh itu, wujudnya penganalisis minuman keras ini oleh pihak kerajaan membolehkan mereka mengawal jenis-jenis kandungan arak tersebut.

Namun kemasukan minuman keras juga di dapati telah menimbulkan masalah terhadap negeri. Pada tahun 1918, keadaan ini telah disuarakan oleh penasihat British kepada pembantu Pengusaha Monopoli Pulau Pinang berkaitan pengumpulan kutipan cukai terhadap negeri yang membawa masuk minuman keras dan tembakau. Misalnya Johor telah meletakkan akaun duti Johor di Singapura. Ini bermaksud Johor telah mengenakan cukai import terhadap minuman-minuman keras dan tembakau yang telah dibawa masuk dari Singapura ke dalam negeri Johor.⁹⁸

Situasi tersebut turut dialami Kedah apabila terdapat ramai pembawa masuk minuman keras dari Pulau Pinang sehingga menimbulkan masalah kepada jabatan monopoli yang terpaksa mengawalnya. Kesannya kerajaan Kedah melaksanakan peraturan-peraturan yang dilihat seakan-akan dengan NNMB khususnya mengenai minuman keras ini.⁹⁹ Oleh itu, sebagai langkah lebih sistematik dalam menguruskan akaun duti import di Pulau Pinang, Kedah di arahkan untuk melihat sistem negeri Johor yang mana diletakkan seorang kerani yang berperanan dalam menguruskan kutipan duti di Singapura.

⁹⁸ Official Memo daripada Pembantu Penasihat Kedah kepada Pembantu Superintenden Monopoli Pulau Pinang, dalam SUK. K. 2410/1336, Arrangement of Collecting Kedah Import Duties on Liquors and Tobacco in Penang (17 Ogos 1918).

⁹⁹ Idaran Zaman, 29 Julai 1926, hlm. 6.

Pada tahun 1925, langkah pengawalan yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan mengenakan duti import di Pulau Pinang telah mendapat respon daripada Kelab Saudagar Cina di Alor Setar. Mereka telah menyuarakannya kepada Penasihat British dengan menyatakan beberapa alasan supaya bayaran duti import tidak perlu dilangsaikan di Pulau Pinang sebaliknya dibayar ketika barang sudah sampai di Kedah. Salah satu alasan yang diberikan ialah mereka akan menanggung kerugian sekiranya pembayaran awal dilakukan. Ini disebabkan proses perjalanan penghantaran minuman dan tembakau didapati berpotensi mengundang berlakunya kemalangan yang mana pasti akan merosakan semua barang tersebut. Namun pada masa yang sama pedagang Cina harus juga membayar duti import tersebut dalam jumlah yang besar walaupun sudah mengalami kerugian. Walau bagaimanapun alasan-alasan yang diberikan mereka dinyatakan tidak cukup jelas untuk kerajaan merangka undang-undang baru.¹⁰⁰

Pada 23 Jun 1932, kerajaan telah melancarkan kenaikan cukai terhadap duti import yang melibatkan minuman keras, tembakau dan petrol. Kenaikan duti import ini adalah untuk mengimbangi hasil cukai yang dikutip terhadap candu, getah, ladang, dan tanah.¹⁰¹

5.10.2 Kawalan Penyimpanan Minuman Keras

Selain melakukan pajakan arak dalam negeri, orang-orang Cina turut terlibat dengan kegiatan pengimportan arak dari luar negeri iaitu arak dari negara China dan Eropah. Setiap minuman keras yang dibawa masuk ke dalam negeri tidak akan diberikan secara langsung kepada pengimportnya. Berdasarkan nasihat British dan Majlis Negeri telah mengambil langkah yang lebih terkawal supaya setiap barang luar yang dibawa

¹⁰⁰ SUK. K. 819/1344, Petition Against the Proposal to Collect Kedah Import Duty on Liquors and Tobacco at Penang (13 October 1925).

¹⁰¹ SUK. K. 3599/1350, Forward Copy of: Kedah Estimates. Rujuk Memorandum off the Draft Estimates for 1932 in Annual Estimates of Revenue and Expenditure of The State of Kedah for the year 1932 From British Adviser forward to High Commissioner Office, Singapore, 19th May 1932 terlampir di (1932).

masuk ke dalam negeri dikenakan bayaran cukai. Sementara itu, minuman keras akan berada di bawah kawalan kerajaan selagi tidak dituntut oleh pengimport yang kebanyakannya terdiri dalam kalangan orang Cina dan Eropah. Minuman-minuman keras yang diimport akan disimpan di dalam gudang kerajaan. Misalnya, minuman keras ini banyak didatangkan dari Pulau Pinang dan dihantar menggunakan pengangkutan laut antaranya menerusi kapal api, tongkang, dan kereta api. Setiap penyimpanan minuman keras di gudang ini akan dikenakan bayaran hasil gudang yang telah ditetapkan oleh Penguasa Monopoli dengan kebenaran Majlis Negeri. Ini adalah berdasarkan enakmen No. 4 pada tahun 1915, perkara 6 (1).¹⁰²

Sehubungan itu pihak kerajaan mengambil langkah mengawal setiap kemasukan barang import dengan menyediakan gudang minuman keras, misalnya gudang kerajaan di Jeti Alor Setar. Berdasarkan undang-undang, Majlis Negeri juga menetapkan bahawa minuman keras hanya boleh dibawa masuk melalui pekan Kuala Kedah, pekan Alor Setar, pekan Kota Kuala Muda, pekan Sungai Petani, pekan Bandar Bharu dan pekan Kuah Langkawi dan lain-lain tempat yang telah ditetapkan.¹⁰³ Kawalan ketat dilaksanakan sekiranya pengimport tidak menuntut kembali barang-barangannya dengan tindakan segala minuman keras akan dibuang atau dilelong.¹⁰⁴ Manakala tempoh penyimpanan minuman keras di gudang pula tidak boleh melebihi satu bulan. Sekiranya pengimport tidak melakukan sebarang tuntutan barang di gudang, notis lelongan selama 14 hari akan dikeluarkan oleh pihak penguasa dan hasil lelongan tersebut akan digunakan untuk membayar cukai penyimpanan di gudang kerajaan.¹⁰⁵

¹⁰² SUK. K. 2395/1333, The Liquors Enactment 1915, merujuk surat daripada Penasihat Undang-undang Kedah kepada Pembantu Penasihat Kedah (5 Ogos 1915).

¹⁰³ The Liquors Enactment 1334 (1916).

¹⁰⁴ SUK. K. 2516/1333, The Unclaimed Chinese Liquors Lying at Alor Setar be Destroyed. Rujuk surat daripada Superintenden Monopoli kepada Tuan Presiden Majlis Negeri pada tahun 1915.

¹⁰⁵ Ibid.

Oleh itu dapat dilihat pihak kerajaan memberi rapi terhadap kegiatan pengimportan barang-barangan luar terutamanya barang yang majoritinya dipasarkan kepada pengguna Cina. Pada masa yang sama kerajaan tetap menggalakkan pelabur Cina untuk giat aktif menjalankan kegiatan ekonomi di dalam negeri kerana pihak mereka adalah penyumbang hasil pendapatan yang besar terhadap kerajaan. Namun, kawalan undang-undang sentiasa diperketatkan bagi memastikan pemajak-pemajak atau peniaga lain mematuhi undang-undang yang disediakan.

5.11 Pajakan-Pajakan Kecil yang Didominasi Pemodal Cina

5.11.1 *Pajakan Buloh*

Pihak Monopoli dan Kastam berperanan dalam mengemukakan permohonan tender bagi setiap pajakan yang dipohon oleh pemohon. Misalnya, permohonan Kedai Pajak Buloh di Alor Setar yang telah dimohon oleh Khoo Chooi Chuan. Permohonan ini telah diluluskan oleh MMN dan pada setiap bulan beliau harus membayar sewa sebanyak \$325 sebulan. Walau bagaimanapun tempoh pajakan tersebut bermula pada 1 Januari 1926 hingga 1 Jun 1926.¹⁰⁶ Sementara itu terdapat juga pajak buloh ini di kawasan lain misalnya, di Pekan Lunas, Pekan Kulim, dan Pekan Sungai Patani. Tempoh memegang pajak di kawasan tersebut juga sama seperti di Alor Setar iaitu selama 6 bulan sahaja. Namun pajakan ini hanya berbeza dari segi bayaran sewa pajak. Contohnya, pajak buloh di Pekan Kulim sebanyak \$242.50 sebulan, Pekan Lunas pula \$178.50 sebulan dan Pekan Sungai Patani sebanyak \$221.00 sebulan.

Selain itu, pada tahun 1924, terdapat beberapa contoh daerah yang mendapat kelulusan bagi tujuan pajakan buloh. Malah, daerah-daerah tersebut juga antara daerah yang sememangnya menjadi tumpuan orang Cina iaitu Kulim, Kota Setar dan Kuala

¹⁰⁶ SUK. K. 1836 /1344, Minute of a Meeting of the State Council held on 31st December 1925.

Mudah. Oleh itu, jadual yang berikut adalah contoh pajakan buloh yang dipegang oleh beberapa orang Cina di ketiga-tiga daerah tersebut.

Jadual 5.12: Pajakan Buloh Pada Tahun 1924

Daerah	Pemegang Pajak	Kawasan Pajak	Hasil sebulan
Kulim	Teng Ah Hong	Pekan Kulim	\$ 195.50
	San Teik Mey	Pekan Lunas	\$ 128.50
Kota Setar	Ho Liat	Pekan China	\$ 531.50
Kuala Muda	Chee Eng Chong	Pekan Sungai Petani	\$ 167

Sumber: SUK. K. 174/1343, Minutes of Meeting of the State Council held on 24 Julai 1924.

Jadual 5.12 menunjukkan tiga kawasan yang telah dimohon oleh peniaga Cina bagi menjalankan pajakan buloh. Antaranya, Kulim, Kota Setar dan Kuala Muda. Pajakan buloh atau dikenali tempat untuk menghisap candu menjadi pilihan peniaga candu bagi memudahkan para pelanggan mereka menghisap candu. Pada tahun 1924 telah direkodkan kawasan utama menjadi tumpuan peniaga ialah di Kuala Muda yang merupakan kawasan perkembangan ekonomi orang Cina bagi selatan Kedah dan termasuklah Kulim. Seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini di mana adanya peluang ekonomi yang baik, disitulah akan muncul orang-orang Cina yang mempunyai pelbagai peranan. Contohnya, pelabur, peniaga, tenaga buruh dan lain-lain. Apabila berlaku perkembangan masyarakat tersebut, para tauke akan menggunakan peluang perniagaan lain untuk mengikat tenaga buruh di kawasan perusahaannya.¹⁰⁷

Di sini dapat dilihat, peniaga Cina bukan sahaja berperanan membawa masuk candu dari luar negeri, bahkan mereka pantas mewujudkan satu rangkaian perniagaan lain untuk memastikan bekalan candu memenuhi permintaan para penghisap candu.

¹⁰⁷ SUK. K. 174/1343, Minutes of Meeting of the State Council held on 24 Julai 1924.

Walau bagaimanapun, sudah wujud banyak pajak buloh yang dilakukan oleh peniaga Cina di Kedah pada setiap tahun. Namun begitu, setiap pajakan buloh tersebut sentiasa berada di bawah pemerhatian kerajaan bagi memastikan tiada berlaku perlanggaran syarat dalam pajakan. Seperti kedai arak, pajak buloh turut menjadi tumpuan di kawasan-kawasan pekan.

5.11.2 Pajakan Tanah Lombong

Sektor perlombongan memerlukan pemodal yang bercadang mengusahakan tanah lombong dengan melakukan pajakan terlebih dahulu kepada pihak kerajaan. Pemajak yang sedia ada sekiranya ingin memohon penyambungan pajakan haruslah membuat permohonan lebih awal. Ini seperti mana yang dinyatakan dalam seksyen 16 Enakmen Perlombongan 1928 menjelaskan setiap pemohon yang ingin menyambung pajakan haruslah membuat permohonan sebelum 10 Februari 1931 hingga 25 Disember 1931. Sebagai contoh pajakan terhadap tanah lombong bijih timah yang banyak dipohon di daerah Kulim dan pemajak akan berterusan menyambung pajakan terhadap kerajaan dengan melakukan pembayaran secara bulanan. Contohnya, pada tahun 1934 Cheah Leng dari Kulim menyambung pajakan galiannya di Wang Pinang selama 21 tahun yang bermula pada tahun 1914 hingga 1934. Penyambungan yang dimohon oleh beliau telah diluluskan oleh mahkamah dan undang-undang.¹⁰⁸

Selain itu, terdapat juga pemajak-pemajak daripada luar negeri Kedah misalnya, mereka yang tinggal berdekatan dengan Kedah seperti Pulau Pinang. Kebanyakan pemajak Cina dari Pulau Pinang yang sering melakukan permohonan untuk pajakan dalam negeri Kedah contohnya, Cha Tun Pu yang telah memohon pada tahun 1912. Beliau telah memohon kepada kerajaan bagi kawasan pajakan tanah terhadap 300

¹⁰⁸ SUK. K. 67/1353, Letter from Nyonya Cheah Leng Ask for Renewal of her Mining Lease No. 27 on Mining Land at Wang Pinang, Kulim 17 April 1934.

relong tanah untuk menjalankan perlombongan bijih timah. Namun atas perbincangan dan faktor tertentu, MMN hanya meluluskan permohonan tersebut 200 relong sahaja.¹⁰⁹

5.11.3 Pajakan Masakan (Samsu)

Pajak Masak merupakan salah satu pajakan yang turut menyumbang kepada pendapatan negeri dan pajak masak ini melibatkan perusahaan samsu. Misalnya, samsu-samsu yang dimasak di dalam sesebuah daerah tersebut telah ditetapkan oleh Majlis Negeri. Hasil daripada setiap kegiatan tersebut perlu disumbangkan kepada negeri kerana ia sebahagian pendapatan atau perolehan negeri misalnya, pajak masak di Sungai Petani dan Kulim.¹¹⁰

Samsu-samsu yang ingin dimasak haruslah mendapat kelulusan daripada *Sanitary Board* dengan melakukan permohonan atas nama pajak masak. Ini kerana, terdapat kes-kes pengusaha yang menjalankan operasi memasak samsu secara rahsia. Oleh itu, kesan tindakan tersebut boleh menyebabkan mereka ditangkap dan mendapat perintah daripada kerajaan untuk dibuang negeri. Misalnya, dalam laporan tahunan monopoli dan kastam telah menyatakan terdapat 7 orang yang telah dibuang dan terdapat 15 orang lagi masih dalam pertimbangan dan majoritinya dalam kalangan orang Cina.¹¹¹

Menjelang tahun 1915, undang-undang mengenai minuman diperketatkan dengan pelbagai syarat. Menerusi syarat-syarat dalam undang-undang minuman tersebut dapat dilihat peranan penting yang dimainkan oleh presiden Majlis Negeri dalam menetapkan syarat-syarat penting itu. Pada 13 Mac 1916, telah berlangsungnya *The Liquors Enactment 1334 Hijrah* (1915). Tercatatnya syarat-syarat dalam pajakan ini di

¹⁰⁹ SUK. K. 2100/1330, Dipersembah Mari Surat Permintaan China Cha Tun Pu yang duduk di Pulau Pinang bersama-sama 1 peta, dipinta pajak di atas tanah 300 relung yang hendak diperbuat Kalian atau lombong di Sungai Tengas Mukim Selama Daerah Bandar Baru.

¹¹⁰ SUK. K. 604 /1352, Annual Report of the Monopolies and Customs Department, Kedah, for the year 1351, (1932).

¹¹¹ Ibid.

dalam enakmen minuman yang menunjukkan kuasa presiden dalam menetapkan bilakah masanya yang sesuai untuk menawarkan pajakan atau melelong tanah pajakan masak.¹¹²

Syarat-syarat ini dapat dijelaskan menerusi perkara 8 di dalam enakmen ini.

- 1) Presiden Majlis Negeri berkuasa dalam bila-bila masa sahaja untuk menawarkan pajakan dan memanggil penender.
- 2) Dalam hal pajakan masak mahupun lain-lain pajakan, presiden telah menetapkan tempoh pajak masak semestinya tidak boleh melebihi tiga tahun dan tidak boleh kurang daripada setahun.
- 3) Minuman yang dimasak di dalam kawasan yang ditetapkan Majlis Negeri harus dibayar hasilnya seperti mana yang telah ditetapkan.
- 4) Minuman yang dimasak tersebut tidak boleh berpindah dari tempat pajak masak jika hasilnya tidak dibayar melainkan mendapat permit daripada superintenden. Manakala, minuman yang dimasak tersebut tidak akan dikenakan cukai sekiranya dipasarkan keluar negeri.
- 5) Pihak yang melakukan pajakan dibenarkan menjual minuman yang dimasak tersebut mengikut undang-undang yang ditetapkan ini.
- 6) Pihak yang memajak dibenarkan menjual minuman-minuman di rumah-rumah atau kedai-kedai yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelesenan yang diletakkan dalam perkara 10 dan pihak ini berkuasa untuk menambah atau mengurangkan bilangan rumah-rumah atau kedai-kedai yang menjual minuman tersebut.

Walau bagaimanapun, undang-undang ini dipinda pada tahun berikutnya. Pindaan yang berlaku adalah berdasarkan perkembangan semasa yang berlaku dalam negeri kesan daripada kemunculan pelbagai minuman yang memabukkan. Namun, satu perkara yang

¹¹² The Liquors Enactment 1334 (1915) Enactment No. 4 of 1334.

penting harus dilaksanakan oleh setiap pemajak adalah diwajibkan untuk melaporkan bangsa dan bilangan pengambil minuman tersebut.

Di Kedah, pajak masak ini dikhkusukan bagi kawasan-kawasan tertentu sahaja iaitu mengikut kelulusan Majlis Negeri. Misalnya pada tahun 1929 telah diputuskan bahawa hanya di Sungai Petani dan Kulim sahaja dibenarkan untuk pajak masak. Justeru, melihat kepada laporan monopoli dan kastam dinyatakan dengan jelas kawasan pajak masak samsu dan hasil yang diperoleh negeri atas kegiatan tersebut. Setiap kawasan yang dipohon untuk pajak masak mempunyai ketuanya tersendiri.

Sekiranya mengalami kerugian ketua pajak masak kawasan tersebut akan mengemukakan surat atau menyuarakan masalah yang dihadapi kepada Superintenden Monopoli. Superintenden akan mengemukakan kepada Majlis Negeri bagi mendapatkan pertimbangan atau bantuan. Contohnya, Pua Cheng Bee merupakan ketua pajak masak bagi kawasan Bandar Bharu yang telah menyuarakan masalah kerugian yang dihadapi berkaitan pajak samsu di kawasannya.¹¹³ Namun begitu, perolehan-peroleh berterusan dicatat dan perolehan tersebut merupakan sebahagian pendapatan negeri. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan jadual yang berikut.

Jadual 5.13: Perolehan Pendapatan Samsu yang Dimasak di Sungai Petani dan Kulim, 1928 dan 1929

Tahun Kawasan	Samsu Dimasak	Hasil Dibayar	Samsu Dimasak	Hasil Dibayar
	1928	1928	1929	1929
Sungai Petani	3,582 gelen	\$16,146.50	2,986 gelen	\$14,422.38
Kulim	7,775 gelen	\$37,553.25	5,318 gelen	\$22,271.13
Jumlah	11,357 gelen	\$53.699.75	8,304 gelen	\$36,693.51

Sumber: SUK. K. 625/1348, Annual Report of the Monopolies & Customs Department, Kedah, for the year 1347 (1929).

¹¹³ SUK. K. 469 /1332, Teriak Pua Cheng Bee Ketua Pajak Masak di Bandar Baru Fasal Ia Sangat Kerugian Dipohon Timbangkan (1914).

Jadual tersebut menyatakan soal pajak masak samsu di dua kawasan utama iaitu Sungai Petani dan Kulim. Perolehan merujuk pada tempoh dua tahun iaitu 1928 dan 1929 yang menyaksikan pendapatan negeri daripada samsu yang dimasak di dua kawasan tersebut. Walaupun perolehan masak samsu lebih kecil berbanding dengan kegiatan lain seperti penghasilan tuak, namun kesan pajak masak samsu ini masih memberi pulangan pendapatan kepada negeri.

Seterusnya penglibatan orang Cina dalam kegiatan pajak masak samsu ini dilihat begitu terhad. Situasi ini jelas dapat dilihat berdasarkan penetapan kawasan pajak masak untuk aktiviti memasak samsu tersebut. Misalnya, Kulim dilihat lebih banyak menghasilkan samsu, ini dibuktikan dengan kedatangan orang Cina yang bertumpu di kawasan Kulim. Kegiatan pajak masak ini juga dilihat di dominasi oleh orang Cina di Kulim dan Sungai Petani.

Dalam pada itu, pendapatan kerajaan daripada hasil pajak samsu ini turut berada dalam situasi menurun dan menaik. Misalnya pada tahun 1931, perolehan pendapatan kerajaan hasil samsu menurun dengan mendadak kepada \$14,878 berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak \$32,239.¹¹⁴ Penurunan yang berlaku ini adalah sebanyak \$17,361. Walau bagaimanapun, terdapat alasan dan faktor mengapa pada tahun ini berlaku penurunan yang begitu ketara. Pertamanya, pada tahun 1931 ini terdapat beberapa kawasan pajak masak samsu di Sungai Petani terpaksa ditutup. Keadaan ini disebabkan jualan samsu tidak mendapat sambutan yang baik di mana menjadi penyebab penutupan kawasan-kawasan pajak masak samsu tersebut. Malah, didapati juga kemungkinan kewujudan samsu haram turut menjadi penyebab kurangnya sambutan orang ramai. Samsu haram dikatakan memberi kesan yang negatif terhadap kesihatan orang ramai.

¹¹⁴ SUK. K. 849/1351, Annual Report of the Monopolies & Customs Department, Kedah for the year 1350 (1931).

Walau bagaimanapun, semua pajakan tersebut telah menyumbang pendapatan kepada kerajaan. Kepelbagaiannya pajakan tersebut menunjukkan perkembangan pengaruh orang Cina di Kedah sehingga British dilihat menjaga kedudukan perniagaan orang Cina yang juga menjadi penyumbang keuntungan terhadap mereka.

5.12 Kesimpulan

Penglibatan orang Cina dalam pajakan cандu, judi dan arak telah berlaku sebelum campur tangan British pada tahun 1909 lagi. Penglibatan mereka dalam kegiatan ekonomi menjadi fokus pihak pemerintah kerana penglibatan mereka membawa pulangan keuntungan yang baik. Pemerintah memberikan kelulusan kepada pemodal Cina yang menawarkan bayaran pajakan yang tinggi untuk mengusahakan kegiatan ekonomi tersebut. Walau bagaimanapun perbezaan sebelum dan selepas campur tangan British ialah apabila pemodal Cina didapati mengawal hasil pendapatan mereka dengan berurusan secara langsung dengan sultan, akan tetapi apabila tertubuhnya MMN pada 1905 kegiatan mereka mula dikawal sehingga berlakunya campur tangan British, kawalan tersebut dilaksanakan lebih sistematik berdasarkan pindaan undang-undang.

Oleh hal yang demikian, dengan pindaan undang-undang yang dilaksanakan oleh MMN menyebabkan setiap pemodal harus mematuhi undang-undang yang telah disyaratkan itu. Manakala, pemodal-pemodal yang terlibat dalam kegiatan ini majoritinya adalah pemodal Cina sahaja. Keterlibatan mereka dalam ekonomi negeri Kedah adalah berdasarkan ruang pasaran yang dikatakan bersesuaian dengan penduduk Kedah yang semakin lama dipenuhi dengan orang Cina. Hal ini berlaku kerana, orang Cina yang berhijrah ke Kedah terlibat dalam pelbagai peranan misalnya, buruh, peniaga, pelombong, dan sebagainya. Malahan fokus utama pemodal Cina serta buruh-buruh adalah untuk mengembangkan kegiatan mereka tanpa sekatan walaupun beroperasi di

negeri orang. Mereka juga menyedari bahawa dengan mengikat para buruh dengan candu, judi dan arak akan menyebabkan barang-barang tersebut berterusan menjadi keperluan penting bagi buruh-buruh Cina.

Begitu juga dengan pihak British yang turut menyokong pihak pemodal Cina dengan kegiatan ekonomi tersebut kerana dikatakan memberi keuntungan yang baik. Dengan itu, British begitu mendorong setiap kegiatan ke arah perkembangan ekonomi terutamanya mengamalkan dasar ekonomi bebas. British dilihat membiarkan pemodal-pemodal Cina untuk mengendalikan ladang-ladang dan memberikan perbelanjaan dan pinjaman untuk terlibat dalam sebarang kegiatan ekonomi di Kedah. Kebanyakan pemodal Cina atau buruh-buruh datangnya dari Pulau Pinang setelah mengetahui masih terdapat peluang untuk mengusahakan tanah-tanah di Kedah.

Selanjutnya, pajakan candu sememangnya menjadi penyumbang penting kepada kerajaan malah diakui sendiri di dalam setiap laporan tahunan negeri bahawa keuntungan daripada monopoli candu itu adalah yang utama. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya kegiatan penjualan candu menjadi fokus orang-orang Cina untuk mengumpul kekayaan. Pertambahan penduduk Cina yang berperanan sebagai buruh di Kedah juga menjadikan permintaan terhadap candu adalah besar. Dengan wujudnya pajakan-pajakan candu dalam negeri membantu kedudukan pendapatan negeri selain daripada kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain. Peranan mereka sebagai orang tengah dalam memasarkan candu kepada buruh-buruh Cina terutamanya adalah sangat penting.

Walau bagaimanapun, dengan kawalan pihak kerajaan dalam menentukan bilangan-bilangan pemajak candu dan lesen-lesen yang diberikan memperlihatkan kepentingan Jabatan Monopoli dan Kastam negeri. Dalam pada itu, pihak kerajaan mengumpul pendapatan dengan berpandukan beberapa aspek iaitu pertama berdasarkan tender dan monopoli yang diberikan kepada pemajak. Kedua, melalui duti import yang

dikenakan kepada pengimport. Manakala ketiga, berdasarkan pembayaran lesen-lesen yang melibatkan kedai-kedai candu.

BAB 6

PERANAN ORANG CINA DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH, 1909-1941

6.1 Pengenalan

Industri perlombongan bijih timah di Kedah mengalami peningkatan sejak tahun 1840 dan terus mengalami peningkatan hasil setelah kedatangan orang Cina.¹ Faktor peningkatan tersebut turut berlaku selepas negeri Kedah diserahkan kepada British, melalui Persetiaan Bangkok 1909 dengan rasminya British mengembangkan industri bijih timah secara langsung. Pihak British mula membawa perubahan dalam ekonomi dan sosial dengan ketara seperti membawa masuk imigran dari China dan India secara beramai-ramai. Mereka sangat berperanan dalam sektor perlombongan dan perladangan. Revolusi Perindustrian di Eropah merupakan sebab mengapa British memerlukan hasil sumber alam yang banyak di Tanah Melayu. Perlombongan bijih timah banyak digerakkan oleh Penasihat British ketika itu.²

Di Kedah orang Cina mula terlibat dalam perlombongan bijih timah sebenarnya pada awal abad ke-19 lagi. Hasil daripada perlombongan bijih timah tersebut telah menjadi penyumbang kepada pendapatan terhadap negeri. Mereka menjadi pelopor kepada perkembangan industri bijih timah sebelum kedatangan British lagi. Oleh itu, perbincangan ini memberi tumpuan terhadap beberapa daerah yang menjadi tumpuan orang Cina yang terlibat sebagai pemodal dan pelombong bijih timah. Malah sejauh manakah penguasaan orang Cina bagi kegiatan perlombongan bijih timah ini di Kedah turut akan dibincangkan.

¹ Peter Church, *A Short History of South – East Asia*, Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte Ltd, 2006, hlm. 90.

² Sivarajan A/L Ponniah, “Pengaruh British diKedah 1909 – 1940: Kesan Ke Atas Pentadbiran Daerah”, dalam Ishak Saat dan Mohd Akbal Abdullah (ed.), *Isu-isu Terpilih: Dalam Sejarah Politik dan Perjuangan*, Johor: UTHM, 2010, hlm. 93.

6.2 Hasil Pendapatan Negeri Daripada Kegiatan Perlombongan Bijih Timah

Pada awal abad ke-20 dinyatakan bahawa kemakmuran di Kedah salah satunya disumbangkan daripada kegiatan perlombongan oleh orang Cina.³ Kesan perlombongan tersebut telah menyumbang hasil pendapatan terhadap negeri melalui perolehan tertentu antaranya cukai bijih timah, yuran cari gali, yuran pemantauan, yuran lesen dan sewa. Kawasan-kawasan lombong yang diusahakan oleh orang Cina juga turut menyumbang hasil pendapatan yang penting kepada negeri. Seterusnya, industri perlombongan yang dijalankan oleh mereka ini adalah terhad dan menjadi aset penting dalam mengekalkan kestabilan ekonomi negeri.⁴ Oleh itu, hasil pendapatan daripada kegiatan perlombongan bijih timah boleh dilihat seperti berikut,

³ Progress in Kedah: Prosperity Due Mainly to Check, *The Straits Times*, 10 April 1909, hlm. 8.

⁴ Ibid.

**Jadual 6.1: Hasil Pendapatan Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Kedah,
1908-1936**

Tahun	Pendapatan \$
1908	57, 766
1909	64, 261
1910	9, 650
1911	7, 257
1912	5, 951
1913	20, 024
1914	16, 620
1915	16, 131
1916	15, 408
1917	72, 252
1918	194, 724
1919	167, 028
1920	132, 451
1921	60, 790
1922	71, 542
1923	84, 861
1924	92, 716
1925	165, 086
1926	81, 593
1927	65, 696
1928	57, 333
1929	59, 638
1930	30, 422
1931	20, 778
1932	21, 477
1933	27,073
1934	33, 481
1935	48, 598
1936	60, 161

Sumber: Disesuaikan daripada *Kedah Annual Report* dari tahun 1908 – 1936

Berdasarkan jadual 6.1 menunjukkan hasil pendapatan daripada kegiatan perlombongan bijih timah dari tahun 1908 hingga 1936. Perolehan pendapatan pada setiap tahun pula menunjukkan peningkatan dan terdapat juga penurunan ataupun kedudukan yang tidak stabil. Jika dilihat pada tahun 1909 perolehan hasil pendapatan bijih timah berjumlah \$ 64,261. Pada tahun tersebut pendapatan yang paling tinggi diperoleh kerajaan Kedah daripada tahun sebelumnya. Ini disebabkan tahun 1909 berlakunya pertambahan orang Cina di Kedah setelah kemasukan buruh-buruh asing dalam sektor perlombongan serta campur tangan British. Langkah pemerintah untuk memperkembangkan sektor ekonomi Kedah antara faktor penarik kedatangan orang Cina khususnya dalam kegiatan perlombongan bijih timah. Keadaan tersebut juga merupakan permulaan yang baik bagi sektor ini. Selain itu telah memberi kesan peningkatan terhadap penggunaan tanah di Kedah sehingga tanah menjadi aset yang bernilai di mata kerajaan.⁵

Walau bagaimanapun, pada tahun 1910 hingga 1912 hasil pendapatan mengalami penurunan yang berjumlah \$9,650 kepada \$5,951 pada tahun 1912. Penurunan tersebut berlaku disebabkan pelbagai perkara antaranya, masalah keselamatan di tempat perlombongan sehingga berlaku kecelakaan dan kematian yang mana berlaku pada tahun 1910. Keadaan ini sememangnya memberi kesan negatif terhadap para buruh malah turut memberi kesan terhadap tauke lombong dan juga pihak kerajaan.⁶

Manakala pada tahun 1913 hingga 1917 pula telah berlaku sedikit peningkatan dalam hasil pendapatan bijih timah. Pada tahun 1913 hasil pendapatan meningkat kepada \$20,024 berbanding tahun sebelumnya berjumlah \$5,951. Seterusnya pada penghujung tahun 1917 peningkatan hasil yang agak baik iaitu \$72,252. Ini disebabkan

⁵ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the year 1327 A. H. (23rd January 1909-12th January 1910), hlm. 28.

⁶ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the year 1328 A. H. (1910), hlm. 13. Lihat juga, CO 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1329 A. H. (2nd January-21st December 1911), hlm. 8.

berlakunya peningkatan dalam permohonan lesen-lesen untuk mengusahakan tanah lombong. Keluasan tanah lombong yang dimohon juga mempengaruhi perolehan hasil pengeluaran bijih timah dan juga pendapatan negeri. Contoh lesen-lesen yang dikeluarkan ialah lesen mencari gali secara eksklusif, lesen am cari gali dan pajakan tanah sementara. Manakala, teknik melombong yang digunakan oleh orang Cina iaitu teknik lampang dan *open-cast* telah membantu meningkatkan pengeluaran dan hasil pendapatan bijih timah walaupun teknik tersebut dinyatakan sebenarnya adalah mahal dari segi kos. Malah berdasarkan laporan tahunan negeri pada tahun 1914 dinyatakan bahawa kegiatan perlombongan yang dijalankan di Kedah sememangnya dapat menyumbang terhadap hasil pendapatan negeri. Selain itu, persaingan dengan syarikat-syarikat perlombongan bijih timah lain turut menjadikan pengeluaran dan pendapatan dalam tempoh tersebut menunjukkan peningkatan.⁷

Seterusnya, hasil pendapatan negeri bagi sektor perlombongan bijih timah terus meningkat pada tahun 1918 dan jumlah terkumpul ialah \$194,724. Peningkatan ini juga hasil daripada cukai eksport, lesen-lesen lombong yang dikeluarkan, sewa tanah dan lain-lain. Manakala pada dua tahun berikutnya hasil keuntungan mengalami sedikit penurunan iaitu pada tahun 1919 dan 1920 dengan perolehan berjumlah \$167,028 dan \$132,451. Bagi tiga tahun tersebut, pembabitan orang Cina sangat memberi keuntungan yang banyak. Malah kesan perkembangan kawasan perlombongan bijih timah telah menarik peruncit untuk mendirikan kedai-kedai runcit di sekitar kawasan lombong. Barang yang dijual sememangnya barang berbentuk hiburan selepas kerja kepada para tenaga buruh contohnya candu, judi dan arak.⁸

⁷ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1331 A. H. (11th December 1912-30th November 1913), hlm. 5-6.

⁸ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the year 1337 A. H. (7th October 1918 – 25th September 1919), hlm. 3.

Menjelang tahun 1921 hingga 1936 hasil pendapatan daripada kegiatan perlombongan menunjukkan keadaan yang tidak stabil. Hasil pendapatan ada turun naiknya sepanjang tempoh tersebut. Misalnya pada tahun 1921, jumlah pendapatan tahunan yang terkumpul adalah sebanyak \$60,790. Di sini berlakunya penurunan yang sangat ketara berbanding tahun sebelumnya. Keadaan ini berlaku disebabkan kekurangan permohonan untuk mengusahakan tanah lombong. Selain itu terdapat tanah seluas 1,014 relong yang telah dibatalkan lesennya disebabkan pemilik tanah lombong tidak membayar sewa. Lanjutan itu juga, masalah tenaga buruh turut menjelaskan perolehan pendapatan sektor ini. Namun begitu, pada tahun 1925 perolehan pendapatan kembali meningkat selepas empat tahun berturut-turut menurun. Peningkatan ini adalah berjumlah \$165,086 yang mana menunjukkan perolehan yang baik bagi tahun ini. Tetapi kedudukan pendapatan tersebut tidak kekal lama apabila menjelang tahun berikutnya pendapatan sektor perlombongan ini kembali menurun daripada \$81,593 hingga \$60,161 pada penghujung tahun 1936.⁹

Jelas dapat dilihat dari awal tahun 1909 hingga 1936 sektor perlombongan bijih timah antara penyumbang penting terhadap negeri. Walaupun sektor pertanian padi lebih diutamakan dan merupakan kegiatan utama rakyat Kedah ketika itu, namun begitu, kedatangan pelabur luar sejak pertengahan abad ke-19 seperti orang Cina dan Eropah telah mengaktifkan lagi kegiatan ekonomi negeri.¹⁰ Justeru kegiatan hasil ekonomi Kedah tidak bergantung semata-mata dengan tanaman padi.

⁹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1355 A. H. (24th March 1936 to 13th March 1937), hlm. 26.

¹⁰ Sharom Ahmat, Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development 1878-1923, Monograph No. 12, 1984, hlm. 23.

6.3 Pemilikan Lombong Bijih Timah

Pada tahun 1909 syarikat yang terawal beroperasi dalam perlombongan bijih timah ini ialah di Karangan, Kulim iaitu *Hydraulic Tin Mining Company, Ltd.* Syarikat perlombongan ini dimiliki oleh orang Eropah dan antara yang terawal dibuka. Walau bagaimanapun telah berlaku peralihan kuasa cari gali bijih timah yang mana kemudiannya telah diambil alih oleh pengusaha Cina. Peralihan perusahaan ini disebabkan pengusaha lombong Eropah dikatakan tidak melakukan operasi perlombongan secara ekonomik sehingga menyebabkan kerugian. Selain itu, peralatan perlombongan yang digunakan juga mahal, berbanding dengan pengusaha Cina yang menggunakan peralatan melombong yang lebih murah dan sesuai dengan kawasan lombong kecil dan usaha mereka berjaya memperoleh keuntungan.¹¹

Sektor perlombongan bijih timah di Kedah seperti yang diketahui lebih terkenal dalam kalangan orang Cina dan orang Eropah.¹² Orang Cina antara pelabur terawal mengusahakan lombong bermula dengan cara tradisional sehinggaalah teknik-teknik melombong yang lebih ekonomik dan menguntungkan. Dalam sektor perlombongan bijih timah ini, pelabur-pelabur Cina yang memohon untuk mengusahakan tanah lombong di Kedah sebenarnya berada di bawah kawalan pihak Pulau Pinang. Selain itu, melihat kepada pemilikan lombong bijih timah di Kedah, jumlah pemilik tanah lombong tidak sebanyak di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) seperti Perak dan Selangor. Bilangan pemilik lombong di Kedah adalah kecil dan majoritinya melibatkan pelabur Cina dan orang Eropah.¹³

Pada setiap tahun tertentu permohonan untuk pemilikan tanah lombong kerap kali dimohon oleh orang Cina dan orang Eropah. Misalnya pada tahun 1912 hingga 1913 sudah terdapat 80 lesen mencari gali umum dikeluarkan dan 18 lesen eksklusif di

¹¹ Zaharah Haji Mahmud, ‘Change in a Malay Sultanate: A Historical Geography of Kedah Before 1939’, hlm. 207.

¹² Chandariah Rao, Bruce Ross-Larson & et.al, *Issues in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (ASIA) LTD, 1977, hlm. 30-31.

¹³ Ibid.

mana setiap kawasan lombong yang dimohon merupakan kawasan yang tidak diberi perhatian oleh pihak-pihak lain.¹⁴ Malah bilangan pemohon-pemohon lombong bijih timah ini semakin meningkat dari tahun ke tahun dan ini diperkuuhkan berdasarkan minit mesyuarat negeri. Di dalam minit mesyuarat Kedah menyatakan pelabur-pelabur Cina mendapat kelulusan majlis negeri serta terdapat juga mereka yang turut gagal memperoleh persetujuan majlis negeri. Setiap kelulusan dan penolakan permohonan disebabkan beberapa masalah, salah satunya ialah masalah ketidaksesuaian kawasan yang dimohon kerana berdekatan dengan tanah pertanian. Kerajaan amat tidak bersetuju sekiranya kawasan perusahaan dijalankan berhampiran dengan kawasan pertanian. Ini kerana kegiatan melombong tersebut akan menyebabkan kepada kerosakan tanah dan berlakunya pencemaran.¹⁵

Seterusnya, dalam membincangkan soal permohonan pemilikan tanah lombong, terdapat dua aspek yang seharusnya diambil tahu oleh para pemohon. Pertama tanah lombong yang tidak berfungsi dan sudah kurang memberi hasil yang baik boleh ditukar kepada kegiatan ekonomi lain dan kedua tanah lombong yang masih mempunyai sumber galian. Justeru, tanah lombong yang sudah tidak beroperasi dan kurang memberi hasil pengeluarannya boleh di mohon untuk ditukar kepada kegiatan ekonomi lain.¹⁶ Oleh yang demikian, tanah lombong yang tidak berfungsi sering kali menjadi pilihan orang Cina untuk dijadikan kebun-kebun kecil dan kegiatan penternakan. Hal ini bersangkutan dengan pemikiran pemodal Cina yang memikirkan keuntungan apabila tanah yang mereka pajak harus ditebus guna untuk kegiatan pertanian atau penternakan yang difikirkan akan mendatangkan hasil yang baik. Contohnya tauke lombong Lock Kok Seng yang telah memohon untuk pembinaan kolam ikan di tanah lombong beliau

¹⁴ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1331 A. H. (11th December 1912-30th November 1913), hlm. 7. Walau bagaimanapun, permohonan lesen melombong bijih timah didapati lebih tinggi pada tahun-tahun sebelumnya iaitu melebihi 100 permohonan sekitar tahun 1906-1908. Namun, pada tahun berikutnya, permohonan kerap kali mengalami turun naik akibat syarat-syarat yang telah diperketatkan oleh pihak kerajaan.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ H. C. O. No. Kedah, 410/1919, Minute of Meeting of the Kedah State Council, Translation of the Minute of a Meeting of the Kedah State Council Held on the 13 July 1919.

yang bertempat di Wang Pinang. Dalam permohonan ini pihak MMN telah meluluskan permohonan tersebut apabila Tuan Pengarah Tanah selesai melakukan siasatan terhadap tanah lombong sebelum melaporkan persetujuan pertukaran jenis tanah kepada pihak MMN.¹⁷

Selanjutnya, berkaitan dengan pemilikan lombong ini, pihak Pulau Pinang turut berperanan penting apabila sentiasa memantau soal pemilikan tanah di Kedah bagi tujuan menjaga hubungan ekonomi yang terjalin antara Kedah dan Pulau Pinang. Malah situasi ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh British yang sangat kuat dalam hal-hal perlombongan. Pengaruh British tersebut dapat dilihat melalui pemantauan berdasarkan surat *Eastern Smelting Company, Limited* dari Pulau Pinang yang melakukan permohonan untuk meminta penjelasan mengenai pemilikan lombong bijih timah di Kedah pada 15 Mei 1933 kepada penasihat British Kedah.¹⁸ Surat tersebut kemudiannya dibawa kepada pejabat perlombongan Kedah bagi menyatakan bukti jumlah pemilikan lombong yang telah diusahakan di Kedah. Pada tempoh ini, pemilikan lombong bijih timah yang mendapat kelulusan kerajaan berada dalam kuantiti yang kecil. Misalnya seperti yang dilaporkan di dalam surat 24 Mei 1933 oleh penasihat British Kedah C.W. Dawson yang menyatakan dengan lengkap mengenai pemilikan lombong bijih timah. Menurut kenyataan tersebut dapat dilihat di dalam jadual yang disediakan.

Jadual 6.2: Bilangan Pemilikan dan Pengawal Lombong Bijih Timah Pada Tahun 1933

Pemilik	Bilangan Tauke	Bilangan Pengawal
Cina	12	10
Eropah	4	-

Sumber: SUK. K. 310/1352, Ask for Certain Information Concerning Tin Mines in Kedah, 15 May 1933

¹⁷ Ibid.

¹⁸ SUK. K. 310/1352, Ask for Certain Information Concerning Tin Mines in Kedah, 15 May 1933.

Jadual 6.2 menunjukkan dua bangsa yang memiliki kepentingan terhadap ekonomi perusahaan bijih timah negeri Kedah. Kemasyhuran orang Cina dalam perlombongan sememangnya jelas serta pantas menguasai ekonomi Kedah, terutamanya dalam sektor perlombongan adalah usaha awal kelompok mereka dalam melakukan penemuan kawasan lombong yang strategik misalnya di Kulim. Jika dipandang dari sudut lain, perkembangan sektor perlombongan yang dimulakan oleh pelombong Cina telah menjadi daya tarikan terhadap British untuk turut menyertai perusahaan lombong di Kedah.¹⁹

Seperti yang sedia maklum, orang Cina adalah ejen pencetus terhadap perkembangan ekonomi Kedah. Menurut jadual tersebut, di Kedah terdapat 12 kawasan lombong bijih timah yang diusahakan dan dimiliki orang Cina secara pemilikan pajakan dengan kerajaan Kedah. Di samping itu, tauke-tauke lombong turut mengupah sepuluh orang pengawal yang berperanan sebagai penjaga hal-hal di lombong. Sebagai contoh, pengawal berkaitan dengan hal-hal buruh dan masalah-masalah keselamatan yang berlaku di kawasan lombong.²⁰

Manakala, bagi lombong Eropah hanya empat buah lombong sahaja yang dimiliki pada tahun 1933. Pembukaan lombong oleh pihak British adalah didorong oleh perkembangan dan penemuan bijih timah yang dilakukan oleh orang Cina. Jika orang Cina mempunyai teknik-teknik tersendiri dalam melakukan proses lombong bijih timah, British pula dengan cepat memperkenalkan jentera-jentera yang lebih moden untuk mengaut hasil yang lebih cepat. Kemajuan perlombongan bijih timah semakin berkembang terutamanya pada abad ke-20 iaitu semenjak berlakunya kemajuan sains

¹⁹ James W. Gould, *The United States and Malaysia*, Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1969, hlm. 59.

²⁰ Ibid.

dan teknologi yang telah diperkenalkan sendiri oleh syarikat Eropah bermula tahun 1913.²¹

Walaupun perkembangan teknologi tersebut dilihat menyebabkan berlaku peralihan peranan dalam mengaut hasil bijih timah di antara orang Cina dan Eropah, namun orang Cina tetap dilihat sebagai pencetus kepada perkembangan ekonomi perlombongan di Kedah. Malah penglibatan pemodal Cina dalam perlombongan berlaku dalam bentuk persendirian dengan mendapat bantuan modal daripada pihak Pulau Pinang atau pihak-pihak tertentu.

6.3.1 Penguasaan orang Cina Terhadap Tanah Lombong

Aktiviti perlombongan menjadi pencetus atau penarik kepada kegiatan penghijrahan orang-orang Cina yang ingin mencuba nasib di Kedah. Malah kawasan utama yang menjadi tumpuan mereka adalah di Kulim. Ini dibuktikan berdasarkan penemuan senarai permohonan pelombong bijih timah di dalam Minit Mesyuarat Majlis Negeri pada awal abad ke-20 yang menunjukkan setiap bulan melebihi 12 atau 15 permohonan. Permohonan terhadap tanah perlombongan tersebut kebanyakannya dimohon oleh orang Cina dan British. Bahkan terdapat juga segelintir orang Melayu yang turut membuat permohonan.²²

Setiap tahun permohonan yang dilakukan hampir mencapai seratus lebih. Walau bagaimanapun, terdapat antara mereka yang memohon untuk mengusahakan tanah perlombongan dengan kegiatan ekonomi baru misalnya penanaman tanaman komersial. Justeru, setiap permohonan tersebut dilaksanakan secara pajakan yang memerlukan setiap pemajak membayar mengikut jumlah relong tanah yang dimohon, misalnya untuk

²¹ Jawatankuasa Pengurus Serantau Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) *Perusahaan Timah, Timah*, Jil. 4, No. 1-4, Mac, Selangor: United Selangor Press Sdn. Bhd., 1977, hlm. 5.

²² K. Nadaraja, *The Kuala Muda District: History of the Administrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, Sintok, Penerbit: Universiti Utara Malaysia, 2016, hlm. 28.

500 relong tanah, akan dikenakan \$10.00 nilai pajakan bagi setiap relong. Namun bayaran yang ditetapkan oleh Majlis Negeri kepada pemilik lombong tidak menghalang pemodal Cina membatalkan niat mereka untuk mengusahakan tanah lombong tersebut. Jika dilihat penyertaan pemodal Cina bukan sahaja dari dalam negeri Kedah dan Pulau Pinang malah terdapat dari Perak dan Kuala Lumpur.²³

Oleh itu, kesan penyertaan mereka membawa kepada pembukaan tanah lombong yang telah dipajak oleh orang Cina misalnya, di Penarak, Kuah, Langkawi. Kawasan lombong tersebut dinamakan Wong Lee Kongsi Kum Chop Seng Lombong Bijih Timah.²⁴ Pengusaha lombong tersebut cuba memperkenalkan bijih timah yang mereka temui dan mencuba untuk menembusi pasaran luar. Kemudian mereka memohon untuk mengeluarkan hasil bijih timah tiap-tiap sebulan sekali sebanyak 20 paun dalam tempoh 10 bulan. Dengan itu, mereka diharuskan membuat permohonan terlebih dahulu kepada Jabatan Monopoli dan Kastam sebelum membawa keluar sampel batu bijih timah tersebut. Antara syarat lain, pemilik harus membayar keuntungan mengikut hasil bijih timah yang diperoleh.

Seterusnya, contoh pemilikan lombong bijih timah dari luar Kedah iaitu Tauke Chen Yoon merupakan pengusaha lombong yang berasal dari negeri Perak.²⁵ Beliau telah mendapat kelulusan mengusahakan tanah lombong di Kedah pada tahun 1941. Kawasan tanah lombong yang diusahakan bertempat di Mukim Karangan, Padang China, Kulim. Lombong bijih timah ini dinamakan sebagai Nam Lee Kongsi. Kemudian dari segi keluasan tanah lombong ini adalah seluas 160 ekar. Menurut tauke Chen Yoon, kegiatan perlombongan ini menggunakan dua pam enjin yang berkuasa 120 h.p dan 6 inci pam.²⁶ Selain itu mengenai kegiatan perlombongan ini, beliau telah menyatakan di

²³ Ibid.

²⁴ SUK. K. 2125/ 1343, Weng Lee Kongsi Kum Chop Seng Ask to Export Sample of Tin-Ore, 20 April 1925.

²⁵ SUK. K. 1182/1360, Application from Towkay Chen Yoon for Mining Land in the Mukim of Padang China, Kulim. Rujuk surat daripada Superintenden Galian Kedah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah pada 13 November 1941.

²⁶ Ibid., Rujuk surat, Regarding Scheme of Working, daripada Chen Yoon kepada Superintenden Galian pada 4 Oktober 1940.

dalam permohonan awalnya tujuan mengapa mahu melakukan pajakan tanah lombong tersebut.


Menurut Tauke Chen Yoon lagi, perlombongan bijih timah sangat penting bagi sesebuah negeri kerana hasil bijih timah sangat tinggi permintaannya terutama daripada negara-negara barat. Dalam kegiatan perlombongan sebegini, tempoh operasi lombong adalah selama 10 tahun. Manakala bagi setiap serelong tanah dikenakan premium sebanyak \$75. Syarat-syarat ini telah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri. Selanjutnya, pihak kerajaan tidak menyatakan bantahan terhadap pembukaan Nam Lee Kongsi ini. Ini disebabkan pemeriksaan awal telah dijalankan oleh Jurutera Pengairan dan Saliran dan hasil keputusan yang diperoleh menunjukkan tanah lombong tersebut sesuai dan selamat diusahakan.²⁷

Walau bagaimanapun aspek keselamatan kawasan perlombongan sentiasa menjadi perhatian pihak kerajaan. Tauke Chen Yoon dinasihatkan agar mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghalang lumpur dan lendir-lendir semasa operasi melombong dijalankan daripada memasuki sungai-sungai yang berhampiran. Ini kerana keadaan tersebut boleh mempercepatkan berlakunya pencemaran.²⁸ Oleh itu, permohonan kawasan lombong bijih timah yang dimohon Nam Lee Kongsi dapat dilihat berdasarkan lakaran yang telah disediakan,

²⁷ Ibid.

²⁸ SUK. K. 1182/1360, Towkay Chen Yoon for Mining Land in the Mukim of Padang China, Kulim. 1941.

Gambar 6.1 : Lakaran Kawasan Tanah Lombong yang Dimohon oleh Nam Lee Kongsi, Mukim Karangan, Padang China Pada Tahun 1941



Sumber: SUK. K. 1182/1360, Towkay Chen Yoon for Mining Land in the Mukim of Padang China, Kulim, 1941.

Gambar 6.1 adalah kawasan yang dilampirkan bersama di dalam permohonan melombong adalah salah satu syarat bagi setiap pemohon, malah peluang untuk mendapat kelulusan daripada MMN sangat tinggi. Walau bagaimanapun kawalan pihak kerajaan ke atas kawasan perlombongan adalah ketat kerana kerajaan amat mementingkan kawasan tanah-tanah pertanian yang berhampiran. Oleh itu, pemeriksaan rapi dilakukan terlebih dahulu terhadap kawasan yang dinyatakan sebelum mendapat kelulusan.

Selain itu contoh pemilikan lombong ketiga yang diluluskan MMN Kedah ialah syarikat Lee Hin Kongsi yang terletak di Mukim Padang Cina, Karangan Sungai Kob.²⁹ Di Kedah, setiap tanah yang tidak diusahakan adalah milik kerajaan negeri. Oleh itu langkah pertama yang harus dituruti oleh setiap pengusaha adalah dengan memohon

²⁹ SUK. K. 946/1360, Towkey Leong Khuan for a Mining Lease in the Mukim of Padang China, Kulim District. Rujuk Official Memo daripada Setiausaha Kerajaan Kedah kepada Superintenden Kelian di Alor Setar, 1941.


lesen operasi. Misalnya, Tauke Leong Khuan membuat permohonan pajakan lombong ke atas tanah kerajaan untuk menjalankan kegiatan perlombongan di daerah Kulim. Keluasan tanah yang dimohon adalah sebanyak 35 relong yang terletak di Mukim Padang China Kulim. Leng Khuan menyatakan yang beliau ingin melakukan perlombongan dengan menggunakan kaedah “*pam gravell*”.³⁰ Selain itu dalam permohonan tersebut beliau juga turut menyatakan akan menggunakan kaedah yang sesuai dalam perlombongan bagi memastikan sistem saliran atau pengairan tidak menjelaskan tanah pertanian yang berhampiran.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pengusaha dari kalangan orang Cina lebih peka dalam menggerakkan kegiatan ekonomi di Kedah seperti mengusahakan tanah terbiar. Sebagai contoh Leng Khuan melihat kawasan tanah terbiar yang sangat sesuai untuk kegiatan perlombongan kerana diketahui tanah tersebut sudah bertahun tidak diusahakan. Selari dengan itu, beliau memberi jaminan aktiviti perlombongan yang akan dijalankan tidak akan menjelaskan kepentingan kawasan pertanian yang berdekatan. Permohonan beliau mendapat kelulusan MMN dan beliau diarahkan supaya mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan.³¹ Antara kawasan yang dimohon oleh beliau untuk diusahakan adalah seperti berikut,

³⁰ Ibid., Rujuk surat daripada Superintenden Kelian kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang bertarikh 18 Ogos 1941.

³¹ Ibid.

Gambar 6.2: Kawasan Perlombongan Bijih Timah yang dimohon oleh Tauke Leng Khuan di Karangan, Padang China Pada Tahun 1941



Sumber: SUK. K. 946/1360, Towkey Leong Khuan for a Mining Lease in the Mukim of Padang China, Kulim District, 1941.

Berdasarkan semua permohonan tersebut, dapat dilihat permohonan dan syarat-syarat yang menjadi perhatian penting oleh pihak Majlis Negeri sebelum memberikan kelulusan kepada pemohon. Gambar tersebut antara contoh lakaran kawasan melombong yang mendapat kelulusan Majlis Negeri kerana menepati syarat-syarat yang telah diutarakan dalam setiap permohonan untuk menjalankan perlombongan. Selain itu, terdapat juga pemilik lombong yang diusahakan oleh orang Cina dari luar negeri. Mereka juga mempunyai pengalaman dalam selok belok kegiatan perlombongan. Contohnya Goh Theik Thon dan Tan Tee Ming Tauke Kecil dari Kuala Lumpur yang

mempunyai pengalaman melombong di selatan Siam dan telah memohon *prospecting* lesen terhadap 60 relong tanah di bawah seksyen 26 of Mining Enactment No.5 1930.³²

Oleh itu, peranan orang Cina dalam menggerakkan sektor perlombongan amat penting dan sememangnya menjadi perhatian British. Para pemodal Cina sentiasa bersaing dan berterusan mencari peluang ekonomi di Kedah, terutamanya persaingan dengan syarikat-syarikat perlombongan British. Misalnya pada tahun 1925 telah berlaku persaingan yang hebat untuk mendapatkan pajakan tender tanah lombong yang bertempat di Bukit Kachi Mukim Temin, Kubang Pasu. Persaingan ini berlaku setelah pihak kerajaan Kedah mengeluarkan kenyataan di dalam akhbar yang bertajuk “*Tenders For Mining Lease*”.³³ Di dalam akhbar tersebut turut dinyatakan syarat-syarat berkaitan dengan waktu berurus niaga dengan pihak pejabat lombong Kedah.³⁴

Kesannya, pengiklanan di akhbar tersebut telah menarik perhatian beberapa pihak dan antara mereka ialah Tauke Chee Boon Eong dari Pulau Pinang yang memohon tender dengan menawarkan untuk 400 relong dengan premium \$40 sahaja per relong.³⁵ Selain itu, Arrol & Co. dari Pulau Pinang turut melakukan permohonan untuk mendapat tender pajakan lombong tersebut dengan menawarkan \$50 per relong.³⁶ Manakala, *Austral Malay Tin, Limited* daripada Taiping, Perak pula telah menawarkan \$65 per relong dalam tempoh 3 minggu beroperasi. Selain itu, terdapat seorang lagi tauke Cina yang memohon pajakan ini iaitu Chye Fook Kinn dari Pulau Pinang dan beliau ini antara yang paling tinggi menawarkan bayaran tanah lombong iaitu sebanyak \$70 per relong. Sementara pemohon terakhir ialah daripada *J. A. Russel & Co* dari

³² SUK. K. 913/1350, Goh Theik Thon and Tan Tee Ming Apply for Exclusive Prospecting Licence Over Mining Land at Langkawi. Rujuk surat daripada Pejabat Superintendent Kelian Alor Setar kepada Penasihat British Kedah mengenai pembatalan pajakan lombong lama Mr. C. Grant yang kemudiannya meluluskan permohonan baru bertarikh 29 Julai 1931.

³³ SUK. K. 782/1344, Tenders for the Lease of 400 Relongs of Mining Land at Bukit Kachi, Kubang Pasu District. Rujuk lampiran akhbar (tidak dinyatakan nama akhbar) bertajuk *Government of Kedah: Tenders for Mining Lease* yang bertarikh 30 September 1925.

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid., Rujuk surat daripada Chee Boon Eong dari Pulau Pinang kepada Setiausaha Kerajaan Kedah mengenai permohonan tender pajakan lombong yang bertarikh 9 Oktober 1925.

³⁶ Ibid., Rujuk surat daripada Arrol & Co. dari Pulau Pinang kepada Setiausaha Kerajaan Kedah mengenai permohonan tender pajakan tanah lombong yang bertarikh 7 Oktober 1925.

Kuala Lumpur yang telah membuat penawaran sebanyak \$60 per relong dan syarikat beliau ini akhirnya telah mendapat kelulusan daripada kerajaan Kedah untuk mengusahakan pajakan lombong tersebut.³⁷

Kebiasaannya penawaran tender mewujudkan persaingan melibatkan harga yang ditawarkan terhadap harga tanah. Walaupun terdapat pihak yang menawarkan harga yang tinggi, syarikat tersebut tidak semestinya mendapat kelulusan dari pihak kerajaan. Ini kerana tumpuan turut terarah terhadap aspek-aspek keselamatan, kemudahan, dan barang-barang yang akan digunakan dalam kegiatan perlombongan. Jika tidak dinyatakan dengan jelas semasa memohon tender akan menjadi penyebab kegagalan mereka memperoleh tender tersebut. Keadaan inilah yang membezakan setiap permohonan dan pada tahun 1925 ini *J. A. Russel & Co.* telah mendapat persetujuan MMN apabila syarikat ini mampu mengemukakan permohonan yang sangat jelas dan menepati kemahuan kerajaan terutamanya mengenai pemeliharaan kawasan pertanian sekeliling yang berdekatan dengan tanah lombong tersebut.³⁸ Sejajar dengan kelulusan permohonan ini, Majlis Negeri juga turut mengambil kira mengenai harga yang ditawarkan iaitu serelong \$60 dipersetujui setelah atas nasihat daripada Pengusa Kelian iaitu dengan mengikut syarat-syarat Undang-Undang Kelian 1919.³⁹

6.3.2 Syarat-Syarat Perolehan Lesen Melombong

Penemuan-penemuan kawasan yang sesuai untuk melombong menjadikan pengusaha-pengusaha Cina pantas membuat permohonan kepada pihak kerajaan untuk mendapat lesen. Contohnya kawasan perlombongan di Kedah yang menarik minat pengusaha Cina untuk mengusahakan tanah lombong selain Kulim dan Kuala Muda seperti Kubang

³⁷ Ibid., Rujuk surat daripada *J. A. Russel & Co.* kepada Setiausaha Kerajaan Kedah mengenai tender pajakan tanah lombong di Bukit Kachi yang bertarikh 7 Oktober 1925.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid., Rujuk lampiran dua yang dinyatakan oleh kerani Majlis Negeri kepada Superintendent Kelian mengenai kebenaran penerimaan tender *J. A. Russel & Co.* yang bertarikh 29 Oktober 1925.

Pasu, Baling dan Kerian. Dalam mengusahakan tanah tersebut, setiap tauke lombong diwajibkan untuk menuruti syarat pemilikan lesen iaitu berdasarkan Undang-undang Kelian 1912.⁴⁰ Walau bagaimanapun undang-undang tersebut telah dipinda kepada Undang-undang Kelian 1919 yang menjelaskan dengan lebih teliti mengenai pemilikan lesen lombong bijih timah. Berdasarkan perkara 35 A di dalam Undang-undang Kelian 1919 menyatakan:

- 1) Undang-undang menegah dan tidak membenarkan sesiapa melombong di mana-mana tanah dan menggunakan kuasa air mengubah struktur tersebut.
- 2) Warden kelian (lombong) juga berkuasa memberikan lesen melombong berdasarkan perkara akhir yang menyatakan tempoh lesen tidak melebihi 12 bulan seperti mana dinyatakan dalam syarat-syarat pemilikan lesen.
- 3) Majlis Mesyuarat Negeri akan memberi kebenaran kepada warden kelian untuk memberikan lesen lombong yang telah diluluskan kepada pihak yang dinyatakan di dalam lesen tersebut.
- 4) Warden kelian boleh membatalkan atau memberhentikan lesen yang telah dikeluarkan mengikut syarat-syarat dalam perkara akhir sekiranya didapati pemilik lesen tidak mematuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan dalam lesen lombong. Misalnya jika terdapat kegiatan perlombongan yang meninggalkan kesan buruk serta merosakkan harta tanah-tanah orang lain.⁴¹

Rentetan dari itu undang-undang Kelian telah dipinda sekali lagi iaitu pada syarat terakhir. Setiap pemegang lesen haruslah mematuhi undang-undang perkara 50 yang menyatakan bahawa kesemua tanah dibenarkan untuk diusahakan pada peringkat awal. Namun tanah lombong tersebut boleh diambil semula oleh kerajaan jika berlaku perselisihan mengenai harga tanah dalam negeri.

⁴⁰ The Mining Enactment 1330 Hijrah (Amendment Enactment 1337). Rujuk dalam Kedah Government Enactment 1919, hlm.1-2.
⁴¹ Ibid.

6.4 Pengeluaran Bijih Timah di Kedah

Dalam sejarah perlombongan bijih timah di Kedah, daerah Kulim merupakan antara daerah terawal berkembang dalam perlombongan bijih timah. Kawasan tersebut menjadi tumpuan pelombong Cina sehingga menjadikan Kulim berkembang sebelum abad ke-20 lagi. Walau bagaimanapun, menjelang 1910 telah berlaku perubahan hasil pengeluaran bijih timah di Kedah. Keadaan ini berlaku apabila daerah Kulim didapati telah mengalami kekurangan dan penurunan pengeluaran hasil lombong bijih timah.

Misalnya, pada tahun 1910 Jabatan Perlombongan Kedah telah memperoleh hasil sebanyak \$ 4,650. Perolehan ini adalah daripada hasil sewa tanah lombong dan lesen galian. Tambahan pula jumlah pengeluaran hasil setiap daerah juga dapat dilihat berdasarkan Jadual 5.1 yang dikumpul dalam masa tiga tahun. Hasil penuh setiap tahun bagi daerah-daerah tersebut jelas menunjukkan pasang surut dalam perlombongan bijih timah.

Jadual 6.3: Pengeluaran Bijih Timah Mengikut Daerah, 1908 -1910 (pikul)

Tahun Daerah	1908	1909	1910
Kulim	6, 584	5, 942	4, 355
Krian	2, 973	2, 542	2, 164
Kuala Muda	2, 815	3, 674	4, 771
Kubang Pasu	326	344	300
Jumlah	12, 698	12, 502	11, 790

Sumber: C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1328 A. H (1910), hlm. 13.

Hasil pengeluaran bijih timah dalam jadual tersebut menunjukkan tahun 1908, 1909 dan 1910. Pengeluaran tersebut dari empat daerah awal yang beroperasi dalam kegiatan perlombongan iaitu Kulim, Krian, Kuala Muda, dan Kubang Pasu. Dapat dilihat juga,

hasil pengeluaran bijih timah di Kulim telah mengalami penurunan yang disebabkan oleh kemalangan di tapak perlombongan. Pada 1910 telah berlaku kemalangan di *Karangan Hydraulic Tin Mining Company Limited* sehingga menyebabkan kematian akibat runtuhan tanah.⁴² Kemalangan yang berlaku telah menyebabkan para buruh merasakan tidak selamat untuk terus bekerja di kawasan lombong itu. Malah, akibat daripada kemalangan itu telah menyebabkan penurunan dalam hasil bijih timah. Penurunan berlaku selama dua tahun iaitu 1909 sebanyak 5,942 pikul daripada 6,584 pikul pada tahun sebelumnya. Kemudian menjelang tahun 1910 Kulim terus mencatatkan penurunan seterusnya memberi keimbangan kepada buruh-buruh Cina dan pemilik syarikat lombong di Kulim. Penurunan ini adalah sebanyak 4,355 pikul timah sahaja berbanding sebelumnya 5,942 pikul.

Berbeza pula dengan daerah lain yang telah menunjukkan peningkatan dalam hasil pengeluaran timah dalam tempoh tiga tahun tersebut. Peningkatan tersebut telah mengatasi daerah Kulim yang sebelumnya merupakan pusat utama pengumpulan bijih timah. Oleh hal yang demikian, peralihan tersebut memperlihatkan daerah Kuala Muda menjadi daerah utama hasil perlombongan bijih timah. Sebagai buktinya dapat dilihat dalam jadual 6.1 menunjukkan peningkatan daripada tahun 1908 hingga 1910. Hasil pengeluaran timah itu sebanyak 2,815 pikul meningkat kepada 3,674 pikul pada tahun 1909. Kemudian bagi tahun akhir 1910, jumlah pengeluaran tersebut terus meningkat kepada 4,771 pikul timah. Peningkatan hasil bijih timah di Kuala Muda telah melibatkan beberapa syarikat iaitu *Kuala Muda Tin Export Duty Farm* antara syarikat yang paling banyak mengeluarkan hasil.⁴³ Selain itu, terdapat beberapa syarikat lain yang turut beroperasi di Kedah iaitu pedagang Cina dari Pulau Pinang dan syarikat-

⁴² C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1328 A. H (1910), hlm. 14.
⁴³ Ibid.

syarikat Eropah. Misalnya, Syarikat *Singkep Tin Maatschappij* yang beroperasi di Bukit Karong, Semiling dan *Cherok Kelian Tin Mining Company at Baling*.⁴⁴

Pada hakikatnya, dalam sektor perlombongan bijih timah ini turut mengalami turun naik dari segi pengeluarannya kerana beberapa faktor. Misalnya, pererangan yang berlaku pada tahun 1914 menyebabkan hasil pengeluaran bijih timah turut terganggu. Keadaan ini dapat dilihat di beberapa daerah penting bagi kegiatan perlombongan ini antaranya daerah Kulim, Kuala Muda dan Baling. Daerah-daerah ini mengalami kejatuhan besar dalam pengeluaran bijih timah dan didapati terdapat juga kawasan lombong-lombong yang terpaksa ditutup akibat peristiwa tersebut.⁴⁵ Dengan itu, pengeluaran bijih timah dapat dilihat berdasarkan jadual yang disediakan menunjukkan kemerosotan pada tahun 1909 hingga 1930.⁴⁶

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Walaupun terdapat daerah-daerah di Kedah mengalami kejatuhan dalam pengeluaran bijih timah pada tahun 1914, namun Tanah Melayu masih lagi menghasilkan separuh keperluan dunia hasil timah yang bermula pada tahun 1912 hingga 1914. Rujuk, Abdul Rahman Haji Abdullah, *Penjajahan Malaysia: Cabaran dan Warisannya*, Yogyakarta, Pustaka Pelajar (Anggota IKAPI) Glagah UH IV/343, , 1997, hlm. 33.

⁴⁶ Zaharah Mahmud, ‘Change in a Malay Sultanate: A Historical Geography of Kedah Before 1939’, hlm. 209.

Jadual 6.4: Pengeluaran Bijih Timah di Kedah, 1909-1930

Tahun	Jumlah Pengeluaran (Pikul)
1909	12,502
1910	11,790
1911	12,738
1912	14,024
1913	14,522
1914	14,450
1915	14,582
1916	11,414
1917	8,004
1918	13,068
1919	11,799
1920	8,653
1926	401
1927	396
1928	372
1929	475
1930	272

Sumber: Zaharah Mahmud, ‘Change in a Malay Sultanate: A Historical Geography of Kedah Before 1939’, Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1966, hlm. 209. Lihat juga, disesuaikan daripada *Kedah Annual Report* dari tahun 1909-1930.

Berdasarkan jadual 6.4 menunjukkan jumlah keseluruhan pengeluaran bijih timah bagi tahun 1909 hingga 1930 yang diperoleh daripada tanah lombong dari beberapa daerah di Kedah. Antaranya Kerian, Kubang Pasu, Kulim, Kuala Muda, Yan dan Baling. Pengeluaran bijih timah pada awal abad ke-20 dilihat secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan bermula pada tahun 1909 hingga 1911. Dalam tempoh tersebut peranan orang Cina lebih terserlah berbanding pembabitan pihak British terutamanya dalam sektor pengeluaran. Namun begitu dalam tempoh tersebut bijih timah masih belum diteroka secara moden kerana pelombong Cina menggunakan

kaedah melombong secara ekonomik iaitu dengan kaedah mendulang, lombong dedah atau *open-cast*, lombong bawah tanah dan sebagainya. Dengan itu dalam tempoh tiga tahun tersebut, jumlah pengeluaran yang dicatatkan sebanyak 12,502 pikul, 11,790 pikul dan 12,738 pikul.⁴⁷

Menjelang tahun 1912 hingga 1915 jumlah pengeluaran bijih timah semakin meningkat. Walau bagaimanapun, antara 1912 hingga 1915 jumlah pengeluaran bijih timah yang dicatat sebanyak 14,024 pikul. Manakala untuk dua tahun berikutnya kekal sebanyak 14,450 pikul dan pada tahun 1915 sebanyak 14,582 pikul. Peningkatan ini disebabkan faktor pengenalan teknologi kapal korek oleh pihak British. Penggunaan kapal korek ini dilihat telah mempercepatkan lagi operasi penggalian dan hasil yang diperoleh pula lebih banyak.⁴⁸

Bertitik-tolak dari itu, sejak pengenalan kapal korek didapati menjadi faktor penurunan penggunaan tenaga buruh lombong. Tindakan syarikat-syarikat lombong British ketika ini dilihat berterusan dengan giat menjalankan kegiatan perlombongan ini secara besar-besaran. Dengan kata lain dinyatakan bahawa kapal korek yang digunakan adalah lebih ekonomik berbanding dengan lombong dedah atau *open-cast* yang digunakan oleh pelombong Cina.⁴⁹

Faktor seterusnya yang mempengaruhi peningkatan jumlah pengeluaran bijih timah ialah pertambahan bilangan pemohon lesen menggali daripada pelbagai pihak. Permohonan tersebut juga bergantung pada iklan daripada pihak kerajaan negeri. Contohnya seperti yang berlaku tahun 1914 apabila peningkatan hasil dalam pengeluaran bijih timah. Peningkatan ini adalah melibatkan permohonan lesen dalam negeri yang telah diluluskan kerajaan. Antaranya, enam lesen cari gali eksklusif, 38

⁴⁷ *Kedah Annual Report* dari tahun 1909-1911.

⁴⁸ C. O. 716/1, *The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1331 A. H. (11th December 1912-30th November 1913)*, hlm. 6-7.

⁴⁹ *Ibid.*

lesen cari gali, 84 lesen tanah perlombongan dan 70 pajakan sementara bagi keluasan 3,539 relong.⁵⁰ Lantaran itu pelombong-pelombong Cina yang berpengalaman dan memiliki reputasi yang baik dalam operasi melombong menjadi pilihan pihak kerajaan untuk meluluskan pajakan tanah lombong dengan keluasan yang lebih besar. Sebagai contoh daerah Kubang Pasu mendapat perhatian ramai pelombong pada tempoh ini iaitu terdapat 60 permohonan telah di luluskan kerajaan terhadap 3,865 relong tanah.⁵¹ Ketika ini usaha-usaha perlombongan juga dilaporkan memberikan hasil yang baik.

Seterusnya, menjelang 1916 hingga 1919 pula menunjukkan hasil jumlah pengeluaran bijih timah tidak stabil. Pada tahun 1916, jumlah pengeluaran sebanyak 11,414 pikul. Akan tetapi jumlah tersebut menurun kepada 8,004 pikul pada tahun 1917. Kemudiannya meningkat pula kepada 13,068 pikul pada tahun 1918 dan akhirnya kembali menurun kepada 11,799 pikul. Keadaan ini berlaku disebabkan bijih timah telah mula menunjukkan kehabisan dan kawasan-kawasan lombong sudah kehausan setelah kegiatan melombong secara giat menggunakan kapal korek. Kesan daripada itu juga didapati lombong-lombong terpaksa ditutup dan ini telah memberi kesan buruk kepada para buruh yang majoritinya adalah kelompok orang Cina.

Maka tidak hairanlah menjelang tahun 1920 hingga 1930 skala pengeluaran bijih timah berada di tahap rendah dan sangat membimbangkan bagi pelombong. Ini kerana skala pengeluaran menunjukkan penurunan yang semakin lama berkurangan. Oleh itu, berdasarkan hasil pengeluaran bijih timah di Kedah jelas membuktikan bahawa sumber bijih timah di Kedah tidak stabil berbanding dengan sektor pertanian yang menjadi penyumbang pendapatan yang utama terhadap negeri.

⁵⁰ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the year 1333 A. H. (19th November 1914-8th November 1915), hlm. 4.

⁵¹ Berdasarkan laporan Superintendent of Mines, Mr. G. E. Shaw pada tahun yang menjelaskan permohonan lesen melombong dan permohonan untuk pajakan di kemukakan ke atas tanah di daerah Kubang Pasu. Rujuk juga C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1331 A. H. (11th December 1912-30th November 1913), hlm. 6-7.

Justeru, kesan kejatuhan tersebut amat memberi kesan terhadap orang Cina yang merupakan komuniti paling ramai terlibat dalam kegiatan perlombongan bijih timah. Rentetan itu, keadaan tersebut juga menyebabkan pengangguran yang agak besar dalam kalangan pelombong Cina. Peristiwa tersebut bukan sahaja memberi kesan terhadap pelombong, malah pihak kerajaan turut menerima tempias kejatuhan tersebut. Kesan pengangguran tersebut menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menanggung kerugian selama beberapa bulan.


Ekoran kejatuhan sektor perlombongan bijih timah juga telah menyebabkan berlakunya peralihan ekonomi kepada penanaman getah. Kegiatan penanaman getah didapati telah berkembang dengan pantas apabila lombong-lombong telah kehabisan sumber. Langkah peralihan kegiatan ekonomi dilihat secara positif apabila orang Cina mula bergerak aktif dalam penanaman getah ini. Meskipun begitu pemilikan-pemilikan lombong bijih timah tetap diusahakan walaupun revolusi getah mula menjadi tumpuan pihak British dan pemodal-pemodal Cina.

6.5 Peranan Orang Cina dalam Kaedah Pengeluaran Bijih Timah

Perkembangan sektor ekonomi perlombongan turut bergantung kepada jenis teknologi yang digunakan. Berdasarkan teknologi tersebut akan mempengaruhi hasil pengeluaran pada setiap tahun. Di Kedah, pada abad ke-19 orang Cina menjalankan teknik lombong secara mendulang. Namun, teknik ini merupakan cara yang paling penting dan mudah dalam kegiatan melombong. Walau bagaimanapun terdapat teknik lain yang digunakan oleh tauke-tauke lombong bijih timah untuk memperoleh hasil bijih timah antaranya dengan menggunakan *open-cast* atau teknik lombong dedah dan lombong bawah tanah.

Teknik perlombongan ini dapat dilihat berdasarkan gambar yang disediakan. Namun dapat ditegaskan di sini teknik perlombongan yang digunakan ini dapat membuktikan bahawa bermulanya peranan dan perkembangan kegiatan perlombongan oleh orang Cina.⁵²

Gambar 6.3: Teknik Perlombongan Lombong Dedah atau *Open-Cast* di Negeri Melayu yang bertempat di Taiping, 1900-an.



Sumber: Federated Malay States, Tin Mining – Chinese Open Cast Mine Near Taiping, 1900s, image no. 20060000347 – 0026, dalam Records National Archives Singapore Online.

Teknik melombong yang ditunjukkan dalam gambar tersebut sememangnya telah diperkenalkan oleh pelombong Cina sejak abad ke-18 lagi. Sejak pengenalan teknik melombong ini, pelombong Cina mula menguasai lombong bijih timah sehingga tahun 1912 iaitu sebelum berlakunya kemasukan kapal korek oleh pihak British ke Tanah Melayu. Justeru, teknik ini menurut pelombong Cina adalah lebih selamat, lebih murah serta tidak memerlukan modal yang banyak.

Namun begitu, apa yang membezakan adalah teknik melombong secara dedah ini memerlukan tenaga buruh yang ramai untuk menggerakkan pengoperasian cari gali bijih timah. Lantaran itu, pada awal abad ke-20 rekod kemasukan ramai imigran Cina menunjukkan peningkatan tahun demi tahun. Ini kerana kesan perkembangan kegiatan

⁵² Federated Malay States, Tin Mining – Chinese Open Cast Mine Near Taiping, image no. 20060000347 – 0026, dalam Records National Archives Singapore Online.

perlombongan bijih timah yang semakin berkembang. Pada penghujung tahun 1911 orang Cina yang berhijrah ke Kedah sudah mencapai 33,746 orang, kemudiannya pada tahun 1921 jumlah tersebut telah meningkat pula kepada 59, 403 orang.⁵³

Walau bagaimanapun, teknik melombong ini didapati tidak kekal lama. Selepas berlaku kemelesetan ekonomi dunia sekitar 1920 hingga 1922, didapati teknik melombong bijih timah turut mengalami perubahan. Keadaan ini boleh dilihat terutamanya di Kulim apabila pelombong-pelombong dilihat semakin berkurangan dan mereka menggunakan teknik lampan untuk mendapatkan bijih timah.⁵⁴ Bagi mereka teknik melombong tersebut dikatakan lebih ekonomik dan bersesuaian dengan kuantiti bijih timah yang semakin berkurangan misalnya di Kulim yang telah menerima tempias kesan kemelesetan tersebut.

Selanjutnya pada akhir tahun 1936, telah disenaraikan beberapa bentuk teknologi perlombongan yang dijalankan di Kedah serta NNMB yang lain. Antara teknik perlombongan tersebut adalah mendulang, lombong dedah, lombong bawah tanah, hidraulik yang melibatkan pam kerikil dan kuasa air (*sluicing*), pengorekan (kapal korek), *steam* dan minyak.⁵⁵

Walau bagaimanapun dalam semua kaedah perlombongan bijih timah, tidak semua yang diperkenalkan oleh orang Cina. Ini disebabkan selepas campur tangan British, mereka telah membawa masuk teknologi perlombongan yang lebih moden dan setiap alat tersebut membawa pulangan hasil lombong bijih timah dengan lebih cepat dan banyak. Ekoran daripada itu, pengenalan teknologi lombong yang moden oleh British sebenarnya telah menyaingi teknik lombong orang Cina. Misalnya, berdasarkan

⁵³ J. E. Nathan, *The Census of British Malaya: The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected State of Johor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu and Brunei 1921*, London: Waterlow & Sons Limited, 1922, hlm. 34.

⁵⁴ C. O. 716/1, The Annual Report of the British Adviser to the Kedah Government for the Year 1336 A.H (17th October 1917-6th October 1918), hlm. 3.

⁵⁵ H. G. Harris, *Annual Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1936*, Kuala Lumpur: Federated Malays States Government Press, 1937, hlm. 20-22.

jadual yang disediakan ini menunjukkan wujudnya beberapa teknologi moden yang canggih iaitu melibatkan mesin-mesin lombong bijih timah.⁵⁶

Jadual 6.5: Jenis-jenis Teknik Perlombongan Bijih Timah

Lombong Dedah (<i>Open Cast</i>)
Lombong Bawah Tanah (<i>Underground</i>)
Lombong Hidraulik → Pam Kelikir (<i>Gravel Pump</i>)
→ Pengaliran Air (<i>Sluicing</i>)
→ Pengorekan
Kuasa Wap (<i>steam</i>) → Steam Electric
Hidro-Elektrik
Sedutan gas
Enjin minyak
Elektrik minyak
Motor Elektrik
Motor Petrol

Sumber: H. G. Harris, *Annual Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the year 1936*, Kuala Lumpur: Federated Malays States Government Press, 1937, hlm. 20-22.

Berdasarkan teknik-teknik melombong bijih timah yang dinyatakan tersebut wujudnya kepelbagaiannya dalam perusahaan perlombongan bijih timah setelah kedatangan orang Cina dan British. Pengenalan teknik melombong tersebut haruslah bersesuaian dengan kawasan melombong kerana tidak semua tanah lombong memerlukan teknik melombong yang sama. Ini kerana penggunaan mesin melombong yang tidak sesuai akan menyebabkan kemusnahan terhadap struktur tanah lombong dan hasil bijih timah juga diperoleh dalam skala yang kecil. Keadaan ini juga akan membawa kerugian kepada pemodal-pemodal Cina, terutamanya kesan ke atas ekonomi negeri Kedah. Akan tetapi ini berbeza dengan NNMB yang jelas terbukti lebih kaya dengan sumber galian bijih timah dan penggunaan pelbagai teknologi melombong jelas membawa pulangan keuntungan yang tinggi. Oleh itu dapat dilihat juga kebanyakan pemodal Cina memberi fokus terhadap teknik lombong secara hidraulik yang melibatkan penggunaan pam kelikir, pengaliran air dan pengorekan.

⁵⁶ Ibid.

Pada hujung tahun 1936 terdapat 532 pam kelikir yang digunakan untuk melombong di NNMB. Namun, di NNMTB pula hanya terdapat 18 pam kelikir yang digunakan di 11 buah lombong bijih timah sahaja. Dalam jumlah keseluruhan tersebut hanya sebuah lombong sahaja di Kedah yang menjalankan lombong bijih timah menggunakan pam kelikir.⁵⁷ Penggunaan pam kelikir dalam proses mendapatkan bijih timah sebenarnya bermula daripada orang Cina dan teknik melombong ini sebenarnya diperkenalkan sebelum kedatangan British. Teknik melombong dengan menggunakan pam kelikir amat terkenal dan menjadi penting di setiap NNM. Umpamanya pada awal tahun 1913, setiap permohonan lesen tanah untuk melombong akan melampirkan teknik-teknik melombong, antaranya teknik melombong secara hidraulik dan pihak kerajaan memberi persetujuan terhadap permohonan-permohonan tersebut.⁵⁸

Dalam hal ini, kerajaan amat memandang serius sekiranya terdapat teknik melombong yang digunakan mencemarkan kawasan sekeliling dan merosakkan tebing-tebing tanah. Situasi ini dapat dilihat pada tahun 1930, apabila berlakunya proses perbincangan dalam tempoh yang lama untuk memutuskan keputusan terhadap seorang tauke lombong bijih timah iaitu Chee Boon Eong. Beliau memohon untuk menjalankan kegiatan perlombongan di Sungai Badak yang bertempat di daerah Kubang Pasu dan memerlukan lesen untuk mengepam keluar pasir-pasir dari lombongnya itu.

Kawasan perlombongan tersebut berada begitu hampir dengan aliran sungai dan kawasan penanaman padi di kawasan utara dan ini lebih memburukkan keadaan. Lantaran itu kerajaan mengatakan teknik melombong secara pam kelikir tersebut menyebabkan sisa-sisa lendir akan mengalir masuk ke sungai serta kelodak-kelodak pasir yang memungkinkan berlakunya pencemaran sungai.⁵⁹ Oleh itu hasil pemantauan

⁵⁷ Ibid., hlm. 23.


⁵⁸ SUK. K. 4078/31, Application Mining Land at Wang Pinang in the Sungai Ular Valley bertarikh 22.11.1913. Lihat juga, SUK. K. 217/1332, Application Two Lease Mining Land at Sungai Sintok, Kubang Pasu District bertarikh 4 Disember 1913.

⁵⁹ SUK. K. 3254/1348, Petitions Againts the Order Restricting from Lampanning and Gravel Pumping of his Mining land at Badak. Rujuk surat daripada Tuan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah kepada Chee Boon Eong yang bertarikh 26 Mei 1930.

jurutera dan A. C. Baker yang merupakan Penasihat Tanah di Kedah mendapati di kawasan itu teknik yang sesuai digunakan untuk kegiatan perlombongan di Sungai Badak adalah teknik lombong dedah.⁶⁰

Kerajaan mengambil langkah berhati-hati walaupun Chee Boon Eong menyatakan skim-skim yang sesuai bagi mengelakkan berlakunya pencemaran di sungai Badak. Walau bagaimanapun, selepas kedatangan British kegiatan melombong dengan kaedah menggunakan pam kelikir telah menduduki tangga kedua. Ini disebabkan British telah memperkenalkan kapal korek pada tahun 1913.⁶¹ Ini dapat dilihat seperti gambar yang berikut contoh penggunaan kapal korek.⁶²

Gambar 6.4: Penggunaan Kapal Korek dalam Perlombongan Bijih Timah di Tanah Melayu Pada Tahun 1929



Sumber: Bucket Dredge In A Malayan Tin Mine, 1929, Image No. 19980005576 – 0116. Rujuk dalam Records National Archives Singapore Online.

⁶⁰ SUK. K. 3254/1348, Petitions Againts the Order Restricting from Lampaning and Gravel Pumping of his Mining land at Badak. Rujuk Memorandum daripada Penasihat Tanah iaitu A.C. Baker yang menjelaskan sebelas perkara yang memerlukan penolakan terhadap lesen Chee Boon Eong untuk menjalankan teknik melampan dan *gravel pump* di tanah lombongnya, bertarikh 21 November 1930.

⁶¹ Pengenalan kapal korek pada tahun 1913 oleh syarikat Eropah telah memberikan pulangan hasil yang banyak berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun itu, perusahaan melombong bijih timah berterusan mengalami peningkatan dan berkembang apabila penghasilan sentiasa bertambah. Sejak itu, telah berlaku peralihan peranan yang sebelumnya dikuasai oleh orang Cina. Lihat, *Timah*, Jilid 4. No. 1-4 Mac, Julai, Oktober, Disember, Jawatankuasa Pengurusan Seranta Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 5.

⁶² Bucket Dredge in *A Malayan Tin Mine*, 1929, Image No. 19980005576 – 0116. Rujuk dalam Records National Archives Singapore Online.

Penggunaan kapal korek telah mewujudkan persaingan antara pelombong Cina dan pihak British. Ini disebabkan pihak British berkemampuan untuk memperoleh hasil yang lebih besar. Lazimnya ciri-ciri kapal korek tersebut yang dilihat saiznya besar sudah tentu boleh mendapat keuntungan yang lebih besar. Namun, sumber bijih timah Kedah tidak sekaya Perak dan Selangor kerana sumber mentah bijih timah dengan cepat kehabisan dan telah menunjukkan penurunan sumber selepas penggunaan kapal korek. Penggunaan kapal korek mempengaruhi kehausan tanah lombong sekiranya hasil bumi di korek dengan rakus. Jika sebelumnya, setiap lombong mempertaruhkan tenaga buruh yang ramai namun sejak penggunaan kapal korek tenaga buruh dengan pantas dikurangkan.

Di sini, pengkaji ingin menegaskan bahawa teknik melombong digunakan untuk melombong bijih timah sememangnya telah membuktikan penguasaan orang Cina dalam kegiatan perlombongan ini. Ini kerana, pengenalan teknik melombong yang diperkenalkan orang Cina jelas telah mengatasi kaedah orang Melayu. Contohnya, hasil pengeluaran yang diperoleh jauh lebih tinggi daripada orang Melayu. Malah, dapat ditegaskan juga kehadiran pelombong Cina telah memberi kesedaran kepada orang Melayu untuk bangkit meningkatkan sektor ekonomi dalam negeri.

6.5.1 Kawalan Tenaga Buruh dalam perlombongan

Tenaga buruh merupakan faktor pengeluaran yang penting dalam kegiatan ekonomi selain daripada tanah, modal dan pengusaha. Manakala, menurut G. B. Kellagher pula menyatakan,

Laboure incudes every Asiatic artificier, miner, servant in husbandry, and every other Asiatic employed for the purpose of personally performing any manual labour or of recruiting or supervising Asiatic for, or in the performance of, such labour, but does not include domestic servants as herein before difined.⁶³

⁶³ Laboure Code, Enactment No. 55, dalam G. B. Kellagher, *The Laws of the State of Kedah*, Volume 111, Alor Setar: Kedah Government Press, 1934, hlm. 264-265.

Oleh itu, keperluan terhadap tenaga buruh adalah diutamakan bagi memastikan kelancaran proses pengeluaran hasil bijih timah. Sebelum tahun 1910, keperluan tenaga buruh dilihat begitu penting dan buruh Cina antara yang paling ramai terlibat dalam kegiatan ini. Selain itu, tauke lombong berbangsa Cina lebih gemar menawarkan pekerjaan kepada bangsa sendiri yang mana sama bahasa, agama dan adat. Ini kerana akan memudahkan mereka berkomunikasi ketika bekerja.⁶⁴

Buruh-buruh yang terlibat dalam kegiatan perlombongan majoritinya adalah dalam kalangan orang Cina. Pembabitan mereka jelas dapat dilihat di beberapa daerah di Kedah. Daerah tumpuan mereka adalah di Kulim, Krian, Kuala Muda dan Kubang Pasu. Namun di daerah utara pengeluaran hasil bijih timah adalah sedikit berbanding dengan kawasan selatan seperti yang dinyatakan di dalam penulisan Zaharah Mahmud,

...it is unlikely that any great development of Alor Setar will result from it. On the other hand the town of Sungai Patani in South Kedah, shows remarkable growth, and it is probably in the south that any expansion may be looked for. The bulk of the mining and planting industries are in the south while in the north there is little but rice.⁶⁵

Di Kedah, Kulim merupakan daerah utama menjadi tumpuan buruh-buruh Cina iaitu bermula tahun 1906, 1908 dan 1909. Kemudian pada tahun berikutnya iaitu 1910 telah berlaku perubahan dalam tenaga buruh kesan perkembangan perlombongan bijih timah di daerah Kuala Muda. Perkembangan tersebut dapat dilihat berdasarkan jadual berikut.

⁶⁴ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914: With Special Reference to the State of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang*, Tuscon, Ariz: Pub. For the Association for Asian Studies, University of Arizona Press, 1965, hlm. 65.

⁶⁵ Zaharah Mahmud, 'Change in a Malay sultanate: A Historical Geography of Kedah Before 1939', hlm. 190.

Jadual 6.6: Tenaga Buruh Cina dalam Perlombongan Bijih Timah Mengikut Daerah di Kedah, 1906, 1908 hingga 1910

Tahun Daerah	1906	1908	1909	1910
Kulim	1, 064	1, 052	881	680
Krian	695	503	676	260
Kuala Muda	711	1, 007	713	1, 001
Kubang Pasu	44	90	16	26
Jumlah	2, 541	2, 649	2, 346	1, 973

Sumber: Disesuaikan daripada *Kedah Annual Report* dari tahun 1906 – 1910.

Berpandukan perangkaan di atas jelas menunjukkan berlakunya penurunan tenaga buruh di daerah utama perlombongan bijih timah iaitu Kulim bermula pada tahun 1909 hingga 1910. Tenaga buruh Cina telah beralih ke Kuala Muda pada tahun 1910. Malah penurunan jumlah tenaga buruh ini disebabkan berlakunya kekurangan dalam pengeluaran hasil bijih timah atas sebab masalah keselamatan yang mengancam nyawa mereka. Kemelesetan dalam pengeluaran timah semestinya turut menjelaskan pendapatan tenaga buruh. Situasi tersebut menjadi titik-tolak kepada buruh Cina untuk mengubah haluan ke daerah yang mampu memberi pulangan keuntungan yang lebih besar. Misalnya di daerah Kuala Muda yang mula menunjukkan perkembangan ekonomi yang baik pada tahun 1910. Perkembangan tersebut bermula apabila *Kuala Muda Tin Exported Duty Farm* mengeluarkan hasil bijih timah yang memberangsangkan. Pada tahun ini juga kerajaan memperoleh pendapatan yang baik hasil daripada perkembangan di Kuala Muda dengan memperoleh pendapatan sebanyak \$1000 setiap bulan.⁶⁶

⁶⁶ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1328 A. H (1910), hlm. 14

Namun, melihat pada jadual tersebut jumlah buruh Cina tahun 1910 menunjukkan penurunan kepada 1,973 orang berbanding tahun sebelumnya 2,346 orang pada tahun 1909. Jumlah buruh pada tahun 1910 adalah merujuk kepada buruh lelaki sahaja.⁶⁷ Pada tahun 1911 pula, jumlah buruh kembali bertambah kepada 2,662 orang. Peningkatan ini lebih tertumpu di daerah Kuala Muda. Manakala, peningkatan ini juga disebabkan buruh-buruh dari Kulim telah berpindah ke kawasan lombong daerah Kuala Muda.⁶⁸ Pada tahun 1911 Kuala Muda telah menjadi pengeluar bijih timah paling tinggi iaitu 6,574 pikul bijih timah berbanding dengan Kulim sebanyak 3,712 pikul sahaja. Pertambahan buruh lombong dilihat menjadi faktor penting dalam mempercepatkan perolehan hasil bijih timah tersebut. Dengan itu, jumlah buruh lombong di Kedah dapat di jelaskan berdasarkan jadual di berikut,

⁶⁷ Ibid.

⁶⁸ Siti Amirah Abdullah dan Mohd Kasturi Nor Abdul Aziz, "Perniagaan Haji di Pulau Pinang dan Demokrasi Sultan Kedah", Kuala Lumpur, *MBRAS*, 2015, hlm. 189.

**Jadual 6.7: Bilangan Buruh Lombong di Kedah,
1911-1936**

Tahun	Buruh
1911	2,662
1912	3,301
1913	3,652
1914	2,768
1915	3,397
1916	-
1917	3,321
1918	1,709
1919	-
1920	-
1921	-
1922	1,238
1923	1,470
1924	1,701
1925	1,315
1926	1,129
1927	1,119
1928	915
1929	841
1930	769
1931	638
1932	492
1933	320
1934	443
1935	408
1936	632

Sumber: Diubahsuai daripada *Kedah Annual Report* dari tahun 1911-1936.

Kedatangan imigran Cina ke Kedah adalah pelbagai kelompok misalnya Hokkien, Teochew, Kantonis dan sebagainya. Kelompok ini tergolong dalam kalangan peniaga, pelabur dan buruh. Kedatangan mereka telah memberi implikasi yang positif dalam perkembangan ekonomi di Kedah. Keperluan terhadap tenaga buruh Cina menjadi perhatian pihak British dalam mengembangkan ekonomi negeri Kedah. Seperti dalam

jadual berikut memperlihatkan jumlah tenaga buruh yang terlibat dalam sektor perlombongan di beberapa daerah di Kedah. Misalnya jumlah buruh Cina pada tahun-tahun tersebut datangnya dari beberapa daerah antaranya, Kubang Pasu, Pulau Langkawi, Yan, Kuala Muda, Baling, Kulim dan Kerian.⁶⁹

Pada tahun 1911 dan 1912 sudah menunjukkan bilangan buruh yang ramai di Kedah iaitu sebanyak 2,662 orang berdasarkan jadual 6.7. Kemudian bilangan tersebut meningkat kepada 3,301 orang pada tahun 1912. Kesemua tenaga buruh tersebut telah direkodkan selepas British campur tangan di Kedah. Bilangan tersebut adalah berdasarkan laporan tahunan negeri yang merekodkan kedatangan buruh bagi setiap sektor ekonomi negeri Kedah. Oleh itu, bagi sektor ini kepentingan buruh jelas dilihat terutama pada tahun 1911 hingga 1913. Penggunaan tenaga buruh dalam tempoh tersebut berterusan meningkat dalam operasi melombong.

Tambahan pula teknik melombong yang digunakan dalam tempoh tersebut juga memerlukan tenaga buruh yang ramai dan ini antara penyebab berlakunya kemasukan orang-orang Cina ke Kedah pada peringkat awal seperti yang direkodkan dalam Jadual 6.7. Bagi pelombong Cina mereka lebih gemar mengupah tenaga buruh dalam kalangan bangsa mereka sendiri kerana dikatakan akan lebih mudah untuk mengawal sekiranya berlaku masalah-masalah di kawasan lombong atau masalah buruh-buruh. Selain itu, daripada jumlah keseluruhan buruh pada tahun-tahun yang direkodkan, para buruh turut terlibat dalam sektor perlombongan yang menggunakan teknik lombong yang berbeza misalnya pada tahun 1932 jumlah buruh yang dinyatakan.⁷⁰

⁶⁹ C. O. 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1329 A. H. (2nd January-21st December 1911), hlm. 6. Lihat juga, Zaharah Mahmud, ‘Change in a Malay Sultanate: A Historical Geography of Kedah Before 1939’, hlm. 200.

⁷⁰ SUK. K. 1164/1351, Annual Report of the Mines Department, Kedah for the Year 1932. Rujuk surat daripada Superintenden Lombong mengenai laporan tahunan Jabatan perlombongan, Kedah yang antaranya menerangkan berkaitan perbelanjaan dalam jabatan, kedudukan harga bijih timah pada tahun tersebut, pemilikan lesen melombong, hal buruh dan sekatan-sekatan dalam pengeluaran bijih timah, bertarikh 19.5.1931

**Jadual 6.8: Pembahagian Buruh Mengikut Kaedah Melombong di Kedah
Pada Tahun 1932**

Kaedah	Bilangan Buruh
Lombong dedah (<i>Open Cast</i>)	59
Bawah Tanah (<i>Under Ground</i>)	267
Hidraulik (<i>Hydraulicing</i>)	166
Jumlah	492

Sumber: SUK. K. 1164/1351, Annual Report of the Mines Department, Kedah for the year 1932. (1.8.1932)

Dalam tempoh ini juga masyarakat Melayu dikatakan telah terpinggir. Ini disebabkan British memberi keutamaan kepada buruh Cina untuk terlibat dalam sektor perlombongan. Manakala, buruh-buruh Cina yang terlibat dalam sektor ini berumur lima belas tahun dan ke atas.⁷¹ Menurut laporan tahunan Kedah, pada tahun akhir 1936 sebanyak 632 buruh terlibat dalam perusahaan lombong di Kedah.⁷²

Walau bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan dengan laporan jabatan perlombongan NNM pada tahun 1936 yang melaporkan mengenai bilangan buruh di Kedah iaitu pada tahun yang sama dilaporkan hanya 527 orang sahaja. Di sini menunjukkan berlakunya sedikit perbezaan jumlah buruh yang direkodkan, namun apa yang dapat dijelaskan adalah penglibatan buruh lombong bijih timah di Kedah semakin lama menunjukkan berlakunya penurunan.

Seterusnya, berdasarkan Jadual 6.7 turut menunjukkan perbezaan dalam bilangan tenaga buruh sekitar tahun 1911 hingga 1936. Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun tersebut tidak dinyatakan jumlah buruh, misalnya tahun 1916, 1919, 1920 dan 1921. Berdasarkan kajian terhadap laporan tahunan negeri, empat tahun

⁷¹ Kedah and Perlis: Financial Statements Again Satisfactory, Official Report for 1912, *The Straits Times*, 20 September 1913, hlm. 9.

⁷² Berdasarkan Laporan Tahunan Kedah pada tahun 1936, jumlah keseluruhan buruh ialah seramai 632 orang. Namun begitu, jumlah ini sedikit berbeza dengan *Annual Report on the Administration of The Mines Department and on the Mining Industries for the year 1936* yang mencatatkan jumlah buruh seramai 527 orang sahaja. Kedah Annual Report, hlm. 23. Rujuk juga H.G Harris, *Annual Report on the Administration of The Mines Department and on the Mining Industries for the year 1936*, Kuala Lumpur: Federated Malays States Government Press, 1937, hlm. 21.

tersebut tidak dicatatkan bilangan buruh kerana tumpuan laporan tahunan tersebut lebih menjurus kepada perolehan pendapatan bijih timah negeri. Malah turut dinyatakan kaedah melombong yang digunakan dalam memperoleh bijih timah di beberapa kawasan lombong. Selain itu, kerajaan didapati memberi tumpuan terhadap kegiatan ekonomi lain misalnya sektor ladang, pertanian serta ekonomi menyumbang pendapatan tinggi terhadap negeri iaitu perolehan hasil candu.

Bilangan tenaga buruh yang terlibat dalam sektor perlombongan pada awalnya mencatatkan bilangan yang tinggi seperti tahun 1911. Sungguhpun demikian disebabkan beberapa faktor peralihan tumpuan kegiatan ekonomi menyebabkan jumlah tenaga buruh semakin lama makin berkurangan sehingga tahun 1936. Antara faktor tersebut adalah kehabisan hasil lombong, penggunaan teknologi lombong yang lebih moden sehingga menyebabkan tenaga buruh dikurangkan. Ini kerana dikatakan teknologi moden melombong berkemampuan memperoleh hasil yang sama banyak dengan bilangan buruh yang bekerja.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa orang Cina sememangnya pencetus dalam kegiatan ekonomi perlombongan bijih timah di seluruh negeri. Kepentingan mereka pula dapat dijelaskan seperti mana menurut Mr. Randolph Bedford merupakan wartawan politik dan hubungan antarabangsa dari Australia yang datang melawat Tanah Melayu pada tahun 1927 menulis di dalam artikelnnya,

Chinese in Malaya, certainly the Chinese are good citizens enough, and they were only tin miners for centuries before the white man came. They have established their own foundries and forges of mining plants, and now make the gravel pump of Australian design for which Thompson's of Castlemaine, could not secure a Malayan patent. The horn on to the government, too and are represented on councils and sanitary board, although the immediately applied ideas of sanitation of most of them belong the sixteenth century.⁷³

⁷³ *The Malay Mail*, July 30, 1927. hlm. 14.

Berdasarkan kenyataan tersebut jelas menunjukkan peranan orang Cina di Tanah Melayu adalah sangat penting. Dalam konteks ini, penglibatan mereka telah meninggalkan impak yang sangat besar walaupun mereka terpaksa bersaing dengan pihak British dan orang Melayu. Kedatangan mereka yang lebih awal daripada pihak British jelas membuktikan kesungguhan mereka, secara tidak langsung memberi faedah terhadap perkembangan ekonomi negeri. Selain itu, pertambahan buruh dalam sektor ekonomi ini sememangnya tidak dapat dinafikan lagi di mana majoritinya dikuasai oleh orang Cina sendiri terutamanya dalam sektor perlombongan bijih timah ini.

Di sini jelas menunjukkan peranan orang Cina yang menjadi penyumbang pendapatan dan ejen mengembangkan ekonomi negeri walaupun semakin lama menunjukkan penurunan sumbangan hasil bijih timah kepada negeri. Penglibatan kelompok mereka pada peringkat awal meninggalkan kesan positif dari segi perolehan pendapatan negeri. Walaupun British campur tangan dalam sektor perlombongan dengan memperkenalkan teknologi melombong yang lebih moden dan berkuasa tinggi, tauke-tauke lombong tetap meneruskan kegiatan mereka dengan teknik tersendiri. Namun lama-kelamaan tanah lombong Kedah turut mula menunjukkan kesan yang negatif setelah hasil mentah bumi tidak mampu dikeluarkan lagi.

Rentetan itu, semakin lama bilangan buruh yang terlibat dalam kegiatan perlombongan di Kedah semakin menurun. Peranan mereka mula dilihat di dalam sektor perniagaan dan pertanian seperti mana yang telah ditawarkan oleh pihak Kedah sebelum abad ke-20 yang menawarkan kepada imigran untuk terlibat dalam sektor tersebut.⁷⁴

⁷⁴ Zaharah Mahmud, ‘Change in a Malay sultanate: A Historical Geography of Kedah Before 1939’, hlm. 131.

6.5.2 Permodalan dalam Kegiatan Perlombongan

Aspek permodalan merupakan perkara yang sangat penting bagi pengusaha-pengusaha yang sentiasa mencari peluang untuk membuka sebarang kawasan lombong. Dalam perkembangan perlombongan di Kedah, pengusaha Cina didapati memperoleh modal yang banyak daripada usahawan Cina dari Negeri-negeri Selat. Mereka ini juga dikenali sebagai ‘Cina Selat’. Sungguh pun begitu, mereka juga kadang-kadang menerima bantuan kewangan daripada syarikat-syarikat Eropah dari Negeri-negeri Selat.⁷⁵ Pihak tersebut ialah pihak swasta di Pulau Pinang atau dinyatakan sebagai *Agency House British*, Pulau Pinang. Pihak swasta menjadi penyokong dengan memberikan modal yang tinggi kepada mana-mana pengusaha Cina yang memperoleh tender dalam negeri Kedah. British juga begitu menjaga orang-orang Cina yang merupakan rakyat mereka dari Negeri-Negeri Selat. Manakala, bagi memastikan kegiatan ekonomi orang Cina dan pihak British berjalan lancar terdapat bank ditubuhkan misalnya di Sungai Petani. Bank tersebut ialah Hong Kong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) yang ditubuhkan pada tahun 1922 lagi.⁷⁶ Penubuhan bank ini adalah untuk memudahkan tauke-tauke Cina, peniaga British untuk membuka akaun, deposit duit dan melakukan penghantaran duit.⁷⁷

British menjadi pembekal modal kepada pengusaha-pengusaha Cina bertujuan membantu namun tujuan utama untuk mengaut hasil-hasil yang diperoleh dalam setiap kegiatan ekonomi orang Cina. Muslihat British ini sememangnya jelas, namun perkembangan ekonomi tersebut juga dapat menstabilkan kedudukan negeri. Kehadiran British dalam pentadbiran Kedah membawa corak ekonomi Kedah ke arah permodalan, bukan lagi melibatkan kerahan atau hamba dan corak tradisional. Aliran kapitalis dalam

⁷⁵ Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Negara*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993, hlm. 53.

⁷⁶ HSBC merupakan perkhidmatan bank yang kedua di Kedah. Bank yang pertama ditubuhkan di Kedah ialah *Chatered Bank of India, Australia and China* yang bertempat di Alor Setar. Rujuk dalam, Douglas Wong, *HSBC: Its Malaysian Story*, Kuala Lumpur: Editions Didier Millet, 2004, hlm. 63.

⁷⁷ Ibid.

ekonomi Kedah menjadikan pemodal-pemodal Cina menunjukkan penguasaan mereka terhadap ekonomi sehingga orang Melayu pula semakin lama terpinggir.

6.6 Kesan Kekurangan Bijih Timah dalam Negeri Kedah

Kegiatan perlombongan bijih timah di Kedah tidak dapat bertahan lama. Semakin lama pengeluarannya semakin menurun. Justeru, situasi ini memberi kesan yang serius terutamanya terhadap pengusaha-pengusaha dan buruh-buruh Cina apabila didapati harga purata bijih timah telah menurun dan jatuh pada paras yang sangat rendah. Antara kawasan yang menerima implikasi tersebut adalah daerah Kulim, Baling dan Kuala Muda.

Jadual 6.9: Harga Purata Bijih Timah setiap pikul, 1911-1917

Tahun	Harga Purata (\$)
1911	93.00
1912	102.00
1913	101.00
1914	75.00
1915	77.00
1916	86.00
1917	100.69

Sumber: Disesuaikan daripada *Kedah Annual Report* dari tahun 1911-1917.

Kesan kejatuhan harga bijih timah telah menyebabkan banyak lombong yang ditutup, bahkan kesannya begitu dirasai para pelombong Cina. Ini disebabkan majoriti orang Cina yang terlibat dalam perlombongan Cina dan kejatuhan harga bijih timah ini membawa mereka kepada pengangguran. Jika dilihat pada tahun 1917 berlaku peningkatan harga bijih timah, namun dari aspek pengeluaran pada tahun tersebut masih tidak menunjukkan peningkatan. Lombong-lombong bijih timah di beberapa daerah Kedah tersebut berterusan kehabisan sumber. Pelombong-pelombong dan pengusaha

lombong mengalami kerugian, malah pendapatan kerajaan Kedah turut merosot. Mereka juga mencuba mencari inisiatif baru bagi menstabilkan kembali hasil pendapatan. Seperti mana dinyatakan oleh W. George Maxwell,

The deposits in the vicinity of Kulim, which was once an important mining centre, are practically worked out, and though many small or shallow deposits are known to the Chinese and Malays, yet nothing of sufficient extent or depth has been found to justify miners in sinking in them.⁷⁸

Selanjutnya, selepas perang dunia kedua, peranan orang Cina dalam perlombongan semakin berkurangan. Bukan itu sahaja, kemelesetan ekonomi dunia yang melanda pada tahun 1920 hingga 1922 telah menjaskankan lagi sektor perlombongan bijih timah di Kedah. Keadaan ini menyebabkan orang Cina cuba mengambil inisiatif baru untuk mendapatkan bijih-bijih timah yang tersisa. Oleh itu, mereka cuba menyesuaikan dengan penggunaan alat melalui kaedah lampan untuk mendapatkan bijih timah tersebut.⁷⁹ Walau bagaimanapun hasil yang diperoleh masih di tahap yang membimbangkan. Keadaan ini akan mengundang beberapa kesan negatif misalnya kegiatan penyelewengan dan penyeludupan yang melibatkan orang-orang Cina.

Sementara itu, kekurangan bijih timah telah memberi kesan kepada pelombongan-pelombongan Cina terutamanya para buruh Cina. Mereka terpaksa beralih kepada kegiatan ekonomi yang lebih menguntungkan. Malah terdapat di antara mereka yang terlibat dengan kes-kes jenayah ekonomi. Sebagai contoh dalam perlombongan bijih timah ini, orang Cina turut terlibat dalam kes penyeludupan dan penyelewengan. Penglibatan mereka bukan sahaja berlaku selepas campur tangan British akan tetapi kes tersebut sebenarnya sudah kerap kali berlaku sebelum abad ke-20 lagi. Penjualan dan penyelewengan bijih timah secara haram sentiasa berlaku melibatkan hubungan antara negeri. Misalnya kes penyeludupan yang pernah berlaku pada tahun 1935 melibatkan

⁷⁸ C. O. 716/1, The Annual Report of the British Adviser to the Kedah Government for the Year 1336 A.H. (17th Oktober 1917-6th Oktober 1918), hlm. 3-4.

⁷⁹ Ibid.

tiga orang Cina dari Perak cuba menyeludup bijih timah sebanyak tiga pikul. Akibat penyeludupan tersebut mereka telah didenda di Mahkamah Kroh dan setiap seorang dikenakan denda sebanyak \$1000 dan enam bulan penjara.⁸⁰

Walaupun terdapat orang Cina yang terlibat dalam jenayah penyeludupan, namun tidak membataskan pembabitan orang-orang Cina untuk mengembangkan kegiatan ekonomi yang baru di Kedah. Misalnya, sektor perniagaan runcit, perkilangan, pertanian dan sebagainya.⁸¹

6.7 Kesimpulan

Sememangnya orang Cina merupakan pelopor kepada perkembangan ekonomi Kedah terutamanya dalam sektor perlombongan bijih timah. Kesan daripada faktor tersebut menyebabkan orang Melayu dan British turut berminat mengusahakan lombong bijih timah. Hal ini kerana melalui kegiatan tersebut orang Cina berupaya memperoleh keuntungan yang besar. Mereka dilihat menggunakan kaedah melombong yang lebih ekonomik dan efisien berbanding teknologi yang diperkenalkan oleh British. Ini kerana, pengenalan kapal korek oleh British menyebabkan lombong-lombong bijih timah dengan cepat mengalami kehausan walaupun kaedah tersebut mampu memperoleh pengeluaran yang besar.

Selain itu, penggunaan tenaga buruh pula sememangnya dikuasai oleh orang Cina. Keadaan ini jelas dapat dilihat perkembangan tenaga buruh Cina pada setiap tahun di Kedah. Malah bagi pihak British, mereka juga melakukan kerahan tenaga buruh dalam kalangan orang Cina namun keperluan dalam bilangan yang kecil berbanding tauke-tauke Cina yang mengerahkan ramai buruh Cina. Namun begitu, kegiatan perlombongan bijih timah ini banyak menyumbang pendapatan negeri. Malah

⁸⁰ *The Straits Times*, 7 April 1935, hlm. 1.

⁸¹ Mazizah Hj. Md. Darus, *Kedah Dulu-dulu*, Alor Setar: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2003, hlm. 146.

pembabitan orang Cina dalam perlombongan juga telah mencetuskan kepada kegiatan-kegiatan ekonomi baru di Kedah. Salah satunya adalah pembukaan perniagaan secara kecil-kecilan di sekitar tanah lombong yang seterusnya berkembang ke dalam pekan-pekan.

Selanjutnya, hasil pengeluaran bijih timah turut mengalami penurunan disebabkan kejatuhan harga purata bijih timah dan juga kesan kemelesetan ekonomi dunia. Keadaan tersebut telah memberi reaksi yang tidak selesa bagi orang Cina. Oleh itu, sebagai langkah selamat, mereka melakukan peralihan kegiatan ekonomi untuk menampung kehidupan di Kedah. Pengusaha-pengusaha Cina telah terlibat dalam kegiatan perladangan getah, penanaman padi, penanaman ubi kayu, perkilangan, dan perniagaan. Dengan itu, dapat dinyatakan bahawa peranan orang Cina sememangnya membantu mengembangkan ekonomi negeri Kedah. Malah, kesungguhan orang Cina telah menimbulkan semangat orang Melayu supaya turut berusaha mengembangkan kegiatan ekonomi yang mereka ceburi.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam kajian ini, jelas menunjukkan bahawa orang Cina memainkan peranan yang signifikan dalam memperkembangkan ekonomi di Kedah terutamanya menjelang abad ke-20. Hal ini dapat dibuktikan melalui penglibatan mereka dalam pelbagai sektor ekonomi di Kedah meliputi sektor pertanian padi, perladangan getah, perlombongan bijih timah serta perniagaan candu, arak dan judi. Penglibatan orang Cina dalam sektor-sektor ini adalah jelas di mana mereka memainkan peranan yang penting sebagai pemodal dan pelabur. Malahan hasil daripada penglibatan mereka juga telah memberi implikasi yang positif dari aspek pendapatan negeri Kedah. Perkembangan yang positif ini didorong oleh peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh Cina yang penting dalam sektor-sektor tersebut.

Dalam sektor pertanian padi, peranan orang Cina dapat dilihat melalui penglibatan mereka sebagai pengilang padi, pemborong dan peruncit. Melalui peranan yang dimainkan oleh golongan pemodal Cina ini, pertanian padi yang pada mulanya dilaksanakan dalam skala yang kecil telah berkembang kepada skala yang lebih besar. Perkembangan dalam sektor ini seterusnya dilihat semakin memberangsangkan apabila lebih banyak kilang-kilang pemprosesan padi telah dibangunkan oleh pemodal Cina di kawasan bandar dan pinggir-pinggir bandar. Sebagai contoh, pada tahun 1931, terdapat sebanyak 21 buah kilang padi yang beroperasi di kawasan bandar dan pinggir bandar. Jumlah ini kemudiannya bertambah pada tahun 1938 dengan jumlah sebanyak 24 buah kilang. Kilang-kilang yang dibina ini dilengkapi dengan peralatan moden dan mesin-mesin berkuasa tinggi bagi melancarkan pemprosesan padi. Melalui penggunaan peralatan berteknologi tinggi, jumlah pengeluaran padi yang dihasilkan dapat dipertingkatkan dan seterusnya menyumbang kepada keuntungan yang lebih besar kepada pemodal Cina.

Pembinaan kilang padi oleh pemodal Cina ini khasnya di kawasan pinggir bandar sebenarnya telah memberikan faedah yang tersendiri kepada para petani Melayu. Lokasi kilang yang berdekatan dengan tempat tinggal petani Melayu menjadikan kerja-kerja memasarkan hasil padi menjadi lebih mudah dan pantas. Hal ini memberikan kelebihan kepada orang Melayu dari segi kos dan masa. Namun begitu, di sebalik kemudahan yang disediakan ini, para petani Melayu sebenarnya telah ditindas oleh pengilang Cina yang telah mengikat mereka dengan kaedah hutang yang dikenali sebagai padi kunca. Sistem padi kunca menyebabkan orang Melayu terus dibelenggu hutang dan berada dalam kemiskinan. Sebaliknya, para pengilang Cina menikmati keuntungan yang berlipat ganda kesan daripada pengamalan sistem tersebut.

Selain sektor pertanian padi, sumbangan orang Cina dalam ekonomi Kedah juga dilihat begitu menonjol dalam sektor perladangan getah. Dalam hal ini, golongan pemodal Cina dilihat begitu aktif membuat pelaburan bagi membuka ladang-ladang getah di beberapa buah daerah utama di Kedah. Di antara daerah-daerah yang menjadi tumpuan ialah di Kuala Muda, Kulim, Langkawi dan Bandar Bharu. Di samping itu, penglibatan orang Cina dalam sektor ini juga dapat dilihat menerusi peranan mereka iaitu sebagai pengusaha ladang getah. Dalam hal ini, didapati jumlah orang Cina yang berperanan sebagai pengusaha ladang getah adalah lebih tinggi berbanding kaum-kaum yang lain. Misalnya, pada tahun 1931 dan 1932, dilaporkan terdapat seramai 154 pengusaha ladang getah yang terdiri daripada orang Cina di mana jumlah ini mengatasi pengusaha ladang getah orang Eropah iaitu seramai 87 orang, India (37 orang) dan Melayu (9 orang). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa orang Cina memainkan peranan yang lebih aktif berbanding kaum-kaum yang lain. Senario ini berlaku disebabkan pihak British sendiri telah memberi galakan terhadap orang Cina untuk bergiat aktif dalam sektor perladangan getah. Sementara itu, orang Melayu pula

dikenakan sekatan-sekatan tertentu dalam sektor perladangan getah dan hanya berperanan sebagai buruh ladang.

Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh orang Cina sektor ekonomi Kedah juga dapat dilihat dalam perlombongan bijih timah. Dalam sektor ini, penglibatan mereka begitu signifikan sehingga mampu memusatkan ekonomi Kedah. Orang Cina terlibat dalam perlombongan bijih timah sejak abad ke-19 lagi. Pada masa ini, mereka bertumpu di selatan Kedah iaitu di daerah Kuala Muda, Kulim dan Kubang Pasu. Berikutnya pada awal abad ke-20, dilaporkan terdapat ramai orang Cina yang membuat permohonan bagi menjalankan kegiatan perlombongan di selatan Kedah. Terdapat kira-kira 12-15 permohonan yang diterima daripada pemodal Cina dan Eropah pada setiap bulan bagi menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah. Jumlah yang banyak ini membuktikan bahawa orang Cina begitu aktif dalam memainkan peranan dalam sektor perlombongan bijih timah di Kedah.

Di Kedah, pengusaha bijih timah dalam kalangan orang Cina dilihat lebih cenderung menggerakkan kegiatan ekonomi di Kedah di tanah terbiar. Mereka melihat kawasan tanah terbiar sesuai untuk kegiatan perlombongan kerana diketahui tanah tersebut sudah bertahun tidak diusahakan. Malahan pengalaman yang dimiliki oleh golongan pengusaha Cina memberikan mereka kelebihan dalam mendapatkan kelulusan terhadap pajakan tanah lombong daripada pihak kerajaan. Situasi ini seterusnya menggalakkan lagi perkembangan sektor bijih timah di Kedah dan akhirnya menyumbang kepada kepesatan ekonomi di negeri itu.

Penjualan candu juga merupakan salah satu cabang ekonomi yang turut diceburi oleh peniaga Cina dan memberi sumbangan dalam membangunkan ekonomi Kedah. Berdasarkan peratusan hasil kerajaan bagi tahun 1918 hingga 1919, candu memperoleh peratusan tertinggi iaitu sebanyak 45% berbanding dengan jualan lain iaitu arak dan

tembakau sebanyak 9.5%, hasil tanah sebanyak 18%, lain-lain sebanyak 17% dan kastam sebanyak 10.5%. Peratusan candu yang tinggi ini membuktikan bahawa peniaga Cina begitu aktif dalam aktiviti penjualan candu di Kedah. Peningkatan jumlah jualan candu ini mempunyai kaitan dengan jumlah pertambahan orang Cina pada abad ke-20. Pada masa ini, tauke-tauke ladang getah dan lombong menjadikan candu sebagai pengikat buruh-buruh ladang dengan menjual candu secara murah. Situasi ini menyebabkan buruh mengalami ketagihan dan seterusnya memberi keuntungan kepada tauke ladang.

Meskipun pada tahun 1924 berlaku penggabungan Jabatan Monopoli dan Kastam yang berperanan dalam hal ehwal candu, namun situasi tersebut dilihat tidak mempengaruhi peranan orang Cina dalam menjalankan perniagaan mereka. Bahkan jumlah peniaga candu berlesen juga dilihat semakin bertambah dari semasa ke semasa. Pertambahan peniaga candu ini membantu dalam meningkatkan lagi kutipan cukai dan menyumbang pendapatan kepada negeri Kedah. Malahan pihak British juga memberi galakan terhadap kegiatan perniagaan candu di Kedah. Dalam hal ini, galakan diberikan terhadap pengusaha candu untuk meningkatkan penjualan, namun pada masa yang sama mengawasi aktiviti penyeludupan candu.

Selain candu, perniagaan arak turut mendapat perhatian daripada orang Cina di Kedah. Mereka terlibat dalam pajakan arak dan turut menjalankan kegiatan import dan eksport komoditi tersebut. Penglibatan orang Cina dalam perniagaan arak dilihat semakin berkembang selepas campur tangan British. Pada masa ini, tumpuan para peniaga ialah kepada buruh-buruh yang bekerja di kawasan lombong dan ladang getah. Di samping itu, perkembangan perniagaan arak yang dijalankan oleh orang Cina turut membantu pertumbuhan kedai-kedai runcit yang menjual arak yang berkembang di beberapa kawasan. Kedai-kedai runcit ini dimiliki oleh orang Cina yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Di samping itu, peranan orang Cina juga dapat dilihat dalam kegiatan perjudian. Kegiatan ini giat dijalankan setelah berkembangnya sektor perlombongan bijih timah di Kedah. Di Kedah, kawasan tumpuan bagi kegiatan perjudian ialah di daerah Kulim dan Kuala Muda yang terkenal sebagai kawasan perlombongan bijih timah. Di kawasan bandar iaitu di Kota Setar, rumah-rumah perjudian telah berkembang dengan pesat dan dibuka ekoran kawasan tersebut menjadi tumpuan orang Cina. Oleh itu, bagi memastikan peranan peniaga Cina berterusan dengan baik, kawalan kerajaan dilakukan dengan mengeluarkan lesen pajak judi. Manakala, tempat-tempat perjudian juga berada di bawah peraturan pihak polis. Langkah penetapan undang-undang ini bagi memastikan orang Cina yang terlibat dalam perjudian mengikuti syarat yang ditetapkan agar lebih terkawal.

Di samping itu, peranan orang Cina dalam sektor pertanian padi, perladangan getah, bijih timah dan perniagaan juga telah menyumbang kepada pendapatan negeri. Sebagai contoh, dalam sektor pertanian padi, jumlah hasil cukai eksport padi dan beras pada tahun 1905 direkodkan sebanyak \$24,542 manakala pada 1914 pula, jumlah tersebut dilihat mengalami peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak \$78,927.

Sementara itu, dalam sektor perladangan getah, hasil pendapatan eksport negeri dan getah pada tahun 1929 menduduki tangga paling atas dengan jumlah sebanyak \$541,851,000 berbanding hasil eksport beras dan padi yang berada di kedudukan yang kedua iaitu sebanyak \$1,277,959. Peningkatan hasil pendapatan eksport getah ini adalah disebabkan oleh pembukaan tanah ladang yang lebih banyak dalam tempoh tersebut. Sebagai contoh, pada tahun 1922, sebanyak 121,204 ekar tanah ladang telah dibuka di Kedah dan jumlah tersebut meningkat kepada 234,133 ekar dalam tempoh sepuluh tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1932. Dalam hal ini, dapat dilihat bahawa langkah yang diambil kerajaan dalam menggantikan tanah-tanah pertanian bagi ubi kayu dan kelapa kepada getah telah mencapai hasil yang baik dan menguntungkan.

Bagi bijih timah pula, pendapatan daripada sektor tersebut merupakan di antara yang tertinggi bagi Kedah. Dari segi pengeluaran, sebanyak 12,502 pikul hasil bijih timah telah dikeluarkan pada tahun 1909 dan bertambah kepada 13,068 pikul pada tahun 1918. Dari segi pendapatan, sebanyak \$64,261 diperoleh bagi hasil pendapatan bijih timah pada tahun 1909 dan jumlah ini kemudiannya meningkat kepada \$194,724 pada tahun 1918.

Di samping itu, sektor perniagaan yang melibatkan candu turut menjadi penyumbang kepada pendapatan negeri. Walaupun pada tahun 1912, perniagaan candu dikawal oleh pentadbiran Kedah iaitu di bawah Jabatan Monopoli, namun ia masih memberi pulangan hasil jualan yang agak baik. Pada tahun 1912, candu telah menyumbang sebanyak 43 peratus hasil pendapatan negeri di mana jumlah ini dilaporkan telah mengatasi hasil-hasil ekonomi yang lain. Dilaporkan hasil jualan candu pada tahun itu ialah sebanyak \$1,257,933. Jumlah ini terus mengalami peningkatan pada tahun 1924 dengan angka sebanyak \$4,243,343.

Selain candu, hasil penjualan arak dan cukai import yang dikenakan oleh kerajaan turut menyumbang kepada pendapatan negeri. Dalam hal ini, perniagaan arak yang dijalankan oleh orang Cina memberi peluang kepada pihak kerajaan untuk mengenakan cukai bagi setiap arak yang dijual. Hal ini disebabkan kebanyakan arak yang dipasarkan di dalam negeri adalah arak yang diimport dari negeri luar seperti Pulau Pinang dan Singapura. Sebelum kemasukan British ke Kedah iaitu pada tahun 1905, jumlah pendapatan daripada arak yang diimport ialah sebanyak \$33,016 dan kemudiannya bertambah kepada \$39,566 pada tahun 1909 iaitu selepas British mula bertapak di Kedah.

Sementara itu, bagi kegiatan perjudian, jumlah pendapatan yang diterima oleh kerajaan turut menunjukkan angka yang memberangsangkan. Sebagai contoh, pada tahun 1911, sebanyak \$108,410 diterima oleh kerajaan daripada sumber tersebut dan meningkat kepada \$244,320 pada tahun 1915.

Selain menyumbang kepada pendapatan negeri, penglibatan orang Cina dalam pelbagai sektor ekonomi di Kedah juga telah membawa kepada kemunculan beberapa orang tokoh Cina yang penting. Sebagai contoh, individu penting dalam sektor perladangan getah dikenali sebagai Lim Leng Cheak. Beliau merupakan seorang yang aktif dalam perkembangan ekonomi di Kedah. Lim Leng Cheak juga mempunyai anak yang dikenali sebagai Lim Eow Hong yang berperanan menguruskan sektor perladangan getah di Kulim pada tahun 1910. Seorang lagi tokoh orang Cina yang terkenal dalam sektor getah ialah Lim Boon How. Beliau aktif dalam pembukaan ladang getah di daerah Kulim, Kubang Pasu dan Kuala Muda. Malahan jumlah ladang getah yang dibuka oleh beliau juga dilaporkan lebih banyak berbanding orang Eropah. Selain itu, keluasan ladang getah beliau juga adalah lebih daripada 100 ekar berbanding pemilik-pemilik lain yang memiliki keluasan ladang bawah 100 ekar.

Sementara itu, dalam aktiviti perniagaan candu pula, individu penting yang terlibat dalam menggerakkan perniagaan ini dikenali sebagai Choong Cheng Kean, Lim Kek Chuan, Lim Eow Hong, Goh Teik Chee, Quah Beng Kee, Yeo Boon Chit, Cheah Tatty, Lim Cheng Teik dan lain-lain. Mereka dilihat begitu cekap dalam mengatur strategi pemasaran kepada pelanggan dan melihat candu sebagai sebuah komoditi yang mempunyai nilai komersial dan membawa keuntungan. Sementara itu, terdapat juga tokoh-tokoh Cina yang penting dalam kegiatan perjudian. Antara yang paling menonjol ialah Choong Cheng Kean yang begitu aktif melakukan pelaburan bagi membangunkan rumah-rumah judi di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kemunculan tokoh-tokoh Cina

dalam pelbagai sektor ekonomi ini menjadi bukti bahawa orang Cina memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan ekonomi di Kedah.

University Of Malaya

BIBLIOGRAFI

Dokumen Rasmi

Fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK. K.), 1909-1941.

Fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi (*High Commissioner's Office Files*), 1909-1941.

Fail Pejabat Tanah Jajahan (*Colonial Office Files- CO*).

CO 717, *Federated Malay States, Original Correspondence, 1920-1939*.

CO 716, *Kedah Perlis Sessional Papers, 1905-1937*.

CO 273, *Straits Settlements, Original Correspondence, 1838-1922*.

Unfederated Malay States High Commissioner Despatches, 1941.

Surat Persendirian (SP)

Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, T. H. 1338, T. M. 1919-1920, No. 4.

Dokumen Rasmi yang Diterbitkan

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1351 A. H., Alor Setar: Kedah Government Press, 1932.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1355 A. H., Alor Setar: The Government Press, 1937.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1356 A. H., Alor Setar: Kedah Government Press, 1938.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1357 A. H., Alor Setar: Kedah Government Press, 1939.

Federated Malay State, Report on the Customs and Excise Department for the Year 1936, Kuala Lumpur: F. M. S. Government Press, 1937.

Kedah Government Gazette, 1925-1941.

Kellagher G. B., *The Laws of the State of Kedah*, Vol. III, Alor Setar: Kedah Government Press, 1934.

Miller J. I., *Malaya Administration Report Department of Statistic Straits Settlements and Federated Malay states for the Year 1930*, Singapore: Government Printing Office Singapore, 1931.

The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1339 A. H. (15th September 1920-3rd September 1921), Kuala Lumpur: F. M. S. Government Printing Office, 1922.

The Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1352 A. H., Alor Setar: Kedah Government Press, 1934.

The Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah for the Year 1350 A. H. (19th May 1931-6th May 1932), Alor Setar: Kedah Government Press, 1933.

Akhbar

Idaran Zaman, 29 Julai 1926

The Malay Mail, 30 July 1927

The Singapore Free Press and Mercantile Advertisers, 11 Jun 1909

The Straits Times, 10 April 1909

The Straits Times, 20 September 1913

The Straits Times, 16 Disember 1916

The Straits Times, 7 April 1935

The Straits Times, 21 Ogos 1939

The Star, 25 Jun 2001

Buku dan Jurnal

Abdullah Zakaria Ghazali & Mardiana Nordin (editor), *Kedah: Warisan dan Sejarah*, Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.

Abdullah Zakaria Ghazali, “Kedah Kurun Ke-18 dan Ke-19: Menghadapi Cabaran Bugis, British dan Siam”, dalam *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 34, 2006.

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *Sejarah Kedah Dua Millenia*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2016.

Andaya B. W. & Andaya L. Y., *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: MacMillan, 1983.

Asmah Haji Omar (editor), *Darulaman: Essays on Linguistic, Cultural and Socioeconomic Aspects of the Malaysian State of Kedah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979.

Augustine, James F., *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah Darulaman, 1996.

..... *Bygone Kedah*, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah, 1992.

..... “The Founder of Modern Kedah”, dalam *Kedah dari Segi Sejarah*, Jil. 4, Bil. 1, Kedah: Persatuan Sejarah, Cawangan Kedah, April 1970.

Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 2001.

Baharuddin Abd. Majid, “Kesedaran Kebangsaan dan Perkembangan Politik Orang-orang Melayu dari 1900 Hingga Perang Dunia Kedua Khususnya di Kedah”, dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*, Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1986.

..... “Wan Mohammad Saman bin Wan Ismail, 1870-1898”, dalam *Kedah dari Segi Sejarah*, Jilid 8, 1979, Bil. 1, Kedah: Persatuan Sejarah, Cawangan Kedah, April 1970.

Barlo C., *The Natural Rubber Industry: Its Development, Technology and Economy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978.

Bonney, R., *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974.

Braddell, R., “Most Ancient Kedah” dalam *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

Caroline Wong May Leng, *Sistem Kangcu di Johor, 1844-1917*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara, 1992.

Cavendish, A., *Report on the Census of Kedah and Perlis 1911*, Penang: Criterion Press, 1911.

Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya, 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.

Chandariah Rao, Bruce Ross-Larson & et.al, *Issues in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (ASIA) LTD, 1977.

Cheah Boon Kheng, *The Peasant Robbers of Kedah; 1900-1929: Historical and Folk Perceptions*, Singapore: Oxford University Press, 1988.

Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (editor), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1990.

Church, P., *A Short History of South – East Asia*, Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte Ltd, 2006.

Chee Stephen & Khoo Siew Mun (editor), *Malayan Economic Development and Policies*, Kuala Lumpur: Malayan Economic Association, 1975.

Corteso A., *The Suma Oriental of Tome Pires, 1512-1515*, London: Hakluyt Society, 1944.

Cowan, C. D., *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*, London: Oxford University Press, 1961.

Dobby E. H. G., “The North Kedah Plain: A Study in the Environment of Pioneering for Rice Cultivation”, *Economic Geography*, Vol. 27, No. 4 (Oct-1951), Clark University.

Drabble J. H., “Investment in the Rubber Industry in Malaya C. 1900-1922”, *Journal of Southeast Asian Studies (JSEAS)*, Vol. 3, No. 2, Singapura, Cambridge University Press 1972.

Emerson, R., *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1964

Eunice, T., *British Policy in the Malay Peninsular, 1880-1910*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1969.

..... “British Search for Security in the North Malaya, 1886-97”, *JSEAH*, Jilid 10, 1969.

Gordon, A., “Contract Labour in Rubber Plantation: Impact of Smallholders in Colonial South-East Asia”, *Economic and Political Weekly*, Vol. 36, No. 10 (March 10-16, 2001).

Gould James W., *The United States and Malaysia*, Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1969.

Gullick, J. M., *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*, Singapore: Oxford University Press, 1987.

Gulick, J. M., *Malaya*, London: Ernest Ben, 1963.

Harris, G. H., *Annual Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1936*, Kuala Lumpur: Federated Malays States Government Press, 1937.

Hill, R. D., *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*, Singapura: NUS Press, 1977.

Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2008.

Ishak Saat & Mohd Akbal Abdullah (editor), *Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Politik dan Perjuangan: Sumbangsih kepada Profesor Madya Dr. Mohd Isa Othman*, Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2010.

Jackson, C. J., *Planters and Speculators: Chinese and European Agricultural Entreprise in Malaya, 1786-1921*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968.

Jackson R. N, *Immigrant and Labour and the Development of Malaya*, Kuala Lumpur: Ministry Interior, 1960.

Khan, Mohamed G., *History of Kedah*, Pulau Pinang: Penang Premier Press, 1958.

Khoo Kay Kim, *Malay Society: Transformation and Democratisation: A Stimulating and Discerning Study on the Evolution of Malay Society Through the Passage of Time*, Selangor: Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 1991.

..... “British Policy Towards the Malay States”, *The History of South-East, South and East Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.

..... *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.

..... “The Origin of British Administration in Malaya”, dalam *JMBRAS*, Jilid 39, Bahagian 1, 1966.

Kobkua Suwwannathat-Pian, “A Brief Moments in Time: Kedah-Siam Relations Revisited”, dalam *MBRAS*, Jilid LXXII, Bhg. 2, 1999.

..... “The 1839-41 Settlements of Kedah: The Siamese Compromise”, dalam *MBRAS*, Jilid LIX, Bhg. 1, 1986.

-“The Negotiation for the \$2,600,000 Loan”, dalam *Jebat*, Bil. 15, 1987.
-“Raja Muda dalam Sejarah Negeri Kedah”, dalam *Cetera*, Jilid 12, Bil. 1, Januari 1995.
-“Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, 1854-1879”, dalam *Malaysia in History*, Jilid 17, 1989.
-“Thrones, Claimants, Rulers and Rules: The Problem Succession in the Malay States”, dalam *JMBRAS*, Jilid 66, Bhg. 2, 1993.
-“Hubungan Siam-Kedah: Penstabilan Pentadbiran Tradisional Kedah Pada Abad Ke-19” dalam *Persidangan Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Kiyoshige Maeda, *Alor Janggus: A Chinese Community in Malaya*, Tokyo: The Center for Southeast Asian Studies, Kyoto University, 1967.
- Ku Zam Zam Ku Idris, “Kedah dari Perspektif Sejarah dan Kebudayaan”, dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*, Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1986.
- Lee Say Lee, “A Study of the Rice Trade in Kedah Before and During Japanese Occupation”, *Journal of the Malaysian Historical Society*, No. 24, Kuala Lumpur, 1981.
- Lee Yok Fee, *Identiti Cina Malaysia: Elemen dan Pembentukan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014.
- Lian Kwen Fee & Kon Keng We, “Chinese Engterprise in Colonial Malaya: The Case of Eu Tong Sen”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 35, Issue 03, October 2004.
- Lim, J. “Social Problems of Chinese Female Immigrants in Malaya, 1925-1940”, *Malaysia in History*, Journal of the Malaysian Historical Society, Vol. 23, 1980.
- Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.
- Lim Teck Ghee, *Peasant and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.
- Mahani Musa, *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Mahani Musa & Tan Liok Ee (editor), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Malaysia, 2000.

Mariyam Salleh (editor), *Undang-undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Mashitah Haji Mohd Noor, “Anak Bukit Se-Abad 1870-1970” dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.

Maziar Mozaffri Falarti, *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade and Society*, United Kingdom: Lexington Books, 2013.

Mazizah Hj. Md. Darus, *Kedah Dulu-dulu*, Alor Setar: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2003.

Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah, 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

..... *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2001.

..... “Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dalam Konteks Penulisan Sejarah Kedah”, dalam *Cetera*, Jilid 12, Bil. 1, Januari 1995.

Mohamed Sukeri Khalid, *Kedah 100 Tahun, 1900-2000: Isu-isu Politik dan Sosioekonomi*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2002.

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, “Hubungan Kedah-Siam Melalui Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid”, dalam *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 40.

Mohd. Roselan Ab. Malek, *Salasilah Nama Tempat: Negeri Kedah Darul Aman*, Petaling Jaya: Penerbit Prisma Sdn. Bhd, 1993.

Mohd Shariff Abu Samah, *Modenisasi Pentadbiran Negeri Kedah, 1895-1957*, Sintok: Universiti Utara Press, 2012.

Mohd Sukki Othman & Adi Yasran Abdul Aziz, “Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya”, dalam *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, Jilid 19, No. 1, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Press, 2012.

Mohd Supian Sabtu, *Tamadun Awal Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Muhammad Hassan To’ Kerani Mohd Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Penang: Jelutong Press, 1928.

Mustafa Tam, “A Note of Laws and Punishment in Bygone Kedah”, dalam *Kedah dari Segi Sejarah*, Jilid 4, Bil. 1, April 1970.

Nadaraja. K, *The Kuala Muda District: History of the Admininitrative Centres of Kota Kuala Muda & Sungai Petani, 1905-1957*, Sintok, Universiti Utara Malaysia, 2016.

Nathan, E. J., *The Cencus of British Malaya: The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected State of Johor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu and Brunei 1921*, London: Waterlow & Sons Limited, 1922.

Nicholas Tarling, “Malaya in British History”, dalam *MBRAS*, Jilid LXII, Bhg. 1, 1989.

Ooi Jin Bee, Bumi, *Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.

Ooi Keat Gin, *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2012.

Purcell, V., *The Chinese in Southeast Asia*, London: Oxford University Press, 1965.

Sands, W. N., “Bagaimana Padi Disimpan di Dalam Kedah”, dalam *Warta Perusahaan Tanah*, Jilid XI, No. 4, Mac 1934.

Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah, 1878-1923*, Kuala Lumpur: Printed for the Council of the M. B. R. A. S. by Art Printing Works Sdn. Bhd., 1984.

..... “Political Structure of the State of Kedah”, *Kedah dari Segi Sejarah*, Jilid 8, 1979, Bil. 1, hlm. 24-41.

..... “Kedah-Siam Relations, 1821-1905”, *JSS*, Jilid 59 (1), 1971.

Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Negara*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993.

Siti Hawa Salleh (editor), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1970.

Tan Ding Eing, *The Rice Industry in Malaya, 1920-1940*, Singapore: Malaya Publishing House Limited, 1963.

Thow Eng Kee, *Kedah Selepas Perang Kulim: Faktor British dan Siam dalam Kajian Perkembangan Sosio-Politik Kedah, 1888-1909*, Kangar: Nealdy Publisher & Distributor, 1995.

Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman*, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah, 1992

..... *Warisan Sejarah Darul Aman*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2003.

Winstedt, R. O., *Notes on the History of Kedah*, Singapore: Malayan Branch, Royal Asiatic Society, 1936.

..... “The Kedah Annals”, dalam *MBRAS*, Jilid XVI, Bhg. 2, Disember 1938.

..... “Notes on the History of Kedah”, *MBRAS*, Jilid 14, Bhg. 3, 1936.

..... “Kedah Laws”, dalam *JMBRAS*, Jilid VI, Bhg. II, Jun 1928.

Winstedt, R., *Malaya and Its History*, London: Hutchinson’s University, 1933.

Wong C. S., *A Gallery of Chinese Kapitans*, Singapura: Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan, 1963,

Wong, D., *HSBC: Its Malaysian Story*, Kuala Lumpur, Editions Didier Millet, 2004

Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry 1914: With Special Reference to the State of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang*, Tuscon: University of Arizona Press, 1965.

Wu Xiaoa An, *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941: Kedah and Penang*, London: Routledge Curzon, 2003.

Zawiyah Mat dan Mashitah Sulaiman, “Interaksi Budaya India & Cina ke atas Pengukuhan Bahasa dalam Tamadun Melayu”, dalam *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, Bil. 8, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.

Kertas Kerja Persidangan dan Seminar

Ahmad Jelani Halimi, “Perdagangan dan Pedagang Islam di Kedah Pada Abad Ke-17 & 18M - Satu Tinjauan”, *Konvensyen Sejarah Islam di Kedah Darul Aman*, 29- 30 September 1996, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.

Chin Yoon Fong, “Chinese Female Immigration to Malaya in the 19th and 20th Centuries”, *The Eighth Conference International Association of Historians of Asia*, Kuala Lumpur: Malaysia, 25th – 29th August 1980.

Jabil Mapjabil, Noriah Yusof & Ahmad Tharmizzie Jusof, “Tranformasi Pembangunan Ekonomi di Negeri Kedah: Perspektif Historikal”, *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V (PERKEM V)*, Port Dickson, Negeri Sembilan, 15-17 Oktober 2010.

Nabir Hj. Abdullah, “Petempatan Awal di Pulau Pinang: Petempatan dan Isu “Lord of the Soil” Sebelum dan Sewaktu Pendudukan Inggeris di Pulau Pinang”, *Majlis Polemik Sejarah Malaysia*, 12 Jun 2012, Auditorium P. Ramlee, Kompleks Pustaka Warisan Seni, Pulau Pinang.

Sharom Ahmat, “Kedah Sultanate in the Nineteenth Century: Some Economic Aspects”, *Workshop on Malay Sultanates*, 21st - 24th Feb 1977, Kuala Lumpur.

.....“Sejarah Negeri Kedah dalam Pensejarahan Malaysia: Sejarah Kedah 1842 Hingga 1923 Sebagai Contoh”, dalam *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, 28 November-1 November 1981.

Siti Hawa Haji Salleh, “Unsur-unsur Islam dalam Undang-undang Kedah”, dalam *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, 29-30 September 1996, Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.

Tan Hooi Hiam, “Sejarah Kedatangan Orang-orang Cina ke Kedah”, *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, 28 November-1 Disember 1981, Wisma Negeri, Alor Setar.

Wan Ab Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Perkembangan Undang-undang Islam di Kedah”, dalam *Seminar Kedah 100 Tahun*, 20-21 Ogos 2000.

Wu Xiao An, “A Prominent Penang Chinese Tow Kay from Kedah, 1857-1916: A Case Study of the Entrepreneur Choong Cheng Kean”, *The Penang History-International Conference 2002*, The City Bayview Penang, 18-21 April 2002.

Wan Shamsudin Mohd. Yusof, “Senario Institusi Kesultanan Kedah”, dalam *Seminar Kedah 100 Tahun*, Jilid 2, Sintok, Universiti Utara Malaysia, 2000.

Zaharah Mahmud, “The Development of Kedah to the End of the Nineteenth Century”, dalam *International Conference on Asian History*, 5-10th August 1968, Department of History, University of Malaya, Kuala Lumpur.

Tesis dan Disertasi

Fairisa Othman, ‘Sumbangan Orang Cina di Tanah Melayu Kepada Negara China: 1880-1941’, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2010.

Foziah Hat, ‘Kedah di Bawah Kepimpinan Sultan Ahmad Tajuddin II Mukarram Shah (1854-1879)’, Bangi: Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 1990/1991.

Haslindawati Saari, ‘Sejarah Perkembangan Pertanian Padi di Kota Setar, 1880-1940’, Latihan Ilmiah, Tanjung Malim: Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UPSI, 2006.

Ismail bin Md. Isa, ‘Sejarah Pekan Cina, 1821-1945: Asal Usul Penubuhan dan Perkembangan Hingga Zaman Pendudukan Jepun’, Latihan Ilmiah, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1988/1989.

Khadri Mohd Salleh, ‘Masalah Kongsi Gelap dan Pergaduhan Orang-orang Cina di Kulim, Kedah Pada Tahun 1888’, Latihan Ilmiah, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Kemanusiaan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1988/89.

Liew Yan Pei, ‘Penelitian Sumber-sumber China Mengenai Sejarah Kedah Awal Pada Abad Ke-2 M Hingga Abad Ke-7 M’, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2010/2011.

Lim Thean Bhoon, ‘Saudagar Cina Pulau Pinang di Kedah, 1890-1910’, Latihan Ilmiah, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1988.

Nurizwanfaizi Nordin, ‘Reaksi Masyarakat Melayu Terhadap Pentadbiran Tanah di Kedah, 1909-1941’, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2014.

Wu Xiao An, ‘Chinese Family Business Networks in the Making of a Malay State: Kedah and the Region, C. 1882-1941’, Tesis PhD, Faculty of Social and Behavioural Sciences, University of Amsterdam, 1999.

Zaharah Haji Mahmud, ‘Change in a Malay Sultanate: An Historical Geography of Kedah Before 1939’, Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1966.